

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 58 Isnin 30 November 2015

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 27)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2016

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.47 (Halaman 28)
Maksud B.48 (Halaman 65)
Maksud B.60 (Halaman 102)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 27)

Anggaran Pembangunan 2016

Jawatankuasa:-

Maksud P.47 (Halaman 28)
Maksud P.48 (Halaman 65)
Maksud P.60 (Halaman 102)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Isnin, 30 November 2015

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah mampang yang digubal oleh FRIM untuk mempertingkatkan pembangunan sektor hutan dan pemuliharaan sektor hutan bagi mengatasi isu penerokaan hutan yang meluas.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Tuan Yang di-Pertua saya hendak mulakan pagi ini dengan serangkap pantun,

*Sudah lama saya menunggu,
Baru sekarang saya mendapat,
Datuk Yang di-Pertua setia menunggu,
Soalan nombor satu pohon pencerahan pendapat.*

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Oleh sebab Yang Berhormat Jerantut ada pantun, terpaksa jawab. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

*Gunung Ledang sangatlah indah,
Tempat ramai orang berkelah,
Yang Berhormat Jerantut janganlah gundah,
Jawapan diberi tepat, insya-Allah.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat salah satu daripada komponen tugas NRE ataupun Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam mengurus sumber asli melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia adalah pengurusan perancangan, dan perlindungan hutan. Manakala tugas Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) lebih tertumpu kepada penyelidikan hutan bagi menyokong pengurusan hutan secara berkekalan ataupun SMM yang merangkumi dengan izin, *reforestation, restoration and conservation* hutan.

Antara usaha yang telah dijalankan atau dilaksanakan oleh kementerian melalui jabatan dan agensi tersebut ialah pertamanya program kerjasama strategik penghijauan semula kawasan

bekas cerobohan teroka di dalam dan luar hutan simpanan Malaysia bersama-sama dengan NGO dan juga syarikat-syarikat yang tertentu.

Kedua, program pemulihan kawasan hutan terosot, khusus untuk memastikan bahawa pemuliharaan kawasan hutan simpanan kekal yang terosot dan miskin di negeri Semenanjung Malaysia terpelihara dan pulih.

Ketiga, program penanaman pokok bakau dan spesis-spesis lain yang sesuai di persisiran pantai seperti program penanaman pokok bakau dan spesis-spesis yang sesuai di persisiran pantai negara sejak tahun 2005.

Keempat, penting juga projek *Central Forest Spine (CFS)* bertujuan untuk membentuk satu rangkaian hutan perlindungan yang bersambung melalui pembentukan koridor ekologi bagi kepentingan pemeliharaan kepelbagaiannya biologi, hidupan liar dan alam sekitar.

Kelima, program kesedaran berkaitan perhutanan. Program ini merupakan kempen kesedaran kepada semua rakyat Malaysia terutama sekali generasi muda di sekolah rendah, sekolah menengah mengenai kepentingan untuk memelihara dan memulihara khazanah hutan negara. Sebenarnya ada beberapa lagi program yang panjang, bolehlah kita berbincang di luar. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberi. Yang Berhormat Menteri keseimbangan biodiversiti sangat penting untuk kelestarian kehidupan kita. Kemujuan hutan tanpa kawalan akan mengundang pelbagai bencana seperti perubahan cuaca, banjir, tanah runtuh dan lain-lain.

Persoalan saya mudah sahaja. Apakah pengurusan hutan secara berkala atau *sustainable forest management* dalam negara ini serta bukti yang kita berjaya mengurus dengan baik dari segi penghargaan, pengiktirafan termasuk di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Sebenarnya kalau kita bercakap soal pengurusan hutan secara berkekalan ini ataupun *sustainable forest management* ini sangat luas dan kalau kita hendak semak pencapaian kita, ringkasnya secara beginilah ya. Setakat ini di Semenanjung Malaysia, oleh kerana kementerian kita, NRE ini, hanya mengurus di Semenanjung sahaja melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Saya boleh sebut iaitu setakat ini Sijil Pengurusan Hutan secara berkekalan di lapan unit pengurusan hutan di negeri Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu yang melibatkan sejumlah 4.85 juta hektar bertepatan dengan sijil *Malaysian Criteria and Indicators (MC&I)* dalam hutan asli.

Ini sebenarnya telah diiktiraf oleh *Dutch Minimum Standards* oleh pihak Netherlands sebagai standard pengurusan hutan yang baik. Kedua, ini juga bertepatan dengan izin, *International Tropical Timber Organization (ITTO) Criteria And Indicators* untuk pengurusan hutan berkekalan tadi di hutan tropika Malaysia.

Dengan sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, ini satu pencapaian yang agak *significant*, eksport ataupun produk kayu kita diterima oleh seluruh negara-negara di Eropah. Itu satu pencapaian yang sangat tinggi kerana mereka menilai bukan saja kualiti tetapi bagaimana kita

mengurus hutan secara berkekalan. Itu merupakan satu *indicator* penting kepada kejayaan kita dalam menguruskan hutan di Semenanjung Malaysia. Sekian, terima kasih.

■1010

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat manakah kita boleh mencapai standard antarabangsa seperti Belanda dan bilangan kakitangan yang diperlukan untuk kita melaksanakan standard ini?

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat Kepong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya sebut tadi, JPSM dengan disokong oleh FRIM tadi, menerima anugerah sijil pengurusan hutan mengikut standard MC&I ataupun *Malaysian Criteria and Indicators* ke atas hutan asli. Ini yang kita pegang, maknanya sijil kita peroleh daripada pengurusan tersebut menepati keperluan sijil. Sijil tadi ataupun pendekatan ke arah penerimaan sijil tadi menepati *Dutch Minimum Standards* oleh pihak Netherlands sebagai standard pengurusan hutan yang baik. Maknanya mereka mengiktiraf. Untuk makluman Yang Berhormat Kepong. Jadi kalau mereka iktiraf sijil itu maka kita telah pun menepati piawai yang digunakan oleh pihak Netherlands, pertama saya sebut tadi.

Kalau Yang Berhormat tanya tentang jumlah kakitangan atau pakar dan sebagainya, kita mempunyai pakar yang cukup. Saya pada peringkat awal tadi, selain daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) disokong oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Kedua-duanya saling menyokong, jadi tidak timbul soal jumlah petugas atau jumlah staf. Lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang, kita menggunakan kaedah teknologi internet dan sebagainya, kita sentiasa berhubungan dan memperoleh maklumat-maklumat mutakhir ataupun penemuan-penemuan terakhir di seluruh dunia untuk kita terima pakai atau untuk kita kongsi bersama dengan negara-negara lain seperti yang kita amalkan sekarang ini. Sekian, terima kasih.

2. **Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]** minta Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi menyatakan berapa ramaikah pekebun-pekebun kecil dan keluasan tanah yang ditanami getah di Kelantan. Apakah bentuk-bentuk bantuan yang diberi kepada pekebun-pekebun kecil ini dan nilainya.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pantun dua kerat. “Soalan nombor 2, dengar ya”.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada laporan RISDA, terdapat seramai 43,763 orang pekebun kecil yang berdaftar di Kelantan yang menjadikan sejumlah 15.4% daripada keseluruhan pekebun kecil negara. Jumlah keluasan tanaman getah yang diusahakan oleh pekebun kecil di negeri Kelantan adalah seluas 81,852 hektar.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan sentiasa amat prihatin terhadap sara hidup dan kesejahteraan pekebun kecil di seluruh negara termasuk di Kelantan. Bagi membantu

mereka, pihak kerajaan telah merangka jaringan keselamatan sosial atau dengan izin *social safety net* yang melibatkan pelaksanaan dua program.

Pertama, menyediakan skim bantuan khas sebanyak RM500 seorang secara *one-off* dengan izin, kepada para pekebun kecil di seluruh negara pada tahun 2013 dan 2014.

Kedua, melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG), dengan izin melalui bulan Januari 2015 dan dalam bajet tahun hadapan, pihak kerajaan telah menaikkan paras harga pengaktifan IPG daripada RM5.10 sekilogram kepada RM5.50 sekilogram ke bawah atau apabila purata bulanan harga *cup lump* mencecah RM2.20 sekilogram ke bawah, berbanding dengan RM2.00 sekarang bermula Januari 2016.

Selain dari itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga melalui Lembaga Getah Malaysia melaksanakan mekanisme penetapan harga di peringkat ladang dengan peruntukan sebanyak RM6.4 juta. Tujuannya adalah untuk mengurangkan lapisan pembeli dalam rantaian pemasaran getah. Dalam hal ini sehingga bulan September 2015, sebanyak 18 buah koperasi telah terlibat dalam urusan jual beli getah dan termasuk dua buah koperasi di negeri Kelantan yang telah pun memohon dan diluluskan untuk skim ini. Pihak LGM akan terus berusaha untuk mendapatkan lebih banyak koperasi tampil untuk pelaksanaan mekanisme ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping langkah-langkah tersebut, kerajaan juga melaksanakan program tanam baru getah dan tanam semula getah di bawah bidang ekonomi utama negara. Insentif sebanyak RM9,230 sehektar disediakan di Semenanjung Malaysia. Bantuan ini diberikan secara berperingkat dalam tempoh empat tahun setengah dan ia diberikan dalam bentuk benih, baja, racun rumpai dan lain-lain.

Di bawah program tersebut, dalam tempoh 2012 sehingga 2015, sejumlah RM11.8 juta telah disalurkan untuk program tanam baru getah di Kelantan. Manakala dalam tempoh yang sama, jumlah sebanyak RM48.8 juta telah disalurkan untuk program tanam semula getah. Selain daripada bantuan-bantuan tersebut, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui RISDA juga melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup pekebun kecil. Antaranya termasuk program tanam semula getah kepada tanaman lain dan skim insentif produktiviti getah (SIPG).

Selain daripada itu, pihak RISDA juga menyediakan program-program latihan dan tunjuk ajar untuk membolehkan pekebun kecil getah mengamalkan amalan agro yang memang baik dan memperoleh hasil yang memuaskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang agak komprehensif dan menyeluruh. Kita lihat di sana banyak bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada pekebun-pekebun kecil. Walau bagaimanapun, dengan kedudukan harga barang yang meningkat sekarang dan juga kehidupan yang dijangka ekonomi kita akan bertambah susah. Pekebun-pekebun kecil ini dijangka antara golongan yang akan ditimpa dengan musibah pada tahun yang akan datang.

Persoalan saya, adakah *one-off* akan diberikan lagi untuk tahun hadapan kepada mereka ini? Kalau ada, terima kasih dan saya minta kalau boleh difikirkan untuk diberikan sekali lagi *one-off*. Persoalan saya ialah kalau diberikan *one-off* sekali lagi, adakah ia hanya untuk pekebun, penoreh getah atau juga kepada tuan tanah getah itu. Ini kerana selalunya pekebun-pekebun kecil di Kelantan ini di pawah, di antara penoreh dengan tuan tanah.

Kedua, saya tertarik dengan rancangan tanaman semula. Saya hendak tahu, apakah selain daripada getah, kita tahu prospek mungkin getah ini tidak akan maju lagi. Adakah tanaman-tanaman yang sudah dikenal pasti untuk mengganti getah ini. Kalau tidak ada, saya mencadangkan kalau boleh di antaranya ialah kelapa dan koko. Adakah pihak kerajaan sudah memikirkan dan melaksanakan atau apakah tanaman yang sudah diusahakan untuk mengganti getah ini? Terima kasih.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Untuk soalan pertama, senang. Semua pekebun kecil memang terasa kesan kepada masalah ekonomi mutakhir ini termasuklah kenaikan harga barang dan sebagainya. Pihak kerajaan atas keprihatinan seperti yang saya nyatakan tadi Yang Berhormat telah dua kali memberikan *one-off*. Untuk masa akan datang, saya kira dari semasa ke semasa sekiranya memang sangat kritikal diperlukan dan dengan iringan keupayaan kewangan negara, saya yakin, sebagai kerajaan prihatin akan terus membuat penelitian, kajian dan sebagainya, sebab sudah dua kali.

■1020

Akan tetapi Yang Berhormat, selain daripada itu, saya kira IPG ataupun Institut Pengeluaran Getah yang telah kita muktamadkan dan telah kita mulakan pun dan telah kita bayar. Di Sabah sudah layak untuk menerima, di Sarawak juga dan di Semenanjung *insya-Allah* dengan situasi harga yang rendah untuk sebulan akhir ini, kita kira mungkin akan jatuh kepada paras pengaktifan harga yang mungkin akan dapat juga dinikmati oleh pekebun kecil kita di sebelah Semenanjung, termasuklah di Kelantan. Itu untuk soalan pertama.

Soalan kedua, tanaman integrasi. Tanaman integrasi untuk getah yang di bawah LGM ini kita memberi fokus kepada tanam semula atau tanam baru. Akan tetapi yang berminat untuk menukar kepada tanaman lain, ada juga Program Integrasi Tanaman yang kita serahkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kalau untuk tanaman-tanaman selingan di celah-celah pokok yang sesuai, kalau mungkin pokok lada ataupun *pepper* kalau sesuai ataupun mungkin pokok-pokok kontan yang rendah dengan jarak yang sesuai antara satu pokok itu pun tidak mustahil Yang Berhormat. Oleh sebab sekarang kita menggalakkan *diversification of crops*, untuk mempelbagaikan jenis tanaman di atas satu-satu tanah. Supaya apabila harga jatuh pada satu-satu komoditi seperti getah khususnya, maka pihak pekebun kecil tidak akan terasa terkesan teruk akibat harga tersebut, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sik.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Assalamualaikum dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, bukan hanya di Kelantan sahaja tetapi merangkumi satu Malaysia. Termasuk kawasan saya yang banyak penoreh getah. Soalan saya ini berkisar di sekitar lebih kurang sama dengan Yang Berhormat Pasir Putih tetapi ada benda yang penting. Kebanyakan insentif oleh kerajaan adalah bagi membantu pekebun kecil getah adalah berbentuk galakan atau bantuan bagi yang terjejas. Apakah bentuk insentif yang turut membantu golongan penoreh yang hanya semata-mata bergantung kepada pendapatan penoreh getah?

Mereka ini tidak mempunyai kebun getah kerana mereka tidak menerima peruntukan tersebut. Contohnya, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk memberi elaun sara hidup seperti yang diberi kepada nelayan akan diberi kepada penoreh-penoreh getah? Terutama kuli-kuli motong ini. Kenapa kepada nelayan kita boleh bagi elaun sara hidup tetapi kepada penoreh-penoreh getah ini kita mempunyai masalah untuk memberi elaun sara hidup? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Menteri.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Sik. Kedah juga antara kawasan yang mempunyai pekebun kecil getah yang tinggi selepas Sarawak, Kelantan dan Kedah. Sebenarnya untuk insentif ya Yang Berhormat Sik, selain daripada tanam semula, layak. Tanam baru juga insentifnya layak tetapi untuk IPG ataupun insentif pengeluaran hasil getah, untuk yang tidak mempunyai kebun pun layak Yang Berhormat. Asal sahaja dia penoreh dan dia mendaftar memperoleh kad PAT-G ataupun permit autoriti getah, itu yang membolehkan.

Kena daftar sebab sekarang ini masih ramai lagi yang tidak mendaftar sebenarnya untuk memperoleh kad PAT-G tersebut yang akan melayakkan mereka menuntut ataupun menerima insentif pengeluaran atau penghasilan getah yang saya sebutkan tadi yang tahun depan akan dinaikkan, yang rata-rata mungkin kalau harga terus di paras sekarang akan layak. Jadi, saya serulah kepada semua Ahli Parlimen yang mempunyai kawasan pekebun kecil getah yang agak ramai, tinjau dan masih lagi kita buka untuk pendaftaran percuma melalui LGM.

Untuk elaun sara hidup bulanan Yang Berhormat, kita semua kalau bolehlah selaku wakil rakyat yang prihatin, sayangkan rakyat, kerajaan pun memang kita hendak bantu semua. Kalau boleh semua pekebun kecil, semua nelayan, semua pesawah kita hendak beri yang serupa, sara hidup bulanan. Akan tetapi kita kena fikir juga lain-lain mekanisme, pendekatan seperti mungkin yang saya kata tadi *one-off* RM500 mungkin setahun sekali apabila sesuai, apabila hendak dekat perayaan misalnya ataupun- Bukan kita tidak bincang tetapi kita membuat pendekatan yang sedikit berbeza untuk setiap tanaman yang berbeza. *Insya-Allah* kalau kedudukan kewangan kerajaan semakin stabil, tidak mustahil kita akan bincang semula di peringkat Kabinet dan kita panggil kementerian, Tuan Yang di-Pertua.

4. **Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk menangani peningkatan bilangan pekerja asing kurang mahir yang telah menyebabkan aliran keluar tunai sebanyak RM28 bilion pada tahun 2014.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan selamat datang kepada rombongan daripada Majlis Perbandaran Kangar, Perlis. *[Tepuk]* Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan terus ini, saya ingin memberikan sedikit maklumat pada Dewan yang mulia ini. Kita mempunyai penduduk kurang lebih 30 juta orang, tenaga kerja di negara kita ialah lebih kurang 14.3 juta, yang bekerja ialah 13.8 juta lebih kurang. Pekerja kita 1.6 juta ialah pekerja sektor awam, lebih kurang 6 juta ialah pekerja sektor swasta. Pekerja asing Tuan Yang di-Pertua, ialah 2.139 juta. Itu yang *legal*, yang sah. Yang *illegal* ini saya tak hendak sebut sebab saya tak tahu statistik yang tepat, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Temerloh dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan mengenakan syarat ketat ke atas majikan yang ingin mengajikan pekerja asing dengan mewajibkan mereka mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam portal JobsMalaysia dan berusaha mendapatkan pekerja tempatan terlebih dahulu. Setelah terbukti tiada pekerja tempatan yang berminat, barulah Jabatan Tenaga Kerja mengeluarkan sijil perakuan pengesahan majikan (JCS).

Pendekatan ini adalah bagi memastikan keutamaan mengisi sesuatu kekosongan jawatan diberikan terlebih dahulu kepada rakyat tempatan. Ini bagi memastikan pekerja tempatan tidak dinafikan hak mereka untuk bekerja di dalam sektor-sektor yang dibenarkan untuk mengajikan pekerja asing. Sebaliknya, hanya jawatan yang tidak dapat diisi oleh pekerja tempatan sahaja dibenarkan untuk mengajikan pekerja asing. Selain itu, penggajian pekerja asing hanya terbuka kepada lima sektor formal iaitu sektor pertanian, sektor pembinaan, sektor perladangan, sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan ataupun subsektor tukang masak restoran, pekerja pembersihan, pencucian dan pekerja rumah peranginan termasuk juga hotel, spa dan refleksologi yang melibatkan jawatan pekerja am dan satu sektor informal iaitu perkhidmatan domestik yang kurang diminati oleh rakyat tempatan.

Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan, terutamanya melalui Kementerian Sumber Manusia untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dan menarik minat pekerja tempatan untuk memasuki pasaran kerja adalah seperti berikut:

- (i) Menggalakkan sektor-sektor yang berintensif buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan pergantungan ke atas pekerja asing. Di samping itu ia akan dapat memastikan pekerja asing tidak melebihi 15% daripada jumlah guna tenaga negara menjelang tahun 2020 seperti yang telah digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11;

- (ii) Mewajibkan majikan mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam portal JobsMalaysia untuk mendapatkan pekerja tempatan terlebih dahulu. Maknanya, wajib diiklankan untuk kita berikan kepada pekerja tempatan terlebih dahulu;
 - (iii) Mempromosi peluang pekerjaan dan memudah cara penempatan pekerjaan pencari kerja tempatan melalui program penempatan pekerja ataupun 3P yang dilaksanakan menerusi aktiviti temu duga terbuka semasa karnival-karnival pekerjaan oleh Jabatan Tenaga Kerja;
 - (iv) Melaksanakan Program *Train and Replace* iaitu melatih pekerja tempatan untuk menggantikan pekerja asing yang mahir;
- 1030
- (v) Mengkaji semula mekanisme levi yang sedang dilaksanakan pada masa ini supaya ia lebih berkesan untuk mengurangkan buruh asing tidak mahir;
 - (vi) Telah meletakkan *ratio* pekerja tempatan dan pekerja asing bagi menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan;
 - (vii) Kementerian Sumber Manusia sedang mengkaji satu definisi 3D ataupun *dirty, dangerous and difficult* yang dikenali sekarang yang dijadikan asas untuk menggaji pekerja asing berikutan pekerja tempatan yang dikatakan tidak berminat untuk memasuki pekerjaan bersifat 3D ini;
 - (viii) Bercadang melaksanakan Prinsip *Strict Liability* ke atas majikan bagi memastikan majikan yang menggaji pekerja asing mengambil tanggungjawab sepenuhnya ke atas pekerja asing tersebut dengan mematuhi peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa;
 - (ix) Meningkatkan aktiviti pemeriksaan berkanun terhadap majikan dan memastikan majikan mematuhi undang-undang dan kebijakan pekerja terus dipelihara;
 - (x) Penguatkuasaan berterusan terutama melalui kompaun dan pendakwaan terhadap majikan yang melakukan pelanggaran undang-undang;
 - (xi) Meningkatkan operasi penguatkuasaan secara bersepadu dengan agensi-agensi penguat kuasa kementerian-kementerian yang lain seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan sebagainya; dan
 - (xii) Menambah baik sistem pengurusan pekerja asing sedia ada bagi tujuan pemantauan penggajian pekerja asing di semua sektor melibatkan semua agensi kerajaan yang berkaitan agar pemantauan yang lebih berkesan dapat dijalankan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya berkait dengan isu yang saya bangkitkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil satu contoh. Kita dimaklumkan bahawa Malaysia memerlukan sekitar 37% tenaga mahir terutama dalam sektor *oil and gas* dan juga kimpalan serta elektronik. Maknanya saya kira untuk mengurangkan tahap kebergantungan kita kepada pekerja-pekerja luar, kita perlu mempersiapkan sekurang-kurangnya 60% tenaga mahir tempatan dalam semua sektor untuk mengurangkan tahap kebergantungan itu.

Justeru itu, saya mengharapkan supaya kerajaan dapat membentangkan pembentangan tambahan selain daripada jawapan yang telah diberikan tadi dengan jelas. Bagaimana kini kedudukan dan juga tahap kebergantungan negara kepada tenaga-tenaga luar ataupun pekerja-pekerja luar ini? Sebenarnya sejauh mana hak yang selayaknya negara kita bergantung dengan mereka? Oleh sebab saya tengok walaupun ada peranan yang telah dilakukan ataupun tindakan yang telah dilakukan termasuk mengenakan levi dan seumpamanya tetapi peningkatan itu makin bertambah dari tahun ke tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, panjang sangat.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Jadi berdasarkan kepada aliran wang tunai keluar tadi. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kalau boleh saya hendak tahu juga berapakah jumlah peratus yang ideal tenaga mahir untuk menampung keperluan negara bagi menghadapi 2020. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat daripada Temerloh yang cukup prihatin seperti mana saya juga. Tuan Yang di-Pertua, dulu Yang Berhormat ini lawan saya di Maran tetapi sekarang dia di Temerloh sebagai Ahli Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sekarang sudah berbaik-baik.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Ya, saya kena jaga dia baik-baik. Saya harap dia boleh tolong saya. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita amat prihatin dengan isu-isu yang dibangkitkan bukan sahaja oleh Ahli Parlimen bahkan masyarakat di luar tentang kebanjiran pekerja asing ini. Bahkan memanglah kalau saya hendak sebutkan tadi bawah sebanyak 2.139 juta pekerja asing di negara kita. Negara yang menyumbang ataupun negara sumber yang membekalkan pekerja asing ini ialah sebanyak 13 buah negara. Yang paling banyak ialah Bangladesh, Indonesia dan lain-lain Tuan Yang di-Pertua.

Kita sebenarnya sedang membuat kajian, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian kita sedang membuat kajian melalui bahagian dasar kita keperluan sebenar tenaga buruh yang kita perlukan. Oleh sebab itulah kita tidak mahu pekerja asing ini mengambil tempat-tempat yang sepatutnya diisi oleh pekerja tempatan. Kadang-kadang saya berasa dukacita, Tuan Yang di-Pertua. Sesetengah majikan menganggap persepsi bahawa mengambil pekerja asing kerana pekerja

tempatan tidak mahu bekerja. Ini satu *statement* yang saya kira cukup tidak baik sedangkan apa bukti yang mengatakan bahawa pekerja kita tidak mahu bekerja. Pekerja kita bukan orang yang malas. Orang yang rajin. Akan tetapi apakah usaha yang harus bersama dengan kerajaan bagi memastikan supaya pekerja tempatan ini diambil bekerja.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Temerloh, kerajaan menyasarkan pada tahun 2020, sejumlah 35% pekerja tempatan mestilah pekerja mahir untuk kita mencapai tahap negara maju. Ini adalah *target*. Oleh sebab itulah hari ini kita hanya ambil 26% atau 28% sahaja. Jadi peranan ini perlu dimainkan oleh kita semua dan amat perlu kita berikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia perlukan lebih kurang 30% pekerja dalam sektor *oil and gas*. Oleh sebab itulah melalui kementerian kita, kita menjalankan tidak silap saya 12 aktiviti yang usahanya atau matlamatnya untuk kita menarik pekerja-pekerja tempatan datang untuk mengisi jawatan-jawatan yang kosong ini.

Di bawah RMKe-11, kita meletakkan hanya 15% pekerja asing daripada keseluruhan guna tenaga. Maknanya 15% sahaja. Jadi kiralah Tuan Yang di-Pertua. Itu saya tidak kira lagi berapa sebenarnya pendatang asing tanpa izin yang menikmati berbagai-bagai kemudahan termasuklah subsidi-subsidi yang telah pun kita keluarkan. Kalau kita kira, Tuan Yang di-Pertua, amat merugikan kita. Jadi saya cukup berbangga. Dengan harapan ini, dengan hasrat bersama bukan sahaja oleh pihak kerajaan, pihak Barisan Nasional tetapi pembangkang juga mesti memberi sokongan kepada kerajaan bagi kita meningkatkan penglibatan pekerja tempatan dalam sektor-sektor pekerjaan di negara kita. Terima kasih.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk memberi soalan tambahan. Soalan tambahan saya kepada pihak Yang Berhormat Menteri ialah kita tahu apa Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi bukanlah sesuatu yang baru dari sudut perancangan-perancangan untuk mengurangkan tenaga kerja yang datang daripada buruh asing di dalam negara kita.

Persoalannya yang sudah kerap kali diulangi pertanyaannya ialah apakah tindakan pihak kementerian untuk memastikan anak-anak kita ini berminat mengisi peluang-peluang kekosongan pekerjaan yang sedia ada supaya tidak diisi oleh pekerja-pekerja asing. Ini kerana jika dari sudut pentadbiran, *plan, do, check, action* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita ini sepatutnya sudah sampai kepada tahap bagaimana kita hendak melaksanakan pengurangan itu. Tanda-tanda untuk mengurangkan tidak nampak. Jadi apakah perancangan daripada pihak kementerian terutama di industri perhotelan. Bagaimana kita memenuhi ruang kerja ini kepada anak-anak tempatan? Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Yang Berhormat Pasir Gudang memang seorang yang hebat dari segi *program human resource*. Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi cuma saya tidak dapat *detailkan* di sini. Kita ada berbagai-bagai program. Lebih kurang 12 program yang kita

susun termasuklah kita mengadakan *job fair* ataupun karnival kerjaya di seluruh negeri di mana kita memanggil majikan-majikan yang mempunyai jawatan kosong untuk diiklankan. Yang Berhormat Kuala Krau pun ada minta satu daripada kita dan juga kawasan-kawasan lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya. Mohon diluluskan.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: *Insya-Allah* kita akan beri sokongan. Ini semua adalah bertujuan untuk – kalau selama ini anak-anak kita datang ke majikan mencari kerja. Hari ini kita turun ke bawah. Kita turun ke kawasan-kawasan Parlimen, di negeri-negeri untuk kita menawarkan pekerjaan kepada pekerja-pekerja, anak-anak kita. Jadi kita harap anak-anak ini rebutlah peluang.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, bagi masyarakat luar bandar, ibu bapa, ubahlah persepsi kita. Selama ini persepsi kita mengatakan bahawa anak-anak yang mencapai kecemerlangan dalam akademik itulah anak-anak yang berjaya sebenarnya dalam hidup mereka. Sebenarnya hari ini tidak lagi. Oleh sebab itulah ramai kejayaan yang dimiliki oleh anak-anak muda kita adalah dalam bidang teknikal dan vokasional. Pekerja-pekerja di dasar laut yang kita anggap mungkin dahulu cukup berbahaya tetapi dengan adanya teknologi moden ini tidak berbahaya lagi dan mereka boleh menjana pendapatan berpuluhan-puluhan ribu lebih mahal daripada seorang Timbalan Menteri dan sebagainya.

■1040

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya hendak sebutkan lagi satu lagi, di negara kita ini, kita ada 160,511 orang *expatriate*, maknanya pekerja-pekerja luar yang dianggap mereka pakar bekerja di negara kita. RM5 ribu ke atas gajinya. Kenapa hal ini harus kita biarkan ruang ini diisi oleh orang-orang asing? Kenapa tidak kita berikan peluang kepada anak-anak kita? Sebab itulah saya tidak mahu penafian diberikan, diletakkan kepada anak-anak kita yang menyatakan bahawa mereka tidak hendak bekerja, sedangkan apakah langkah yang perlu kita ambil?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya kira dengan sokongan yang diberikan oleh Ahli-ahli Parlimen dan semua pihak, kita harap sasaran 35% pekerja mahir di negara kita tahun 2020 dapat kita capai dan kita dapat letakkan masyarakat negara kita di tahap negara maju berpendapatan tinggi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

5. **Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah kementerian bercadang untuk menawarkan atau menjual rumah-rumah di bawah skim PPR kepada penyewa.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pakai kuning hanya untuk Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari kawasan Sepanggar dan untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah pun mula melaksanakan pembinaan rumah kos rendah, dulu kita panggil rumah kos rendah Tuan Yang di-Pertua, tapi sekarang kita sudah tidak panggil rumah kos rendah lagi, kita panggil rumah mampu milik bagi mereka yang berpendapatan RM2,500 ke bawah di bawah Program Perumahan Rakyat yang telah pun kita wujudkan, bangunkan sejak dari tahun 1998 lagi untuk kita menyediakan kemudahan perumahan yang selesa dan berkualiti bagi mereka keluarga yang berpendapatan rendah dan juga penempatan semula setinggan di kawasan bandar.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga untuk makluman Yang Berhormat dari kawasan Sepanggar, terdapat dua kategori PPR yang dilaksanakan oleh kementerian Yang Berhormat, iaitu yang pertama ialah PPR yang disewa, kedua ialah PPR dimiliki dan bagi Projek PPR Disewa Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun menetapkan kadar sewa berjumlah RM124 sebulan yang perlu dibayar oleh penghuni dan hasil daripada kutipan sewa ini akan digunakan untuk kita menyelenggarakan bangunan yang berkenaan. Manakala PPR Dimiliki pula dijual pada kadar harga RM35 ribu dan bagi kawasan Semenanjung dan bagi kawasan Sabah dan Sarawak ialah RM42 ribu.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar kementerian untuk kita tidak menjual Yang Berhormat mana-mana rumah PPR di kawasan bandar dan ini adalah untuk kita pastikan Tuan Yang di-Pertua supaya bekalan dan juga inventori rumah PPR ataupun *council home* di kawasan bandar ini akan sentiasa ada bagi memenuhi keperluan golongan setinggan dan juga bagi memenuhi keperluan keluarga yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi unit-unit rumah yang akan dijual apabila keputusan sudah dibuat oleh kementerian dan diangkat kepada pihak Kabinet, maka kementerian akan melaksanakan satu skim untuk memberikan kemudahan kepada mereka yang tidak mampu untuk mendapatkan pinjaman iaitu pada tahun hadapan kementerian akan melaksanakan Skim Sewa Untuk Beli ataupun *rent to own* bagi membantu pembeli-pembeli rumah PPR yang menghadapi masalah mendapatkan pinjaman daripada pihak bank dan skim ini Tuan Yang di-Pertua, dijangka akan mula dilaksanakan bagi pembelian rumah-rumah pertama PPR pada tahun hadapan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, alangkah bahagianya dan berbesar hati kalau di Kuala Krau dapat projek PPR. Yang Berhormat Sepanggar.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri seperti mana yang diketahui umum bahawa Sepanggar adalah sebahagian daripada ibu negeri Sabah, Kota Kinabalu dan mendapat pembangunan yang begitu pesat, maka keperluan untuk perumahan itu begitu tinggi, setinggan begitu ramai di kawasan Kota Kinabalu, khususnya di Sepanggar. Kalau kerajaan tidak berhasrat untuk menjual rumah PPR yang ada sekarang, soalan saya adakah kementerian berhasrat untuk

membina rumah mampu milik di Sepanggar? Kalau ada bila dan berapa jumlahnya kerana pada masa ini terdapat lebih kurang 5 ribu setinggan yang memerlukan rumah dan beberapa buah kawasan setinggan yang perlu dirobohkan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, tapi kadang-kadang kita, pejabat saya terutama sekali mohon supaya ditangguhkan kerana kita tidak cukup rumah untuk memindahkan mereka. Termasuklah di sebelah rumah Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Mudah-mudahan Allah makbulkan hasrat dan harapan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari kawasan Sepanggar. Yang Berhormat bagi makluman Yang Berhormat, kerajaan di bawah kementerian sedang membina dua lagi projek PPR iaitu di kawasan Kota Warisan, Yang Berhormat. Sebanyak 485 unit dan sebuah lagi di Kiang Sun Besar sebanyak 1 ribu unit dan ia akan siap dibina Yang Berhormat pada Disember 2015.

Untuk makluman Yang Berhormat dari kawasan Sepanggar Tuan Yang di-Pertua, PPR seperti yang saya jelaskan tadi, kita sudah mula pada tahun 1998 dan kita sudah siapkan 20 projek dengan bilangan sebanyak 15,456 unit di negeri Sabah dan jumlah keseluruhan bagi negeri Sabah adalah sebanyak 36 projek iaitu 24,266 unit.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat kawasan Sepanggar, Yang Berhormat jangan bimbang kerana bagi pelaksanaan PPR ini, pihak kementerian akan mendapatkan data-data keperluan perumahan yang akan kita mohon, minta, dapatkan daripada kerajaan negeri dan dalam konteks kawasan Yang Berhormat, kita akan dapatkan daripada Kerajaan Negeri Sabah.

We will get all the information dengan izin daripada Kerajaan Negeri Sabah dan dengan data-data keperluan bagi pembinaan perumahan yang perlu dibina oleh Kementerian Tuan Yang di-Pertua dan apabila data keperluan perumahan itu dikumpulkan melalui kerajaan-kerajaan negeri, maka kementerian akan merancang keperluan dan keutamaan mengikut kepada kawasan-kawasan yang ada dalam sesuatu negeri bagi perancangan kepada keseluruhan negara. Jadi saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, untuk pelaksanaan bagi pembinaan projek PPR...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepanggar duduk Yang Berhormat Sepanggar.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: ...Pada tahun hadapan Yang Berhormat ya. Kementerian akan terus berbincang dengan kerajaan negeri dan kita sedang menyusun jumlah-jumlah projek PPR yang akan dilaksanakan termasuk di negeri Sabah. Terima kasih.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat ini bukannya dalam perbahasan ya, soal jawab lisan.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Saya ingin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, lepas ini jumpa Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Kuala Nerus, berapakah bilangan Projek PPR di Terengganu?

Dato' Dr. Mohd Khairudin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Boleh juga soalan itu. Cuma saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Menteri, terima kasih atas jawapan. Cuma persoalan awal yang dibangkitkan ialah tentang skim jual beli oleh penyewa. Bagaimanakah kerajaan membantu para penyewa ini untuk memiliki rumah tersebut? Antaranya isu yang banyak berbangkit ialah bayaran perkhidmatan untuk membeli, kemudian adakah seawaan mereka yang mungkin 3-4 tahun sebelumnya dijadikan sebahagian jualan ataupun macam mana? Hendak minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Yang Berhormat dari kawasan Kuala Nerus. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang belum lagi ada kemampuan untuk membeli mana-mana projek rumah mampu milik yang dibangunkan oleh kerajaan, sama ada yang dibangunkan oleh SPNB, PR1MA ataupun yang dibangunkan oleh kementerian saya di bawah projek PPR dan bagi mereka yang tidak ada kemampuan untuk membeli Yang Berhormat, maka mereka boleh mulakan dengan menyewa unit-unit PPR yang dibangunkan oleh kementerian.

Jadi maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi bukan semua PPR yang dibina oleh kementerian akan dijual kerana bukan semua mampu untuk membeli unit-unit PPR yang dibangunkan oleh kementerian ataupun oleh kerajaan pada waktu itu. Jadi pada waktu belum ada lagi kemampuan kewangan dalam masa mereka masih berusaha untuk menyediakan peruntukan kewangan bagi penabungan untuk membeli rumah pada masa yang akan datang, maka mereka bolehlah menyewa rumah-rumah PPR yang dibangunkan oleh pihak kementerian. Tapi Yang Berhormat, kita sewakan kepada mereka bagi mereka yang berpendapatan RM2,500 ke bawah ataupun bagi mereka yang datang daripada senarai setinggan-setinggan yang telah pun dikenal pasti oleh kerajaan negeri selepas berunding dengan pihak kementerian.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah pun menubuhkan penubuhan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara ataupun kita panggil 3PAN Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

■1050

Penubuhan 3 PAN ini Tuan Yang di-Pertua ialah untuk menguruskan perkara yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu untuk menguruskan apa-apa juga aspek pelaksanaan, pemantauan ke atas rumah-rumah PPR supaya dia lebih efisien lagi untuk menyelia, menyelenggarakan PPR dengan lebih sistematik lagi terutama kepada tanggungan-

tanggungan yang kita kenal pasti. Bukan semua yang kita sewa itu mereka akan membayar sewaan itu mengikut kadar bulanan yang perlu diberikan Yang Berhormat.

Ramai di antara penyewa rumah PPR ini, ramai di antara mereka ada yang masih lagi tidak menyelesaikan sewaan. Jadi, kerajaan amat memahami keperluan yang diperlukan bagi masyarakat yang berpendapatan rendah. Maka, kerana itulah PPR kita ini kita bina satu dimiliki, maknanya kita boleh jual pada kadar harga yang telah pun saya sebutkan tadi. Satu lagi kepada mereka yang tidak berkemampuan buat masa kini maka dikenakan kadar sewaan hanya sebanyak RM124 sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta Menteri Kesihatan menyatakan kenapakah sampai sekarang masih belum ada permulaan pembinaan tempat meletak kereta bertingkat di Hospital Umum Sarawak. Secara terperinci, nyatakan perancangan yang ada serta, jika ada, syarikat yang terlibat, nilai kontrak bersamaan dengan peranan mereka dalam projek tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Stampin. Soalan ini adalah berkenaan dengan spesifik tentang tempat letak kereta di Hospital Umum Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh Hospital Umum Sarawak seperti kekurangan bilik pembedahan atau pun *operation theater* dan tempat meletak kereta. Jadi, kerajaan sedang perancangan untuk membina *block day care*, blok patologi serta tempat letak kereta bertingkat di Hospital Umum Sarawak yang bakal dilaksanakan secara kerjasama awam swasta atau pun PPP.

Pembinaan *block day care center* ini akan melibatkan tambahan 7 buah dewan pembedahan, 4 buah bilik endoskopi serta kemudahan wad yang diperlukan untuk memberi rawatan harian atau pun *day care*. Blok patologi bakal menempatkan *facilities* untuk perkhidmatan diagnostik makmal yang komprehensif seperti makmal *bio chemical, metrology, psikopatologi, mikrobiologi* dan juga *facilities blood bank*.

Blok tempat letak kereta bertingkat pula akan memuatkan 1,750 *lot car park*. Ini juga melibatkan pembinaan kemudahan 'Medi Hotel' dengan kapasiti 160 bilik.

Projek pembinaan tempat letak kereta Hospital Umum Sarawak akan dijalankan secara *public private partnership* dengan anggaran kos RM351 juta. Ini termasuk dengan blok-blok yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua.

Setakat ini, dokumen teknikal dan lukisan telah dimuktamadkan dan draf perjanjian konsesi atau pun *concession agreement* telah dikemukakan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta atau (UKAS) kepada Jabatan Peguam Negara untuk semakan dan ulasan dan kontrak perjanjian dijangka akan ditandatangani pada bulan hadapan Tuan Yang di-Pertua. Projek dijadualkan akan bermula pada suku tahun kedua 2016, tahun depan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan tempat letak kereta SGH ini akan dijalankan secara *public private partnership* yang disebutkan oleh Yang Berhormat, maka bolehkah kementerian

mengesahkan bahawa pengguna akan membayai kos tersebut dengan pembayaran tiket meletak kereta. Jika betul dan sudah dalam fasa membuat perjanjian konsesi seperti yang disebutkan, maka soalan saya berapakah kos setiap tiket yang akan dikenakan serta berapa tahun bayaran tiket ini akan dikenakan oleh syarikat tersebut?

Adakah syarikat ini digunakan untuk membuat *extension* dalam perjanjian tersebut apabila sampai jangka masa yang ditetapkan dalam bayaran tiket dan adakah dan apakah jaminan yang ada dalam perjanjian tersebut dalam menjaga kepentingan Sarawakian serta negeri Sarawak yang tercinta terutamanya dalam tidak membuat *extension* dalam perjanjian yang sedia ada serta kenaikan kos tiket. Sila maklumkan dan terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, *concession agreement* yang akan dimeterikan adalah selama 20 tahun Tuan Yang di-Pertua. Ini termasuk juga semasa *construction*. Dijangkakan *construction* tiga tahun, bermakna dia ada lagi 17 tahun untuk mengutip hasil perjanjian itu. Kadar parkir ini adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh Bandar Raya Kuching. Maknanya kalau Bandar Raya Kuching bertambah kita akan bertambah yang sama. Maknanya tidak lari daripada bayaran asal. Mungkin sangat murah saya ingat. 60 sen satu jam begitulah. Terima kasih.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan pasal Sarawak, ini pasal hospital.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Soalan Hospital Sarawak. Sila.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terdapat juga kemudahan-kemudahan parkir di hospital-hospital di seluruh negara khususnya juga di Sarawak dan juga di Sabah sepatutnya digunakan oleh pelawat-pelawat dan juga keluarga-keluarga pesakit tetapi disalahgunakan ataupun digunakan untuk hal-hal lain, pergi *shopping* atau pun pergi ke pejabat-pejabat yang berhampiran dengan hospital-hospital. Jadi, apakah pihak kementerian sedar tentang perkara ini dan apakah langkah-langkah pihak kementerian khususnya perkara ini tidak berlaku dan merugikan khususnya pelawat-pelawat atau pengunjung-pengunjung ke hospital. Jadi, itulah soalan tambahan saya. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih, soalan ini *general*. Tidak apalah, saya jawab ya. Sebenarnya memang kita sedar perkara ini memang amat-amat serius di mana ada yang tidak ada kena mengena dengan hospital pun dia pergi *parking* di hospital yang percuma. Jadi dia pergi *shopping* dan sebagainya. Saya lihat banyak tempat begitu. Sebab itu hari ini timbul masalah besar. Masalahnya ialah kakitangan kita pun kalau ikut kadarnya kalau ada satu katil ada lebih kurang empat kakitangan kita. Maknanya kalau ada 1,000 katil ada 4,000 kakitangan kita. Maknanya kalau tiga syif maknanya lebih kurang 350 hingga 400 *parking* diperlukan kalau semuanya bawa kereta lah.

Selain daripada itu yang datang untuk melawat memang berat dan ditambah pula dengan mereka yang tidak ada kena mengena dengan hospital pun pergi *parking* juga kerana percuma. Sebab itu hari ini pihak kementerian sudah pun membuat keputusan untuk kita

memberi tender untuk kita uruskan buat sementara waktu. Kita punya *parking* di zon tengah dahulu, kita akan panggil tender untuk diuruskan dan kadar pun kita sudah tetapkan. Kadar untuk zon tengah ini kita tetapkan berapa dan maknanya penender kalau hendak libatkan diri dengan projek ini dia kena mengikut kadar yang telah ditetapkan. Maknanya akhirnya kita dapat mengelakkan daripada mereka yang tidak ada kena mengena dengan hospital untuk *parking* di hospital Tuan Yang di-Pertua. Ini sebab sementara lah.

Selain daripada itu, kita juga sedang berurusan untuk mendapatkan tender, mengeluarkan tender untuk wujudkan tempat letak kereta tambahan di tiap-tiap hospital Tuan Yang di-Pertua.

7. Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan bentuk kerjasama antara Malaysia dan Indonesia bagi meningkatkan hasil dan menstabilkan harga kelapa sawit untuk jangka panjang

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun, Tuan Yang di-Pertua. Bagi soalan 7 untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia dan Indonesia secara kolektifnya menyumbang hampir 85% pengeluaran minyak sawit dunia. Oleh yang demikian, kerjasama yang erat antara kedua-dua negara dalam menangani isu-isu komoditi khususnya sawit semenjak tahun 2006 telah bertujuan untuk memberi manfaat dari aspek menstabilkan harga minyak sawit dalam jangka panjang.

Di samping itu, langkah ini juga membolehkan para pengusaha tanaman sawit terutamanya pekebun kecil meraih faedah dari harga yang lebih stabil. Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua pada 21 November 2015, negara Malaysia dan Indonesia telah memeterai piagam penubuhan *Council of Palm Oil Producing Countries* dengan izin (CPOPC).

Tujuan penubuhan CPOPC ini adalah untuk memperkuuh dan meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang bagi mempromosi faedah dan kebaikan minyak sawit serta produk hilirannya dengan menjamin kemapanan industri sawit. Keahlian dalam CPOPC akan dibuka kepada negara-negara pengeluar sawit yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan CPOPC juga akan membolehkan pelaksanaan langkah-langkah bersepadu di kalangan negara-negara pengeluar minyak sawit. Ini adalah dalam jangka panjang akan membolehkan pengukuhan kerjasama di kalangan para pengeluar minyak sawit dari aspek-aspek kerja sama penyelidikan promosi, imej positif minyak sawit dan juga kemapanan industri sawit. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

■1100

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih. Kita ucapkan tahniah di atas penubuhan CPOPC ini yang dipopularkan, dimulakan oleh Malaysia dan juga Indonesia. Jadi soalan saya adalah, sejauh manakah perancangan bagi memuktamadkan serta memperincikan tugas-tugas di dalam kumpulan teknikal Zon Ekonomi Hijau ataupun *Green Economic Zone* serta juga kerja-kerja teknikal bagi *harmonization*, dengan izin piawaian ataupun standard komposisi

wakil Malaysia yang akan menduduki dalam kumpulan kerja ini serta apakah sasaran Kementerian hasil daripada wujudnya CPOPC ini bermula dari tahun 2016 seterusnya.

Sedikit keluar daripada tajuk asal Tuan Yang di-Pertua, kita juga sedar bahawa di Europe, di Eropah ini Malaysia sedang diasak oleh pelbagai pihak dari segi memberi maklumat negatif kepada keburukan minyak sawit dan sebagainya. Apakah kempen yang telah pun dibuat mengenai maklumat dan juga pendidikan oleh MPOC di Perancis dan juga Belgium baru-baru ini dan bagaimanakah susulannya. Terima kasih.

Dato' Noriah binti Kasnon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerlun yang begitu mengambil berat walaupun CPOPC satu pengumuman hasil daripada penandatanganan satu *charter* ataupun piagam yang baru pada negara pengasas Indonesia dan Malaysia. Sebagaimana kita maklum ia baru dimeterai pada 21 November yang lalu disaksikan oleh kedua pemimpin negara dan di bawah piagam ini memang telah dibentuk 3 ya, 3 jawatankuasa besar induk yang terlibat di bawah penubuhan ini.

Satu yang disebutkan tadi, *Green Economic Zone*, dengan izin yang sekarang sudah ditentukan sudah dinamakan bagi pihak Malaysia penubuhannya adalah diketuai oleh CEO kepada MPOA ataupun *Malaysian Palm Oil Association*, dengan izin dan juga untuk Indonesia oleh Gabungan Pengusaha Minyak Sawit Indonesia (GAPKI). Satu lagi tadi tentang Jawatankuasa Pengharmonisasian Piawaian, dengan izin *Harmonization of Standard*.

Ini juga telah dibentuk di peringkat jawatankuasa kerjanya di mana untuk Malaysia diketuai oleh CEO MPOCC ataupun *Malaysian Palm Oil Certification Council*, dengan izin dan di Indonesia diterajui oleh pihak Direktor Pemasaran Internasional Kementerian Pertanian Indonesia. Dia ada satu lagi jawatankuasa *working group*, dengan izin. Di antara pegawai-pegawai kanan kementerian yang terlibat iaitu melibatkan Kementerian Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi dan satu lagi oleh pihak *Minister of Maritime Office*, Indonesia, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Soalan nombor dua tadi, sasaran di bawah MPOC ini, CPOPC ini, dengan izin untuk peningkatan industri sawit untuk tahun hadapan. Untuk tahun hadapan, kita membuat sasaran nilai eksport sawit pada tahun 2014 sebanyak RM61.1 bilion dan kita jangka akan menganggarkan sumbangan peningkatan eksport sawit kepada paras RM62 bilion. Walaupun tidak banyak perbezaan tetapi ada peningkatan memandangkan pertumbuhan ekonomi yang masih agak lembap.

Namun saya yakin penubuhan piagam CPOPC ini boleh *insya-Allah* akan memberi satu rangkaian kerja untuk memperkuuh dan memberi kesan kepada kemampunan industri sawit itu sendiri. Untuk soalan yang kedua, walaupun agak lari daripada kerjasama Indonesia dan Malaysia tetapi pihak MPIC melalui MPOB melalui MPOC sentiasa membuat secara berkala kerjasama teknikal, lawatan, pameran dan sebagainya bagi sentiasa memberikan panduan, memberikan fakta hujah yang tepat melalui hasil kajian kita terutamanya kepada penggunaan anti-sawit ataupun *low labelling sawit* yang telah diuar-uarkan khasnya di Perancis misalnya di Eropah dan sebagainya.

Akan tetapi susulan-susulan tindakan mesin teknikal, promosi, pameran, kesedaran *insya-Allah* keadaan semakin bertambah baik dan spesifik Yang Berhormat Jerlun tadi spesifik menyentuh tentang kempen yang diadakan di Belgium dan Perancis. *Alhamdulillah*, baru-baru ini kita telah memberikan informasi seperti mana lazim yang kita buat memberikan fakta yang lebih tepat mengenai industri sawit Malaysia dan mereka juga kita jemput sendiri datang ke negara Malaysia dan juga membuat akses kepada laman web melalui *malaysianpalmoil.info*.

Daripada kuiz-kuiz yang kita berikan melalui portal tersebut, antara tujuannya adalah untuk menilai kefahaman dan juga membantu untuk memperbetulkan persepsi negatif daripada kalangan negara pengguna khasnya, *alhamdulillah* ianya dapat memberikan satu kesan yang sangat positif, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, suatu ketika dahulu kita negara Malaysia sangat aktif di dalam mencari jalan agar kita dapat menjana *fuel oil*, dengan izin daripada minyak kelapa sawit. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada dalam *charter CPOPC*, adakah ini menjadi terma rujukan agar kalau kita dapat kita menjanakan minyak petrol daripada minyak kelapa sawit, saya rasa bukan sahaja kita dapat membantu penanam-penanam tetapi kita juga dapat menyediakan satu dengan izin, *sustainable production of oil*. Terima kasih.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Satu soalan yang juga relevan di bawah piagam CPOPC ini kerana antara lain adalah memberi fokus kepada kemampanan industri sawit itu sendiri. Jadi tidak lari daripada penggunaan minyak sawit sebagai biodiesel sebagaimana yang dinyatakan. Walaupun ini masih di peringkat awal lagi, kita baru bentuk dan *insya-Allah* selepas ini akan diikuti dengan mesyuarat-mesyuarat oleh pegawai-pegawai kanan dan juga penubuhan sekretariat yang dimaktubkan di bawah artikel-artikel piagam ini.

Akan tetapi suka juga saya nyatakan di sini bahawa selain daripada kita akan berikan fokus ataupun menyentuh penggunaan biodiesel ini di bawah piagam ini, secara sendiri, negara Malaysia juga sudah pergi kepada penggunaan mandatori B7 yang mana dapat meningkatkan penggunaan minyak sawit untuk kegunaan tempatan dan dapat mengurangkan stok. B7 menggunakan sebanyak 575,000 tan setahun.

Jadi itu secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan ataupun menstabilkan penggunaan sawit dan secara tidak langsung akan mengurangkan stok dan memberi harga yang lebih baik pada masa yang akan datang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

8. Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapa banyak keuntungan terkumpul pemegang konsesi Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) sehingga tahun 2014 dan apakah kerajaan ada rancangan hendak melanjutkan konsesi tersebut, apa rasionalnya dan berapa lama lagi konsesi itu hendak dilanjutkan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:
Bismillahi Rahmani Rahim. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang

Berhormat Batu Pahat di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, Lebuhraya Utara-Selatan ataupun PLUS telah mula dibina pada tahun 1989 dan siap pada tahun 1994 dengan kos sebanyak RM5.9 bilion. Kos projek ini ditanggung sepenuhnya oleh syarikat konsesi PLUS kecuali kos pengambilan tanah yang ditanggung oleh kerajaan.

■1110

Berdasarkan perjanjian konsesi tambahan terkini iaitu pada tahun 2011, tempoh konsesi Lebuhraya PLUS akan tamat pada 31 Disember 2038. Setakat ini kerajaan tidak ada perancangan untuk melanjutkan lagi tempoh konsesi tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2014 sahaja, jumlah hasil kutipan tol Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) ialah sebanyak RM2.61 bilion iaitu melibatkan jumlah bilangan trafik tahunan sebanyak 506 juta buah kenderaan. Walaupun pendapatan bagi kutipan tol PLUS setiap tahun adalah tinggi, namun perbelanjaan untuk menguruskan lebuh raya itu juga tinggi. Dengan setiap ringgit tol yang dikutip, pemegang konsesi perlu membelanjakan sejumlah besar wang untuk membayar balik faedah pinjaman, menaik taraf dan memperbaiki lebuh raya yang sedia ada seperti membina persimpangan bertonkat yang baru atau menambah bilangan lorong apabila lebuh raya mencapai had kapasiti trafik yang ditetapkan.

Sebahagian besar hasil daripada caj perkhidmatan tol ini akan digunakan oleh syarikat konsesi untuk membayar balik pinjaman serta faedah yang tinggi. Dianggarkan secara purata, 50 peratus daripada pendapatan tol PLUS digunakan untuk tujuan bayaran balik pinjaman, 20 peratus untuk operasi dan penyelenggaraan, 15 hingga 20 peratus untuk kos menaik taraf dan membaik pulih, dan 10 peratus sahaja merupakan pulangan kepada pemegang saham.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keuntungan selepas cukai PLUS Expressway Berhad bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 ialah sebanyak RM8.4 juta iaitu mengambil kira PLUS Expressway Berhad sebagai entiti korporat tunggal yang mengendalikan lapan buah lebuh raya selepas penstrukturran semula PLUS mulai bulan November 2011.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohd. Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya beberapa soalan tetapi saya ingin meletakkannya dalam perspektif waktu dahulu tentang isu tol ini yang saya fikir sangat rapat dengan kehidupan dan juga penderitaan rakyat.

Dalam masa pengenalan projek penswastaan atau program penswastaan tahun 1980-an dulu, jaminan kerajaan ataupun rasional penswastaan itu ialah ia mengurangkan beban kerajaan dan daripada perspektif rakyat, ia mensejahterakan rakyat. Kini kita lihat ia tidak mengurangkan beban kerajaan oleh kerana perjanjian yang berat sebelah dan juga *compensation* yang terpaksa dibayar oleh kerajaan kepada pemegang konsesi.

Apa yang kita nak tanyakan Tuan Yang di-Pertua ialah apa susah sangat untuk kita nak review perjanjian yang berat sebelah dan apakah tindakan kerajaan untuk melihat perjanjian-perjanjian yang berat sebelah ini direview dengan baik supaya akhirnya tujuan asal penswastaan

iaitu untuk meringankan beban kerajaan dan untuk memberikan kemudahan kepada rakyat itu dapat dicapai dengan tepat. Kita lihat sekarang jalan raya ini bukan sahaja membebankan kerajaan tetapi juga membebangkan rakyat dari segi kos bayaran yang kena bayar yang sentiasa bertambah. Selepas itu, kita tengok pula seperti yang disebut oleh rakan-rakan sebelum ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Pahat, ini bukan perbahasan.

Datuk Mohd. Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Saya hendak soalan dalam perspektif Tuan Yang di-Pertua, supaya jawapannya tepat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Soalan ringkas dan padat.

Datuk Mohd. Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Ya, saya ringkaskan, *insya-Allah*. Supaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Saya nak rumuskan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Timbalan Menteri dah faham ini.

Datuk Mohd. Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Saya nak sebutkan tadi supaya rakyat bukan sahaja mendapat faedah tetapi tidak dibebankan pula. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat sekalian, sila baca peraturan mesyuarat ya, Yang Berhormat. Macam mana nak tanya soalan, macam mana soalan hendak dikemukakan, berapa soalan yang boleh dibenarkan, tidak boleh menjadikan helah untuk berucap, berbahas untuk bertanya soalan. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Batu Pahat atas soalan yang dikemukakan.

Saya ingin menjawab Yang Berhormat dengan menyatakan bahawa kerajaan sesungguhnya amat prihatin dengan keresahan rakyat. Malah, dari segi isu kadar tol yang dikatakan membebangkan rakyat ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sebenarnya telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meringankan beban rakyat.

Antara inisiatif yang dilaksanakan, Yang Berhormat Batu Pahat dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati, termasuklah penyelarasan kadar tol yang hanya dilaksanakan selepas lapan tahun ia ditangguhkan. Di samping itu, kerajaan juga telah melaksanakan penutupan awal plaza tol dan pemansuhan kutipan tol yang melibatkan lapan buah plaza tol. Di samping itu, kerajaan juga mengurangkan kadar tol termasuk di Plaza Tol PJS 2 Lebuhraya NPE, Plaza Tol Sungai Nyior Lebuhraya BORR dan juga Lebuhraya Shah Alam atau KESAS.

Di samping itu, sebenarnya penstrukturran semula kadar tol yang menghasilkan kadar tol yang rendah berbanding dengan kadar tol perjanjian konsesi asal di lebuh-lebuh raya di bawah kendalian PLUS dan juga MTD. Di samping itu Yang Berhormat, antara tindakan lain yang dilaksanakan oleh kerajaan termasuklah tiada kenaikan kadar tol di Jambatan Pulau Pinang

sehingga akhir konsesi pada tahun 2038. Ini saya kongsikan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan demi untuk rakyat.

Di samping itu, syarikat-syarikat konsesi juga digalakkan untuk mengadakan program-program CSR. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa PLUS sendiri telah membelanjakan hampir RM20 juta setiap tahun untuk program rebat PLUSMiles mereka di mana bagi pengguna yang membayar tol elektronik RM100 setiap bulan layak mendapat rebat sekurang-kurangnya lima peratus. Di samping itu Yang Berhormat, di musim-musim perayaan juga, syarikat-syarikat konsesi digalakkan untuk mengadakan program CSR masing-masing.

Di samping itu Yang Berhormat, di samping kita melihat secara umum mengenai PLUS ataupun syarikat lebuh raya termasuk PLUS, saya ingin kongsikan di Dewan yang mulia ini bahwasanya kewujudan Lebuhraya Utara Selatan sendiri telah merangsang pertumbuhan ekonomi negara menerusi rangkaian lebuh raya bertaraf antarabangsa. Ekonomi di negeri-negeri yang direntasi oleh Lebuhraya PLUS bertambah lima peratus setiap tahun.

Di samping itu, Lebuhraya Utara-Selatan telah menghasilkan lebih 5,500 peluang pekerjaan dan 800 peluang perniagaan menerusi R&R dan hampir 5,000 peluang pekerjaan untuk pengurusan dan operasi lebuh raya dan lebih 30 buah kawasan penempatan dan bandar baru wujud berhampiran jajaran Lebuhraya PLUS sejak ia dibina pada tahun 1988 sehingga 2014. Sebanyak 20 buah kawasan perindustrian baru dibina berhampiran dengan jajaran PLUS itu sendiri. Antara juga kebaikan lebuh raya yang dilaksanakan ini, ia mengurangkan tempoh perjalanan kita sebanyak 50 peratus di samping membantu dari segi pelancongan dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya. Saya difahamkan sepatutnya konsesi PLUS ini habis pada tahun 2018 tetapi disebabkan ia tidak diizinkan kenaikannya sebanyak tiga kali mulai tahun 2005, maka kerajaan telah membuat keputusan untuk menambah 20 tahun sehingga tahun 2038.

Soalan saya, sepanjang sehingga tahun 2038 ini, adakah ia tidak ada kenaikan disebabkan ia dipanjangkan? Sekiranya ada dalam tempoh 20 tahun ini, berapa kali kenaikan lagi yang diizinkan? Sekiranya diizinkan beberapa kali ini, berapa peratuskah yang diizinkan kenaikan dan bolehkah kerajaan memberitahu tarikh tempoh-tempoh kenaikan itu supaya kita boleh bersedia daripada sekarang? Kita harap Tuan Yang di-Pertua, supaya ia tidak dinaikkan setelah dipanjangkan tetapi sekiranya dinaikkan, beri tempoh berapa kali dan peratusan kenaikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Timbalan Menteri. Ada fakta?

■1120

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri. Ada fakta Yang Berhormat Menteri?

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: *Insya-Allah, saya akan berkongsi.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Fakta yang dimaklumkan dan sekiranya tidak dijawab, saya mohon Yang Berhormat untuk menulis semula kepada Yang Berhormat Setiawangsa.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sebenarnya tempoh konsesi PLUS ini merupakan lanjutan daripada beberapa penstrukturran semula PLUS dan tempoh ini kemudian pada awalnya asal adalah 1988 hingga 2018. Tempoh ini kemudiannya dipanjangkan kepada 2030 melalui perjanjian konsesi tambahan pada tahun 1999 bagi tujuan pampasan ke atas keputusan kerajaan untuk tidak menaikkan kadar tol seperti mana yang diperuntukkan dalam perjanjian konsesi Yang Berhormat.

Seterusnya tempoh ini kemudiannya dipanjangkan lagi kepada 2038 melalui perjanjian konsesi tambahan ketiga yang ditandatangani pada tahun 2005. Jika Yang Berhormat maklum, dari tahun 2005 hingga ke tahun 2014, tidak ada kenaikan tol sepanjang tempoh lapan tahun.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, pada tahun 2011, PLUS telah melaksanakan penstrukturran semula di mana PLUS terpaksa membuat pinjaman sejumlah RM30.6 bilion melalui penerbitan bon dan bayaran balik faedah pinjaman telah mula pada tahun 2012 manakala bayaran pokok hanya akan bermula dari tahun 2017 Yang Berhormat sehingga tahun 2038. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, syarikat PLUS juga merupakan pemegang konsesi kepada enam buah lebuhraya dan secara puratanya seperti yang saya jawab pada jawapan asal saya, 50% daripada hasil keuntungan Yang Berhormat digunakan untuk membayar balik pinjaman.

Di antara 20% hingga 25% digunakan untuk membiayai kos operasi dan penyelenggaraan termasuklah lebih kurang 25% hingga 40% jajaran yang tidak di tol Yang Berhormat, yang terpaksa *dimaintain* atau diselenggarakan. Operasinya masih berjalan dan ini perlu dilakukan walaupun jajaran ini di antara 25% hingga 40% ini tidak ditolkan Yang Berhormat.

Selain daripada itu, kerja-kerja menaik taraf juga dilaksanakan termasuklah di pembinaan persimpangan bertingkat di beberapa kawasan Yang Berhormat ya iaitu di antara 15% hingga 20% daripada jumlah hasil kutipan tol itu dan hanya baki sebanyak 10% tersebut berbalik kepada pemegang saham yang terdiri daripada pihak KWSP sebanyak 49% dan Khazanah 51%.

Untuk menjawab juga kepada persoalan Yang Berhormat, saya ingin maklumkan, perjanjian konsesi PLUS yang seperti saya sebutkan awal tadi pernah mengalami penstrukturran semula kadar tol Yang Berhormat sebanyak empat kali iaitu pada tahun 1999, 2002, 2005 dan 2011 Yang Berhormat di mana kadar tol telah mengalami beberapa perubahan daripada penggunaan *Consumer Price Index (CPI)* 26% setiap lima tahun pada tahun 1999 dan kepada 10% pada setiap tiga tahun pada tahun 2005 dan akhir sekali pada tahun 2011 di mana kenaikan kadar tol diselaraskan kepada 5% setiap tiga tahun.

Untuk menambah kepada jawapan tersebut, kadar tol PLUS tidak dinaikkan sejak tahun 2005 Tuan Yang di-Pertua. Dalam penstruktur semula kadar tol tahun 2011 pula, tiada kenaikan tol sehingga tahun 2015 dan manifesto PRU Ke-13 Barisan Nasional menetapkan pengurangan kadar tol secara berperingkat lebuh raya antara bandar. Ini yang sering kita mengalami kadang-kadang dimanipulasikan fakta ini. Akan tetapi ini adalah hakikatnya dan selain daripada itu, kerajaan akan sentiasa berunding dengan syarikat konsesi bagi bukan sahaja memenuhi obligasi kita tetapi juga memastikan di antara langkah-langkah yang diambil ini akan membawa sudah tentu manfaatnya kepada rakyat secara keseluruhan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya jemput Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, tak jelas itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah panjang dah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jawapan memang panjang tetapi tak jelas.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Jawapan dia agak spesifik.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Panjang tetapi tidak jelas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Parit.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh jawab soalan jawapan bertulis kalau tidak...

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Makan semangka sampai mengkelan, soalan Parit nombor sembilan.

9. Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha dan tindakan kementerian bagi memulihkan imej perkhidmatan teksi Malaysia yang telah disenaraikan antara 10 yang terburuk di dunia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang bertanyakan soalan. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Parit pada hari ini, saya pasti beliau telah merujuk kepada suatu laporan dari laman web *LondonCabs.co.uk* pada tahun 2012.

Sebelum saya menjawab secara lanjut, ingin saya ingatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat dan seluruh rakyat Malaysia bahawa tidak semua pemandu teksi mempunyai sikap negatif seperti yang sering dikatakan. Janganlah kerana nila setitik kerana segelintir daripada mereka yang tidak amanah, semua pemandu teksi diberi tanggapan yang tidak baik.

Adalah lumrah kita manusia untuk tidak memuji apabila menerima perkhidmatan yang baik tetapi dengan pantas menguar-uarkan perkara yang kurang enak didengar.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, tidak ramai di antara kita yang memuji pemandu teksi seperti Encik Hanizan Mohd. Radzi yang menjumpai seorang kanak-kanak yang diculik dan seterusnya mengembalikan anak tersebut kepada ibu bapanya dan tidak ramai juga yang bercerita tentang kejujuran Encik Tamil Nesan Shanmugam dan Encik Abdul Wahid Tahir yang telah memulangkan barang penumpang yang tertinggal di dalam teksi mereka.

Oleh yang demikian, adalah tidak adil semua pemandu teksi dipersalahkan kerana sikap buruk segelintir rakan-rakan mereka.

Untuk makluman, laporan laman web *LondonCabs.co.uk* itu ditulis pada tahun 2012. Jika kita imbas kembali, ia menyentuh kepada tiga perkara iaitu:

- (i) Tidak menggunakan meter atau mengenakan bayaran yang lebih atau dengan izin *over charging*;
- (ii) Menggunakan jalan yang lebih jauh atau dengan izin *detouring*; dan
- (iii) Kenderaan yang tidak selesa.

Ketiga-tiga perkara berkenaan adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor penyebab. Oleh yang demikian, kita perlu akui bahawa sebarang usaha untuk menambah baik mutu perkhidmatan teksi memerlukan peranan untuk dimainkan oleh semua pihak iaitu kerajaan, pemandu teksi sendiri dan juga pengguna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sedang melaksanakan beberapa inisiatif transformasi industri teksi yang bertujuan untuk menambah baik dan meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai. Pemangkin kepada transformasi ini adalah pengenalan Teksi 1Malaysia (TEKS1M) sebagai pemangkin pelan migrasi teksi bagi menggantikan teksi sedia ada.

Untuk mengatasi kesalahan tidak menggunakan meter pula, SPAD akan sentiasa memantau operasi teksi dengan melaksanakan aktiviti penguatkuasaan bagi memastikan segala syarat dan peraturan yang telah ditetapkan dipatuhi semua pihak yang terlibat. Selain itu juga, antara inisiatif untuk memastikan keselamatan penumpang ialah melalui aplikasi mudah alih iaitu *meter on*. Aplikasi ini membolehkan penumpang untuk membuat pengesahan pemandu, menjelaki perjalanan, mendapatkan anggaran tambang bagi satu perjalanan dan menghantar isyarat SOS sekiranya berlaku kecemasan di dalam perjalanan.

Dalam pada masa yang sama, adalah menjadi tanggungjawab kepada pemandu menjadi pemandu yang berhemah dan amanah. Tiada alasan untuk mereka tidak beretika ketika bekerja seperti tidak menggunakan meter atau mengenakan bayaran yang lebih daripada apa yang telah ditetapkan.

■1130

Berhubung dengan dakwaan menggunakan jalan yang lebih jauh atau, dengan izin, *detouring*, ia adalah subjektif. Sebagai contoh, laluan yang paling dekat tidak semestinya adalah laluan yang terbaik kerana ada kalanya menggunakan laluan yang agak jauh sedikit akan mengambil masa yang lebih singkat. Dalam hal ini ia adalah tertakluk kepada persetujuan antara

pemandu teksi dan penumpang untuk memutuskan laluan yang terbaik dan perkara yang diambil kira ialah kadang-kadang *traffic jam*, dengan izin.

Selain itu juga, penumpang juga boleh memainkan peranan dalam bersama-sama meningkatkan mutu perkhidmatan teksi dengan memberikan kerjasama seperti melaporkan sebarang pelanggaran peraturan kepada Unit Aduan SPAD. Penumpang juga disarankan agar tidak berunding untuk tidak menggunakan meter walaupun bagi perjalanan yang kerap digunakan serta mendesak untuk diturunkan di tempat-tempat yang tidak dibenarkan.

Pada masa yang sama, penumpang juga perlulah memilih pengendali teksi yang mempunyai permit yang sah. Oleh itu, marilah kita sama-sama memainkan peranan masing-masing dalam usaha memulihkan imej serta menambah baik mutu perkhidmatan teksi, di negara kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini telah diadakan demonstrasi oleh Persatuan Pemandu Teksi di hadapan bangunan Parlimen. Berhubung ketidakpuasan hati mereka terhadap ancaman kereta sewa UBER dan GrabCar yang menjelaskan mata pencarian pemandu teksi yang sah. Soalan saya, apakah halangan yang besar sehingga SPAD dan SKMM gagal untuk bekerjasama mengekang operasi teksi haram ini? mengapa tindakan tidak boleh diambil untuk menghentikan sahaja operasi telefon pintar yang digunakan oleh pemandu haram itu? Minta penjelasan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, seperti mana yang kita tahu bidang kuasa SPAD adalah untuk mengeluarkan permit teksi. Apps bukanlah di bawah kawalan SPAD atau bidang kuasa SPAD. Namun begitu, kita tidak menidakkan apa yang perlu kita lakukan sebagai *way forward*, dengan izin. Jadi, sebab itu kita akan mengadakan satu *lab* pada 3hb ini untuk melibatkan agensi-agensi yang berhubung kait dengan hal-hal teksi ini dan juga hal-hal *apps* ini.

Kita tidak dapat terus *ban apps* tersebut kerana itu adalah di bawah bidang kuasa kementerian yang lain. Kementerian ini juga mungkin mempunyai sebab-sebab tertentu. Jadi, sebab itu pada 3hb ini kita akan menganjurkan *lab* ini. Malah pada beberapa minggu lepas mula-mula ada satu *online survey* dijalankan oleh SPAD untuk mendapatkan maklum balas mengenai perkhidmatan teksi dan juga berhubung kait dengan *apps* ini iaitu ianya dianjurkan sehingga 3 Disember supaya maklum balas ini boleh digunakan oleh SPAD untuk dikongsikan bersama dengan *industry players*, dengan izin. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2015****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Sumber Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.34 pg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Pertahanan bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2016 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 1 Disember 2015.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2016
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2016
Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Usul Anggaran Pembangunan 2016 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Kelapan]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]

Maksud B.47 [Jadual] -

Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan 2016] -

Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Kepala Bekalan B.47 dan Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Bukit Bintang.

11.36 pg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Penggerusi kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan bagi Kementerian Komunikasi dan Multimedia di peringkat Jawatankuasa. Tuan Penggerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 030300 - Kawalan dan Pemantauan, Komunikasi dan Multimedia yang menerima peruntukan sebanyak RM4,911,000,000 bagi tahun 2016.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]

Di bawah Butiran ini saya ingin membangkitkan tindakan Telekom Malaysia Berhad untuk mengenakan *charge* RM5 bagi setiap bil TM bulanan bermula awal tahun hadapan. Langkah ini memerlukan para pelanggan TM dan orang ramai bahawa langkah mengenakan *charge* RM5 bagi setiap bil adalah perlu dielakkan. Tidak wajar para pelanggan TM dikehendaki membayar bil TM di samping *charge* menggunakan yang lain. Ini terlalu tinggi dan tidak masuk akal kerana *cost* untuk mencetak bil bulanan tidak sampai RM1 sahaja. Kini Telekom Malaysia mempunyai lebih kurang 2.27 juta pelanggan jalur lebar di negara ini.

Pada setiap tahun Telekom Malaysia telah membuat keuntungan besar berbanding kos operasi mereka. Misalnya, keuntungan pada suku pertama 2014, Telekom Malaysia mendapat RM2.60 bilion pada tempoh setengah tahun pertama 2013. Telekom Malaysia mendapat RM5 bilion. Sebelum ini, 2012 mendapat RM4.8 bilion dan suku pertama tahun 2015, TM mendapat RM2.7 bilion. Dari angka keuntungan ini Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia hendaklah menghalang Telekom Malaysia dari mengenakan *charge* RM5 ke atas bil TM kerana ianya keterlaluan. TM tidak akan mengalami kerugian jika tidak mengenakan *charge* tersebut.

Tuan Pengerusi, saya membangkitkan isu ini kerana orang ramai mulai resah dan bimbang dengan pertambahan kos bulanan mereka yang semakin membebankan seperti terpaksa menanggung cukai GST ke atas barang dan perkhidmatan yang digunakan.

■ 1140

Tuan Pengerusi selain itu saya ingin membangkitkan bahawa sejak beberapa bulan yang lalu pihak Telekom Malaysia tidak menghantar bil Telekom Malaysia Streamline kepada pelanggan. Akibatnya para pelanggan terlepas pandang mengenai bil TM yang perlu dibayar kerana menunggu kedatangan bil itu. Pada hal ini tidak bil yang diterima, pihak Telekom Malaysia bertindak selanjut dengan memotong bekalan telefon dan internet. Ini menimbulkan kesusahan kepada pelanggan kerana terpaksa turun naik pejabat untuk menyelesaikan kes pemotongan bekalan. Untuk mendapatkan khidmat pelanggan dengan Telekom Malaysia pun sukar kerana ketiadaan talian terus kepada pegawai yang bertugas. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

11.41 pg.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh B.47, saya ambil kod 010000 – pengurusan dan juga berkaitan dengan teknologi maklumat – 050700. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan berkaitan dengan pada sidang yang lalu Parlimen ini telah pun meluluskan satu pindaan rang undang-undang di bawah Kementerian Tenaga. Akan tetapi dia berkaitan dengan soal *broadband* di mana pindaan kepada Akta Tenaga itu untuk membolehkan talian elektrik itu akhirnya akan dapat digunakan sebagai apa yang disebut sebagai *Broadband Power Line* (BPL) ataupun *Power Line Carrier* (PLC) iaitu untuk tujuan komunikasi internet dan sebagainya. Ini telah pun Yang Berhormat Tuan Pengerusi telah pun dilaksanakan sebelum ini di Kanada dan juga di Indonesia. Ini didapati bahawa lebih murah daripada apa yang telah pun dilaksanakan oleh Telekom sebelum ini oleh kerajaan melalui satu peruntukan kepada Telekom sebanyak RM12 bilion untuk pelaksanaan *high speed broadband*. Sehingga kini pun kalau kita melihat bahawa *high speed broadband* ini pun tidak dapat memberikan suatu yang lebih baik kepada penggunaan internet dan sebagainya.

Persoalan saya ialah walaupun pindaan itu di bawah Akta Tenaga tetapi saya percayalah bahawa nanti kalau akan digunakan untuk apa yang saya sebutkan tadi sebagai *power line carrier* ini untuk tujuan komunikasi internet, gambar dan sebagainya mesti melalui kebenaran

daripada Suruhanjaya Komunikasi. Jadi sejauh mana pihak kerajaan khususnya pihak kementerian ini melihat ini apakah sudah ada pertimbangan-pertimbangan, perkiraan-perkiraan untuk membuka ruang, laluan kepada menjadikan talian elektrik ini. Saya sebenarnya sebelum pelaksanaan *high speed broadband* beberapa tahun dahulu sebelum pelaksanaan ini, saya sudah membangkitkan persoalan *power line carrier* ini sebagai alternatif, gantian untuk menjimatkan perbelanjaan daripada RM12 bilion itu pada waktu itulah dalam RM4 bilion atau RM5 bilion sahaja kalau kita menggunakan talian elektrik ini.

Akan tetapi nampaknya kerajaan tidak bersedia pada masa itu terus dengan *high speed broadband*. Jadi sekarang ini sejauh mana kerajaan kementerian Yang Berhormat melihat persoalan ini, apakah nanti akan diberikan kepada syarikat-syarikat baru ini, syarikat-syarikat telekomunikasi ini untuk menggunakan kaedah ini. Kalau tidak apa guna dipinda akta tersebut untuk membolehkan bermakna bahawa saya melihat bahawa sudah ada dalam perkiraan kerajaan khususnya Suruhanjaya Komunikasi untuk *upgrade* talian elektrik ini untuk dijadikan sebagai talian internet. Jadi bagaimana nanti kesannya kepada *high speed broadband*? Ini sebab bagi saya bahawa kalau *power line carrier* ini dilaksanakan saya fikir bahawa orang akan lebih melihat kepada penggunaan yang baru ini, *power line carrier*. Ini sudah pun dibuat di negara-negara yang saya sebutkan tadi kerana kalau *high speed broadband* itu dia lebih kepada untuk *permanent*. Akan tetapi sekarang ini orang sambil berjalan pun untuk hendak menggunakan talian-talian yang seperti ini.

Jadi saya minta apakah nanti kesannya kepada *high speed broadband* yang telah pun kita *invest* begitu banyak. Saya fikir bukan sekadar RM12 bilion mungkin sudah pun lebih daripada RM12 bilion. Jadi saya minta bahawa kalau SKMM ini, Suruhanjaya Komunikasi Multimedia ini bersetuju pada dasarnya bersetuju untuk pelaksanaan *broadband power line* ataupun *power line carrier (PLC)* ini. Bila dan bagaimana? Adakah kerajaan sudah ada persediaan dan bila untuk melakukan perkara ini? Ini sebab begitu mudah hanya untuk letakkan *blackboard* di TNB *substation* dengan *blackboard* di rumah ataupun premis *business* untuk memudahkan talian itu – dari segi ini sudah semua pun ada. Bagi saya maknanya TNB *substation* pun sudah sedia ada di semua tempat dan setiap rumah itu pun sudah ada untuk kemudahan untuk kita letakkan *blackboard* di rumah. Jadi ini saya katakan bahawa lebih menjimatkan. Bagaimana nanti kalau itu berlaku kalau itu disetujui oleh pihak kerajaan apakah nanti bil itu akan boleh disekalikan dalam bil elektrik atau disekalikan dari segi pembayaran untuk memudahkan atau bagaimana. Jadi itu yang saya hendak dapat penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai.

11.48 pg.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 040200 – Operasi Penyiaran, Butiran 050300 - Media dan Komunikasi Korporat dan Butiran 051000 – Pengurusan Isu.

Tuan Pengerusi, Radio Televisyen Malaysia (RTM) ini ialah stesen penyiaran awam milik kerajaan yang telah memiliki dan menjayakan beberapa saluran radio dan stesen saluran TV. Kini RTM mengendalikan lapan saluran radio nasional dan 24 saluran radio negeri dan saluran radio daerah serta juga saluran TV.

Manakala Astro memulakan siarannya pada 1996 menggunakan satelit Measat 1 yang hanya menawarkan 22 saluran TV dan lapan saluran radio. Kini ia menawarkan lebih 80 saluran TV, 17 saluran radio dan empat saluran *paper view* di samping perkhidmatan interaktif.

MYTV Broadcasting Sdn. Bhd. adalah pemegang lesen yang telah dianugerahkan oleh kerajaan untuk mengendalikan infra dan kemudahan rangkaian bagi perkhidmatan TV *terrestrial* digital atau *digital terrestrial television* di Malaysia dalam merealisasikan penghijrahan testerial analog ke digital ke seluruh negara. Saya ingin bertanya sejauh manakah penyediaan perkhidmatan televisyen *terrestrial digital* percuma ini? Adakah ia mampu digunakan mengikut waktu yang telah ditetapkan oleh kementerian? Adakah kementerian bercadang untuk lebih membuka peluang kepada pengusaha rangkaian televisyen ini supaya tidak dimonopoli oleh beberapa syarikat sahaja dalam memberikan perkhidmatan yang bermutu.

Tuan Pengerusi sejak teknologi menjadi alat terpenting pada abad ini masyarakat lebih peka kepada berita mahupun penyiaran isu di media sosial dan kurang menggunakan media cetak.

■1150

Jadi bentuk penyampaian di media sosial dipaparkan diputar belit dan diubah struktur ayat bagi menyebarkan persepsi yang negatif terhadap orang dan terhadap kerajaan. Penyebaran-penyebaran berita tidak sahih ini bukan sahaja di media sosial malah turut melibatkan aplikasi telefon pintar seperti *WhatsApp* dan *Telegram*.

Justeru itu, perlu ada satu mekanisme khusus oleh kerajaan untuk memperbaiki teknik penyampaian dan pengurusan maklumat terhadap isu-isu yang berbangkit supaya masyarakat lebih peka, lebih jelas daripada terdedah dengan fakta-fakta yang diberikan.

Jadi, saya ingin bertanya sekali lagi setakat ini, berapakah jumlah aduan yang diterima oleh kementerian mengenai ancaman keselamatan yang dibuat oleh pengguna media sosial yang tidak bertanggungjawab. Apakah tindakan yang bakal diambil oleh kementerian dalam membendung gejala negatif ini dan modus operandi yang diguna pakai dalam melihat kecenderungan seseorang pengguna itu bagi menjaga keselamatan negara dan perpaduan negara. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi memilih Kuala Langat untuk menyertai perbahasan. Terus kepada Butiran 110200 – Emolumen Kakitangan Kontrak. Tak lain tak bukan, pekerja kontrak. Anggaran 2015, ia berjumlah RM58,922,400. Anggaran 2016, RM49,778,600. Isunya ialah konsistennya pekerja kontrak itu diamalkan.

Saya hendak menyinggung juga dalam Kementerian Komunikasi dan Multimedia ini supaya memikirkan seseriusnya keperluan itu ada, sebab dia konsisten maka saya memohon supaya pekerja kontrak ini dilihat *nature* kerja itu, perlukah mereka ini dikerja tetapkan.

Ini sebab ia beralasan yang kukuh yang memberikan kesan buruk kepada pekerja-pekerja kontrak. Ini sebab kita tahu pekerja penyiaran ini memerlukan kepakaran yang tertentu, *specialist* dan mereka ini bekerja dalam kadar umurnya sekitar sudah lanjut dan mana mungkin dalam dasar kerangka yang dibuat oleh pihak kerajaan, 15 tahun dia bekerja baru dia digelar pekerja tetap. Itu pun kalau ia sampai kepada 60 tahun dan kebanyakan mereka dalam kumpulan ini sudah senior dan mereka tidak mungkin mendapat habuan daripada persaraan, habuan daripada faedah-faedah persaraan, habuan daripada hak untuk memohon segala bentuk apa macam pun termasuk rumah dan sebagainya, ianya memerlukan kelayakan.

Maka saya melihat, kalau berterusan konsisten wang ini dibelanjakan untuk pekerja kontrak, maka saya melihat keperluan itu wajib dan jangan ada alasan yang membebankan orang, ambil tenaga orang, fikiran dia, kemahiran dia tetapi mereka punya kebaikan tidak pernah diambil kira. Maka dengan demikian, saya mencadangkan kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia sekiranya perlu mereka ini dikerja tetapkan, *confirm* mereka mesti diambil pekerja tetap kerana jangan aninya orang berterusan. Sekian, Tuan Pengerusi yang budiman.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan dua perkara sahaja itu di bawah B.47 030000 – Operasi khususnya Butiran 030200 – Infrastruktur dan Aplikasi.

Tuan Pengerusi, isunya di sini ialah mengenai kawasan berkaitan dengan kemudahan jalur lebar khususnya Program Kampung Tanpa Wayar di bawah SKMM. Jadi, di kawasan saya mengucap terima kasih dan tahniah kepada SKMM kerana mengusahakan banyak kampung tanpa wayar ini satu ketika dulu. Akan tetapi, akhir-akhir ini sudah banyak kali dibangkitkan perkhidmatan yang tergendala dan dibangkitkan juga dalam mesyuarat-mesyuarat pembangunan daerah berkaitan dengan isu ini atas rungutan masyarakat kampung yang ada kemudahan kampung tanpa wayar ini.

Akan tetapi, mesyuarat JKTD (Jawatankuasa Tindakan Daerah) itu tidak ada wakil daripada SKMM untuk menjawab permasalahan ini. Setelah disiasat sebenarnya apa yang berlaku ialah lebih daripada 23 kampung ini sebenarnya dahulu dibekalkan dengan kemudahan kampung tanpa wayar di bawah program CSR pengendali atau pemberi perkhidmatan telco ini. Jadi ada kontraknya mungkin dalam tempoh satu tahun, dua tahun.

Jadi sekarang kawasan saya di Parlimen Jelebu itu menghadapi masalah kontrak yang sudah tamat dan tidak diperbaharui lagi. Jadi daripada ada khidmat WiFi kampung jalur lebar, sekarang ini menjadi isu ia sudah tidak ada lagi. Ini menjadi satu masalah dalam kita menyatakan hendak perbanyakkan kampung tanpa wayar tetapi yang berlaku ialah kampung tanpa wayar yang sekarang memang betul-betul tidak ada wayar lagi.

Jadi ini menjadi masalah dan saya tidak tahan lagi dengan rungutan, *complaint* dan aduan orang ramai. Kenapa kerajaan menarik. Mereka tidak tahu ini kontrak yang diberi secara CSR oleh telco dan sekarang mereka tahu ini ialah *service and* perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan. Ini memberi gambaran yg tidak baik dan saya mohon kementerian untuk dapat menjelaskan dan mengganti dan menyediakan semula kampung-kampung ini. Saya kalau tidak sebut kampung ini untuk rekod, orang kampung saya marah. Jadi saya kena sebut satu persatu supaya dia berada dalam rekod. Saya mohon kementerian menyiasat dan menyemak semula kampung-kampung ini sekarang ini menjadi suatu isu yang kronik daripada ada kepada tidak ada.

Kampung-kampung itu ialah Kampung Chenor, Kampung Simpang Durian, Kampung Naga Emas, Taman Titi, Taman Seri Jelebu, Taman Seri Cempedak, Kampung Kuala Pah. Taman Irama, Kampung Ladang Jelebu, Kampung Petasik, Kampung Ulu Jelebu, Kampung Dulang, Kampung Lakai, Taman Seri Kinabui, Taman Pekan Baru, Taman Toho, Kampung Cena, Felcra Lakai, Kampung Terian, Kampung Larung, Kampung Dusun Kubur, Kampung Ulu Klawang dan Kampung Kerangat.

Ini semua kampung sekarang menimbulkan masalah ini. Jadi rakyat tidak tahu yang dahulu itu CSR. Rupanya CSR ini diberi oleh telco ada kontraknya. Kontraknya sudah habis, telco pun sudah lari sebab Menterinya tidak lagi daripada Jelebu. *[Ketawa]*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat, kalau boleh hendak tambah.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Orang Stampin hendak cerita Jelebu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Stampin, Yang Berhormat Stampin. Itu kerja saya Yang Berhormat nanti saya tanya dia hendak bagi jalan kah tidak? Ya, Yang Berhormat Stampin hendak bagi Yang Berhormat Jelebu. *[Disampuk]*

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Okey lah.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tambah lagi *list* itu, bukan sahaja kampung tanya wayar macam Yang Berhormat kata tanpa wayar, tanpa internet iaitu kampung-kampung di Serian juga di kawasan Sarawak. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, jadi saya teruskan lagi berkaitan dengan perkara yang sama. Jadi orang kampung tidak ada pilihan. Sudahlah dia punya telefon pun tidak berapa bagus *coveragenya* banyak *drop call*. Jadi oleh sebab itu, pilihan yang ada kepada rakyat ialah untuk menggunakan talian tetap Telekom.

Masalah juga kerana talian tetap Telekom di antara Simpang Pertang dengan Kuala Krawang tidak ada had yang disediakan untuk data dan dalam kampung tidak boleh menggunakan talian tetap ini untuk access atau mendapatkan perkhidmatan TM Net dan sebagainya.

Jadi saya juga mahu kementerian sebagai *regulator* kepada industri ini melihat apakah rancangan Telekom STM, di kawasan sepanjang jalan yang banyak kampung di antara Kuala

Krawang ke Simpang Pertang itu. Apakah perancangan untuk *upgrade* dan meningkatkan kemudahan talian tetap yang boleh membekalkan data untuk internet ini.

Akhir sekali Tuan Pengerusi ialah berkaitan dengan Pembangunan P.47 Butiran 06000 - Pembinaan Bangunan Pejabat Penerangan Daerah. Terima kasih kepada kerajaan kerana membina satu pejabat baru penerangan Daerah Jelebu. Akan tetapi sehingga hari ini bangunan yang indah itu masih tidak digunakan.

■1200

Saya hendak tahu apakah status kepada projek ini. Apakah CF telah diperoleh atau apakah masalah yang dihadapi sehingga hari ini bangunan yang cantik itu masih tidak digunakan? Sudah banyak tahun, lebih daripada tiga, empat tahun saya fikir. Jadi, saya minta penjelasan bila hendak digunakan dan bangunan penerangan daerah yang ada sekarang ini, di kawasan Pekan Kuala Klawang, apakah perancangan jabatan penerangan atau kementerian terhadap bangunan ini? Apakah ada projek khusus dan adakah perancangan-perancangan yang tertentu untuk bangunan berkenaan? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sarikei.

12.00 tgh.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Yang Berhormat Sibu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sibu.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sarikei di belakang ya.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Yang Berhormat Sarikei di sini, depan-depan. Saya mahu berucap mengenai Kampung Tanpa Wayar. Kampung Tanpa Wayar di kawasan Sarawak khususnya di kawasan saya di Sibu di mana terdapat banyak peralatan untuk Kampung Tanpa Wayar sudah rosak tetapi tidak ada orang untuk membaikinya. Satu masalahnya lagi ialah kelajuan Internet yang dibekalkan melalui Kampung Tanpa Wayar ini amat lambat. Terdapat juga kampung walaupun ia mempunyai Kampung Tanpa Wayar atau *Wi-Fi* tetapi ramai orang tidak menggunakan kerana terlalu lambat. Saya rasa projek ini memang sudah gagal dan tidak berguna. Kalau projek ini sudah gagal, mengapa kementerian tidak menggunakan wang untuk membina *tower* telekomunikasi atau *tower* pelancaran.

Sebuah kawasan di kawasan saya iaitu Kampung Penasu sudah lama tidak ada *tower* pelancaran atau *tower* telekomunikasi. Telefon bimbit tidak dapat digunakan di sana. Jangan cakap *Wi-Fi* memang tidak ada, *broadband* memang tidak ada. Walaupun merupakan Kampung Tanpa Wayar tetapi tidak ada guna juga, Internet terlalu lambat. Jadi mereka memerlukan *tower* telekomunikasi dan bukannya Kampung Tanpa Wayar. Oleh itu, diharap kementerian dapat mempertimbangkan agar membuang projek ini dan gunakan wang tersebut untuk membina lebih banyak *tower* telekomunikasi, itu lebih baik lagi.

Selain daripada itu, saya mahu menyentuh mengenai Butiran 080100 – Jabatan Perlindungan Data Peribadi. Satu akta telah diluluskan dan dikuatkuasakan iaitu Akta Perlindungan Data Peribadi. Saya rasa dua tahun yang lalu telah dikuatkuasakan. Jadi, saya di sini ingin bertanya berapakah orang atau syarikat yang sudah ditawarkan di bawah akta ini? Ini kerana pada pemahaman saya, pada masa sekarang masih banyak masalah SMS bercaj. Saya tidak tahu bagaimana syarikat yang membekalkan perkhidmatan ini boleh mendapatkan maklumat pengguna. Kebanyakan SMS bercaj ini menyebarkan SMS melalui *telecommunication service provider* seperti Maxis, redONE, DiGi semuanya ada.

Akan tetapi apabila pengguna mengadu kepada saya, saya membantu mereka dengan mengadu kepada syarikat pembekal *telecommunication* ini seperti Maxis, DiGi atau redONE, mereka tidak mahu mengambil tanggungjawab. Mereka merasa bahawa ini bukan tanggungjawab mereka untuk menghentikan servis ini. Pengguna sendiri harus menghentikan servis mereka melalui SMS dengan membalas semula kepada *service provider* tersebut. Kebanyakan pengguna memang tidak *subscribe service* tersebut. Akan tetapi saya sangat hairan bagaimana SMS bercaj boleh dihantar kepada telefon bimbit mereka ini boleh berlaku. Siapakah yang membekalkan maklumat peribadi kepada syarikat-syarikat yang mengeluarkan SMS bercaj ini? Jadi saya rasa ini satu perkara yang sudah banyak kali dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini tetapi masih tidak ada satu jawapan yang *solid* daripada kementerian tentang bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini.

Jika saya menerima satu SMS bercaj melalui Maxis, adakah Maxis merupakan syarikat yang bertanggungjawab untuk membekalkan maklumat saya kepada syarikat yang mengeluarkan SMS bercaj itu? Adakah Maxis yang bertanggungjawab? Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan satu jawapan. Ini kerana apabila saya mengatakannya kepada pihak Maxis, mereka mengatakan bahawa ini bukan tanggungjawab mereka dan mereka tidak memberikan maklumat. Kalau bukan mereka yang memberikan maklumat saya, siapakah yang memberikan maklumat saya kepada syarikat yang mengeluarkan SMS bercaj ini?

Kebanyakan yang terkena dengan SMS bercaj ini ialah pengguna *prepaid*. Saya ada menerima satu contoh, lebih daripada 60% bil telefon dia disebabkan SMS bercaj. Lebih daripada 60%. Jadi, tengok berapa jumlah wang pengguna yang hilang disebabkan SMS bercaj ini. Saya rasa ini memang merupakan satu masalah yang sangat penting dan harus diselesaikan dengan segera.

Selain daripada itu, satu lagi masalah ialah kami memang menerima banyak aduan mengenai penipuan melalui telefon. Saya juga menerima aduan bahawa penipu-penipu ini boleh menggunakan nombor telefon Bank Negara untuk menjalankan penipuan mereka. Penipuan seperti ini memang sudah lama berlaku. Akan tetapi sehingga sekarang masih belum diselesaikan lagi. Mengapakah penipu-penipu ini boleh menggunakan nombor telefon Bank Negara untuk menjalankan penipuan mereka? Bagaimanakah mereka boleh menggunakan nombor telefon Bank Negara? Adakah mereka mempunyai satu jenis teknologi yang boleh mencuri nombor telefon orang lain?

Jadi sekarang, adakah kementerian sudah ada cara untuk mengatasi masalah ini? Sehingga kini masih ada orang yang ditipu kerana penipu itu mengatakan bahawa kad kreditnya telah dicuri, digunakan oleh orang lain dan diarahkan untuk menelefon Bank Negara Malaysia untuk menghentikan kegiatan tersebut. Akan tetapi apabila mereka menelefon Bank Negara Malaysia, itu bukannya Bank Negara Malaysia sebaliknya sindiket penipu wang. Sampai sekarang masih ada.

Jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan satu jaminan atau menjelaskan bagaimana kementerian boleh mengatasi masalah seperti ini. Saya berharap perkara ini harus dihentikan dan cari satu cara untuk menghentikannya. Malaysia bakal menjadi sebuah negara yang maju tetapi teknologi Kementerian Komunikasi dan Multimedia masih ketinggalan. Teknologi kementerian harus dipertingkatkan lagi supaya masalah-masalah penipuan melalui teknologi boleh dihapuskan. Saya rasa bukan sahaja telefon, penipuan melalui Internet juga sudah semakin berleluasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Ini pun...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Negara maju tidak berlaku *fraud*kah Yang Berhormat?

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Harus – boleh. Akan tetapi kementerian mesti meningkatkan teknologi mereka untuk mengatasi masalah sebegini. Jangan biarkan sahaja. Ini kerana masalah ini sudah dibangkitkan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini dan bukannya pertama kali. Mereka sudah tahu tetapi mereka tidak boleh buat apa-apa. Bagaimana?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, habiskan.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Saya rasa mereka harus mencari cara atau jalan bagaimana untuk menyelesaikan masalah sebegini.

■1210

Selain itu masalah yang terakhir saya ialah tentang saya difahamkan bahawa di Sarawak hanya satu kabel fiber optik dari – satu kabel *submarine fibre optic* kepada Sarawak sahaja, satu kabel sahaja yang menyambung Sarawak kepada internet di luar di seluruh dunia. Satu kabel fiber optik sahaja, *submarine* punya itu. Saya tidak tahu apa nama itu, *submarine fibre optic cable*. Jadi di Semenanjung Malaysia saya difahamkan ada banyak kabel *submarine fibre optic* tetapi hanya satu *fiber optic submarine* yang menyambungkan Sarawak. Jadi ini merupakan satu *bottle neck* yang menyebabkan mengapa kelajuan internet di Sarawak ini amat begitu lambat berbanding dengan Semenanjung Malaysia.

Sekarang perkhidmatan telefon bimbit saya Maxis, ia membekalkan satu pakej. Walaupun saya hanya bayar 3GB sahaja data saya, 3GB sahaja. Akan tetapi kerana saya ada pengguna di Sarawak jadi mereka memberi saya secara percuma untuk memberi lebih banyak data kepada saya kepada 5GB, *from 3GB to 5GB* secara percuma. Hanya untuk pengguna di Sabah dan Sarawak. Ini kerana kelajuan internet di Sabah dan Sarawak lebih lambat. Jadi mereka mesti membekalkan satu macam bonuslah kepada pengguna Sabah dan Sarawak. Di

Semenanjung tidak ada kerana sini boleh menikmati kelajuan internet yang lebih pantas. Jadi ini menunjukkan bahawa Sabah dan Sarawak memang kami ada masalah kelajuan internet. Jadi saya rasa kementerian pun boleh memberi timbangan lebih prihatin kepada bagaimana hendak meningkatkan kelajuan internet di Sabah dan Sarawak. Mungkin satu *fibre optic submarine* ini sudah tidak mencukupi. Jadi bilakah kementerian akan menambahkan lagi satu *submarine fibre optic* ini kepada Sabah dan Sarawak?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, masa sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Saya berharap kementerian – Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan. Terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sibuti.

12.12 tgh.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Bismillahi Rahmani Rahim. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke Butiran 050200 – Perkhidmatan Komunikasi Dan Pembangunan Masyarakat. Seperti yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lain terutama sekali dari Yang Berhormat Jelebu tadi mengatakan bahawa *Wi-Fi* itu terutama sekali di kawasan saya sendirilah di Kampung Sibuti, di kampung-kampung di kawasan Sibuti, *Wi-Fi* cantik dibuat tetapi tidak berfungsi. Kita harapkan ialah sesiapa yang jadi kontraktor kepada SKMM ini mesti menyelenggarakannya dengan baik agar dapat digunakan. Terutama sekali anak-anak sekolah yang sedang belajar hendak menggunakan *Wi-Fi* ini. Kita juga memohon kalau boleh projek tanpa wayar yang kita bincang tadi ramai Ahli-ahli Yang Berhormat lain bercakap fasal projek tanpa wayar di kawasan saya terutama sekali kawasan ‘Kejapo’, Beraya dan kawasan rumah-rumah panjang di kawasan Sibuti, tidak boleh digunakan. Sayanglah berbelanja wang itu, Yang Berhormat Menteri.

Kedua yang ingin saya hendak minta Yang Berhormat Menteri ini ialah Pusat Internet 1Malaysia di pusat hentian kalau boleh dipasang, dibenarkan di pusat hentian R&R SEDC Simpang Bekenu sebab di sanalah tempat berkumpulnya ramai orang datang yang ingin hendak duduk menggunakan internet. Akan tetapi tidak boleh digunakan, yang kita harap kita boleh mendapat walaupun di telefon kita ataupun di *hand phone* kita mengatakan 3G. Akan tetapi ia terlalu lambat seolah-olah macam kura-kura berlumba dengan arnab atau sang kancil dia tertinggal selalu. Harapan kita Yang Berhormat Menteri ialah kita sudah dipasang satu *tower*. Di *tower* itu sudah tinggi, kita tengok pun senang hati kalau boleh diguna pakai. Seolah-olahnya mungkin kontraktor itu kah ataupun SKMM belum memberi peruntukan kah? Semua *disc* yang untuk menerima saluran itu tidak ada di tiang itu. Tiang itu sudah enam bulan didirikan di Kampung Bungai, di jalan raya ke Kampung Bungai kawasan saya Sibuti. Diharaplah sekali lagi saya hendak menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri datanglah kawasan Sibuti agar kita dapat melihat bersama apa masalah kita di sana. Sekian, terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh.

12.16 tgh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak rujuk kepada Butiran 02011 – Dasar Dan Perancangan Strategik dan juga Butiran 04000 – Penyiaran serta Butiran 10000 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional.

Tuan Pengerusi, saya ingin tanya sekali lagi kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah dasar kementerian terhadap laman-laman *web* yang membenarkan orang ramai membuat *tweet* palsu bagi pihak orang lain? Laman *web* ini adalah *simulator.com*, *lemmetweetthatforyou.com*, *tweetfake.com*. Saya merupakan salah seorang mangsa bagi laman-laman *web* ini kerana pada bulan Ogos dan selepas itu juga beberapa *tweet* palsu yang digunakan dengan menggunakan imej *tweet* saya dengan gambar saya dan seolah-olah saya yang keluarkan *tweet* tetapi saya tidak keluarkan mesej *tweet* langsung. Ini termasuk yang kesemua *tweet* palsu ini biasanya mengandungi mesej yang berbaur agama, yang *racist* dan juga memburukkan khususnya orang Melayu atas nama saya yang sebenarnya saya memang tidak buat. Saya memang dapat *trace* dengan kawan-kawan saya dan juga di *Facebook* saya ada orang yang *volunteer* boleh *trace* siapakah keluarkan semua *tweet* palsu ini kerana mereka memang *out* mesej palsu yang agak sama keluarkan dalam *Facebook* – beberapa *Facebook* yang berlainan.

Saya pernah membuat aduan, membuat laporan polis beberapa kali dan juga saya pernah menulis surat kepada Pengerusi MCMC tetapi apabila saya berjumpa – memberi kenyataan kepada polis, polis kata ini adalah di bawah tanggungjawab MCMC. Kalau MCMC tidak ingin ambil tindakan, mereka juga tidak boleh buat apa-apa. Jadi apa yang polis boleh buat ialah hantarkan laporan saya dan kenyataan yang diambil daripada saya dan semua bukti saya itu kepada MCMC. Saya rasa sangat kecewa kerana semua laporan, surat yang saya hantar kepada MCMC ini saya tidak terima apa-apa maklum balas langsung. Malah tidak ada *courtesy* bagi MCMC yang kata mereka sudah terima surat saya. Saya hantar dengan tangan, ini adalah surat saya. Saya hantar melalui e-mel tetapi tidak ada apa-apa tindak balas jawapan daripada MCMC. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kerana saya ini daripada parti pembangkang itu sebab arahan kepada MCMC ialah apa-apa aduan daripada pembangkang tidak ada tindakan diambil? Akan tetapi kalau sesiapa daripada pihak Menteri Barisan Nasional ataupun Barisan Nasional *backbenchers* baru ada tindakan diambil. Adakah ini satu dasar dan arahan daripada pihak kementerian?

Saya ingin tahu supaya kita tahu lah lain kali kalau berlaku apa-apa, kalau buat laporan polis nampaknya pun tidak boleh buat apa-apa lah, tak perlu adu lagi.

■1220

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota bangun, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, sila.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Seputeh, setujukah dengan saya kalau sekiranya MCMC tidak mengambil tindakan, boleh tidak kita salahkan rakyat kalau rakyat menganggap bahawa MCMC adalah bersubahat dalam perkara-perkara seperti ini? Boleh tidak kita salahkan rakyat?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, ini memang soalan yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana apa yang dilakukan kepada saya ini, kalau tidak ada apa-apa tindakan yang diambil, jadi bila UMNO ada percaduhan dalaman, ada orang juga boleh menggunakan laman-laman web *tweet* palsu ini untuk membuat mesej *tweet* bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Tun Dr. Mahathir atau orang-orang yang lain. Jadi adakah ini akan diambil tindakan?

Kalau pihak kementerian boleh *block Sarawak Report*, boleh *block* laman web itu ini, jadi saya tidak lihat kenapakah yang pihak kementerian tidak ada pendirian terhadap laman-laman web yang membenarkan orang ramai untuk buat *tweet* palsu bagi orang lain kerana pemimpin-pemimpin kerajaan ini juga akan jadi mangsa seperti saya.

Tuan Pengurus, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang rancangan di bawah RTM. Saya tahu sekarang semakin banyak *production house* telah pun didirikan bagi mereka yang berminat untuk mengeluarkan program-program yang tertentu tetapi saya juga difahamkan bahawa bagi RTM, hanya beberapa syarikat besar yang diiktiraf yang mana program mereka diterima oleh pihak RTM. Jadi bagi *production house* yang kecil itu, mereka buat program yang cantik tetapi juga perlu jual kepada orang tengah, syarikat besar yang juga di bawah nama *production house* kepada RTM, baru dapat disiarkan. Jadi, orang tengah ini ambil komisen besar.

Jadi saya hendak tahu, hendak tanya, apakah dasar RTM ini? Bukankah kita harus menggalakkan lebih orang untuk keluarkan program yang berkualiti? Akan tetapi kalau keluarkan program berkualiti mereka perlu diberi bayaran yang agak lumayan tetapi bukan melalui *middle man*, syarikat tertentu di bawah RTM, baru mereka dapat- yang *production house* itu dapat sedikit sahaja, orang tengah dapat banyak.

Jadi saya hendak tanya tentang dasar mengenai ini di bawah bahagian penyiaran, yang terakhirnya. Jadi saya juga hendak tanya di bawah FINAS. Kita sepatutnya menggalakkan lebih banyak wayang gambar, tayangan gambar yang dikeluarkan oleh syarikat tempatan dan juga pelakon tempatan kerana kita lihat yang pelakon, penyanyi Malaysia ini memang mengharumkan nama Malaysia di negara China, Taiwan dan sebagainya. Kita memang mampu mengeluarkan pelakon, penyanyi, artis yang berkualiti.

Akan tetapi selalunya bila kita lihat yang dasar bagi FINAS di Malaysia ini, kalau ada terdapat apa-apa filem yang berbaur kritikan terhadap kerajaan atau kalau ada terdapat pelakon yang mungkin pernah berlakon dalam *Wonderful Malaysia*, klip video saya yang kena ini, jadi filem itu akan dihentikan. Pelakon tertentu itu yang wayang gambarnya, filemnya tidak dapat kebenaran, tidak diluluskan oleh FINAS.

Jadi saya hendak tahu apakah dasar dan pendirian FINAS ini? Adakah ini merupakan dasar kerajaan kerana kalau ini adalah dasar kerajaan, jadi kita akan, *we are going to kill many*

talents kerana memang filem yang berkualiti memang ia harus membayangkan fikiran sesuatu masyarakat dan juga zamannya. Jadi saya rasa yang kerajaan haruslah menggalakkan, memberi lebih ruang bagi FINAS untuk memberikan lebih ruang kepada para artis dan pengarah filem kita ini supaya kita boleh menggalakkan kreativiti mereka.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk tanya mengenai satu filem. Apabila Perhimpunan Agung UMNO yang lepas itu ada banyak percaduhan dan wayang kulit yang diadakan, satu filem dinamakan '*The New Village*' itu telah diharamkan yang sebenarnya sebelum itu dibenarkan tetapi selepas itu diharamkan kerana kata ada unsur-unsur komunis. Ini adalah filem tempatan yang membayangkan kampung baru cina di beberapa tempat dalam zaman 70-an, 60-an di negara kita ini.

Jadi saya hendak tahu, apakah yang berlaku pada filem ini? Adakah ia masih diharamkan? Kalau tidak, bilakah ia akan dibenarkan untuk ditayangkan? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang.

12.25 tgh. hari.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya. Saya terus kepada Butiran 080000 di bawah Butiran 080100 – Jabatan Perlindungan Data Peribadi.

Akhir-akhir ini Tuan Pengerusi, isu '*love' scam*'. Yang ini sebenarnya telah berlaku sehingga membabitkan RM53 juta duit dalam negara kita yang dimiliki rakyat tempatan terbang ke Nigeria. Telah keluar di beberapa buah akhbar utama tentang perkara ini. Kita lihat aktiviti penipuan melalui '*love' scam*' ini nampaknya semakin berleluasa. Walaupun kita telah mengeluarkan pelbagai amaran dan juga hal berkaitan penipuan ini di media tetapi perkara ini masih lagi berlaku dan saban hari dimaklumkan hampir RM3,000 hingga RM5,000 katanya, diantar melalui Western Union, duit kita ini kerana penipuan-penipuan ini, penipuan yang dikatakan memujuk rayu terutamanya mereka yang agaknya kesepian dan sebagainya terkena dengan aktiviti-aktiviti yang seperti ini.

Jadi hendak minta pandangan daripada pihak kementerian, bagaimana kementerian memantau tentang hal-hal yang seperti ini? Juga, adakah kerjasama telah dilaksanakan dengan pihak polis dan juga KDN bagi memantau aktiviti-aktiviti tidak sihat seperti ini? Kita tahu sebenarnya perkara-perkara ini kalau dibiarkan berterusan dan penerangan-penerangan dan juga sekatan-sekatan tidak dibuat kepada mereka ini, maka lebih banyak hal-hal seperti ini akan berlaku dan melibatkan ramai pihak.

Seterusnya Butiran 020000 – Dasar dan Butiran 020400 berkaitan dengan Pembangunan Kandungan. Akhir-akhir ini juga ramai yang bangun bertanyakan soalan berkaitan dengan perisian teksi iaitu *Uber* dan sebagainya ini yang kita tahu digunakan oleh rakyat kita juga untuk mendapatkan perkhidmatan teksi tanpa menggunakan teksi yang sedia ada. Jadi akhirnya, seperti yang kita tahu, baru-baru ini ada bantahan dan sebagainya berkaitan dengan perisian ini.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah kementerian bekerjasama dengan pihak SPAD untuk memantau aktiviti-aktiviti teksi yang kita tahu bukan teksi yang sebenar yang mendapat permit dan sebagainya ini yang menggunakan aplikasi *Uber*? Juga, adakah kementerian juga menggalakkan rakyat kita menggunakan perisian aplikasi yang semangnya diiktiraf oleh kerajaan seperti *Easy Taxi*, *MyTeksi* dan sebagainya ini yang kita tahu memang memberikan kesempatan kepada teksi-teksi yang berpermit ini untuk digunakan perkhidmatan mereka? Ini kerana kita tahu aplikasi-aplikasi yang disahkan oleh kerajaan ini iaitu *Easy Taxi* dan *MyTeksi* ini kita dah lancarkan lama, pada tahun 2012, 2013 tetapi nampaknya sambutannya itu kurang menggalakkan dan pengguna masih lagi menggunakan aplikasi-aplikasi di luar yang kita tahu banyak mengambil kesempatan untuk menolak penggunaan teksi-teksi berpermit ini.

Seterusnya yang terakhir, Tuan Pengerusi, Butiran 020300 iaitu berkaitan dengan Teknologi Komunikasi. Ringkas sahaja. Saya hendak bertanya pihak kementerian, adakah pihak kementerian pernah memantau *prepaid* atau pun *line* yang ditempati oleh pihak pelancong-pelancong luar ini? Kebiasaannya *prepaid* lah yang dibeli oleh pelancong-pelancong ini yang mana mereka biasanya mungkin menggunakan *prepaid* dalam nilai RM20 atau RM30, tetapi ada berbaki, mungkin dalam seringgit, dua ringgit dan sebagainya. Kita tahu nilai ini, bukan seorang pelancong, ramai yang menggunakan *prepaid* ini. Bagaimana pihak kementerian memantau baki kredit ini? Ke mana disalurkan nilai kredit ini?

■1230

Kalau boleh saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian, semua syarikat-syarikat telekomunikasi ini baki kredit yang ada itu kita masukkan dalam tabung amanah. Itu dalam panggilan dan juga SMS. Bagaimana dengan data? Kalau dia beli data 2GB, 1GB, mungkin ada *balance* itu, ke mana pergi nilai baki itu digunakan oleh pihak syarikat telekomunikasi. Tidak akan senyap macam itu sahaja? Jadi kita hendak tahu ke mana nilai itu pergi dan kalau boleh kita minta kementerian pantau dan letakkan dalam satu tabung amanah ataupun dalam kaedah yang macam mana yang paling sesuai digunakan pihak kementerian. Mungkin dengan adanya dana ini nanti, kita boleh mengguna pakai untuk menaik taraf lagi kemudahan-kemudahan telekomunikasi yang sedia ada.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Sekijang, sedikit tambahan, boleh? Pencelahan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bayan Baru bangun.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bersetuju dengan apa yang Yang Berhormat Sekijang katakan tadi tentang kredit yang berbaki daripada *prepaid* ya. Ini kerana dia ada tempoh masanya dalam satu atau tiga bulan, dia kena habiskan. Kalau tidak, dia kena *top up*. *Top up* itu jadi ada orang yang dia pakai kurang, mungkin dia *top up* tiap kali RM10, tetapi sebelum, selepas lebih kurang satu bulan dia guna RM5 sahaja. RM5 itu berbaki baki dan bertambah-tambah sehingga dia ada

banyak yang baki kredit, tetapi dia terus kena bayar. Jadi ini adalah satu kerugian kepada pengguna. Jadi kita minta lah kalau boleh Yang Berhormat Sekijang, masukkan hujah saya, kalau boleh berilah mereka-mereka ini tidak ada had limit atau tempoh itu. Batalkan tempoh *dateline* itu supaya mereka boleh pakai baki *prepaid* ini. Minta komen Yang Berhormat Sekijang. Terima kasih.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Saya melihat perkara ini Tuan Pengerusi kerana ia menjadi pertikaian di kalangan mereka yang menggunakan perkhidmatan ini. Mereka melihat sebenarnya ada beberapa perkara itu nampak *unbalanced*, tidak seimbang, maksudnya lebih banyak kerugian itu pada pihak pengguna berbanding dengan keuntungan yang telah dapat daripada syarikat telekomunikasi. Mungkin ada baiknya juga sekiranya cadangan supaya hal berkaitan dengan baki ini dapat dipantau oleh pihak kementerian. Saya yakin dan percaya sebagai sebuah Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang bertanggungjawab menjaga syarikat-syarikat telekomunikasi ini, mungkin hal-hal ini akan dapat kita selaraskan dengan baik dan semua baki-baki kredit yang ada ini kalau dapat kita gunakan dengan sebaik mungkin untuk kebijakan dan kemudahan kepada rakyat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat... kita akan habiskan jam 1.00 nanti, 2.30 petang Menteri jawab ya. Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada dua perkara iaitu mengenai B.47 030300 - Operasi dan juga 080000 – Jabatan Perlindungan Data Peribadi.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri kerana laporan-laporan yang kita terima yang berkaitan dengan TPPA yang telah didedahkan secara umum. Kita mendapati bahawa ada peruntukan-peruntukan terutamanya yang membolehkan pihak *Internet Service Provider (ISP)* untuk membuat penapisan *content-content* di dalam perisian-perisian yang mereka berikan atau yang mereka adakan.

Maksudnya seandainya mereka merasa isi ataupun kandungannya perlu dibuang, mereka akan mengambil inisiatif untuk membuang. Berbanding dengan peraturan dan undang-undang sekarang, seandainya pihak pengguna merasa di sana ada laman-laman web ataupun kandungan-kandungan daripada *WhatsApp* kah yang dilihat *detrimental* dengan izin, kepada peribadi kita, seperti yang Yang Berhormat Seputeh sebut tadi ataupun mungkin menjelaskan keselamatan.

Berdasarkan *complaint* tersebut, maka pihak kerajaan melalui MCMC boleh mengarahkan pihak ISP ini untuk membuang atau mengeluarkan kandungan tersebut. Jadi ini memberikan satu kawalan kepada ISP tersebut. Akan tetapi kalau benar di dalam perjanjian TPPA ini ada peruntukan di mana ISP ini boleh mengambil inisiatif dan mereka di dalam perjanjian ini juga diberikan perlindungan ataupun insentif perundangan, *legal incentive* kemungkinan mereka ini, kita boleh buat andaian-andaian mereka ini tidak boleh didakwa

contohnya ya. Jikalau mereka didapati tersilap ataupun melampau dalam membuang kandungan-kandungan ini, jadi mereka seolah-olah menguasai perkara ini.

Jadi saya hendak bertanya kepada kementerian, apakah kementerian membaca seperti apa yang kami dan saya baca dalam bab peruntukan ini yang ada di dalam perjanjian TPPA di bawah Perkara 18.82 kerana kita tidak mahu pihak ISP ini diberikan kuasa yang berlebihan dan mengambil tindakan-tindakan yang di kira merugikan terutamanya kepada pengguna-pengguna internet ini yang terdiri daripada kalangan orang muda yang mempunyai inovasi, daya kreativiti dan mereka agak berminat untuk menggunakan teknologi ini dalam urusan-urusan kehidupan sehari-hari mereka akan terencat kerana beberapa peruntukan yang mungkin menjelaskan inovasi dan kreativiti mereka itu.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *[Bangun] Yang Berhormat Kuala Krai.*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, sila.

Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, hendak beri Yang Berhormat Klang?

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih ya Yang Berhormat Kuala Krai. Saya ingin sambung isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai TPPA dan juga tugas atau tanggungjawab yang telah diberikan dalam bab berkenaan.

Bolehkah kerajaan memberi pandangan bahawa sebenarnya kerajaan Amerika Syarikat boleh meminta Telco Malaysia untuk menutup mana-mana pihak termasuk orang ramai yang menggunakan *email* dan juga *website* termasuk dengan *E-commerce* dan sebagainya. Saya minta sebab ini merupakan di mana kita ada undang-undang di Malaysia, kita ada garis panduan di Malaysia, tetapi nampak sekarang kerajaan 11 negara-negara lain boleh juga meminta kerajaan Malaysia khususnya MCMC untuk menutup, *to close down the various websites* yang mereka percaya melanggar prinsip-prinsip yang telah diterima oleh kerajaan-kerajaan ataupun *signatories of the TPP*. Minta pandangan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Klang itu adalah kajian yang lebih mendalam ke atas perjanjian TPPA ini yang amat menakutkan kita. Jadi, kalau ini benar dan kementerian dan kerajaan kita mengakui bahawa perkara ini boleh berlaku, jadi saya rasa ianya akan memberikan kesan yang amat mendalam kerana sekali lagi saya katakan kita akan mematikan minat-minat dan usaha-usaha terutamanya orang-orang muda dan di kalangan anak muda yang kini menggunakan kemudahan-kemudahan Internet ini dalam berbagai-bagai urusan kehidupan mereka. Jadi saya memohon supaya kementerian memberikan penjelasan.

Keduanya ialah dalam perkara Jabatan Perlindungan Data Peribadi yang diberikan peruntukan yang tidak besar, RM3.7 juta. Di dalam perjanjian TPPA juga, kita dimaklumkan bahawa data-data peribadi kita – hari ini kita ada undang-undang, ada peruntukan dan undang-undang data peribadi ini hanya disimpan di dalam negara kita. Akan tetapi perjanjian TPPA ini membolehkan negara-negara penandatangan yang sebelas lagi itu menuntut supaya data peribadi ini dikongsi bersama di negara mereka dan mereka mungkin ada kekuatan server di

negara mereka untuk menggunakan data-data kita seperti data-data kesihatan kita, individu, peribadi kita, data-data kewangan kita, kalau ini dapat dikuasai oleh pihak-pihak yang lain daripada negara kita ini.

■1240

Apakah ini tidak akan menjelaskan kedudukan dan kita punya kedaulatan negara kita dan juga kemampuan kita untuk menjaga data-data peribadi ini? Kalau ini benar-benar berlaku, saya rasa ianya adalah satu perkara yang sangat negatif dan kita harus memikirkan semula tentang TPPA ini. Jadi Tuan Pengerusi, itu saja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong.

12.40 tgh.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk bahas peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan saya ingin merujuk Butiran 030100 – Komunikasi Strategik. Dianggarkan peruntukan tahun ini untuk bahagian ini juga besar. Hari ini kita sedar bahawa dan kita tahu bahawa media sosial terus berpengaruh kepada masyarakat. Cuma yang agak membimbangkan kita apabila berlaku penularan yang begitu banyak berkaitan dengan isu-isu dan ia telah dihidangkan kepada masyarakat dengan cara yang tidak betul dan tidak tepat. Ini boleh mengundang suatu yang tidak baik kerana penyebaran maklumat yang tidak sah ini akan menyebabkan berlaku perkara-perkara yang tidak kita inginkan.

Saya cuma hendak ambil ringkas saja. Kalau kita lihat dari segi undang-undang, sebenarnya menjadi satu kesalahan bila kita berkongsi atau menyebarkan perkara-perkara atau kandungan yang tidak betul ini. Oleh kerana ia melanggar undang-undang, khususnya di seksyen 211 atau 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1948 yang ada pada hari ini. Jika kita didapati bersalah, hukumannya lebih kurang RM50 ribu. Ini kalau tidak betul, minta kementerian betulkan. Apakah kementerian, kalau sebelum ini saya dengar banyak kali hendak pinda, hendak buat diperbaharui dan sebagainya. Apakah Yang Berhormat Menteri boleh maklumkan dalam Dewan ini, setakat mana usul untuk hendak buat pindaan dan sebagainya?

Saya bimbang jika perkara seumpama ini tidak diperbaiki, ditambah nilai dan tidak ada undang-undang yang betul, ia boleh menyebabkan satu yang tidak baik dalam negara ini. Saya bukan bercakap bahawa saya tidak bersetuju dengan kebebasan bersuara. Kita memang benarkan kebebasan bersuara tapi sudah tentu kebebasan bersuara tidak boleh kita melanggar undang-undang sedia ada. Mana-mana negara pun dalam dunia ini memang ada undang-undang ini. Kita tengok Singapura, Australia, New Zealand, Amerika sekalipun, dia tidak memberi kebebasan yang berleluasa sebagaimana negara kita. Akan tetapi kita terlalu beri kebebasan sangat hingga menyebabkan penyalahgunaan berlaku. Sebab itu saya hendak tanya Akta Komunikasi dan Multimedia ini, apakah hendak dipinda atau ada akta lain supaya perkara-perkara yang tidak baik ini dapat kita bendung?

Butiran 030200 – Infrastruktur dan Aplikasi. Tuan Pengerusi, kalau kita lihat dalam butiran perbelanjaannya, ia bertujuan untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan aplikasi dan infrastruktur komunikasi yang lebih ekonomik, berteknologi tinggi dan mempunyai akses sama rata di seluruh negara. Ia cukup baik sebenarnya. Kita lihat juga saya percaya kementerian akan membekalkan internet jalur lebar kelajuan tinggi sehingga ke tahap yang baik. Boleh mencapai sebagaimana negara-negara maju yang lain. Terutama sekali di ibu negeri dan bandar-bandar utama seluruh negara. Ia baik bagi membolehkan capaian juga dapat dilakukan, terutama sekali kawasan-kawasan luar bandar. Sudah tentu saya percaya antara penambahbaikan juga perlu dilakukan ialah untuk Program Kampung Tanpa Wayar ini dengan menambahkan lagi kelajuan yang sedia ada.

Sebab itu saya mohon supaya Yang Berhormat dapat juga membantu untuk menambahkan Program-program Kampung Tanpa Wayar ini, khususnya di kawasan saya di Lenggong ini. Saya juga mohon dalam Dewan yang mulia ini untuk kementerian, khususnya di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Kita telah pun jumpa dengan CEO yang sebelum ini untuk membolehkan supaya kawasan Lembah Lenggong, tapak warisan dunia itu mendapat akses internet ini di bawah program ini. Supaya pelancong datang dapat kemudahan-kemudahan komunikasi dan sebagainya kerana ketika ini amat lemah sekali. Jadi, saya minta supaya permohonan yang telah kita kemukakan itu dapat direalisasikan kerana juga memenuhi sebahagian daripada permintaan daripada kerajaan negeri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Petani, selepas itu Yang Berhormat Sik. Petang nanti Yang Berhormat Menteri bolehlah jawab ya. Cukuplah Yang Berhormat, 14 orang.

12.45 tgh.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ada beberapa perkara yang hendak dibangkitkan. Yang pertama sekali ialah Butiran 040000 – Penyiaran. Saya hendak tanya kementerian, adakah kerajaan mempunyai satu *target* ataupun *allotment*, satu-satu di dalam penyiaran TV ataupun radio yang dikhaskan untuk kementerian-kementerian lain, maklumkan perkara-perkara yang rakyat perlu tahu. Contohnya, hal isu-isu Kementerian Pendidikan ataupun Kementerian Pertahanan yang katakan *prime time*, 10-15 minit. Ini suatu yang *regular* supaya di samping mereka, rakyat mendapat hiburan melalui program-program tetapi juga maklumat ini dimaklumkan kepada rakyat.

Isu yang kedua ialah tentang perkara-perkara yang rakyat juga kena belajar. Kadang-kadang kita pergi sekolah tetapi lepas kita keluar sekolah, isu-isu *courtesy* contohnya, kita tinggalkan terus. Saya pernah keluar lif bersama-sama dengan pegawai-pegawai muda di Parlimen ini, saya tolong *press* buka pintu, dia hendak cakap *thank you* pun tidak. Maknanya, isu-isu macam ini kita kena ajar balik Yang Berhormat Menteri. Kita tengok trafik bagaimana rakyat di Malaysia, kalau dia pergi luar negara, Singapore kah, ataupun Thailand, dia memandu dengan

cermat. *The moment they cross* saja dia tidak jadi macam itu sudah. Sebab dia rasa dia jaguh atas jalan.

Isu-isu ini harus dimaklumkan secara *continuous* kepada rakyat. Elemen pengajaran ini saya rasa harus dimasukkan dalam TV. Walaupun *short* sama ada sketsa ataupun cara-cara kita mengajar balik rakyat supaya *courtesy* ini berterusan. Saya rasa di antara FM Station, *LikeFM* contohnya 105.7, *LikeFM*. Ini stesen saya, *is English version* tetapi dalam setiap dua jam atau sejam, dia akan ceritakan benda-benda *courtesy* yang rakyat selalu belajar. Akan tetapi saya belum nampak stesen-stesen lain yang mengajar rakyat begini. Kadang-kadang kita terlepas pandang tetapi bila kita *remind* selalu, ianya akan kembalikan kita kepada isu-isu ini. Itu yang pertama.

Yang kedua ialah Butiran 050000 – Jabatan Penerangan. Saya hendak tahu satu jumlah yang agak besar diberikan kepada jabatan ini . Cumanya saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri mempunyai program-program untuk berjumpa dengan pelajar-pelajar, contohnya. Berjumpa dengan sama ada pelajar luar negara, pelajar sekolah-sekolah menengah atas ataupun universiti-universiti, di mana ada benda-benda yang pelajar-pelajar tidak mendapat maklumat daripada Kementerian Pendidikan. Akan tetapi maklumat-maklumat ini boleh diberikan oleh Jabatan Penerangan.

Saya masih ingat lagi dalam tahun 80-an dan 90-an, di mana pelajar-pelajar dikumpulkan dan pelajar-pelajar ini diberikan maklumat-maklumat yang lebih bermotivasi. Saya tahu ada elemen politik tetapi itu bukanlah benda yang hendak bincang di sini. Akan tetapi ada harus ada usaha untuk memberikan pelajar-pelajar ini isu *competitiveness*, contohnya. Bagaimana mereka harus *hardworking*. Kemudian bagaimana mereka harus mempunyai kekuatan untuk bersaing antara satu sama lain. Saya rasa ini perkara-perkara ini harus dimainkan balik oleh Jabatan Penerangan ini. Supaya di samping isu-isu yang dibangkitkan di sekolah-sekolah tetapi juga pelajar-pelajar kita mendapat maklumat-maklumat ini yang luar daripada lingkungan politik.

Seterusnya Tuan Pengurus ialah tentang Butiran 060000 – Perkhidmatan Hak Ehwal Khas (JASA). Ini satu peruntukan yang besar. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, penubuhan JASA saya faham bertujuan politik. Akan tetapi di samping politik yang kita tidak pertikaikan tetapi adakah JASA juga mengambil sikap untuk membangunkan masyarakat, sensitif kepada isu-isu masyarakat. Contohnya, isu hubungan ras, isu pimpinan di peringkat bawahan. Saya rasa JASA harus mempunyai program yang lebih tersusun daripada memberikan atau menumpukan perhatian mereka yang terlalu banyak kepada isu-isu politik.

■1250

Akhir sekali Tuan Pengurus ialah tentang FINAS, 10000. Saya melihat kita berbelanja walaupun tidak besar tetapi RM19 juta itu besar juga. Saya melihat khususnya filem-filem yang diterbitkan di Malaysia walaupun ramai di antara kita kadang-kadang tidak senang dengan apa yang dihidangkan oleh pihak Amerika, tetapi sedar tidak sedar akhir sekali kita tengok, kita lihat movie Amerika ini dia elemen patriotisme diselitkan dengan kita tak sangka. Jadi saya rasa FINAS harus mempunyai pemikiran baru di samping kita mengeluarkan filem-filem kita tetapi

harus ada elemen patriotisme, realiti kepada masyarakat dan akhirnya apabila masyarakat selepas menonton satu rancangan yang dikeluarkan oleh *programmer* ataupun rancangan yang dikeluarkan oleh syarikat tempatan, akhir sekali baru melihat *movie* ini ataupun sesuatu yang aku tengok ini akhirnya ada elemen patriotisme itu. Saya rasa ini penting sebab tidak mungkin kalau syarikat-syarikat swasta yang kita harapkan untuk mengeluarkan *movie* ini tetapi harus ada satu “*influents*” FINAS terhadap syarikat-syarikat ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun].*

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Sungai Petani. Yang Berhormat Sungai Petani, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Sungai Petani setuju tak dengan saya bahawa secara keseluruhan kalau kita lihat filem-filem di tanah air kita ini, filem itu kadang-kadang tidak mendedahkan realiti sebenar apa yang berlaku dalam masyarakat. Berbeza dengan filem-filem *Hollywood* ataupun *Bollywood*. Saya taklah tengok selalu tetapi saya suka filem-filem *Bollywood* yang menceritakan bagaimana kebobrokan sistem politik. Sebagai contoh kalau di filem-filem *Bollywood* ini biasanya inspektor Sahab itu jahatlah dan biasanya dia akan dapat arahan daripada menteri-menteri yang jahat itu, korup dan sebagainya. Jadi dia mendedahkan cerita yang berlaku dalam masyarakat tetapi kalau dalam negara kita ini, kalau filem ke drama ke dalam TV ini polis baik selalu. Kalau polis Gerak Khas itu tak pernah tak baik langsunglah, 24 jam baik.

Jadi sedangkan realiti yang berlaku, ahli politik yang korup contoh kalau katakan ada penggiat-penggiat filem hendak buat filem contoh yang ada kaitan dengan *corruption*, 1MDB ke apa agaknya boleh tak dibuat dalam negara kita ini? Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Pengerusi, beginilah ya. *At the end of the day* ialah penonton. Akhirnya bukanlah apa yang dihidangkan tetapi penontonlah yang akan menilai. Sebab itu kadang-kadang kita lihat kenapa produksi-produksi tempatan kita tidak mendapat sambutan, kerana kita agak jauh daripada realiti kehidupan sebenarnya. Kalau lihat dalam *movie* Melayu khususnya kalau seorang usahawan itu dia mesti pakai kot, pakai *tie*. *Every time* kalau mesyuarat *board*, *board members* itu mesti pakai *tie*. So tak apalah, saya pun tak hendak komen itu. Isunya begini ialah harus ada - saya rasa kita *allocate* satu jumlah wang yang agak besar. Yang saya hendak sebut begini bahawa FINAS harus berjumpa dengan produser-produser ini, *produce good movies* dan *good movies* tidak semestinya bajet yang besar. Saya tengok *movie comical* dari US pun juga tidaklah bajet besar tetapi ianya berkualiti kerana ada pemantauan yang jelas, yang itu yang pertama.

Yang kedua, kualiti yang mereka keluarkan bersesuaian dengan selera penonton dan akhirnya saya hendak minta, ini harus ada elemen patriotisme. Saya mungkin pembangkang tetapi tidak bermaksud saya benci negara saya. Pembangkang juga sayangkan negara tetapi harus ada elemen patriotisme. *At the end of the day* Tuan Pengerusi, bila kita keluar daripada

melihat satu *movie*, kita rasa *I'm glad, I'm thank you, I am so proud to be Malaysian*. Harus ada elemen itu, elemen itu mesti ada. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya, sebelum itu. Sebelum saya duduk, satu dua minit lagi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak ada, sudah habis sudah.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Boleh? Pendek sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis sudah Yang Berhormat Kota Tinggi, dia sudah duduk sudah Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sudah duduk ya, okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh tumpang dengan Yang Berhormat Sik nanti. Ya, Yang Berhormat Sik.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Okey, saya tumpang Yang Berhormat Sik. Terima kasih.

12.54 tgh.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Assalamualaikum, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara sedikit dan tepat. Ada dua butiran sahaja, yang pertama Butiran 31000 – Projek Jalur Lebar dan yang kedua ialah dalam B.47 Butiran 030200.

Kawasan saya Tuan Pengerusi, seperti yang saya cakap sebelum ini iaitu liputan *internet* adalah tidak memuaskan. Bukan sahaja liputan *internet* tetapi liputan telefon pun ada tempat-tempat yang ada bar tetapi tidak dapat buat panggilan. Kadang-kadang buat panggilan boleh dapat tetapi tidak boleh bercakap. Saya ingin bertanya kepada menteri, selepas ucapan dasar tempoh hari menteri ada memberitahu bahawa liputan *high speed broadband* di dalam Malaysia satu negara *73 percent* lebih kurang dan kalau saya tengok realiti kawasan saya, kawasan luar bandar keadaan macam ini tidak menggambarkan *73 percent*. Jadi saya hendak tanya menteri, tolong bagi penjelasan kepada saya dan kepada rakyat, *73 percent* itu nampak besar tetapi adakah ia bermula daripada kawasan bandar, pinggir bandar lepas itu kawasan luar bandar dan bila agaknya rancangan kementerian bila hendak sampai kawasan luar bandar ini dapat perkhidmatan *internet* dan juga telefon yang memuaskan yang menggambarkan dekat-dekat hampir *90 percent* ataupun *100 percent*.

Yang kedua Tuan Pengerusi, saya lihat di dalam Butiran 31000 – Projek Jalur Lebar. Itu peruntukannya RM15 juta. Saya nampak mungkin saya fikir betul atau tak betul, Yang Berhormat

Menteri tolong bagi tahu RM15 juta itu nampak macam sedikit untuk projek jalur lebar, kenapa RM15 juta sahaja.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri tolong bagi penerangan kepada saya dan juga kepada rakyat bahawa kenapa di kawasan saya dan juga saya tengok kawasan-kawasan luar bandar yang lain, pencawang banyak. Banyak sangat pencawang sampai 20 ke 30 pencawang tetapi perkhidmatan *internet* dan juga telefon begitu tidak memuaskan sekali. Yang kedua, termasuk jiran saya Yang Berhormat Jerantut, dia kata kalau boleh kita hendak faham apa perhubungan pencawang dengan *service provider* dengan *internet service* dan sebagainya.

Yang ketiga ialah dalam Butiran 030200 – *Infrastructure dan Application*. Saya ini spesifik bagi kawasan saya Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar daripada orang telco berkata bahawa dalam Parlimen saya ada talian fiber optik merentasi dalam Parlimen saya ataupun pinggir Parlimen saya di dalam DUN saya, saya pun tak tahu betul atau tidak betul. Kalau benar ada, tolong bagi apakah rancangan kerajaan di dalam kawasan itu. Sekian Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: *[Bangun]*.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah tutup sudah Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tak boleh masuk tadi *[Ketawa]*. Sedikit sahaja boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sik pun sudah habis sudah. Sila Yang Berhormat Menteri.

12.58 tgh.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaaatuuh dan salah sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Komunikasi dan Multimedia sepanjang sesi perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2016.

Pihak kementerian akan memberi perhatian dan mengambil tindakan susulan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terdapat lebih kurang kalau tak silap saya 18 orang Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian ini dan saya boleh gariskan terdapat beberapa perkara Tuan Pengerusi iaitu berkaitan dengan infrastruktur komunikasi, berkaitan dengan kandungan komunikasi, perkhidmatan komunikasi dan juga hal-hal lain yang menyentuh agensi di bawah kementerian ini.

Jadi izinkan saya untuk memberikan penjelasan ke atas isu-isu yang telah dibangkitkan tersebut. Yang pertamanya isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Pertamanya iaitu isu berkaitan dengan caj RM5 bil bercetak Telekom Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, caj RM5 tersebut, Yang Berhormat Bukit Bintang tak ada tetapi tak apa, saya boleh teruskan Tuan Pengerusi ya. Caj RM5 bagi bil bercetak Telekom Malaysia belum lagi dilaksanakan. Sebenarnya pelaksanaan caj ini akan bermula hanya pada awal tahun 2016 dengan tujuan untuk menggalakkan pelanggan menggunakan kaedah pengebilan secara atas talian ataupun *online* dengan izin, yang disediakan secara percuma. Pelaksanaan ini hanya bagi pelanggan yang mempunyai perkhidmatan *internet* jalur lebar seperti Streamix dan juga Unifi sahaja. Bagi pelanggan TM yang melanggan perkhidmatan telefon sahaja, mereka akan terus mendapat bil bercetak seperti biasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sambung petang ya Yang Berhormat.

Dato' Jailani bin Johari: Boleh. Terima kasih.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Sila, Yang Berhormat Menteri.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyambung jawapan kepada persoalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Bukit Bintang berkaitan dengan caj RM5 bil bercetak Telekom Malaysia. Sebenarnya, untuk makluman, perkara ini hanya akan dilaksanakan pada Januari 2016 dengan tujuan untuk menggalakkan pelanggan menggunakan kaedah pengebilan secara atas talian ataupun *online*, dengan izin yang disediakan secara percuma. Pelaksanaan ini hanya bagi pelanggan yang mempunyai perkhidmatan *internet* jalur lebar seperti Streamyx dan UniFi sahaja.

Bagi pelanggan Telekom yang melanggan perkhidmatan telefon sahaja, mereka akan terus mendapat bil bercetak seperti biasa. Pihak kementerian percaya dengan memperkenalkan *e-billing* ini akan memudah dan memberikan keselesaan kepada pelanggan. Di samping itu juga,

ia merupakan kaedah yang mesra alam (*environmental friendly*) kepada pengguna dengan izin. Untuk makluman, sehingga kini lebih daripada 180,000 pelanggan TM telah mendaftar dan menikmati kemudahan pengebilan atas talian.

Berkaitan dengan persoalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Pokok Sena, Tuan Pengerusi, iaitu penggunaan talian elektrik ataupun *power line* dengan izin untuk membekalkan perkhidmatan internet ataupun komunikasi. Sebenarnya *Broadband Power Line* (BPL) dengan izin tidak boleh digunakan untuk *mobile*. Teknologi ini telah lama diperkatakan tetapi pelaksanaan tidak dapat direalisasikan kerana isu teknikal iaitu bunyi ataupun *noise* dan *interference* dengan izin.

Akta adalah teknologi neutral di mana dari segi keperluan akta, kita adalah teknologi neutral di mana jika mana-mana pihak mempunyai lesen yang berkenaan, pihak tersebut boleh menawarkan perkhidmatan tersebut. Kita tidak ada spesifik. Pihak kementerian sentiasa mempertimbangkan segala jenis teknologi yang selamat digunakan oleh pengguna dan pada kos yang berpatutan dan pada saat ini terdapat satu syarikat yang dilesenkan iaitu Realm Energy Sdn. Bhd.

Berkaitan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai iaitu berkait dengan Program DTTB sama ada adakah pihak kerajaan membenarkan pemain-pemain baru untuk menyertai bidang penyiaran dan adakah perkhidmatan DTTB akan diberi secara percuma. Walaupun beliau tidak masuk lagi, saya cuba menjawab lagi. *Infrastruktur Digital Terrestrial Television Broadcasting* (DTTB) yang disediakan oleh MYTV akan membolehkan penghijrah dari penyiaran analog kepada digital. Kapasiti digital yang lebih luas akan membolehkan pemain-pemain baru turut serta dalam platform digital. Siaran dari penyiar yang dinikmati sekarang akan diberi secara percuma. Pada masa hadapan *insya-Allah* siaran berbayar boleh menggunakan platform DTTB.

Berkaitan persoalan yang ditimbulkan mengenai aduan media sosial yang mengancam keselamatan oleh Yang Berhormat Bagan Serai. Aduan sehingga Oktober tahun ini termasuk ancaman keselamatan ialah 2,174 aduan di mana dari tahun 2009 hingga Oktober 2015 iaitu tahun ini, jumlah pendakwaan ialah 36 kes manakala bagi pendakwaan bagi tahun 2014 hanya enam kes dan pendakwaan bagi tahun 2015 ialah 15 kes.

Berkaitan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat. Walaupun beliau tidak ada, saya menjawab, Tuan Pengerusi. Isu berkaitan pekerja kontrak. Untuk pekerja kontrak yang telah berkhidmat 15 tahun dan lebih dan memenuhi syarat akan diperakukan sebagai pegawai tetap oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Jelebu. Beliau hadir iaitu Kampung Tanpa Wayar (KTW). Ia merupakan inisiatif sementara untuk memupuk minat kepada internet. Penambahbaikan liputan jalur lebar sentiasa giat dilaksanakan sebagai KTW. Kita tahu dan kita faham bahawa sebenarnya KTW ini ada permasalahannya terutamanya ialah kerana pada asalnya memang bertujuan untuk memberikan peluang kepada masyarakat untuk mengenali dan mendapat kemudahan daripada internet.

Dalam hal ini pihak kerajaan telah membuat beberapa penilaian semula dan mencadangkan beberapa penambahbaikan. Antaranya penjenamaan semula KTW kepada WiFi komuniti. Itu yang pertamanya dan pelaksanaan WiFi komuniti di masa hadapan hanya menggunakan konsep teknikal iaitu *hub and spoke*, dengan izin. Maknanya setiap konsep ini akan disambungkan secara terus kepada pusat internet yang bertindak sebagai pusat *hub* dan jumlah rakan teras yang akan dibekalkan kepada pusat internet adalah sebanyak 20 *megabit per second*.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat Jelebu juga, pihak kementerian ambil maklum tentang permasalahan yang ditimbulkan. Di Daerah Jelebu misalnya, di Parlimen Jelebu ada lima menara baru yang sedang dalam pelaksanaan dan dua kawasan akan dinaik taraf kepada perkhidmatan 3G dan *insya-Allah* akan siap pada tahun 2016.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Tuan Pengerusi, boleh?

Tuan Pengerusi: Sila.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan itu. Cuma saya hendak minta pendirian kementerian bagaimana? Ini kerana apakah masih ada harapan bagi mereka untuk terus mendapat liputan WiFi ini, sebab ini sudah biasa ada. Sekarang tidak ada. Jadi satu masalah untuk menjawab kepada rakyat di bawah sana. Jadi, kalau sementara itu, apa maksud sementara itu? Maknanya selepas ini tiada lagi ataupun mereka boleh memperoleh balik perkhidmatan yang sedemikian rupa. Terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Sebenarnya di bawah pihak kementerian, bukan hanya ada satu program yang diasaskan di bawah USP ataupun pemberian perkhidmatan sejagat. Jadi saya ambil peluang ini untuk menerangkan bahawa di dalam kementerian ini, kita terdapat dari segi isu peluasan liputan jalur lebar, ia terbahagi kepada tiga peringkat. Pertamanya zon satu yang dikenali sebagai infrastruktur jalur lebar berkelajuan tinggi ataupun *high-speed broadband* yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2010. Ini melibatkan lebih kawasan yang berimpak ekonomi dan besar kepada negara.

Kedua, merupakan kawasan yang diliputi dengan infrastruktur jalur lebar untuk orang awam ataupun *broadband for general population* (BBGP) dengan izin dan ketiga iaitu zon tiga di kawasan luar bandar termasuklah di Daerah Jelebu dengan sebagainya. Jadi program di bawah kementerian ini tidak hanya tertakluk kepada program yang dinamakan program perkhidmatan sejagat ataupun USP kerana pihak pemberi perkhidmatan yang telah dilesenkan juga menyediakan pelbagai program. Jadi saya percaya dalam proses penambahbaikan ataupun melibat kembali dan penjenamaan semula KTW kepada WiFi komuniti, program-program sedia ada yang dilancarkan ataupun dijalankan oleh pemberi perkhidmatan masih boleh digunakan.

■1440

Insya-Allah seperti yang saya maklumkan, kita sedang melihat iaitu pihak kementerian bersama MCMC sedang melihat beberapa program seperti Pusat Internet 1Malaysia yang sedang dilaksanakan di mana – untuk menggalakkan program ini perlulah dipastikan bahawa

terdapat bangunan-bangunan yang perlu disediakan bagi memudahkan pihak kementerian ataupun MCMC untuk bersama. *Insya-Allah* senarai-senarai tersebut ada bersama dengan saya, Yang Berhormat boleh bincang dengan saya. *In fact* sebenarnya dengan izin, bukan hanya pada Yang Berhormat Jelebu dan seluruh Ahli-ahli Parlimen kita telah menyediakan program-program di setiap Parlimen dan di setiap bahagian masing-masing.

Okey, berkaitan dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Jelebu iaitu mengenai Pejabat Penerangan yang telah pun siap tetapi masih tidak digunakan. Sebenarnya bangunan baru Pejabat Penerangan Daerah Jelebu masih terlibat dalam kerja-kerja pembaikan oleh kontraktor yang dilantik. Sijil perakuan siap kerja akan dikeluarkan selepas kerja-kerja pembaikan tersebut. Di samping itu, terdapat isu lipan air ke kawasan dewan terutama ketika hujan lebat yang berpanjangan juga dalam tindakan pembaikan. Pejabat Penerangan Daerah Jelebu akan beroperasi secara rasmi selepas penyerahan dibuat dan isu-isu pembaikan selesai.

Isu berkaitan dengan perkhidmatan telefon di daerah Jelebu juga iaitu di mana untuk makluman Yang Berhormat, daerah Jelebu mempunyai tujuh buat ibu sawat iaitu Air Kuning, Kuala Klawang, Felda Pasoh 1, Felda Pasoh 2, Pertang, Simpang Durian dan Titi. Setakat ini terdapat 20,000 kapasiti untuk talian tetap dan untuk perkhidmatan *Internet Streamyx* terdapat 5,000 kapasiti. Bilangan pelanggan bagi talian tetap sehingga kini berjumlah 5,300 pelanggan manakala bagi perkhidmatan *Internet Streamyx* sebanyak 2,500 pelanggan.

Untuk menjawab pertanyaan yang..... remind

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Boleh sedikit?

Dato' Jailani bin Johari: Boleh, boleh.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih. Saya secara spesifik, perkhidmatan yang dimaksudkan hab untuk *Streamyx* itu di Kampung Petasih itu tidak ada. Jadi tidak dapat dibekalkan kemudahan ini kepada masyarakat setempat. Ini isunya. Jadi yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi itu betul, tetapi ada beberapa kampung lagi yang memerlukan perhatian dan memerlukan hab ini bagi meningkatkan kemudahan itu sebab kemudahan asas yang lain itu sudah ada, tinggal lagi *connectivity* ke beberapa bahagian itu yang perlu dikemaskin oleh STM khususnya yang saya sebut itu di Kampung Petasih. Terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Saya ambil maklum, nanti saya akan minta pihak berkaitan iaitu Telekom Malaysia untuk melihat perkara ini terutamanya di kawasan Petasih.

Bagi menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sibu, iaitu masih persoalan yang sama berkaitan dengan Kampung Tanpa Wayar yang tidak berfungsi, *speed too slow* dan sebagainya. Izinkan saya maklum kepada Yang Berhormat Sibu bahawa sebenarnya Kampung Tanpa Wayar (KTW) seperti yang saya maklumkan tadi adalah bersifat sementara yang bertujuan untuk memupuk minat rakyat terutamanya di luar bandar terhadap *Internet*. Sebenarnya sebahagian daripada Kampung Tanpa Wayar ini telah pun tamat tempohnya.

Jadi di kawasan-kawasan luar bandar, ada beberapa permasalahan antaranya teknologi VSAT yang digunakan kerana kawasan itu adalah bertopografi yang berbeza. Fokus kerajaan

sekarang ini adalah lebih menyediakan perkhidmatan *cellular* yang lebih menyeluruh dan lebih efektif dan *reliable*. Jadi saya beri komitmen bahawa *insya-Allah* seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa terdapat sejumlah lebih 1,000 menara telekomunikasi akan dibina dan perkara ini sedang dikaji dan akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun yang telah ditetapkan. Senarai itu ada dengan kita, Yang Berhormat.

Isu yang kedua yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sibu iaitu berkaitan dengan Akta *Public Data Protection (PDP)* dengan izin. Sebenarnya Akta PDP ini telah digubal pada tahun 2010, namun dikuatkuasakan hanya pada tahun 2013 sahaja. Setakat ini tiada kes pendakwaan sehingga Oktober 2015. Hanya dua kes yang sedang dalam siasatan bahagian penguatkuasaan JPDP dan nasihat daripada Timbalan Pendakwa Raya.

Isu yang seterusnya iaitu sama ada maklumat individu boleh diperoleh dan dibekalkan kepada pihak ketiga tanpa pengetahuan individu tersebut. Sebenarnya data boleh diperoleh dari pelbagai sumber. Inilah yang kita ingin tekankan bahawa pengguna perlu tahu tujuan data tersebut di kumpul dan kepada siapa tersebut dikongsi. Masalah masyarakat ialah kita gemar untuk berkongsi maklumat seperti nombor telefon melalui aplikasi media sosial seperti *Facebook*, *WhatsApp*, *Telegram* dan lain-lain yang mana pihak yang tidak bertanggungjawab menjual maklumat tersebut untuk tujuan salah guna.

Saya pun sudah pernah menjawab sebelum ini bahawa kadangkala apabila kita pergi ke restoran-restoran besar misalannya dia ada biasanya diletakkan satu *bowl*, mangukuk besar di luar sana maknanya selepas kita selesai makan, *please drop your call card*. So, bila kita letakkan *call card* kita dalam balang tersebut *we were exposing ourselves*, dengan izin. Jadi kitalah – masyarakat kita ini gemar berkongsi maklumat. Apabila maklumat peribadi ini disalah gunakan mereka menyalahkan pihak kerajaan. Saya harap perkara ini bukan – ialah sebagai satu peringatan dan *awareness* kepada semua.

Persoalan berkaitan dengan penipuan talian, untuk makluman Yang Berhormat Sibu pihak kerajaan sebenarnya telah menuahkan pasukan petugas khas untuk isu-isu penipuan talian. Biasanya kita akan menyekat talian di *international gateway*. Pada masa yang sama, kempen kesedaran bersepdu sedang dan berterusan dilaksanakan di antara pihak Bank Negara, PDRM dan juga KPDKKK.

Berkaitan dengan isu SMS bercaj. Apa yang boleh dilakukan sekiranya berlaku penyalahgunaan? Pertamanya kita boleh menggantung kod ringkas dan pihak berwajib biasanya akan menyiasat dan jika tidak, perkara ini akan – pelanggan akan dipulangkan kembali langganan yang asalnya. Setakat ini dari segi pendakwaan terhadap penyedia perkhidmatan untuk makluman Yang Berhormat Sibu, 32 telah pun dikompaunkan dan 20 telah pun dibawa ke pendakwaan.

Berkaitan dengan isu *submarine cable* ataupun kabel dasar laut. Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia sebenarnya telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bajetnya. Ianya sedang dalam pelaksanaan untuk menghubungkan Semenanjung, Sarawak dan juga Sabah. Belanja adalah lebih kurang dalam RM420 juta dan panjang ataupun jarak jauh

kabel ini lebih kurang dalam 3,500 kilometer. Kita jangkakan akan siap pada bulan Jun 2017. Jadi bila siapnya program seperti yang saya maklumkan tadi, SKR1M, peluasan jalur lebar, HP, *broadband* dan sebagainya akan membolehkan kadar penetrasi walaupun setakat ini hanyalah 72.2% akan meningkatkan lagi penggunaan Internet.

Yang Berhormat Sibuti menanyakan persoalan berkaitan dengan beberapa menara yang telah disediakan tetapi masih ada kekurangan dari segi *dishnya* ataupun kita kenali sebagai *naked tower*, menara bogel, dengan izin. Dia pun menara ini pun ada juga, dia ada tiang tetapi kawah dia tidak ada. Jadi sebenarnya ada dua skop kerja iaitu pembinaan menara dan pemasangan peralatan, ini isunya. Ini kerana selalunya pembinaan menara ini cabaran yang utama yang kita hadapi adalah pertama dari segi kelulusan.

Inilah saya minta semua Ahli-ahli Yang Berhormat kalau boleh sekiranya mana-mana perkhidmatan yang telah diberi peranan untuk membina menara itu, beri sokongan. Ini kerana cabaran utama dari segi lokasi kerana isu dan persoalan yang timbul adalah tanah kerana kalau ianya tanah kerajaan negeri mungkin memudahkan lagi. Akan tetapi kalau tanah yang terlibat adalah lebih kepada tanah persendirian, inilah isu yang timbul iaitu dari segi kadar bayaran yang dikenakan. Kadangkala Tuan Pengerusi, adanya yang isu di luar, mereka lebih senang membina menara dari bercucuk tanam kerana kos menara ini kadang-kadang sewa antara RM2,000 ke RM3,000. Jadi inilah cabaran.

Kedua, dari segi kelulusan kerana sesetengah negeri diperuntukkan beberapa pembayaran yang dikenakan kepada kerajaan negeri. Ini yang kadangkala melengahkan. Jadi untuk kebanyakan menara, bukan hanya di Sarawak tetapi di seluruh Malaysia isu *naked tower* ini pertama dari segi pembinaan menara dan pemasangan peralatan. Kedua, saya diberi makluman bahawa kebanyakan kawasan yang ada menara, sudah naik dalam lebih kurang tujuh bulan tetapi masih belum dipasang dengan *dishnya* itu, elektronik, *insya-Allah* dijangka siap akhir tahun 2016, tetapi kita akan pantau, Yang Berhormat. Jangan risau.

Sedikit kelewatkan kerana masalah teknikal terutamanya penambah baikan *back hall* kerana kawasan ini agak jauh di pedalaman. Jadi hendak masuk itu Tuan Pengerusi, memakan masa. Begitu juga kerana penyediaan servis adalah meliputi tiga *telco* utama iaitu Celcom, Digi dan Maxis. Jadi pihak kementerian memang menggalakkan ketiga-tiga pemberi perkhidmatan ini dari segi syer kerana kalau – kerana kos pembinaan menara ini memakan jumlah hampir antara RM1 juta hingga RM2 juta.

■1450

Jadi kita harapkan apabila satu menara itu telah siap, seboleh mungkin kalau boleh ia dikongsi. Jadi apabila mana-mana *subscriber*, pelanggan yang ingin menggunakan perkhidmatan *cellular*, mereka dapat menikmati kemudahan ketiga-tiga pemberi perkhidmatan.

Berkaitan dengan isu perluasan pusat internet di R&R Simpang Berkam. Pihak kementerian Yang Berhormat Sibuti, memang ambil maklum dan berusaha mempertingkatkan dan meluaskan pelaksanaan kemudahan perkhidmatan jalur lebar di kawasan luar bandar dan pedalaman. Dalam meluaskan perkhidmatan Pi1M seperti yang saya maklumkan kepada Yang

Berhormat Jelebu tadi, kita ada mempunyai beberapa garis panduan pemilihan lokasi dan premis Pi1M, Pi1M ini namanya tidak sedap, bukan ‘*pimp*’ tetapi PiM – Pusat Internet 1Malaysia. Jadi kita akan kaji balik sama ada kita perlu namakan balik, *branding*.

Jadi pertamanya garis panduan perlu dipastikan bahawa program internet desa lain seperti *cyber cafe* dan sebagainya yang beroperasi dalam jarak 5 kilometer dari lokasi pusat internet yang dicadangkan. Tujuan saya berkongsi maklumat ini bagi membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat memajukan permohonan kepada pihak SKMM sekiranya memerlukan satu Pi1M ataupun pusat internet. Lokasi yang dicadangkan hendaklah merupakan kawasan yang mempunyai komuniti yang pesat tetapi kurang kemudahan akses komunikasi internet kolektif.

Ketiga, kita perlukan maklum balas daripada penghulu, ketua kampung, JKKK dan juga pejabat daerah bagi mengenal pasti lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai kerana kita tidak mahu kos pembinaan ini jumlahnya agak besar. Jadi kita tidak mahu tersilap dalam pembinaan.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tertarik dengan apa tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatakan bahawa kalau sekiranya kita berminat, kita boleh mohon. Akan tetapi pada saya, pada pandangan saya mungkin kita boleh buat *on the other side* dengan izin di mana Yang Berhormat mempunyai pegawai-pegawai di semua tempat, membuat satu langkah yang proaktif dan turun sendiri tengok apakah keperluan di peringkat akar umbi itu. Kalau hendak mengharapkan setiap seorang daripada kita kena hantar, nantikan Yang Berhormat terima surat kami berjela-jela, susah pula.

Jadinya *why don't* dengan izin proaktif sikit pihak kementerian sebab kalau kementerian sentiasa mengharapkan kita yang buat a, kita buat b, kita buat c dan kemudian baru ambil tindakan daripada itu, apa lagi peranan kementerian dari segi ini? Okey, terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih, Yang Berhormat Parit Sulong. Sebenarnya untuk makluman, di kawasan Parit Sulong memang dah ada Pusat Internet 1Malaysia ini tetapi kadangkala apabila kita sediakan satu, satu tidak mencukupi. Kita tidak mahu apabila kita sediakan tempat itu, lokasinya tidak bersesuaian. Akan tetapi saya ambil maklum cadangan oleh Yang Berhormat Parit Sulong dan kita akan ambil tindakan yang sewajarnya terhadap pandangan Yang Berhormat Parit Sulong.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tuan Pengerusi.

Dato' Jailani bin Johari: Berkaitan dengan pusat internet tadi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Boleh? Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pun setuju tadi mengenai Pi1M. Namanya pun elok ditukarlah, saya setuju. Di kawasan Kota Tinggi, saya perlukan Pi1M tadi khususnya di desa dan kalau boleh di *upgrade coverage* untuk 3G, 4G di kawasan saya sebab memang tidak ada. Jadi saya minta kalau boleh timbalan menteri turun sendiri di kawasan saya dan melihat keperluan-keperluan ini. Terima kasih, timbalan menteri.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih, Yang Berhormat Kota Tinggi. Kita ambil maklum dan Insya-Allah kita akan turun sendiri ke Kota Tinggi. Saya sambung balik tadi dengan pusat internet di R&R Simpang Berkam ya.

Keempatnya kalau boleh lokasi yang dipilih mempunyai JKKK dan komuniti yang aktif. Ini cadangan awal. Premis yang diperuntukkan oleh kerajaan hendaklah merupakan bangunan kekal, rumah kedai, ruang pejabat dan lain-lain yang bersih serta mempunyai kemudahan asas yang mencukupi seperti elektrik dan air. Ruang saiz yang diperlukan adalah berukuran 1,200 kaki persegi yang boleh memuatkan maksimum 20 buah komputer kerana tujuan 20 ini ialah bagi membolehkan satu untuk kursus pengajaran dan satu lagi khusus untuk amali latihan. Sekiranya pihak kerajaan perlu menyewa premis tersebut, perlu dipastikan bahawa premis tersebut boleh disewa sekurang-kurangnya lima tahun kerana kita tidak mahu dalam proses penyewaan tersebut, berlaku penyerah hak milik dan sebagainya.

Untuk menjawab soalan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Seputeh walaupun beliau tidak ada Tuan Pengerusi, saya harus menjawab soalan beliau untuk rekod. Sebenarnya pihak MCMC ataupun SKMM telah menerima surat aduan bertarikh 25 Ogos daripada Yang Berhormat Seputeh berhubung mesej *Twitter* palsu dan kenyataan *racist* di *Facebook*. Pihak MCMC telah pun memberi maklum balas berhubung aduan tersebut pada 9 September 2015 dan pihak MCMC juga telah menerima aduan terkini pada hari ini. Saya baru terima tadi daripada beliau sendiri tadi berhubung laman web yang menyediakan kemudahan untuk menghasilkan *twit* palsu.

Untuk makluman Yang Berhormat Seputeh dan juga semua Ahli Yang Berhormat, pihak MCMC telah pun menjalankan analisa dan pengujian dan didapati laman yang diajukan tersebut menyediakan kemudahan untuk menjana imej cakupan skrin ataupun *screenshot* palsu dengan izin yang memperlihatkan seolah-olah sesuatu individu telah mengeluarkan *twit* ataupun *post* yang berkenaan. Ketiga-tiga laman ini sebenarnya beroperasi di luar negara. Saya ingin kongsikan, pertamanya laman *lemmetweetthatforyou.com* sejenis imej yang ditaja ialah *twit*, *simitator*, *facebook post* dan *twiee fake tweet*.

Selain daripada tiga laman yang diadukan oleh Yang Berhormat Seputeh, pihak MCMC telah mengambil langkah lanjutan untuk mengesan laman-laman lain yang menyediakan kemudahan yang hampir sama di internet. Sejumlah enam laman lain telah pun dikesan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertamanya, *fakewhats.com* di bawah *WhatsApp*, *thewallmachine.com* bawah *Facebook post*, *statusclone.com* di bawah *Facebook post*, *ios7text.com* di bawah SMS *iOS7*, *ifaketext.com* di bawah SMS *iOS* dan *fakeandroidtext.com* di bawah SMS *android*. Notis tindakan sekatan bagi kesemua 9 laman web terlibat telah pun dikeluarkan kepada pihak penyedia perkhidmatan internet di Malaysia pada 20 Oktober 2015.

Saya terpanggil untuk menjawab juga soalan ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi iaitu pembekal kecil untuk membekal kandungan kepada RTM. Daripada segi dasar, semua pembekal yang layak membekal kepada RTM perlulah berdaftar antara lain dengan pihak kementerian, pihak RTM dan FINAS serta Kementerian Kewangan. Kandungan yang dibekalkan wajib

mematuhi garis panduan serta penyertaan keperluan RTM. RTM daripada segi dasar terbuka sama ada pembekal kecil atau besar tertakluk kepada syarat-syarat yang tersebut di atas.

Yang Berhormat Seputeh juga menanyakan berkaitan dengan tayangan wayang gambar di bawah syarikat tempatan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya ada skrin wajib tayang yang memberi peluang untuk filem-filem tempatan ditayangkan di pawagam. Daripada segi kritikan terhadap kerajaan dalam filem, apakah dasar dan pendirian FINAS terhadap perkara ini. Penapisan elemen-elemen yang tidak wajar dalam filem yang akan ditayangkan di pawagam dibuat oleh Lembaga Penapisan Filem, bukan di bawah kementerian ini iaitu ia di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Isu berkaitan dengan kandungan dan kreativiti industri profileman. Pihak FINAS sentiasa memberi bantuan dan galakan untuk penggiat industri filem melalui geran, insentif, kemudahan dan perkhidmatan, pengembalaan serta pemasaran untuk menghasilkan filem berkualiti. Walau bagaimanapun, penggiat filem perlu mengikuti garis panduan Lembaga Penapis Filem di bawah KDN bagi memastikan filem-filem yang dihasilkan tidak menyentuh isu-isu sensitif yang boleh mengancam keharmonian dan keselamatan negara. Semua filem termasuk filem yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Seputeh iaitu *New Village* tertakluk kepada garis panduan LPF.

Yang Berhormat Seputeh juga menanyakan persoalan dari segi dasar untuk ... filem, menonjolkan bakat tempatan dan sebagainya. Saya ambil peluang untuk maklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah dasar kementerian melalui FINAS di *Pitching Center*, kita ada satu pusat dinamakan *Pitching Center*. Semua permohonan daripada penggiat seni diterima dan diteliti berdasarkan kepada kualiti dan bukan elemen-elemen lain. Setakat April 2015 hingga 19 November 2015, 513 permohonan telah pun diterima, 412 untuk skrip pembangunan, 55 telah pun diluluskan dan 38 akan dibawa kepada peringkat kelulusan dan 168 masih dalam proses untuk penambahbaikan.

Mengenai persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sekijang iaitu isu berkaitan dengan *love scam*. Sebenarnya Akta PDP 2010 adalah untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial sahaja. Rakyat Malaysia walau bagaimanapun kita ingin menasihatkan supaya tidak mudah terpedaya dengan memberikan maklumat peribadi kepada orang yang tidak dikenali.

■1500

Biasanya *love scam* ini melibatkan kepada kaum wanita *especially* yang keseorangan dan senang terpedaya dengan ajakan orang-orang dari Afrika. Ini yang sering terjadi tetapi memang sebenarnya benda ini memang telah diambil tindakan oleh pihak berwajiblah, PDRM dan sebagainya.

Yang Berhormat Sekijang ada juga menanyakan isu berkaitan dengan aplikasi telefon pintar bagi perkhidmatan teksi. Pihak kementerian sebenarnya menggalakkan pembangunan aplikasi telefon pintar yang menggunakan jalur lebar dan internet. Walau bagaimanapun, penyediaan perkhidmatan melalui aplikasi ini adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang sedang berkuat kuasa. Sekiranya terdapat sebarang aduan yang berkaitan, pihak

Kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas syarikat atau individu yang berkenaan. Setakat ini memang pihak kementerian ataupun SKMM tidak dihubungi oleh SPAD.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tak sempat kerana masuk terlewat tadi tetapi saya bukan hendak tanya apa yang saya bangkit sebab saya tak tahu apa jawapan Yang Berhormat tetapi berkaitan dengan aplikasi untuk teksi ini.

Saya baru sudah berjumpa dengan Persatuan Badan Bertindak Pemandu-pemandu Teksi kerana mereka tidak berpuas hati tentang perkhidmatan aplikasi Uber dan GrabCar yang tidak mendapat apa-apa kebenaran daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD). Mereka mengatakan bahawa sekarang berlaku *flip flop* antara SPAD dengan SKMM bila SPAD kata itu bukan bawah kuasa kami tetapi di bawah kuasa SKMM tetapi mereka kata mereka pernah datang bertemu dengan SKMM dan SKMM kata itu kalau SPAD bagi surat kata tak boleh, mereka akan berhentikan.

Akan tetapi hakikatnya, sehingga sekarang bahawa mereka beroperasi ini tanpa apa-apa permit tetapi memberikan kesan yang berat kepada pemandu-pemandu teksi di Lembah Klang ini di mana kemerosotan pendapatan mereka itu diberitahu kepada saya tadi, hampir 50 peratus merosot pendapatan mereka. Dengan keadaan sekarang ini, memang beban hidup mereka itu sangat-sangat teruk.

Jadi saya minta, apa masalah sebenarnya untuk menghentikan dan menutup aplikasi ini? Sedangkan Menteri Komunikasi yang baru naik ini, maknanya dia naik-naik hari itu dia boleh tutup aplikasi porno sampai 130 lebih, takkan ini dua aplikasi yang berkaitan dengan teksi ini iaitu Uber dengan GrabCar ini tak boleh ditutup sedangkan ini memberikan kesan pendapatan yang sangat besar kemerosotan dia kepada pemandu teksi. Minta penjelasan.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: *[Bangun]*

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Sebenarnya tadi saya sudah menjawab yang mula-mula tadi, kita kata memang ada satu *company* namanya Realm Energy. Jadi nanti Yang Berhormat boleh tengok *Hansard* lah ya.

Yang ini soalan berkaitan...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Menteri. Sekijang, Sekijang. Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sambung sedikit sahaja daripada Yang Berhormat Pokok Sena sebut tadi. Sebenarnya saya setujulah, saya bangkitkan berkaitan dengan aplikasi ini kerana memang ramai *driver* teksi terutamanya di sekitar Lembah Klang ini memang agak risau dengan aplikasi Uber dan juga GrabCar ini. Selain daripada kita minta dihentikan *software* ini, adakah pihak kementerian juga ada mencadangkan mana-mana aplikasi lain yang boleh menggantikan?

Kita tak boleh suka-suka *stop* sahaja Yang Berhormat Pokok Sena, aplikasi yang ada ini sebab kalau kita tak ada aplikasi lain yang boleh menggantikan *software* ini, saya rasa itu pun tak

betul juga sebab kalau kita tengok, ramai pengguna melihat aplikasi Uber dan juga GrabCar ini telah memberikan tambang teksi yang katanya agak rendah, malah dikatakan kereta yang datang itu lebih baik daripada teksi dan sebagainya.

Mungkin kita minta jasa baik daripada kementerian supaya dapat duduk bersama dengan SPAD. Kita tak nak berlaku seperti Yang Berhormat Pokok Sena kata tadi, ada tolak menolak dan sebagainya. Kalau boleh duduk semula, kalau dapat diberikan aplikasi lain yang lebih baik terutamanya yang dicipta oleh anak tempatan terutamanya, saya rasa itu lebih nampak ke'Malaysia'annya berbanding dengan aplikasi Uber dan juga GrabCar ini kita tahu daripada luar. Juga, mungkin dengan adanya saingen seperti ini, pemandu-pemandu teksi dan juga syarikat-syarikat teksi yang ada ini boleh memperbaiki daripada segi servis terutamanya berkaitan dengan perkhidmatan teksi itu sendiri. Terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Tuan Pengerusi, sebenarnya isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sekijang dan juga Yang Berhormat Pokok Sena ini, pihak MCMC seperti yang saya maklumkan tadi, pihak kementerian memang kita menggalakkan apa sahaja pembangunan aplikasi yang menggunakan jalur lebar dan internet kerana itu adalah satu kemudahan untuk masyarakat seperti mana yang saya menjawab baru-baru ini yang berkaitan dengan *Google Map* dan *Waze* dan sebagainya.

Dalam hal ini, berkaitan dengan MyTeksi, Uber dan sebagainya, pihak kementerian melalui SKMM tidak akan menyekat mana-mana laman web atau aplikasi yang belum atau pun tidak pasti ianya telah melanggar sebarang undang-undang. Dalam hal ini, terpulanglah kepada pihak SPAD sendiri kerana kita tahu apabila mereka iaitu mana-mana pemandu teksi ataupun mana-mana masyarakat di luar ingin memandu teksi, itu adalah satu *engagement* antara beliau dan juga pihak SPAD dan tidak melibatkan pihak MCMC ataupun pihak kementerian sehingga pihak SPAD memanggil ataupun ingin berbincang dengan pihak kementerian ataupun MCMC bahawa tolong *delisted* kan benda ini supaya ia adalah ini-ini dan *insya-Allah*, itu yang kita akan bantu. Setakat ini tidak ada.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, mohon.

Tuan Pengerusi: Sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini masalahnya. Isu tadi saya katakan bahawa SPAD kata SKMM, SKMM kata SPAD. Ini *problem* kita. Sedangkan, sepatutnya Yang Berhormat dalam kementerian Yang Berhormat sudah tahu bahawa jelas Uber dan GrabCar ini perkhidmatan yang tidak diberikan apa-apa kebenaran permit daripada Kerajaan Malaysia, daripada SPAD yang bertanggungjawab terhadap pengangkutan darat Malaysia, Suruhanjaya Pengangkutan Darat Malaysia untuk mengeluarkan permit. Jadi, jelas dia bertentangan.

Ini kerana saya difahamkan bahawa di negara-negara luar seperti di *Spain*, sudah pun diharamkan, sudah pun ditutup aplikasi ini. Di Australia, di UK akan ditutup dan tindakan akan diambil kerana dia memberikan kesan kepada pemandu teksi yang lain dan memberi kesan

Kepada keselamatan kita sebab yang bawa itu, saya difahamkan, warga asing tanpa ada insurans yang cover kepada penumpang. Itu satu.

Keduanya, boleh berlaku rompakan ataupun berlaku fitnah dalam hubungan rumah tangga. Umpamanya Tan Sri *contact* Uber, tahu-tahu datang kereta yang bukan kereta teksi tetapi kereta biasa dan yang bawa itu perempuan yang cantik. Tak boleh duduk belakang, dia tak benarkan Tan Sri duduk di belakang. Dia mesti duduk depan sebelah dia sebab dia tak mahu nanti akan berlaku masalah dikatakan bahawa dia ambil kesempatan bawa penumpang. Tan Sri naik tanpa dilihat oleh Puan Sri, timbul fitnah, orang ambil gambar. Tan Sri balik, Puan Sri tak buka pintu untuk Tan Sri. Minta maaf, ini kemungkinan-kemungkinan yang boleh berlaku seperti krisis sosial rumah tangga dan sebagainya tetapi yang besarnya ialah, bagi saya *problem* yang besarnya ialah kesan kepada pendapatan pemandu-pemandu teksi.

Tuan Pengerusi: Ya lah Yang Berhormat Pokok Sena, kenapa pula Speaker yang dibuat sebagai contoh? Ambillah contoh lain. Yang Berhormat Bukit Katil kah apa kah. [Ketawa] Sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, itu mungkin lah. Maknanya Yang Berhormat Bukit Katil dengan Tan Sri itu dia punya ketinggian itu sama.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Carilah contoh lain Yang Berhormat Pokok Sena, jangan Bukit Katil.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Contoh diri sendiri sahajalah yang kena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Akan tetapi saya hendak tekankan ialah apa yang diadukan kepada saya, kepada kami tadi beberapa orang Ahli-ahli Parlimen daripada pembangkang ini ialah kesan besar kepada kemerosotan 50 peratus. Ini bukan isu tambang murah dan sebagainya tetapi industri ini, Uber dan GrabCar ini ialah hendak membunuh industri teksi yang sedia ada yang diizinkan oleh kerajaan.

Rakan saya dari Sekijang mengaku bahawa ini daripada luar, melalui alam maya yang kita tak tahu siapa yang menjalankan operasi tersebut. Saya tidak menolak MyTeksi. MyTeksi memang menggunakan teksi tetapi sekarang ini MyTeksi telah pun di *link* kan dengan GrabCar. Maknanya orang ini yang mencetuskan MyTeksi kemudian di *link* kan dengan GrabCar, jadi akhirnya bila orang hendak minta MyTeksi, dia kata penuh, maknanya dia pergi kepada GrabCar. GrabCar menggunakan kereta yang bukan daripada teksi yang diizinkan oleh kerajaan. Jadi jelas benda ini bertentangan dengan undang-undang. Jadi sepatutnya bagi saya bahawa SKMM sudah boleh mengambil tindakan untuk menutup aplikasi itu.

Tuan Pengerusi: Sila Menteri.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak cakap satu sahaja Tuan Pengerusi, permit pun tidak dikeluarkan oleh pihak SKMM. Jadi kita tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya untuk menutup dan sebagainya melainkan ada permohonan daripada pihak SPAD. Jadi saya rasa benda ini, kalau apa-apa pun daripada segi pengangkutan, memang diuruskan oleh pihak SPAD, makna kata daripada segi ekonominya dan sebagainya.

Saya bagi komitmen kepada Yang Berhormat, sekiranya keperluan oleh pihak SKMM membantu daripada segi pandangan dan sebagainya, kita akan membantu.

Soalan yang seterusnya daripada Yang Berhormat Sekijang iaitu isu berkaitan dengan baki tambah nilai prabayar bagi nombor yang digunakan oleh pelancong asing dapat dimanfaatkan dan disalurkan ke dalam akaun amanah.

■1510

Kerajaan akan memperhalusi cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sekijang dan melihat kesesuaian mekanisme pelaksanaan cadangan ini untuk dilaksanakan selaras dengan peraturan sedia ada.

Yang Berhormat Sekijang juga, saya menambahkan juga sebenarnya memang telah ada perbincangan bersama di antara pihak pemberi perkhidmatan dan walaupun begitu memang kita ada pakej 365 hari yang boleh dipilih oleh pengguna tetapi secara keseluruhannya kita akan semaklah cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Sekijang.

Persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai, beliau tidak ada di sini tetapi saya menjawab jugalah, Tuan Pengerusi bagi makluman semua Ahli Yang Berhormat. Data peribadi rakyat Malaysia yang bebas dibawa ke luar negara di bawah TPPA. Sebenarnya Seksyen 129 Akta PDP 2010 membenarkan pemindahan data peribadi rakyat Malaysia ke luar negara dengan beberapa syarat yang perlu dipatuhi seperti:-

- (i) perlu mendapatkan persetujuan pemilik data tersebut; dan
- (ii) bagi tujuan pelaksanaan sesuatu kontrak.

Dalam hal ini pengguna data contohnya syarikat ataupun organisasi perlu memastikan bahawa tempat di luar negara tersebut mempunyai tahap perlindungan data peribadi yang mencukupi atau setara dengan Akta PDP 2010 berhubung dengan pemprosesan data peribadi ataupun dalam bahasa Inggeris dengan izin, *reciprocal arrangement* Tuan Pengerusi.

Pencelahan yang dibuat oleh Yang Berhormat Klang berkaitan dengan ini sebenarnya TPPA tidak menyekat apa-apa bahan maklumat keluar dan masuk melalui Internet walaupun begitu perkara berkaitan isu moral, pornografi, keselamatan dan mengganggu keharmonian negara adalah dikecualikan dan tidak dikenakan sekatan. Ianya juga bergantung kepada peraturan dan akta negara masing-masing untuk menutup laman web. Contohnya, jika pada undang-undang kita salah tetapi undang-undang negara lain tidak salah maka kita tidak boleh paksa mereka untuk tutup tetapi boleh dibawa berbincang.

Walau apa pun, undang-undang di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia akan masih terpakai di Malaysia. Sekiranya ada website Malaysia yang difikirkan melanggar undang-undang negara TPPA yang lain, negara tersebut tidak boleh paksa Malaysia untuk tutup website tersebut melainkan atas kerjasama dan kerelaan Malaysia.

Yang Berhormat Lenggong ada menanyakan persoalan berkaitan dengan pindaan Akta Komunikasi dan Multimedia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lenggong, sebenarnya pihak kementerian telah pun berbincang dengan beberapa stakeholders, dengan izin dan cadangan pindaan ini akan dibentangkan *insya-Allah* secepat mungkin tahun hadapan saya

percaya kerana sekarang ini telah pun proses pendrafan telah pun diserahkan kepada pihak Jabatan Peguam Negara.

Walau bagaimanapun, sementara kita menantikan persoalan ini dibawa dan diluluskan oleh pihak Jabatan Peguam Negara, suka saya maklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa bukan semua kes atau kesalahan jenayah yang dilakukan di Internet terletak di bawah bidang kuasa pihak SKMM. Kandungan yang dianggap menghasut bolehlah dimajukan kepada pihak PDRM dan boleh diambil tindakan di bawah Akta Hasutan 1948.

Walau bagaimanapun, seperti yang saya maklumkan tadi bahawa pihak SKMM bersedia untuk memberi sebarang bantuan teknikal kepada agensi-agensi yang terlibat khususnya PDRM dan yang lain-lain. Untuk makluman Yang Berhormat Lenggong, terdapat beberapa cadangan untuk pindaan antaranya, menaikkan jumlah ataupun amaun penalti. Tadi Yang Berhormat Lenggong sebut RM50 kita akan naikkan lagi di bawah Seksyen 211 dan Seksyen 233 untuk membendung aktiviti negatif ataupun penyalahgunaan segala kemudahan.

Soalan kedua oleh Yang Berhormat Lenggong adalah berkaitan dengan KTW – Kampung Tanpa Wayar. Saya ingin menambah kepada apa yang telah saya jawab kepada Yang Berhormat Jelebu dan Yang Berhormat Sibu tadi dan juga Yang Berhormat Sibuti. Sebenarnya perkhidmatan perlanaan khususnya di pedalaman kerana kita menggunakan khidmat VSAT. Di luar bandar ini VSAT adalah salah satu teknologi yang terpaksa digunakan.

Sekiranya kita hendak menambahkan *bandwidth* ianya memerlukan kos yang tinggi, walau bagaimanapun, seperti yang saya maklumkan tadi mungkin beberapa teknologi ataupun program lain yang kita akan memperkenalkan seperti Pusat Internet 1Malaysia yang saya unjurkan tadi dan pada masa yang sama pihak kerajaan sekarang memberi fokus program untuk menaik taraf program khidmat 2G kepada 3G dan juga LTE kerana kita tahu program Kampung Tanpa Wayar tadi adalah lebih bersifat sementara.

Di kawasan Lenggong juga dari segi penambahbaikan perkhidmatan jalur lebar sedang giat dilaksanakan kerana saya ada maklumat di sini Yang Berhormat boleh minum dengan saya nanti, saya *share* ya. Sehingga kini 11 menara komunikasi telah pun siap dan beroperasi manakala dua menara masih lagi dalam pelaksanaan. Ibu sawat talian tetap Lenggong sedang dinaik taraf dengan tambahan 652 *pots* lagi. Pihak MCMC akan meneruskan usaha penambahbaikan jalur lebar dari masa ke semasa yang meliputi Lenggong terutamanya di kawasan pelancongan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat.

Berkaitan dengan soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani. Tidak apa beliau tidak ada saya cuba menjawab Tuan Pengerusi. Usaha Jabatan Penerangan untuk memberi penjelasan dan menyampaikan maklumat penting kepada pelajar-pelajar dalam dan di luar negara, sebenarnya memang pihak Jabatan Penerangan ada program antaranya untuk sekolah menengah Program Kenegaraan di mana 801 Kelab 1Malaysia.

Kedua, untuk pelajar IPT, beberapa program seperti Apa Kata Gen Y?, Diskusi Demokrasi Berparlimen, Pewaris Muda, Gemilang Siswa, Forum Jati Diri dan kesemua program

ini adalah berfokuskan kenegaraan dan patriotisme. Tiada program *engagement* bagi pelajar-pelajar di luar negara.

Yang Berhormat Sungai Petani juga bertanya perkara-perkara yang dilaksanakan oleh ...

Tuan Pengerusi: Kalau boleh Yang Berhormat, pernah juga kita buat sebelum ini, kalau jawapan itu untuk persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak ada di Dewan pada ketika ini, hantar sahaja kepada mereka secara bertulis.

Dato' Jailani bin Johari: Boleh. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Cuma saya ingin hendak berkongsi sahaja Tuan Pengerusi. Jadi tadi sebenarnya yang terakhir memang daripada Yang Berhormat Sungai Petani, Tuan Pengerusi dan beliau tidak hadir. Satu, minta maaf Yang Berhormat Sik, Tuan Pengerusi.

Tadi untuk Yang Berhormat Sungai Petani kebanyakannya berkaitan dengan dasar tadi saya sudah maklum dan untuk filem kenegaraan Tuan Pengerusi, tidak apalah saya sentuh sedikit sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila.

Dato' Jailani bin Johari: Filem Kenegaraan sebenarnya isu berkaitan dengan FINAS. Pihak FINAS telah menerbitkan beberapa filem kenegaraan patriotisme sebelum ini seperti Embun, Paloh dan Tanda Putera. Kini FINAS melalui *Content Malaysia Pitching Centre* telah membiayai sebanyak 20 judul filem berbentuk kenegaraan dan patriotisme dengan jumlah sebanyak nilai RM18 juta. Program filem ini akan diteruskan lagi di bawah patriotisme.

Berbalik kepada soalan yang terakhir oleh Yang Berhormat Sik. Sebenarnya ingin saya betulkan apabila Yang Berhormat Sik maklumkan bahawa kita telah dan kadar penetrasi 73%. Sebenarnya kadar penetrasi hanyalah 72.2%.

Ini adalah merujuk kepada kadar pembesar jalur lebar negara dan bukan kadar penebusan *high-speed broadband* kerana *high-speed broadband* ini dibahagikan kepada dua, saya ambil peluang ini untuk maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa *high-speed broadband* pertama yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2010 itu hari adalah jumlah sebanyak RM11.3 bilion kerana Yang Berhormat Sik atas maklumannya hanya RM15 juta. Sebenarnya RM11.3 bilion dan ia dilaksanakan secara kerjasama awam dan swasta di mana pihak kerajaan adalah sebanyak RM2.4 bilion dan pihak Telekom Malaysia adalah RM8.9 bilion.

Setakat ini program ini telah dinaik taraf dan telah dipertingkatkan bagi memenuhi permintaan pengguna. Sebanyak 27 buah syarikat telah pun menggunakan infrastruktur *high-speed broadband* bagi perkhidmatan *high-speed broadband transmission* dengan kapasiti 188 gig bit per second yang melibatkan 659 sambungan seluruh negara.

Keduanya, di mana kita telah melaksanakan *high-speed broadband* yang kedua. Dia mula pada tahun 2015 dan dilaksana secara berperingkat sehingga tahun 2020. Sebanyak 390,000 pots dan 95 ibu sawat di bawah projek *high-speed broadband 2* akan disediakan dan manakala bagi SUBB melibatkan 400,000 sawat dan 420,000 pots di seluruh negara akan

disediakan. Ini dua program yang utama yang sedang dilaksanakan oleh pihak kementerian melalui MCMC dan juga pihak pemberi perkhidmatan.

Di samping itu, persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sik bahawa perkhidmatan Internet dan telefon tidak memuaskan. Penambahbaikan perkhidmatan Internet dan liputan selular sememangnya sedang giat dilaksanakan di Daerah Sik. Sehingga kini 8 lokasi telah pun dibina, menara untuk peluasan liputan selular dan tiga lagi dalam pelaksanaan. Untuk talian tetap dua ibu sawat sedang dinaik taraf dengan penyediaan 422 pots, 5 Pusat Internet 1 Malaysia juga telah siap dan beroperasi. Penaiktarafan perkhidmatan 3G juga sedang dilaksanakan di menara-menara sedia ada.

■1520

Saya rasa Tuan Pengerusi, saya telah menjawab semua persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat seramai 18 orang.

Jadi, saya ingin merakamkan sekali lagi ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas kementerian ini sepanjang sesi perbahasan kali ini. Pihak kementerian akan memberi perhatian dan mengambil tindakan susulan kepada isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,288,425,000 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM1,288,425,000 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM517,721,700 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM517,721,700 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Maksud B.48 [Jadual] –

Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan 2016] -

Tuan Pengerusi: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kepala Bekalan B.48 dan kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terbuka untuk dibahas.

Sila Yang Berhormat Ampang. Selepas Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat Parit Sulong.

3.22 ptg.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Pengurus. Saya ingin membawa bahas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat P.48 dan B.48 di bawah Kepala 020200 – Perancangan Pembangunan Wanita.

Kita dapat bahawa baru-baru ini Kementerian Wanita telah membawakan satu definisi yang baru mengenai ibu tunggal yang mana definisi ibu tunggal itu telah dikategorikan kepada tiga iaitu:

- (i) Ibu yang merupakan ketua keluarga yang telah bercerai atau berpisah secara kekal dengan suaminya dan menanggung anak;
- (ii) Seorang isteri yang menjadi ketua keluarga mencari nafkah serta menanggung suami yang tidak berupaya untuk bekerja ekoran kesakitan dan mempunyai anak miskin dan tanggungan;
- (iii) Wanita ketua keluarga yang tidak pernah berkahwin dan mengangkat anak atau mempunyai anak tidak sah taraf.

Namun demikian, bila ada definisi baru yang mengkategorikan ketiga-tiga kumpulan ini, pada hakikatnya, bincian yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Statistik Malaysia menyertai ibu tunggal pada bincian penduduk 2010 di Malaysia adalah seramai 235,000 orang.

Jadi, di bawah pengkategorian yang baru ini, kita dapat bahawa seramai kalau dibandingkan definisi lama, definisi lama seramai 573,547 wanita yang dalam kategori ibu tunggal ini telah dipinggirkan, telah dikeluarkan daripada definisi baru ini.

Jadi, saya minta kementerian untuk mengkaji semula kerana bila mencicirkan atau meninggalkan 573,547 orang wanita ibu tunggal ini, dalam golongan ini terdapat mereka yang tertinggal adalah golongan wanita yang masih dalam perkahwinan yang terabai kerana ditinggalkan oleh suami tanpa berita dan golongan wanita yang tinggal bersama suami tetapi tidak mendapat nafkah. Jadi oleh sebab ini, angka yang diberi kategori yang diberi itu tidak menyeluruh, tidak *inclusive*.

Jadi saya minta kementerian mengkaji semula, menyemak semula untuk masukkan kategori wanita yang saya sebut tadi sebagai ibu tunggal dalam definisi Kementerian Wanita. Walaupun kita ada badan sokongan keluarga, wanita dan anak-anak masih menghadapi kesulitan dalam mendapatkan hak nafkah yang wajib untuk mereka. Ini hanya boleh dilaksanakan setelah mendapat perintah Mahkamah Syariah. Jadi ini saya minta agar dilaksanakan semula agar wanita-wanita yang bersendirian menyara dan menjalani kehidupan mereka bersama anak-anak dapat dibela nasib mereka.

Seterusnya kepala yang sama, saya ingin merujuk kepada peruntukan pembangunan. Kita lihat peruntukan pembangunan telah dikurangkan sebanyak 43.93%. Jadi, ini adalah satu perkara yang sangat tidak wajar kerana kita lihat walaupun saya mendapat jawapan dari Kementerian Wanita mengatakan bahawa peruntukan ini diturunkan, walaupun diturunkan tetapi ia dapat melaksanakan program yang lebih efektif melalui NBOS, agensi kerajaan, NGO dan lain-

lain serta strategik kementerian memperkasakan perkhidmatan komuniti dan menggalakkan CSR.

Namun begitu, mana mungkin Yang Berhormat Menteri Kementerian Wanita dapat memberikan satu angka, satu laporan yang terperinci yang melihatkan bahawa peruntukan dengan kekurangan peruntukan ini tetapi melalui program NBOS dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti untuk pembangunan wanita dalam negara ini.

Sedangkan ini hanya boleh dilaksanakan sekiranya Kementerian Wanita telah berjaya untuk melaksanakan *Gender Responsive Budget* yang mana sampai sekarang masih tidak mampu lagi Kementerian Wanita untuk memastikan, memantau semua kementerian di dalam kerajaan ini dapat melaksanakan *Gender Responsive Budget*. Dari situlah baru boleh kita dapat tahu sama ada wang dalam program NBOS kah, agensi kerajaankah apa, betul-betul ia sasarkan untuk faedah kepada orang perempuan.

Lagi satu juga, saya ingin sentuh tentang kedudukan Malaysia, wanita Malaysia pada tahun ini kita masih lagi gagal untuk mencapai kedudukan yang tinggi dari segi *Economic Review* iaitu *Gender Global Index*, kita masih berada di kedudukan 107/142.

Kalaulari ini, bajet yang diberi kepada Kementerian Wanita dari segi pembangunan, maka kita tidak akan dapat peningkatan daripada prestasi orang perempuan sama ada di kerajaan, di Parlimen, di Dewan Undangan Negeri dan di semua peringkat. Jadi, mesti ada sikit lagi tumpuan yang lebih serius dan lebih progresif untuk memastikan kedudukan wanita dalam negara ini maju.

Kita lihat pencapaian wanita dalam negara ini, pemantauannya tahun ini naik, tahun depan turun, naik, turun, naik turun, tidak pernah yang kita lihat peningkatan prestasi wanita itu terus meningkat dan menunjukkan satu carta yang cantik, meningkat dari satu masa ke satu masa. Kita lihat sahaja pada Kabinet Kerajaan Barisan Nasional ini sekejap dahulu ada dua Menteri wanita, sudah tinggal satu. Sekejap dua, satu, tidak pernah kalau satu, dua, tiga, empat. Tidak pernah. Dia turun dua, satu, kosong. Sekali-kali itu ada pula lelaki menjadi Menteri Wanita. Jadi itulah yang kita lihat tidak ada peningkatan yang seterusnya. Dia turun, naik, turun, naik. Jadi *flip flop*, ini *flip flop* Yang Berhormat Lenggong, *flip flop*.

Jadi saya harap ada sikit satu usaha lebih serius. Maknanya hendak meningkat dari tahun ke tahun ada peningkatan. Ini tidak, naik, turun, naik, turun, naik, turun tergolek terus. Ini yang kita tak mahu. Jadi, inilah yang saya minta ambil perhatian demi menjaga masa depan wanita Malaysia dalam negara ini. Kita perlukan penglibatan lebih ramai wanita kerana dengan adanya wanita, membawa suara wanita, maka orang perempuan di luar sana akan dapat dibela nasib mereka agar mereka dapat lebih diberdayakan dan dapat sama-sama memajukan negara ini.

Seterusnya Tuan Pengurus, saya juga lihat dari subsidi mamogram. Subsidi mamogram, ada program subsidi mamogram yang dilaksanakan oleh kerajaan. Namun demikian, kita harus juga, kita lihat bahawa mamogram penyakit barah payu dara yang dialami oleh kaum wanita adalah sebanyak 24% semua kanser.

Dalam 10,300 kes kematian akibat penyakit barah, 24.5% adalah daripada barah payu dara. Jadi, kita lihat sudah ada tiba masanya untuk kita melihat secara serius bagaimana kita hendak membantu orang perempuan untuk menghadapi masalah kanser ini terutamanya kanser payu dara. Jadi, kalau pembedahan payu dara itu, dahulu mungkin dilihat dari aspek kosmetik tetapi pada sekarang sudah tiba masanya untuk membuat polisi-polisi yang lebih membantu agar apabila mereka menghadapi penyakit ini dimasukkan dalam kategori pembedahan biasa dalam hospital-hospital kerajaan.

■1530

Jadi oleh itu saya harap sangat bolehlah adalah sedikit perubahan dari segi mengendalikan kes-kes barah yang membabitkan orang perempuan, barah payu dara. Yang seterusnya Tuan Pengerusi, tajuk 020400 Pembangunan Kapasiti. So dalam pembangunan kapasiti kita lihat Malaysia kononnya hendak cuba mencapai tenaga kerja wanita sebanyak 59%. Tetapi kita lihat dalam usaha untuk menambahkan tenaga kerja wanita dalam negara sama ada di peringkat awam atau swasta amatlah pendekatannya seperti yang sebut tadi tidak perlu agresif. Kita lihat bagaimana wanita itu masih lagi tidak mampu untuk datang bersama untuk menjadi tenaga kerja efektif memandangkan mereka adalah seorang ibu dan seorang isteri, maka kebanyakannya mereka harus mengorbankan karier mereka dan masa hadapan mereka. Jadi kita berharap agar kerajaan ini walaupun ada kononnya melaksanakan waktu kerja anjal dan sebagainya tetapi kalau kita lihat hasilnya, kita tidak lihat angka perangkaannya dari semasa ke semasa itu ada peningkatan ke penurunan, ke pertambahan dan sebagainya.

Kita tidak lihat dan pada kasarnya kita lihat kaedah ini masih tidak berjaya dilaksanakan. Ini kerana kita harus ingat bahawa mengikut kajian di dunia produktiviti wanita meningkat sebanyak 25% hingga 40% sekiranya kita dapat mampu menggalakkan penyertaan wanita dalam tempat pekerjaan dan kurangkan diskriminasi. *Harvard Business Review* yang mengendalikan 500 syarikat mendapati penglibatan eksekutif wanita mempunyai prestasi yang lebih baik dalam mencari keuntungan. Kajian *Goldman Sach* sebuah firma pelaburan Multinasional Amerika mendedahkan bahawa menambahkan penyertaan tenaga kerja wanita akan meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar. Jadi saya rasa memang kita harus mengambil serius perkara ini, kalau betul-betul hendak mencapai negara maju pada tahun 2020 kalau tenaga kerja wanita yang berkelayakan dan berkebolehan masih lagi tidak mampu kita menguruskan, maka kita lihat pada tahun 2020 dalam erti kata sebenarnya negara maju itu saya kira tidak mampu ataupun tidak akan terjadi.

Seterusnya Tuan Pengerusi, tajuk 04100 iaitu OKU. Mengikut data yang saya ada, OKU di tempat-tempat pekerjaan sektor awam ada sejumlah 1.6 juta orang yang bekerja di sektor awam dan jumlah OKU yang berdaftar untuk mendapatkan pekerjaan di sektor awam adalah lebih kurang 550,000. Tetapi OKU yang diterima di sektor awam ini adalah seramai 3,047 orang iaitu bersamaan dengan 0.022%. Jadi ini menyebabkan bagaimana kita hendak memperjuangkan nasib OKU yang kita lihat tidaklah 100% ataupun mereka boleh lagi menyumbang dalam tenaga kerja negara kita dan kita cuba mendapatkan mereka dengan sebaik mungkin agar terus dapat masuk dalam sektor pekerjaan.

Jadi kalau sekiranya kita minta kalau kementerian boleh membuat sedikit kajian di negara lain di Amerika Syarikat, di Australia mereka ada kategori-kategori yang mana polisi-polisi dia telah melaksanakan mengikut kebolehan OKU itu dan mungkin gaji diberi kepada orang OKU disemak mengikut keupayaan mereka. Jadi dengan ini mereka dapat diterima bekerja di sektor-sektor awam ini lebih aktif dapat penambahan *participation* mereka. Jadi macam di Amerika, dia ada macam-macam dia ada *workers disabilities policy*, dia ada juga program gaji minimum belia, dia ada *student learner* program, polisi, *full time students* program, *none-profit organization* ini semua ada kategori-kategori tertentu yang mereka adakan polisi-polisi agar semua kategori masyarakat dapat menyumbangkan kepada tenaga kerja negara ini. Jadi kalau dasar di bawah *Supported Wage System* di Australia OKU itu diberikan satu gaji minima dan diberikan gaji mengikut keupayaan beliau. Kalau keupayaan 75%, peringkat gajinya pun diberikan kadar 75%.

Jadi dengan ini kita akan dapat meningkatkan penglibatan mereka dalam pekerjaan memandangkan sekarang dengan keadaan ekonomi yang meleset, GST dan sebagainya, jadi golongan ini perlukan pekerjaan, perlukan saranan untuk meneruskan hidup mereka yang berkeluarga ataupun mereka masih memerlukan satu kaedah pembaharuan yang kerajaan harus laksanakan untuk membantu mereka. Itu sahaja Tuan Pengurus, terima kasih.

Tuan Pengurus: Sila. Ramai lagi hendak berhujah dalam soal ini? Ok sila Yang Berhormat Parit Sulong. Selepas itu Yang Berhormat Bukit Mertajam, selepas itu Yang Berhormat Lenggong. Sila.

3.35 ptg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey saya hendak menyentuh Maksud Bekalan 48 Butiran 020200 - Perancangan Pembangunan Wanita, pertamanya mengenai keganasan terhadap wanita. Sebelum itu saya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang sentiasa menitikberatkan pembangunan dan kesejahteraan wanita melalui pelbagai usaha serta program-program Pencegahan dan juga pemerkasaan ekonomi yang dilakukan oleh kementerian di peringkat masyarakat, di peringkat akar umbi. Untuk keganasan terhadap wanita ini saya percaya masih banyak lagi kes-kes keganasan rumah tangga ini tetapi kita gagal untuk kesan ataupun tidak dilaporkan. Jadi saya hendak tanya kepada pihak kementerian setakat ini berapakah jumlah kes keganasan wanita rumah tangga yang dilaporkan pada tahun ini dan daripada jumlah tersebut berapa ramaikah sebab kes keganasan rumah tangga ini Tuan Pengurus dia boleh terhadap lelaki dan juga terhadap wanita.

Jadi saya hendak tahu untuk setiap kategori ini, berapa banyakkah kes-kes yang melibatkan yang pertamanya yang perempuan, yang keduanya yang melibatkan kaum lelaki. Dalam waktu yang sama juga saya hendak bertanya kepada pihak kementerian apakah usaha kementerian untuk meningkatkan lagi kesedaran masyarakat terhadap kewujudan talian kasih sebab bahawa kementerian dia ada satu talian kasih 15999. Tetapi kewujudannya tidak nampak sangat jadi sebab itulah saya hendak tahu dia punya peningkatan tahap kesedaran dan adakah

Kementerian bercadang untuk memasang lebih banyak lagi papan tanda ataupun papan iklan untuk tujuan memberikan maklumat mengenai kesedaran terhadap kewujudan talian kasih ini.

Seterusnya mengenai kempen 90 hari menangani keganasan terhadap wanita yang bermula 1 Oktober dan akan berakhir 30 Disember ini. Soalan saya pada pihak kementerian adalah apakah mekanisme ataupun pendekatan yang digunakan oleh pihak kementerian untuk memastikan program-program yang dilakukan seperti Program Kempen 90 Hari menangani keganasan terhadap wanita ini sampai ke golongan sasar. Ini kerana mungkin golongan sasar ini kebanyakannya merasa malu, merasa takut untuk turut sama di dalam program-program yang dianjurkan. Soalan seterusnya, adakah program yang dilaksanakan ini mengambil kira penglibatan kaum lelaki. Kalau sekiranya ada berapa ramaikah lelaki yang terlibat dan hal ini mengenai pada pendapat saya adalah kita perlu untuk mendapatkan penglibatan kaum lelaki akan kesedaran dan pengetahuan ini bukan semestinya hanya terhadap golongan wanita sahaja.

Seterusnya bagi Maksud Bekalan 48 Butiran 040000 - Kebajikan Masyarakat. Saya melihat anggaran peruntukan yang diterima oleh kementerian untuk tahun 2016 ini berkurangan kalau kita bandingkan dengan yang diterima pada tahun 2015. Jadinya saya cuma hendak tahu mengapakah berlaku pengurangan terhadap peruntukan yang diberikan terutamanya bagi Butiran 040900 iaitu warga emas. Adakah pihak kementerian ada membuat kajian mengenai populasi warga emas Malaysia yang semakin bertambah dan saya tengok kalau sekiranya jumlah dikurangkan ianya akan menyebabkan kes-kes baru itu sukar untuk diluluskan oleh pihak kementerian.

■1540

Seterusnya, kemungkinannya pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat ini akan membuat satu polisi yang dinamakan *exit policy*. Ini akan menimbulkan kemarahan kepada masyarakat, terutamanya yang telah menerima bantuan JKM yang ini. Jadinya, sudah semestinya sehubungan dengan itu saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian ada membuat kajian dan penyelidikan mengenai unjuran jangka hayat manusia di Malaysia ini? Sekiranya ada, apakah hasilnya kerana hal ini ataupun perkara ini sangat penting kerana ia boleh dijadikan sebagai penanda aras ataupun *indicators* ke atas setiap keputusan ataupun polisi yang akan diputuskan, terutamanya mengenai kebajikan masyarakat ini.

Seterusnya, Butiran 040300 - Kaunseling dan Psikologi. Saya hendak memuji langkah yang dibuat oleh kementerian dengan mewujudkan *One Stop Crisis Centre* (OSCC). Jadinya, sehubungan dengan itu saya hendak bertanya, berapakah jumlah terkini yang ada yang ditubuhkan di hospital-hospital besar kerajaan di seluruh negara? Saya hendak tahu juga sama ada kementerian ada cadangan untuk menambah bilangan OSCC ini? Ataupun adakah kementerian juga bercadang untuk mewujudkan satu klinik khas untuk OSCC ini memandangkan ketika ini OSCC ini hanya terdapat di unit kecemasan di hospital yang berada di bawah KKM sahaja.

Seterusnya, Butiran 040800 - Kanak-kanak. Ada satu perkhidmatan ataupun iaitu dinamakan *Baby Hatch*. Ia bukannya bermakna ianya lampu hijau untuk membenarkan pasangan

tidak sah untuk melakukan seks bebas. Akan tetapi ianya merupakan satu langkah yang menyelamatkan yang bayi yang dilahirkan daripada mati dan memastikan bayi tersebut yang tidak diingini oleh pasangan mendapat hak kehidupan seperti manusia lain. Jadi, sehubungan dengan itu saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, berapakah jumlah bayi terbuang yang telah diselamatkan melalui program ini yang telah beroperasi sejak Mei tahun 2010? Saya juga hendak bertanya mengenai perkembangan program perkhidmatan *Baby Hatch* ini dan apakah cadangan penambahbaikan terhadap program ini di masa akan datang? Adakah kementerian bercadang untuk memberikan perkhidmatan kaunseling dan kerohanian secara berterusan kepada pasangan yang menyerahkan bayi mereka secara bersemuka.

Seterusnya, untuk maksud Bekalan 48, Butiran 050000 – NAM Institute For The Empowerment Of Women (NIEW). Saya sangat bersetuju dengan inisiatif yang diwujudkan oleh kementerian melalui enam institut *Empowerment of Women* Malaysia yang menetapkan dasar sekurang-kurangnya 30% wanita berada di peringkat pembuat dasar ataupun *decision maker* dalam bidang korporat. Walau bagaimanapun saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah status terkini penglibatan kaum wanita di Malaysia ini? Dimanakah *ranking* dan juga pencapaian Malaysia kalau dibandingkan dengan negara ASEAN, negara Asia dan juga dari segi penglibatan Malaysia dalam mengisi jawatan di peringkat korporat sekarang ini?

Dalam waktu yang sama juga saya ingin bertanya pada pihak kementerian, apakah usaha yang dirangka oleh pihak kementerian agar golongan sasaran ini mencapai *work-life balance* ketika bekerja, dengan izin. Selain daripada itu adakah kerajaan juga mempertimbangkan untuk memberikan waktu kerja yang lebih fleksibel ataupun mekanisme yang berstruktur. Ini kerana saranan sahaja tidak cukup Tuan Pengerusi, perlu ada satu cara yang lebih berstruktur yang membenarkan pekerja berhenti sementara ataupun memasuki semula pekerjaan yang juga memberi fokus, memberi peluang kepada mereka untuk fokus dalam usaha untuk membesarakan anak-anak mereka. Dalam waktu yang sama juga, soalan yang saya hendak tanyakan kepada kementerian ini adalah apakah, bagaimanakah kementerian di bawah tajuk yang sama. Bagaimanakah kementerian memantau perbelanjaan di kementerian-kementerian lain?

Saya bersetuju dengan apa yang Yang Berhormat Ampang tadi nyatakan mengenai *gender responsive budget*. Ini sebabnya kalau kita tanyakan kepada- kita tidak tahu hendak tanyakan ke kementerian mana mengenai jumlah perbelanjaan yang dibelanjakan untuk pembangunan wanita itu sendiri. Jadinya, sudah seharusnya sebagai satu kementerian yang bertanggungjawab, terutamanya yang mengenai dasar-dasar berkaitan dengan wanita, sudah semestinya kementerian harus tahu dan harus memantau apakah yang dibelanjakan di setiap kementerian lain. Bagi membolehkan kita secara keseluruhan kita tahu berapakah sebenarnya daripada peruntukan bajet yang diperuntukkan itu dibelanjakan untuk pembangunan wanita itu sendiri.

Seterusnya, untuk pembangunan wanita ini juga saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, pernah dahulu dicadangkan supaya diwujudkan Bank Wanita. Jadinya, saya nak

tahu apakah status mengenai cadangan ini? Adakah kementerian dan juga kerajaan ada cadangan untuk mewujudkan bank yang khusus untuk wanita ini seperti yang dilakukan di negara Kuwait dan juga di India. Paling tidak pun, kalau sekiranya kita mempunyai satu sistem yang memberi laluan kepada wanita untuk mengembangkan atau meningkatkan ekonomi mereka. Bukan sahaja di peringkat mikro peminjaman tetapi memberi laluan, memberi peluang kepada wanita untuk meningkatkan pendapatan mereka melalui usaha-usaha untuk perniagaan sebagai contohnya ya. Sudah semestinya perkara seperti ini patut dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Kemudian kita pun maklum, kita juga tahu bahawa apa juga yang dilakukan, peminjaman yang dilakukan terhadap wanita, pinjaman baliknya adalah lebih daripada 90%.

Seterusnya, kepada pihak kementerian juga saya ingin bertanya mengenai Program Pengarah Wanita ataupun *Women Directors Program*. Ini yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kritikal untuk melaksanakan peranan sebagai Ahli Lembaga Pengarah. Program ini sudah diwujudkan cumanya tidak nampak dia punya keberkesanan di peringkat akar umbi. Jadinya, setakat ini saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, berapakah sebenarnya jumlahnya terkini wanita ini yang telah dilatih di dalam program ini? Daripada jumlah yang telah dilatih, berapakah jumlah *placement*, dengan izin, Ahli Lembaga Pengarah wanita ini? Terutamanya yang diletakkan di dalam syarikat-syarikat tersenarai awam ataupun *public listed companies* di Bursa Saham. Daripada jumlah tersebut, berapakah jumlah *placement* wanita yang di PLC ini sebagai Pengurus ataupun sebagai *Chairman*. Saya hendak bertanya juga kepada pihak kementerian, sejauh manakah tahap keberkesanannya program ini sejak ianya diperkenalkan di dalam tahun 2012.

Seterusnya, kepada Bekalan 48, Butiran 080100 – *Job Coach*. Saya hendak bercakap mengenai masalah kekurangan ataupun *participation*, dengan izin, golongan OKU. Saya tengok sebab kita ada satu cara yang boleh kita hendak menggalakkan pekerja OKU untuk bekerja. Di negara ini dianggarkan terdapat 1.4 orang hingga 2.7 orang juta golongan orang kelainan upaya ini. Akan tetapi persoalannya yang saya hendak tanyakan kepada pihak kementerian, berapakah jumlah daripada jumlah yang besar ini yang sebenarnya berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat? Daripada jumlah itu tersebut juga, saya ingin mendapatkan maklum balas daripada pihak kementerian, berapakah daripada jumlah OKU ini yang mendapat pekerjaan? Apakah lagi mekanisme yang dilakukan oleh kementerian untuk menjelaki golongan OKU ini yang masih belum berdaftar dengan JKM kemungkinan disebabkan tiada maklumat ataupun kemungkinan tidak tahu di mana hendak mendaftar. Memandangkan bila kita buat lawatan di peringkat akar umbi Tuan Pengurus, setengah daripada mereka memang tinggal bersendirian.

Bagaimanakah soalannya kepada pihak kementerian, bagaimanakah pihak kementerian menjelaki mereka ini yang belum lagi mendaftar tetapi layak untuk didaftarkan dan dapat bantuan daripada pihak kementerian? Selain daripada itu, soalan saya yang terakhir kepada pihak kementerian adalah apakah yang dilakukan oleh kementerian untuk memastikan bahawa golongan OKU yang mendapat pekerjaan melalui *Job Coach* ini terus mendapat pengekalan ataupun *job retention* dalam pekerjaan mereka. Terima kasih Tuan Pengurus.

■1550

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang untuk menyertai perbahasan peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat. Terlebih dahulu saya ingin merujuk Butiran 071900 – Program Vaksinasi HPV dan Butiran 072000 – Subsidi Mamogram.

Tuan Pengerusi, kedua-dua ini merupakan program kesihatan wanita yang amat kritikal. Dalam Bajet 2015, jumlah peruntukan untuk kedua-dua program ini telah dipotong sebanyak 90% iaitu daripada RM20 juta setahun hanya kepada RM2 juta sahaja. Tahun ini lebih malang lagi, peruntukan untuk kedua-dua program yang amat kritikal ini telah dipotong 100% daripada Bajet 2016.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah keadaan kewangan negara begitu teruk sekali sehingga dua buah program yang begitu penting bagi memelihara nyawa kaum wanita dimansuhkan sama sekali. Jumlah RM20 juta ini sebenarnya hanya 0.01% daripada keseluruhan Bajet 2016.

Jadi saya tidak faham sebab mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan kepada soalan Parlimen saya pada 5 November yang lepas dalam Dewan yang mulia ini, barah payudara merupakan barah yang paling kerap dihadapi oleh rakyat Malaysia tidak kira gender. Daripada maklumat terkini terdapat 3,209 kes barah payudara yang dikesan hanya dalam satu tahun pada tahun 2008. Mengikut jawapan daripada kementerian yang sama barah serviks merupakan barah ketiga paling kerap di kalangan wanita Malaysia dengan jumlah kes 845 hanya untuk setahun iaitu pada 2008.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan iaitu Ahli Parlimen daripada Balik Pulau juga semasa menjawab soalan tambahan saya mengatakan bahawa program *mammogram* yang saya sebut tadi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, program ini telah berjaya menyaring lebih kurang 263,627 orang wanita. Lebih kurang 10% daripada mereka iaitu 24,980 orang wanita telah dirujuk untuk pemeriksaan lanjut bagi barah payudara. Apakah maksud ini? Ini menunjukkan bahawa program *mammogram* amat kritikal dan amat popular dan telah berjaya membantu lebih 260,000 orang rakyat Malaysia. Kaum wanita berdepan dengan penyakit barah payudara ini. Jika tanpa subsidi, saringan *mammogram* mungkin mencecah RM100 setiap kali.

Jadi saya rasa tidak masuk akal jika program ini dimansuhkan walaupun hanya memakan 0.01 % Bajet 2016 sedangkan Jabatan Perdana Menteri mendapat peruntukan tambahan sebanyak RM1.1 bilion. Saya ingin mengingatkan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang merupakan Ahli dari Batang Lupar bahawa penghujung tahun 2013, beliau telah membuat permohonan kepada Kabinet melanjutkan program *mammogram* ini atas alasan pentingnya pengesanan awal serta respons yang amat menggalakkan terhadap program tersebut. Kalau Yang Berhormat Menteri sendiri berpendapat bahawa program ini penting, mengapa pula kerajaan memansuhkan program ini, hanya 0.01%

untuk menyelamatkan nyawa 15 juta orang rakyat Malaysia, kaum wanita. Adakah terlalu mahal kosnya?

Jadi saya ingin menggesa Yang Berhormat Menteri memastikan agar kedua-dua program ini mendapat peruntukan semula RM20 juta. Kalau ada sebarang kekurangan pada pelaksanaan program-program yang lalu, saya harap kekurangan itu diatasi, bukannya dimansuhkan begitu sahaja. Saya juga ingin bertanya sama ada program subsidi payudara, *prostheses* dan baju dalam *post-mastectomy* masih lagi dilaksanakan oleh LPPKN? Jika ada, berapa peruntukan setiap tahun daripada permulaan program sehingga tahun 2016. Jika sudah tidak dilaksanakan lagi, mengapa? Saya mohon supaya penyambungan program-program ini memandangkan kadar barah payudara yang amat tinggi di negara kita.

Seterusnya saya merujuk kepada Butiran 040600 – Perundangan dan Penguatkuasaan dan Butiran 040800 – Kanak-kanak. Saya di sini ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada laporan media minggu lepas di mana seorang lelaki yang berumur 35 tahun telah merogol seorang kanak-kanak berumur 11 tahun, memaksa isterinya merekodkan perlakuan jenayah keji tersebut dan kemudian cuba menjual video tersebut. Mangsa merupakan adik kepada si isteri pelaku dan isteri tersebut umurnya hanya 14 tahun. Sebelum berkahwin, juga pernah menjadi mangsa rogol kepada si pelaku tersebut. Ucapan pertama saya dalam Dewan yang mulia ini, saya masih ingat lagi, saya menyeru agar pihak kerajaan melarang perkahwinan kanak-kanak dan mewujudkan satu akta daftar nama pesalah jenayah seksual.

Perkahwinan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun patut dilarang sama sekali di Malaysia. Negara kita telah meratifikasi *convention penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita ataupun SIDOR* dengan beberapa pengecualian termasuk Artikel 16(2) untuk melarang perkahwinan kanak-kanak. Justeru, sehingga hari ini kerana kita ada pengecualian terhadap artikel tersebut dalam SIDOR sehingga hari ini, daripada statistik terkini iaitu pada tahun 2010 terdapat lebih kurang 16,000 orang kanak-kanak perempuan bawah umur 15 tahun yang berkahwin, hanya untuk tahun tersebut sahaja. Pelbagai laporan telah diterbitkan sama ada di dalam atau pun luar negara tentang aspek-aspek negatif dan hampir tiada aspek positif tentang perkahwinan kanak-kanak.

Kes terbaru yang saya bangkitkan tadi hanya satu daripada contoh bagaimana seorang isteri berumur 14 tahun tidak berupaya melawan dan mempertahankan hak dirinya serta keselamatan adik perempuannya terhadap suami, si suami yang dewasa itu. Kita sebagai pemimpin dan sebagai ibu bapa, pakcik, makcik, orang dewasa, kita telah dan akan terus mengecewakan dan menggagalkan kanak-kanak Malaysia yang menjadi mangsa perkahwinan bawah umur selagi kita gagal merubah perundangan untuk melarang perkara ini.

Tuan Pengurus, keduanya, akta daftar nama pesalah jenayah seksual yang telah dibangkitkan berkali-kali dan bertahun-tahun. Instrumen ini saya masih ingat lagi dicadangkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada tahun 2007 selepas peristiwa malang adik Nurin Jazlin yang mayatnya dijumpai dalam sebuah beg selepas dirogol dan dibunuh. Cadangan ini telah disokong pada masa itu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat. Kini

sudah tahun 2015, sudah lapan tahun. Apa sudah terjadi dengan akta tersebut? Dalam kita bimbang tentang ISIS, insiden-insiden keganasan (*terrorism*), pada hari ini statistik menunjukkan bahawa setiap 15 minit di Malaysia seorang wanita menjadi mangsa rogol. Sejumlah 100 orang wanita di Malaysia dirogol setiap hari dan separuh daripada mereka umurnya hanya kurang daripada 16 tahun.

Jadi saya di sini memohon kepada Menteri agar memastikan kedua-dua perundangan melarang perkahwinan kanak-kanak dan akta daftar nama pesalah jenayah seksual dibentangkan secepat mungkin, kalau boleh tahun depan. Ia merupakan tanggungjawab kita untuk mewujudkan satu suasana yang selamat dan sihat kepada semua rakyat Malaysia tua dan muda, lelaki dan wanita. Justeru saya merayu kepada rakan-rakan seperjuangan saya daripada kedua-dua pihak untuk memastikan kedua-dua perundangan ini menjadi kenyataan secepat mungkin. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Lenggong, selepas Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Kuala Langat.

3.58 ptg.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang saya bahas di peringkat Jawatankuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat. Butiran 040800 – Kanak-kanak, 041000 – Kurang Upaya, seterusnya 040000 – Kebajikan Masyarakat dan 070000 – Program Khusus. Kanak-kanak penting kepada kita kerana mereka adalah kelompok generasi penerus kepada kita. Kalau kita lihat dalam bajet ini, sebanyak RM77.5 juta diperuntukkan dan ia nampaknya ada penambahan sedikit berbanding dengan tahun lalu. Sudah tentu bajet ini saya difahamkan, akan digunakan untuk perkhidmatan perlindungan, pemeliharaan, pemulihan dan juga beberapa program lain termasuk dalam pembangunan berkaitan dengan kanak-kanak. Kalau kita lihat statistik kementerian ini bagi tahun 2013, kanak-kanak memerlukan perlindungan, kalau kita tengok dari segi jumlahnya adalah lebih kurang dalam 246 orang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said] mempengerusikan Jawatankuasa

Ini yang didaftar yang saya difahamkan bagi statistik 2013. Kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan pula, lebih kurang 4,119 orang.

■1600

Kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah ada lebih kurang 5,584 orang yang tidak terkawal. Manakala kanak-kanak yang tidak terkawal lebih kurang 635 orang. Ini angka yang didaftarkan, barangkali dan tentu ada lagi jumlah kalau kira yang lain-lain. Akan tetapi sama ada angka ini tepat atau tidak Yang Berhormat Menteri, minta menjelaskannya nanti. Jika kita melihat statistik ini, ia memang agak tinggi. Di sini ialah kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah iaitu

seramai lebih kurang 5,584 orang tadi. Kalau kita lihat daripada segi negeri pula, saya difahamkan jumlah Johor, Selangor dan Kedah. Ini merekodkan jumlah tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain iaitu Johor 805 orang, Selangor 773 orang dan 644 orang bagi negeri Kedah.

Daripada segi jenis kesalahan, kalau kita hendak teliti. Kes jenayah yang tinggi dilakukan adalah yang bersabit dengan harta benda dan tidak terkecuali juga terlibat dengan kes-kes jenayah ini. Keadaan ini amat membimbangkan kita dan sudah tentu jika kita tidak membendungnya, ia boleh menular dan cukup memberikan kesan besar kepada kita dalam segala aspek.

Soalnya apakah kementerian ada membuat kajian dan saya percaya mungkin ada. Apakah faktor sebenar yang menyebabkan kes-kes ini berlaku dan kenapa ia melibatkan kanak-kanak, adakah berpunca disebabkan masalah keluarga, terbiar atau di kalangan kanak-kanak yang tidak ada ibu bapa? Maksudnya mungkin ibu bapanya mungkin sudah meninggal dan sebagainya.

Kemudian, sejauh manakah tahap pemuliharaan yang diberikan kepada kanak-kanak malang ini dan apakah bentuk-bentuk program ataupun rumah-rumah yang telah disediakan untuk mereka? Saya juga mahu mendapatkan penjelasan daripada kementerian, bagaimana perancangan kementerian untuk menurunkan jumlah yang kita lihat begitu banyak ini? Bayangkanlah Ahli-ahli Yang Berhormat, kanak-kanak yang sekecil ini telah pun mula terlibat dengan jenayah dadah dan sebagainya dan apakah akan terjadi kepada mereka dan masa depan mereka?

Saya juga hendak menyentuh perkara yang berkaitan dengan Butiran 041000 – Kurang Upaya. Peruntukan ini akan digunakan untuk perkhidmatan, pemulihan serta perlindungan, pemeliharaan dan juga pembangunan bagi meningkatkan kesejahteraan dan pengintegrasian Orang Kurang Upaya (OKU) dalam masyarakat. Saya juga hendak merujuk kepada statistik 2013. Kalau mengikut statistik tersebut, ia menunjukkan lebih daripada 494,074 orang yang kelainan upaya yang telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini rekod yang didaftarkan berdasarkan kepada angka 2013. Sama ada kurang atau tidak, saya tidak ada angka berikutnya. Cuma, saya hendak tahu apakah jumlah terkini yang direkodkan oleh kementerian dan berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat? Kalau boleh minta juga di dalam kawasan saya di Parlimen Lenggong.

Berdasarkan rekod di Jabatan Tenaga Kerja di Semenanjung Malaysia, setakat Disember 2014 hanya 4,147 orang OKU berjaya mendapatkan pekerjaan dan ditempatkan di pelbagai sektor pekerjaan. Ini rekod tahun 2014. Daripada jumlah itu, kita juga mendapati bahawa lebih kurang 3,741 orang direkodkan sedang berkhidmat sebagai penjawat awam di pelbagai kumpulan perkhidmatan dalam kementerian, jabatan dan pelbagai agensi kerajaan yang lain. Daripada segi jumlah ini, tiga orang penjawat awam OKU sedang mengisi jawatan di peringkat pengurusan tertinggi di sektor awam dan 1,045 orang dalam perkhidmatan pengurusan dan profesional serta 2,643 orang dalam perkhidmatan sokongan.

Umumnya, pembabitan OKU dalam sektor pekerjaan ini nampaknya masih belum menepati sasaran. Berasaskan kepada *target* dan dasar 1% OKU dalam sektor awam. Maknanya masih belum mencapai sasaran. Kalau saya merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri pada 14 April lepas, kementerian juga akan mempertimbangkan cadangan untuk menubuhkan jabatan hal ehwal orang kurang upaya, bagaimana dengan cadangan ini dan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh kementerian untuk meningkatkan jumlah penglibatan dan juga jumlah orang kurang upaya ini dalam pelbagai sektor awam dalam negara ini? Kemudian, sejauh manakah pelaksanaan yang dibuat itu berjaya atau apakah halangan-halangan yang menyebabkan dasar 1% peluang pekerjaan yang disasarkan sejak tahun 1988 belum tercapai? Apakah sebenarnya perkembangan terkini?

Tuan Pengerusi, saya juga hendak merujuk Butiran 040000 – Kebajikan Masyarakat. Ketika ini kita tahu bahawa pelbagai bantuan kebajikan kita berikan kepada rakyat di pelbagai kelompok. Kalau hendak bercakap soal cukup tidak cukup memanglah tidak cukup apatah lagi dengan keadaan kehidupan hari ini. Cuma boleh atau tidak, kementerian jelaskan di sini kerana kita hendak supaya proses kelulusan dipercepatkan. Beberapa syarat yang terkandung dalam syarat untuk membolehkan pemohon itu layak mendapatkan, saya harap dikaji semula terutama sekali kita dapat lihat hari ini masih lagi dalam keadaan kalau pemohon ada anak automatik dia tidak layak dapat, apatah lagi kalau bekerja. Sedangkan kebanyakan anak, hendak menyara keluarga mereka sendiri pun tidak mampu apatah lagi hendak menyara ibu bapa. Akhirnya, ia menyebabkan kebanyakan ibu bapa tidak mendapat kewangan yang mencukupi untuk menyara kehidupan. Saya berharap isu-isu seumpama ini dapat dipermudah dan diperbaiki.

Satu lagi perkara yang saya hendak bangkitkan juga kerana ini cukup...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lenggong. Berapa banyak satu lagi, satu lagi. Sila, sila.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Satu lagi bab ini. Berkaitan dengan banjir. Ini kerana ia masih lagi belum diubah, ini penting Tuan Pengerusi. Kalau masih lagi kita terikat dengan prosedur lama, hanya mereka yang berada di pusat penempatan sahaja akan mendapat bantuan, tetapi yang tidak berada di pusat penempatan tidak akan mendapat bantuan.

Saya hendak ulang banyak kali selagi perkara ini tidak diselesaikan kerana ia akan membebankan kepada kami wakil-wakil rakyat ini. Ini kerana ada di kalangan mangsa banjir yang memang tidak duduk di penempatan tetapi rumahnya musnah, dia duduk di rumah emak atau kakak yang ada berhampiran, buat apa duduk di penempatan tetapi tidak dikategorikan. Malah jabatan kerajaan yang lain pula seperti MKN dan sebagainya menggunakan data dari Jabatan Kebajikan Masyarakat, maka timbul lagi masalah lain. Sebab itu, isu ini minta diperbetulkan supaya ia dapat menyelesaikan masalah rakyat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya tidak ada masalah sangat. Di Kuala Langat sebab dia tidak ambil tahu bab ini. Kita di Barisan Nasional ini. Yang Berhormat Kuala Langat ini dia tidak ambil tahu, dia bercakap sahaja tetapi tidak buat apa-apa sebab itu dia tidak tahu isu ini.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Minta mencelah. Ayat tidak buat apa-apa itu, tarik balik.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tarik balik, tarik balik. Tidak apa, tidak ada masalah tetapi memang macam itu pun. Satu lagi, ada satu lagi, akhir. Saya minta Yang Berhormat Menteri, PDK Lenggong sudah sangat uzur. Dahulu Menteri, Ketua Wanita dahulu pergi dan sudah tengok tempat ini sudah sangat uzur. Saya ingat Yang Berhormat Menteri ini tolong selesaikanlah. Sudah banyak kali bagi surat, minta tolong PDK Lenggong. Terima kasih.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Langat tadi dicatat, cuma kalau hendak bagi laluan kepada Yang Berhormat Lembah Pantai terpulang. Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai.

16.09 ptg.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kena minta izin daripada bos, silakan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat atas ruang yang diberikan. Saya pendek sahaja Tuan Pengerusi. Pergi kepada Maksud Perbekalan 48, di bawah Butiran 020500 – Bimbingan dan Kaunseling, Butiran 040800 – Kanak-kanak, Butiran 071900 – Program Vaksinasi HPV, Butiran 072000 – Subsidi Mamogram.

Tuan Pengerusi, saya fikir isu yang selalu dibangkitkan dalam Dewan, isu yang penting adalah bila masa kita lihat kegagalan pendakwaan dalam memastikan penjenayah yang terlibat dalam mengakibatkan mangsa bagi keganasan wanita dan kanak-kanak dihadapkan ke muka pengadilan.

■1610

Kes yang melibatkan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak semakin membimbangkan. Perkara ini dibuktikan menerusi statistik. Kalau dilihat kes pemerkosaan, sebanyak tiga kali ganda Tuan Pengerusi, dari tahun 2000 hingga 2009. Saya rujuk statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat yang menunjukkan bahawa ada 11,378 kes penderaan terhadap kanak-kanak yang dilaporkan dari tahun 2011 hingga 2013.

Perkara ini menunjukkan bahawa masalah berkait keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak sebenarnya isu penting yang harus diselesaikan di peringkat perdana, *mainstream* dan diberi pendedahan secara langsung kepada masyarakat. Yang membimbangkan adalah dari segi keutamaan kita. Masalah timbul kerana mangsa-mangsa keganasan wanita dan kanak-kanak, selalunya penjenayah atau mereka yang bertanggungjawab tidak dibawa ke muka pengadilan. Saya rujuk statistik, dari tahun 2005 hingga 2014, sebanyak 28,471 kes rogol dilaporkan, hampir 30,000 Tuan Pengerusi. Hanya 16 peratus iaitu 4,515 kes sahaja yang dibawa ke mahkamah dan daripada angka tersebut, hanya 2.7 peratus didapati bersalah.

Kajian menunjukkan separuh daripada responden menyatakan sistem dalam membuat laporan pada awalnya mengenai keganasan kanak-kanak begitu lemah. Ini masalah utama. Sebanyak 90 peratus responden masih tidak lagi percaya pendakwaan ke atas mangsa keganasan kanak-kanak dapat diselesaikan. Jadi ada ruang *loophole* yang jelas nyata mengakibatkan ia terus berlaku tanpa tindakan susulan dan mereka yang bertanggungjawab didakwa.

Datuk Zubaidah binti Mohd Ismail, Tuan Pengerusi, beliau ada membuat kajian menyatakan sebanyak 3,000 kes keganasan terhadap wanita dilaporkan tetapi kurang 40 peratus dapat didakwa, selebihnya 60 peratus tidak dapat didakwa sebab mangsa menarik balik semula pendakwaan tersebut. Datuk Rohani, Timbalan Menteri mengatakan peningkatan kes penderaan rumah tangga sahaja sebanyak 36 peratus dari tahun 2014 dan 3,053 kes pada tahun 2013.

Saya fikir bila masa keseluruhannya kes keganasan ini yang dilaporkan oleh statistik PDRM menunjukkan kes-kes yang tidak dapat terhenti sebaliknya bertambah dan tidak ada tindakan susulan, jadi persoalan saya, kelemahan dalam pendakwaan pesalah atas kes keganasan benar-benar memberi impak negatif terhadap wanita dan masyarakat. Wanita dan kanak-kanak yang selalunya menarik semula kes tersebut atau dakwaan tersebut dikenal pasti membuat sebegitu atas beberapa faktor. Antaranya tekanan sosial dan juga takut dengan pelaku. Tindakan mangsa ini menyebabkan banyak kes serius tidak dapat dibawa ke muka pengadilan dan juga memberi kelonggaran kepada pesalah untuk melarikan diri dan mengulangi kesalahan lampau.

Saya juga merasakan - kerana, inilah persoalan saya kepada kementerian, bagaimanakah cadangan penyelesaian yang dibawa oleh kementerian untuk membentuk atau bekerjasama dengan kementerian-kementerian dan agensi terbabit khususnya Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan sistem pendakwaan yang lebih efektif membawa pesalah kes keganasan wanita dan kanak-kanak ke muka pengadilan? Kedua, bagi Yang Berhormat Menteri mengatakan jumlah kes keganasan wanita dan kanak-kanak yang ditarik semula oleh mangsa dan langkah susulan diambil untuk mengelakkan tindakan ini daripada berulang.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya pergi tadi yang saya sebut untuk isu program yang diumumkan dalam Bajet 2012 iaitu RM50 juta diperuntukkan bagi program vaksinasi percuma Human Papilloma Virus (HPV), antara langkah utama mencegah kanser serviks. Saya lihat program ini diberikan kepada semua warga wanita yang layak daripada umur 13 tahun ke atas

dan ada juga ditambah dengan subsidi bagi program mamogram. Untuk tahun 2016, tidak ada peruntukan yang diteruskan.

Jadi bagi kanser ketiga yang paling kerap dihadapi oleh wanita ini, saya ingin menanyakan kepada kementerian, kenapakah peruntukan dipotong bagi tahun 2016? Adakah ini bermaksud program tidak diteruskan ataupun adakah perancangan bagi program ini diambil alih oleh Kementerian Kesihatan secara keseluruhannya? Ini penting kerana bagi saya bila masa kementerian mengambil tanggungjawab melakukan sesuatu bagi mengelakkan serangan kanser sebegini, ia adalah satu tindakan yang amat baik. Maka, harus diteruskan bagi tahun-tahun mendatang. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Berapa ramai lagi? Tidak ramai ya? Tinggal dua lagi. Ya Yang Berhormat Kuala Langat.

4.15 ptg.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya terus kepada Butiran 070200 – Emolumen Kakitangan Kontrak. Masih lagi pekerja kontrak. Apa pun Tuan Pengerusi, saya mohon kementerian daripada anggaran tahun 2015 sebanyak RM10 juta, pada anggaran tahun 2016 sebanyak RM5 juta. Dalam erti kata lain, ia masih diperlukan. Saya memohon supaya pekerja-pekerja kontrak ini diambil kira tentang deskripsi kerja mereka dan jika keperluan itu, *confirmkanlah* mereka dan janganlah bebankan mereka berterusan kontrak sehingga kehidupan mereka teraniaya.

Saya ingin menynggung terus kepada Butiran 071400 – Memberantas Perdagangan Orang. Apabila waktu ini tatkala Yang Berhormat Menteri bercakap tentang mereka yang minta sumbangan di tepi jalan ataupun di rumah rehat setiap lebuh raya, waktu itu Yang Berhormat Menteri kata, seingat saya, dia kata perkara itu akan diambil tindakan segera. Saya ingat peristiwa itu berlaku sekitar dua, tiga tahun yang lalu.

Akan tetapi pada hari ini, kita dipamerkan lagi, sekarang ini sudah banyak anak-anak yang kita ketahui bukan anak-anak tempatan, a lebih kepada anak-anak Myanmar sebagai contoh, yang meminta sedekah di tepi jalan bila kereta hendak berhenti. Perkara ini berlaku di banyak kawasan dan saya percaya ini adalah sindiket kutipan derma ini dibuat oleh suatu organisasi, saya percaya. Ini kerana budak-budak ini tidak tahu cakap bahasa Melayu. Budak-budak ini dilihat sebagai peminta sedekah cara moden yang tidak cakap bahasa apa, tiba-tiba hulur tangan dekat kereta kita, ketuk-ketuk dia minta. Bahayanya satu dan risiko itu saya nampak tidak dibuat pemantauan oleh penguasa termasuk pihak polis dan juga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Apa yang saya nampak, ini memberikan seolah-olah tidak mempedulikan langsung perkara-perkara ini berlaku yang menyebabkan kesesakan lalu lintas satu, risiko nyawanya pun satu dan lebih malang lagi ialah dia selagi kita tidak beri *contribution* ataupun tidak beri derma, dia ketuk pintu macam hendak pecah. Jadi ini saya kira adalah perkara yang harus kementerian lihat daripada prospek lebih jauh iaitu kita jangan dilihat negara yang seolah-olah peminta

sedekah dibuka luas kepada semua orang, ataupun diberikan laluan dan tidak dikenakan penguatkuasaan. Ini harus diberikan perhatian. Saya mohon Yang Berhormat Menteri supaya perkara ini tidak boleh berlaku.

Macam dulu kita tengok dan sekarang pun berlaku lagi di rumah rehat, ada sahaja orang minta sedekah tengah waktu pagi, petang dan malam. Tidak ke sekolah kah mereka ini? Saya lihat sumbangan itu sumbangan yang berterusan bertahun-tahun. Tidak capai kah lagi matlamat untuk kumpulkan wangnya? Isunya ialah anak-anak ini perlu perhatian pendidikan. Apakah mereka itu dalam usia 12 tahun, 11 tahun ini, pendidikan itu diambil sebagai aspek yang penting? Akan tetapi yang jelas ia berterusan dan tidak ada sekatan.

Saya mohon kementerian supaya melihat perkara ini serius, supaya janganlah diletakkan negara ini seolah-olah, saya hendak sebut pun tidak berapa hendak seronok tetapi Yang Berhormat Menteri harus memberikan tumpuan untuk pastikan rumah rehat, tempat petrol pamnya dengan *traffic light*nya tidak lagi ada anak-anak kecil yang mengetuk pintu minta derma yang saya rasa ini amat tidak sesuai dan tidak diperlukan ataupun tidak boleh berlaku dalam negara yang kita anggap untuk mencapai negara yang maju yang saya lihat kenampakan tidak ada persiapan ke arah itu.

Maka, itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

■1620

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Yang Berhormat Rantau Panjang. Selepas Yang Berhormat Rantau Panjang Yang Berhormat Menteri jawab. Sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Bekalan 48 - Kementerian Pembangunan wanita, Keluarga dan Masyarakat. Fenomena yang ada pada hari ini sebenarnya cukup menyebakkan dada kita apabila kita melihat bagaimana begitu ramai angka sebagaimana yang disebut dalam Dewan yang ini wanita dirogol, kanak-kanak didera begitu juga kes penceraian yang begitu tinggi puluhan ribu setiap tahun.

Kes pendakwaan yang lemah terutama berkaitan dengan isu-isu berkaitan dengan wanita, begitu juga lambakan anak haram dan luar nikah, begitu juga isu keselamatan, isu kesihatan wanita yang sepatutnya diberi perhatian utama oleh kerajaan.

Jadi kita melihat maksud B.48 ini di mana dalam Bajet 2016 menunjukkan peruntukan yang telah dikurangkan begitu banyak iaitu pengurangan sebanyak RM260 juta 11.58% berbanding dalam peruntukan tahun 2015 iaitu RM171 juta untuk mengurus dan RM89 juta untuk pembangunan.

Jadi saya ingin tahu sejauh mana sebagai kementerian yang menjadi peneraju utama terhadap isu-isu yang berkaitan dengan wanita, pembangunan keluarga dan masyarakat melihat begitu banyak permasalahan yang ada dalam negara kita hari ini macam mana kerajaan, pihak kementerian menyusun atur untuk memastikan tanggungjawab utama ini dapat diselesaikan.

Jadi saya ingin penjelasan sejauh mana program-program yang telah disusun oleh pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dapat menyelesaikan isu yang sedang berlaku pada hari ini. Apakah pencapaianya setakat ini dan sejauh manakah apa yang dirancang oleh hari ini untuk buat penambahbaikan untuk memastikan isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan wanita, keluarga dan masyarakat dapat diselesaikan. Ini sebab kejayaan kita bukan sahaja dari sudut ekonomi, tidak ada erti kita berjaya maju dari sudut ekonomi menuju tahun 2020 untuk mencapai negara maju berpendapatan tinggi sedangkan keruntuhan institusi kekeluargaan kita runtuh, moral rakyat kita runtuh, wanita kita runtuh akhlaknya, anak-anak kita terbiar, lambakan anak luar nikah. Semua itu tidak ada erti kekayaan negara jika kita gagal membina pembangunan insan untuk menjadi modal insan untuk masa depan negara kita.

Tuan Pengerasi, saya ingin tahu juga sejauh mana program yang dirancang di bawah kementerian untuk melahirkan keluarga seimbang dari sudut rohani, emosi dan jasmani. Sebagai contoh, *target* untuk sekurang-kurang satu keluarga, satu penghafal Al-Quran dalam satu keluarga lahirnya sekurang-kurang satu profesional dalam satu keluarga. Sejauh mana perkara ini dinilai oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ada ke ukurannya. Saya ingin tahu statistik terkini berkaitan dengan perbandingan kesejahteraan kehidupan keluarga di Malaysia dengan isu-isu yang saya sebut tadi.

Tuan Pengerasi, menyentuh Butiran 010500 – Pelaksanaan Dasar Sosial Negara yang mana saya ingin pencerahan apakah aktiviti yang telah dilaksanakan setakat ini selain daripada Pusat Bantuan Khidmat Sosial di Chow Kit yang seperti mana disebut dalam buku Bajet. Di manakah lagi pusat ini diadakan di seluruh negara dan sejauh mana kementerian melihat program ini berjaya menangani isu-isu remaja. Ini sebab saya cukup bimbang dengan angka-angka yang terkini terutama yang melibatkan masalah sosial remaja yang hampir setiap hari 50 orang anak luar nikah lahir di Malaysia. Itu adalah satu perkara yang cukup menyentuh hati kita. Apa lagi pendedahan yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan baru-baru ini didapati 18,000 remaja hamil di negara kita berumur antara 13 tahun hingga 17 tahun yang mana 50.4% adalah golongan remaja di bawah umur ini ada satu perkembangan yang sangat membimbangkan. Jadi sejauh mana pusat-pusat ini berperanan untuk menangani isu-isu yang saya sebutkan tadi.

Saya ingin menyentuh berkaitan dengan perwujudan Rumah Nur dan MPWK. Sejauh mana program ini berjaya dan berkesan. Sejauh mana penglibatan wanita-wanita dan sambutan wanita terhadap program yang dianjurkan di bawah Rumah Nur dan MPWK ini. Apakah kerjasama dibuat dengan kerajaan negeri sebagai contoh kalau Kerajaan Negeri Kelantan bersama di bawah urus setia pembangunan wanita keluarga dan masyarakat di bawah Exco Wanita negeri Kelantan. Sejauh mana kerjasama dibuat bersama Exco Wanita di bawah kerajaan negeri.

Begitu juga saya ingin penjelasan berkaitan dengan sistem sokongan kepada pekerja wanita yang mana saya mendapat makluman hanya ada 32 buah taska di sektor swasta untuk membantu pekerja wanita dan sektor awam hanya ada 135 buah sahaja setakat ini. Sedangkan kerajaan hendak menysarkan 59% penguasaan wanita di sektor pekerjaan menjelang tahun

2020. Jadi sudah tentulah bilangan taska ini tidak cukup untuk memberi sistem sokongan yang baik kepada pekerja-pekerja wanita di seluruh negara. Jadi macam manakah program untuk menggalakkan lebih banyak taska diwujudkan dan apakah kekangan dan cabaran yang dihadapi setakat ini.

Menyentuh Butiran 040400 – Pentadbiran Negeri dan Daerah di bawah JKM ini. Saya ingin tahu sejauh mana perjawatan-perjawatan terutama di pejabat kebajikan masyarakat di daerah-daerah mencukupi dengan keperluan masyarakat. Ini sebab kita lihat hari ini contoh satu pegawai memantau satu DUN sedangkan satu DUN ada 20,000 ke 30,000 orang pengundi ataupun rakyat. Jadi bayangkan sudah tentulah akan berlakunya keciciran dan sebagainya dan aduan yang kita terima banyak lambat pemantauan lambat kadang-kadang ada kes yang sebagai mana yang dilaporkan dalam laporan audit sebenarnya orang yang meninggal masih menerima bantuan. Ini mungkin kerana kekurangan staf dan kakitangan. Kita lihat dalam buku Bajet ini didapati perjawatan pada tahun 2015, 3,610 perjawatan dan tahun 2016 tidak bertambah sedangkan keperluan di pejabat-pejabat kebajikan daerah sangat memerlukan tenaga untuk memastikan keberkesanan peranan dan untuk mencapai objektif Jabatan Kebajikan Masyarakat itu sendiri.

Sejauh mana kerajaan melihat isu ini dan bagaimanakah mekanisme pemutihan dibuat kepada penerima-penerima bantuan di bawah JKM sebab kita dapati ada aduan. Penerima bantuan yang sebelum ini terima bantuan tiba-tiba nama mereka dipotong daripada menerima bantuan JKM. Jadi macam mana perkara ini berlaku supaya tidak berlakunya kezaliman terutama bagi golongan yang sangat memerlukan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 040800 – Kanak-kanak. Kita melihat hari ini isu berkaitan dengan penderaan kanak-kanak, penculikan kanak-kanak sangat menyentuh hati kita apalagi menyebabkan jenayah seksual dan sebagainya kepada kanak-kanak. Jadi saya ingin tahu sejauh mana program ini disusun di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memastikan keselamatan kanak-kanak khususnya diambil perhatian keseluruhannya.

Begitu juga tentang rumah-rumah perlindungan wanita. Setakat ini ada beberapa buah dan berapakah kes anak-anak yang lahir daripada rumah-rumah perlindungan ini diambil oleh ibu angkat. Berapa kes kah mereka yang berada rumah perlindungan ini yang mengalami kes berulang, maksud saya maknanya melahirkan anak luar nikah berulang mungkin ini berlaku kerana kegagalan modul pendidikan yang tidak memberi kesan kepada peserta. Jadi sejauh mana perkara ini dipantau dan saya ingin statistik yang terkini terhadap isu ini.

Begitu juga saya ingin tahu sejauh mana pemantauan yang dibuat terhadap isu pembuangan bayi. Jadi ini adalah satu perkara yang cukup menyentuh hati. Jadi mengikut statistik yang ada pada hari ini berapakah kes pembuangan bayi yang berlaku di seluruh negara dan setakat ini berapakah tindakan yang telah diambil.

Butiran 040900 – Warga Emas. Saya ingin mendapat penjelasan di mana kita dapati Bajet yang diperuntukkan pada kali ini berkurang daripada RM62.5 juta kepada hanya RM54.8

juta. Jadi sedangkan kita dapati sebelum ini penglibatan terutama pusat-pusat aktiviti warga emas di seluruh negara yang mana lebih daripada 23,406 orang warga emas berdaftar di seluruh pusat aktiviti warga emas di seluruh negara. Maknanya peningkatan dari sudut pendaftaran. Sedangkan peruntukan untuk warga emas berkurang.

■1630

Jadi, sejauh mana perkara ini diselaraskan oleh pihak kementerian dan apakah modul yang telah diterapkan untuk memastikan warga emas ini mereka ini terdidik dalam persiapan bukan sahaja dari sudut kecergasan fizikal dan minda tetapi yang paling penting ialah persiapan mereka. Bagi orang Islam ialah sebelum mereka kembali kepada Allah SWT.

Sejauh mana keberkesanan program pemulihan orang papa di institusi penjagaan dan pemulihan yang telah diuruskan di bawah kementerian ini. Saya minta penjelasan daripada pihak kementerian.

Begitu juga Butiran 041000 berkenaan golongan OKU. Saya ingin penjelasan sebagaimana jawapan Yang Berhormat Menteri dalam peringkat dasar baru ini menjelaskan bahawa keterangan bajet yang telah ada dalam peruntukan menyebabkan kementerian tidak dapat menaikkan elauan saraan kepada OKU. Jadi, apa yang disebut oleh pihak kementerian bahawa akan buat kerjasama dengan syarikat korporat. Jadi, saya ingin tahu setakat ini berapa syarikat korporat yang telah memberi sumbangan CSR mereka kepada kerjasama dengan OKU dalam Persatuan OKU.

Setakat ini berapa orangkah yang telah mendapatkan perlindungan insurans sebab apa yang disebutkan ini, tawaran khas perlindungan insurans kepada golongan OKU untuk kebajikan mereka terutama pekerja-pekerja OKU. Jadi, setakat ini berapa bilangan mereka yang telah mendapatkan perkhidmatan insurans ini?

Begitu juga Butiran 041200 di bawah Perintah Khidmat Masyarakat, di mana program pemulihan kepada pesalah muda yang mana kita ingin tahu setakat ini apakah kejayaan, apakah berkesannya program aktiviti pemulihan dalam kemasyarakatan sebab kita lihat setiap tahun peningkatan bilangan. Contoh dalam tahun 2015 seramai 10,800 orang, pada tahun 2016 seramai 11,880 orang dan meningkat lagi tahun 2016. 2010 dan 2014 sehingga Jun 8,784 orang. Jadi, apakah puncanya dan sejauh mana program ini berjaya dapat memulihkan pesalah-pesalah ini dan apakah cabaran yang utama dalam mengendalikan isu ini.

Saya juga ingin tahu berkaitan dengan Butiran 050000 – NAM iaitu di mana penglibatan program yang melibatkan Malaysia sebagai anggota NAM di peringkat antarabangsa. Jadi, apakah resolusi yang telah dicapai dan berapakah program-program yang telah berjaya dibuat setakat ini dan apakah cabaran utama dalam merealisasikan agenda yang telah dipersetujui bersama dalam program NAM ini.

Begitu juga Butiran 060000 iaitu berkaitan dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Saya ingin tahu apakah perancangan kerajaan untuk meningkatkan kadar pertumbuhan penduduk dalam negara sebab kita dapati bagaimana sekarang ini kadar penduduk negara kita tahap kesuburnya semakin berkurang. Di mana

pada tahun 2000, kadar kesuburan tiga orang satu keluarga, pada tahun 2012 di dapati kadar kesuburan hanya dua orang satu keluarga dan mengikut kenyataan pihak kementerian, menjelang 2020 di mana kadar kesuburan hanya mungkin 1% sahaja ataupun satu orang sahaja satu keluarga. Ini adalah satu perkara yang sangat membimbangkan untuk masa depan negara. Jadi, saya ingin tahu apakah perancangan kerajaan dalam menangani isu ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

4.34 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun]: Terima kasih Tuan Pengerusi, *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi taalawabarakatuh*. Saya mulakan dengan apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Ampang berkaitan dengan definisi ibu tunggal dan juga statistik. Memang betul kerajaan telah meluluskan definisi baru untuk ibu tunggal. Pertamanya perempuan yang menjadi ketua isi rumah bertaraf perkahwinan balu ataupun bercerai, berpisah tetap dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama dan bilangannya ialah 180,112 orang.

Keduanya perempuan yang menjadi ketua isi rumah tetapi mempunyai suami tetapi suami yang tidak sihat dan tidak mampu bekerja dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama. Bilangannya ialah 49,748 orang. Ketiganya, perempuan yang menjadi ketua isi rumah tidak pernah berkahwin tetapi mempunyai anak, anak angkat atau anak tidak sah taraf bilangannya 5,380 orang dan keseluruhannya jumlah ialah 235,240 orang.

Walaupun tadi dikatakan oleh Yang Berhormat Ampang bahawa ini tidak termasuk wanita yang masih berkahwin tetapi telah ditinggalkan oleh suami. Kalau kita tengok di situ ada disebutkan berpisah tetap. Entnya ditinggalkan berterusan oleh suami. So, kita masukkanlah. Bagi isteri yang masih tinggal bersama-sama dengan suami serumah dengan suami mereka ini tidaklah boleh dikatakan sebagai ibu tunggal tetapi sekiranya mereka bermasalah untuk mendapat nafkah, maka mereka ini bolehlah mengambil tindakan undang-undang mendapatkan daripada suami mereka.

Seterusnya, berkaitan dengan subsidi mammogram.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ampang bangun. Sila.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri setakat untuk mereka mengambil tindakan undang-undang satu jawapan yang kurang bertanggungjawab kerana suri rumah tangga ini adalah selalunya yang tidak bekerja. Bagaimana mereka hendak mengambil tindakan guaman yang memerlukan belanja?

Mungkin kita boleh gunakan khidmat peguam yang percuma itu untuk mereka yang berpendapatan rendah tetapi perbelanjaan mereka untuk turun naik ke mahkamah itu sudah menjadi isu dah. Sudah lama telah kita bincangkan dan kita bahaskan, masih lagi mereka ini tidak dapat lagi kita bantu nasib mereka. Jadi, mesti ada satu pendekatan yang lebih mesra untuk bagaimana untuk membantu mereka menyelesaikan masalah mereka. Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun: Terima kasih Yang Berhormat Ampang. Memang kita di kerajaan memang sudah ada sistem Jabatan Bantuan Guaman yang mana siapa pun boleh datang memohon pertolongan kepada mereka untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana orang termasuklah dalam kes seperti begini suami yang tidak bertanggungjawab, tidak memberikan nafkah kepada isteri dan kepada anak-anak.

Walau macam mana pun kerana definisi ini baru sahaja diluluskan oleh Jemaah Menteri, jadi untuk kita mengkaji semula ini, kita tengok juga keadaan bagaimana. Berapakah bilangan sebenarnya jumlah yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu terlibat di kalangan wanita ini yang memerlukan bantuan dan dimasukkan dalam takrifan ibu tunggal. Akan tetapi ini tidak dibuktikan walaupun mereka tidak termasuk di dalam takrifan ini yang kita tidak akan membantu mereka. Sekiranya mereka memerlukan bantuan mereka boleh datang kepada kita dan kita boleh melihat apakah bantuan yang boleh kita sampaikan ataupun berikan kepada mereka, *insya-Allah* Yang Berhormat.

Berkaitan dengan subsidi mammogram 24% wanita yang terlibat menghidap barah payudara ini. Kementerian melalui LPPKN mengadakan saringan barah payudara sejak tahun 2007 lagi dan sehingga November 2015 seramai 271,762 orang wanita telah mendapat faedah daripada ujian saringan tersebut. Lanjutan itu, kementerian turut memperkenalkan program bantuan prothesis luaran dan coli khas pada tahun 2014 di mana seramai 5,916 orang telah menerima bantuan berkenaan.

Saya ingin menjelaskan bahawa kita masih ada cukup lagi peruntukan untuk tahun hadapan untuk 50,000 wanita yang boleh kita adakan saringan mammogram ini *insya-Allah*. Jadi, tidak ada masalah walaupun tidak kelihatan ada peruntukan di situ untuk tahun 2016 tetapi kita mempunyai cukup peruntukan untuk 50,000 orang wanita lagi *insya-Allah*.

Seterusnya, kedudukan Malaysia dalam indeks kemajuan. Saya ingin menjelaskan di sini...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam. Saya ingat Yang Berhormat Parit Sulong yang bangun hendak tanya tadi. Sila.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Program Vaksinasi HPV.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun: Saya belum sampai ke situ Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, izinkan saya untuk memberitahu kepada Yang Berhormat dari Bukit Mertajam itu juga kerana kita memanglah menjadi tanggungjawab kita membantu wanita ini dan itu juga untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini kita cukup lagi untuk tahun hadapan untuk 70,000 orang lagi untuk kita vaksinasi kan, *insya-Allah*. So, tidak ada masalah. Kedudukan Malaysia...

■1640

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong hendak masuk dalam senarai.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Senarai. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan apa Yang Berhormat nyatakan tadi bahawa walaupun tidak ada nampak ada, seolah-olah ada peruntukan tetapi masih ada peluang lagi untuk 50,000 orang wanita. Cuma saya hendak tahu, dari mana datangnya bajet ini sebab kalau hendak ikutkan, kalau peruntukan tahun 2015, kita kena selesaikan tahun 2015. Akan tetapi dalam hal ini, mungkin boleh perjelaskan dengan kita sebab kalau peruntukan tahun ini secara logiknya kita tidak boleh guna untuk tahun hadapan. Kalau boleh kami dimaklumkan mengenai bagaimana adanya. Alih-alih wujud ini. Jadi senang untuk kita menerangkan kepada rakyat. Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Dia tidak puas hati lagi, Tuan Pengerusi. Dia ingat mungkin kita bohong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada bajet pun susah, tidak ada bajet pun susah.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Ya, betul. Memang ada bajet. Sebenarnya kita diberikan peruntukan *one-off* tetapi untuk tempoh-tempoh tertentu untuk kita habiskan dan kita tentukan *target* berapa ramai yang perlu kita berikan vaksinasi. Setakat ini, untuk makluman Dewan yang mulia ini, *alhamdulillah* kita telah melebihi *target* yang diberikan. Namun demikian kita masih ada lagi lebihan kewangan itu di LPPKN untuk kita melaksanakan vaksinasi ini. Oleh sebab itu tadi saya mengatakan bahawa untuk HPV, ada lagi untuk 70,000 orang dan untuk mamogram ada lagi untuk 50,000 orang wanita. *Insya-Allah*.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Syabas. Syabas, Yang Berhormat Menteri. Bagaimana pula dengan prostesis tadi? Maaf.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Belum sampai ke situ.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Belum sampai ya. Saya ingat sekali sahaja. Okey, *thank you*.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sabar, sabar.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Tunggu. Sabar, Yang Berhormat. Saya ingin menjelaskan bahawa laporan pencapaian *Beijing Declaration and Platform for Action* 1995 hingga 2015 telah menunjukkan bahawa usaha memperkasa wanita dan kesaksamaan gender di Malaysia telah mencapai prestasi yang baik dalam kebanyakan isu seperti pendidikan, pekerjaan, pembasmian kemiskinan, kesihatan dan lain-lain kecuali

penyertaan dalam politik dan pengisian jawatan profesional di peringkat pembuatan keputusan dan dasar di sektor swasta.

Bagi tujuan menambah penyertaan wanita dalam politik yang memerlukan perubahan *mind set* di kalangan parti-parti politik di Malaysia. Usaha untuk menambah penyertaan wanita profesional dan berjawatan tinggi sektor swasta, kerajaan telah melaksanakan 30% Club seperti yang telah dilaksanakan di United Kingdom, Australia dan Hong Kong. Ia adalah bertujuan untuk mendapatkan *buy-in* oleh syarikat swasta untuk menambah penyertaan wanita dalam *board of directors* dengan izin. Ini memang dalam usaha kita dan sedang dilaksanakan sekarang ini. *Insya-Allah* seperti mana yang telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan dalam bajet bahawa akan dipantau sepanjang masa supaya kita akan capai 30% itu pada tahun 2016, *insya-Allah*.

Tuan Pengurus [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ampang bangun. Sila.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Pengurus. Yang Berhormat Menteri, saya lihat Yang Berhormat Menteri menjawab, betullah. Mungkin ada usaha untuk menyeru pihak-pihak swasta dan sebagainya tetapi dari politik, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi meminta parti-parti politik untuk bergabung dan sebagainya tetapi masalahnya parti pemerintah sendiri iaitu Barisan Nasional, UMNO, MIC dan MCA serta semuanya nampaknya gagal untuk memastikan ada pelaksanaan untuk sekurang-kurangnya 30% Menteri yang boleh dilantik di peringkat parti yang memerintah, ada kuasa untuk melantik, ada kuasa untuk meletakkan wanita di jawatan-jawatan lantikan politik untuk memenuhi kuota 30% ini sekurang-kurangnya. Jadi adakah kementerian mempunyai kepayahan untuk meyakinkan Kerajaan Barisan Nasional ataupun Kerajaan Barisan Nasional tidak mengiktiraf kebolehan wanita Barisan Nasional? Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Sabar, Yang Berhormat Ampang. Marilah kita sama-sama, baik daripada Barisan Nasional ataupun daripada pakatan, kita buat dasar untuk masing-masing pada PRU akan datang, sekurang-kurangnya 30% calon daripada wanita. Kita usaha sama-sama. Dengan itu kita akan capai. Setakat ini saya akan maklumkan, tadi Yang Berhormat kata ada seorang sahaja Menteri. Sebenarnya ada tiga orang Menteri wanita sekarang ini. Ada tiga orang Menteri wanita di Kabinet negara kita, Malaysia. Bukan seorang tetapi tiga orang.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Apa-apa pun tidak mencapai 30%. *[Ketawa]* Akan tetapi tadi Tuan Pengurus meminta kami daripada pihak pembangkang, di pihak pembangkang *alhamdulillah* selepas 2008, kita menambah kuota, menambahkan *participation* wanita di peringkat Parlimen, 11 kami pada 2008. Di sebelah sana yang mempunyai dengan izin *the bulk*, hanya boleh meletakkan 13 orang sahaja. Jadi kita memerlukan di pihak sana yang mempunyai kuasa menggunakan kuasa, *affirmative action* agar lebih ramai wanita untuk ditempatkan dalam Dewan yang mulia ini.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Dalam hal ini, kita sama-sama buat kerana ini perjuangan wanita. Bila perjuangan wanita, ia merentasi batasan parti-parti politik itu. Sama-samalah kita perjuangkan. *Insya-Allah* akan capai itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada calon wanita yang dikalahkan oleh calon lelaki.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Ada juga. Ada calon-calon wanita yang kalah.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi, ini kerana macam di Selangor itu sepatutnya wanita jadi Menteri Besar tetapi dia bagi dekat lelaki. Itu macam mana?

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: *[Ketawa]* Kita minta dia jawablah. Ini kerana ketua mereka, Ketua Pembangkang itu seorang wanita.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Parti... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Saya jawablah. Saya kerajaan, saya jawab. *[Dewan riuh]*

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Kerajaanlah itu. Kerajaan Negeri Selangor. Okey, kita teruskan. *Gender responsive budget*. Kementerian dengan kerjasama UNDP Malaysia telah menerbitkan manual mengenai bajet gender di Malaysia. Antara projek perintis ialah *Housewives Enhancement and Reactivate Talent Scheme (HEARTS)* dengan izin. Ini adalah dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia. Keduanya, *1Malaysia Support for Housewives (1MS4HW)* untuk membawa balik wanita dalam pekerjaan, dalam pasaran kerja. Di antara Kementerian Sumber Manusia dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan ketiga, kita mengadakan HPV tadilah iaitu bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan.

Tidak dinafikan perlu dilipatgandakan lagi-lah usaha untuk meningkatkan kesedaran terhadap analisa gender ini dan mengarusperdanakan gender di setiap peringkat pembuat keputusan sama ada sektor awam maupun swasta. Ini mestilah kita teruskan. Ertinya kita tidaklah berhenti ataupun berpuas hati ataupun kita mengalah tetapi kita meneruskan.

Berkaitan dengan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan, sebanyak 59% pada tahun 2020 seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Penyertaan wanita dalam pasaran guru telah pun meningkat dari semasa ke semasa dan menunjukkan perkembangan yang positif, Tuan Pengerusi. Pada tahun 2007, 46.4% yang terlibat...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: ...Dan pada 2010, 46.8%, ada peningkatan dan pada tahun 2011 meningkat kepada 47.9%. Pada tahun 2012, meningkat lagi kepada 49.5% dan pada tahun 2014 meningkat kepada 53.6% dan pada Januari 2015 hingga Jun 2015 ialah 53.8%.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tentang GRB.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengurus dan Yang Berhormat Menteri. Tentang GRB ini, saya suka tadi Yang Berhormat Menteri membangkitkan tentang manual GRB tetapi manual ini kalau mungkin untuk yang tidak tahu, manual ini diterbitkan pada tahun 2005. Jadi sekarang sudah kira-kira sepuluh tahun. Sehingga kini kita tidak nampak lagi pelaksanaan secara meluas.

Jangan kata meluas, separuh pun tidak ada tentang GRB. Saya harap mungkin Yang Berhormat Menteri boleh mulakan dengan serius tahun depan. Mungkin mulakan dengan Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Lakukan *cost benefit, incident analysis* untuk segala peruntukan bajet. Hendak lihat sama ada bajet yang diperuntukkan itu berapakah faedahnya kepada lelaki, wanita yang muda, tua.

■1650

Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh mempertimbangkan langkah ini sebagai satu langkah serius untuk betul-betul melaksanakan GRB dan bukan bercakap ataupun berdiskusi saban tahun dalam Dewan ini sahaja. Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Ya, terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Kita ambil serius lah pandangan dan saranan daripada Yang Berhormat itu. Kita ada *gender focal point* kita di setiap kementerian dan *insya-Allah* sampai sini kita akan gerakkan mereka dengan lebih hebat lagi dan perkasa supaya pertama-tamanya untuk melihat daripada *Gender Responsive Bajet* ini. Terima kasih Yang Berhormat. Antara program yang dilaksana, saya kembali kepada penyertaan wanita tadi, antara program dilaksanakan untuk menggalakkan pertumbuhan penyertaan wanita dalam persada buruh ini adalah terutamanya *career come back*, dengan izin, bagi insentif kepada majikan untuk kempen *career come back* untuk galakkan wanita terlibat dalam pasaran.

Yang keduanya, insentif taska di tempat kerja, amalan kerja anjal dan yang ketiganya, Azam Niaga iaitu *Women Entrepreneur Incubator Programme*. Ini adalah di antara cara-caranya untuk kita mendapatkan lebih ramai lagi penyertaan wanita di dalam sektor pekerjaan. Yang Berhormat daripada Parit Sulong ada juga bertanya tentang kes keganasan rumah tangga. Statistik 2015, lelaki dan perempuan, mangsa lelaki ialah 23 kes, mangsa ada juga Tuan Pengurus, lelaki yang jadi mangsa keganasan ini dan perempuan lah yang paling ramai iaitu 377 kes hingga Ogos tahun 2015. Aduan kes keganasan rumah tangga melalui Talian Kasih 15999 akan dilayan sewajarnya oleh pegawai JKM kita. Jadi, aduan boleh dibuat melalui Talian Kasih 15999 tersebut dan juga secara terus kepada pegawai-pegawai JKM kita dan juga boleh dibuat terus kepada pihak PDRM.

Berapakah jangka hayat di Malaysia? Ini juga daripada Yang Berhormat Parit Sulong. Wanita ialah 77.2 tahun, lelaki 72.3 tahun. Ertinya, wanita lagi panjang umurlah daripada lelaki. Ini adalah perangkaan tahun 2014. Warga emas sekarang ini terdapat 2.7 juta daripada 30.1 juta penduduk di Malaysia. Dijangkakan kita akan jadi negara yang menua pada tahun 2030, di mana 15% daripada penduduk negara ini akan terdiri daripada orang yang berumur 60 tahun ke atas.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Apa sebab lelaki cepat, perempuan panjang umurnya?

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Itu Tuan Pengerusi saya tidak boleh jawab. Kena tanya Kementerian Kesihatan agaknya. Doktor lah boleh jawab. [Ketawa] Mungkin agaknya kalau terlampau banyak kawan dia itu, dia jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Antara lain, merokok.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Merokok mungkin. Yang Berhormat Parit Sulong juga bertanya berkenaan dengan *baby hatch*, berapa jumlah bayi yang diselamatkan. Program *Baby Hatch* ini di jalankankan oleh kementerian dengan kerjasama NGO dengan beberapa buah hospital swasta. Statistik daripada PDRM merekodkan sebanyak 78 kes bayi dibuang dari Januari hingga Ogos 2015. Daripada jumlah ini, bayi akan diselamatkan dan ditempatkan di institusi JKM dan 11 *Baby Hatch* yang diuruskan oleh NGO.

Yang Berhormat Parit Sulong juga bertanya tentang bagaimanakah, adakah promosi yang dibuat tentang Talian Kasih ini. Kempen kesedaran dan promosi 15999 sedang dibuat melalui media cetak dan elektronik. Kempen juga dibuat melalui media sosial secara berterusan. Kementerian akan juga membuat hebahan dan publisiti yang meluas menerusi *outdoor* seperti meletakkan kempen ataupun *advertisement* di badan bas, LRT, di lebuh raya, *Federal Highway*, mengadakan kempen-kempen di sekolah-sekolah, publisiti melalui media elektronik, media cetak dan juga media sosial secara berterusan.

Tuan Pengerusi, bagaimanakah kementerian menjadikan OKU yang belum berdaftar? Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menjalankan program advokasi dan kempen kesedaran di seluruh negara bagi menggalakkan OKU untuk mendaftar. Bagi memastikan usaha tersebut berkesan, JKM akan mengambil bahagian membuka kaunter-kaunter pendaftaran OKU di setiap program yang dianjurkan oleh agensi-agensi, termasuk agensi kementerian sendiri dan juga agensi-agensi yang lain. Kita akan turut serta. Selain itu sebaran maklumat berkaitan pendaftaran OKU juga dibuat melalui saluran media masa.

Berkenaan dengan- saya tambah lagi berkenaan dengan *Baby Hatch* tadi itu, berapa ramai yang diselamatkan, diuruskan oleh *open cares* sejak Oktober 2010. Seramai 19 kanak-kanak telah diselamatkan melalui *Baby Hatch*. Sebanyak 110 bayi diserahkan untuk dijadikan anak angkat dan diuruskan oleh *Baby Hatch*. Berkenaan dengan jumlah OSCC ataupun *one stop crisis centre*, ada 129 buah di seluruh negara. Setakat ini, terdapat di hospital di Perlis ada 1, Kedah 9, Pulau Pinang 6, Perak 14, Selangor 10, Negeri Sembilan 6, Melaka 3, Johor 11, Pahang 10, Terengganu 6, Kelantan 9, di Sabah 22, Sarawak 19, di Kuala Lumpur ini ada satu, Putrajaya 1 dan Labuan 1. So, keseluruhannya 129 buah. Jika ada keperluan, kita akan menengok lagi untuk dapat mewujudkan di tempat-tempat yang lain dengan kerjasama pihak Kementerian Kesihatan, *insya-Allah*.

Status terkini wanita dalam sektor korporat ASEAN dan Asia. Sehingga suku ketiga 2015, wanita sebagai ahli lembaga pengarah dalam syarikat tersenarai awam (PLCs) adalah sebanyak 10.7%. Di ASEAN, Malaysia adalah antara negara yang aktif di rantau ASEAN yang

secara terang-terangnya menyatakan *target* wanita sebagai ahli lembaga pengarah di dalam sektor korporat. Negara Singapura masih lagi di tahap 8.8%. Di rantau Asia pula Hong Kong juga turut aktif dalam memperjuangkan penyertaan wanita sebagai pembuat keputusan di sektor korporat. Program Pengarah Wanita sehingga kini, 30 November 2015, seramai 103 orang wanita telah dilatih di bawah Program Pengarah Wanita.

Sejak 2012 sehingga suku ketiga 2015, sebanyak 35 lantikan telah dibuat oleh syarikat tersenarai (PLCs) ke atas wanita. Kementerian sebenarnya sedar cabaran dalam melaksanakan dasar ini. Antaranya adalah perubahan minda di kalangan komuniti korporat. Bagaimanapun kementerian sentiasa meningkatkan usaha dengan aktiviti advokasi dan promosi media serta mendapatkan *by in values* dari ahli-ahli korporat untuk melantik wanita sebagai ahli lembaga pengarah. Ertinya, kita akan teruslah mengadakan pelbagai program *engagement* dengan syarikat-syarikat dan juga dengan ahli-ahli lembaga pengarah mereka dan juga dengan pengurus-pengerusi syarikat.

Apakah yang dilakukan oleh kerajaan untuk OKU kekal dalam pekerjaan? JKM menggunakan perkhidmatan *Job Coach* sebagai pendekatan inovatif untuk promosikan pekerjaan di kalangan OKU supaya mereka dapat bekerja di dalam suasana yang terbuka dan kompetitif. Melalui pendekatan ini OKU dapat berdikari dan tidak bergantung kepada simpati orang lain dan meningkatkan keyakinan untuk terus bekerja. Program yang sama digunakan untuk meningkatkan pemahaman pihak majikan terhadap potensi OKU supaya mereka yakin untuk terus mengambil OKU sebagai pekerja.

Jabatan Kebajikan juga mewujudkan *Job Coach Network Malaysia (JCNM)* bagi menggalakkan OKU kekal dalam pekerjaan dan meningkatkan kolaborasi pelbagai agensi kerajaan, swasta dan NGO. Berkaitan dengan keganasan terhadap wanita, berapakah jumlah yang dilaporkan? Tadi sudah saya- telah saya jawab tadi. Usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang penggunaan kemudahan Talian Kasih juga telah saya jawab tadi. Kempen kesedaran berkaitan dengan keganasan ini.

■1700

Penerbitan lagu-lagu Talian Kasih juga telah dilancarkan pada 20 November yang baru lalu dan promosi melalui aplikasi HYERRZY yang boleh dimuat turun melalui telefon pintar juga sudah ada. Kempen untuk anti keganasan ini kita ada kempen kesedaran yang dipanggil EVAW. Kementerian akan bekerjasama dengan *White Ribbon Malaysia* iaitu NGO yang telah diperkenalkan dan bacaan ikrar oleh ikon lelaki pada 20 November yang lalu.

White Ribbon Malaysia akan memastikan kaum lelaki akan terlibat sama dengan pelbagai kempen dan aktiviti dalam menangani keganasan terhadap wanita. Saya berharap bagi pihak kementerian supaya ramailah Ahli-ahli Yang Berhormat lelaki yang ada dalam Dewan ini boleh menjadi hero kepada wanita dan sama-sama memastikan supaya keganasan tidak dilakukan terhadap wanita. Tampillah bersama-sama dengan kita.

Kajian tentang populasi warga emas ada atau tidak. Kementerian sedang menjalankan kajian mengenai warga emas yang bertajuk, “*Kemudahan dan Perkhidmatan bagi Menepati*

Keperluan Warga Emas di Malaysia Menjelang Tahun 2030". Kajian sudah pun bermula pada 21 September tahun ini dan akan berakhir pada 20 September tahun depan iaitu selama 12 bulan kajian ini sedang dilaksanakan sekarang.

Berkaitan dengan data penjenayah yang melibatkan kanak-kanak sebagai mangsa. Aspek ini telah diambil perhatian yang serius oleh kementerian dan pandangan ini juga diambil kira dalam cadangan pindaan Akta Kanak-kanak 2001.

Yang Berhormat Lenggong ada membangkitkan tentang kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah. Apakah punca dan program pemulihan. Kementerian melalui JKM bekerjasama dengan IPTA untuk menjalankan kajian tentang penglibatan kanak-kanak dalam jenayah seperti dengan UKM. Antara faktor utama yang mereka ini terlibat, kanak-kanak terlibat dalam jenayah adalah:

- (i) kawalan ibu bapa yang longgar terutama selepas waktu sekolah;
- (ii) kanak-kanak dari keluarga yang berpisah ibu bapa mereka; dan
- (iii) pendapatan keluarga yang rendah.

Bagi menangani isu ini, kementerian melalui JKM mempunyai program pemulihan di institusi seperti Sekolah Tunas Bakti, asrama akhlak dan Taman Seri Puteri bagi yang telah terlibat dengan jenayah. Bagi kanak-kanak yang berisiko terlibat dengan jenayah, JKM akan mengadakan program pencegahan melalui Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak di peringkat komuniti masing-masing. Kita mempunyai jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat daerah, di peringkat komuniti, jadi di sinilah usaha daripada akar umbi lagi dilaksanakan untuk kita mencegah dari berlakunya masalah yang membebankan anak-anak kita.

Adakah kerajaan menyediakan, daripada Yang Berhormat Bukit Mertajam, peruntukan bagi membantu pesakit barah, sudah saya sebutkan tadi.

Berkaitan dengan perkahwinan kanak-kanak. Kementerian tidak menggalakkan perkahwinan kanak-kanak lelaki dan perempuan bawah 18 tahun kerana ia sebenarnya menghalang perkembangan sepenuhnya kanak-kanak termasuklah dari segi pendidikan mereka, kesihatan dan juga sosial. Kementerian akan terus bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk memberikan kesedaran kesihatan *reproductive* kanak-kanak agar mereka sedar akan keburukan perkahwinan awal ini. Ini program yang kita laksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan.

Selain itu kementerian juga akan bekerjasama dengan pihak berkuasa perkahwinan termasuk pejabat agama dan pejabat ketua menteri yang berkuasa memberi kelulusan perkahwinan awal agar berhati-hati semasa membuat kelulusan apabila ada permohonan. Ini termasuklah memberikan laporan sosial dan laporan kesihatan kepada pihak berkenaan bagi membantu mereka semasa membuat keputusan.

Yang Berhormat Lembah Pantai berkaitan dengan keganasan...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat.

Tuan Pengurus [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Yang Berhormat Bukit Mertajam, okey.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Kalau kerajaan sendiri berpendapat bahawa ini bukan satu perkara atau budaya yang sihat, mengapa tidak dilarang ataupun diharamkan sama sekali perkahwinan kanak-kanak.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Ini adalah satu perkara yang melibatkan pelbagai agensi dan juga melibatkan kuasa di negeri-negeri. Jadi memerlukan kita ada mengadakan perbincangan yang lanjut dan rapi dengan pelbagai pihak, juga pihak agama dan sebagainya Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi. Jadi memang kita sedang membuat kajian sebenarnya, jawatankuasa pun telah kita tubuhkan, bagaimana kita dapat menangani masalah perkahwinan awal ini dengan sebaik-baiknya. Memang jawatankuasa telah ditubuhkan dan kita sedang melihat bagaimana kita dapat menanganinya dengan sebaik mungkin.

Berkaitan dengan keganasan wanita dan kanak-kanak. Yang Berhormat Lembah Pantai tidak ada di sini tetapi berkaitan dengan keganasan tadi telah pun juga kita sebut. Jadi saya hantar secara bertulis saja Tuan Pengerusi.

Saya terus kepada Yang Berhormat Kuala Langat. Yang Berhormat Kuala Langat pun tidak ada?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, bertulis.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Bertulis. Yang Berhormat Lenggong ada?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bertulis.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Yang Berhormat Lenggong pun tidak ada, bertulis. Ada Yang Berhormat Parit Sulong lagi, Yang Berhormat Parit Sulong masih ada.

Promosi berkaitan dengan talian kasih ini tadi dicadangkan supaya dibuat melalui *outdoor advertisement*. Sudah saya beritahu tadi dan *billboard*, di LRT dan jalan utama termasuklah di lebuh raya, *mobile* dan lain-lain lagi kita laksanakan dan akan kita terus laksanakan.

Yang Berhormat Lenggong lagi tidak ada. Banyak yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Lenggong tetapi dia tidak ada di sini.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Parit Sulong.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Jadi Yang Berhormat Rantau Panjang ada?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Sulong bangun.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Yang Berhormat Parit Sulong. Okey.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma nak tanya sebab dalam perbahasan saya, saya tanyakan kenapa bajet JKM itu dikurangkan sedangkan dalam waktu yang sama Yang Berhormat pun tadi menyatakan bahawa kalau ikut kajian, negara kita ini akan menjadi negara menua. Jadinya sebabnya kalau dikurangkan dan diadakan *exit policy* ini kekhuitirannya ialah mereka yang patut mendapat manfaat itu tidak akan dapat manfaat disebabkankekangan kewangan. Jadinya kalau boleh respons mengenai perkara itu saya ucapkan terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Yakinlah Yang Berhormat semua termasuk Yang Berhormat Parit Sulong walaupun ada kekurangan bajet itu, namun kita tidak akan mensia-siakan warga emas kita. Kita sayang kepada mereka. *Insya-Allah* kita akan mencari jalan bagaimana walaupun mungkin pada masa ini masih kurang tetapi kita akan ada peluang lagi untuk meminta tambahan. Saya ingin maklumkan di sini betapa seriusnya kita tentang warga emas ini kerana kita juga telah mewujudkan satu *task force* di kementerian yang juga dipengerusikan oleh seorang lagi teman saya Timbalan Menteri untuk melihat bagaimana kita dapat terus memperkasakan warga emas kita terutama sekali memandangkan 2030 nanti kita akan jadi sebuah negara yang menua. Ini erti kita tidak akan menafikan hak warga emas kita, *insya-Allah*. Jangan bimbang ya.

Yang Berhormat Rantau Panjang ada tak? Ada, okey.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Kuala Langat pun ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dah, dah.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Dah lepas dah, kau lambat. *[Ketawa]* Yang Berhormat Rantau Panjang, melahirkan keluarga yang seimbang dan sejahtera. Kementerian amat prihatin terhadap cabaran keluarga muda terutama dalam duit, kerjaya, dalam mengimbangi keluarga dan juga kerjaya mereka. Antara program keibubapaan yang telah dilaksanakan khusus untuk ibu bapa muda ialah Kursus Keluarga@Kerja. Sehingga Ogos 2015, saya ingin maklumkan di sini sebanyak 327 program telah dilaksanakan yang melibatkan penyertaan 30,495 orang. Kursus-kursus ini turut mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan keluarga dan kita akan teruskan kursus-kursus ini, *insya-Allah* Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat, saya ingin penjelasan sedikit. Daripada kursus yang dibuat oleh pihak kementerian, saya ingin tahu sejauh mana penglibatan kaum bapa sebab pengalaman kita lepas-lepas kalau kursus-kursus untuk keibubapaan ini yang datangnya kaum ibu, kaum bapa kurang berminat. Sedangkan tanggungjawabnya sama dan sangat besar. Jadi sejauh mana pemantauan kementerian dari sini.

■1710

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi, sebenarnya memanglah menjadi asas kita supaya apabila kita mengadakan program kekeluargaan itu mestilah melibatkan kedua orang insan yang bergelar bapa dan ibu ini tetapi memang banyak kesnya ibu yang ramai, bapa itu kurang. Jadi di sini ini kami tidak sampai 30% dalam Dewan ini yang ramai itu bapa. Jadi bapa-bapa bolehlah mungkin mengambil tindakan membantu kita menjayakan supaya bapa-bapa turut hadir agar kursus ini betul-betul mencapai matlamatnya. *Insya-Allah.*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Gerik hendak kahwin dua. [*Dewan riuh*].

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Teringin tetapi tidak berani. Teringin tetapi takut, teringin tetapi takut. [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Orang yang tinggi tidak berani ya.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Tuan Pengerusi, saya teruskan. Usaha taska dibanyakkan. Usaha untuk mempelbagaikan perwujudan taska yang mewujudkan *task force* dengan melibatkan agensi berkaitan sama ada di sektor awam dan swasta agar lebih banyak taska di tempat kerja dapat diwujudkan. Inilah saya mahu maklumkan juga kepada Yang Berhormat Rantau Panjang dan juga Dewan yang mulia ini bahawa memang kita mengambil serius tentang perkara ini.

Oleh sebab itu satu lagi *task force* telah ditubuhkan di mana juga dipengerusikan oleh rakan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya kita dapat menengok bagaimana cara yang kita dapat mempermudah perwujudan taska di tempat kerja ini dan ada kerjasama dengan pelbagai kementerian, pelbagai agensi, pihak swasta, pengusaha taska, kumpulan-kumpulan *strategic partners* yang lain juga kita libatkan supaya dapat kita carikan mekanisme yang terbaik bagaimana usaha murni kerajaan ini dapat dilaksanakan dan wanita yang memerlukan supaya anak-anak mereka dapatlah taska yang mereka perlukan ini, *Insya-Allah* ini sedang berjalan, Yang Berhormat, *insya-Allah*.

Kalau ada apa-apa pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, bolehlah berikan juga kepada pihak kami. Bayi yang diserahkan kepada ibu bapa sebagai anak pelihara...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kulai bangun.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ada sedikit cadangan ataupun permintaan di sini. Saya rasa selain daripada taska untuk golongan wanita yang ingin terus bekerja saya rasa kita pun perlu wujudkan lebih banyak taska untuk pendidikan khas kerana saya rasa banyak budak-budak yang

kurang upaya ini mereka tidak boleh dihantar ke taska yang biasa sahaja tetapi mereka perlu dihantar ke taska yang boleh menjaga mereka. Ini pendidikan khas.

Jadi saya rasa sekarang kerajaan di bawah kementerian kita hanya wujud kalau tidak silap saya 4 buah taska pendidikan khas jadi saya untuk seluruh Malaysia saya rasa ini memang tidak mencukupi. Jadi saya harap bahawa kementerian juga dalam *special task force* ini juga jawatankuasa ini juga boleh mengkaji bagaimana kita boleh mewujudkan lebih banyak taska OKU untuk budak-budak kita yang mempunyai keperluan khas ini. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih, Tuan Pengurus.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih di atas pandangan itu kita akan ambil perhatian dan saya ingin betulkan ada 5 sebenarnya taska ini dan kita sekarang sedang mengkaji keberkesanannya taska yang telah kita wujudkan ini.

Saya terus kepada bayi yang diserahkan kepada ibu bapa sebagai anak pelihara ini. Kementerian mempunyai program untuk menempatkan bayi, kanak-kanak kepada keluarga ibu bapa pelihara. Mereka ini yang dijumpai atau diabaikan akan ditempatkan pada pasangan. Penempatan ini berdasarkan kepada kesesuaian program seperti keupayaan, pendapatan juga keupayaan psikologi dan tempat kediaman yang sesuai bagi pasangan tersebut. Tahun ini sahaja 100 orang kanak-kanak yang telah pun diwartakan oleh JKM telah ditempatkan kepada pasangan ibu bapa untuk menjaga mereka ini.

Usaha supaya taska dibanyakkan telah saya jawab tadi. Yang Berhormat Rantau Panjang, mekanisme pemutihan penerima bantuan supaya kezaliman tidak berlaku kepada penerima bantuan. Pemberhentian ataupun penamatan penerima bantuan berlaku disebabkan oleh perkara-perkara seperti berikut:

- (i) pemeriksaan *cross check* dengan izin, ataupun silang dengan sistem *My Identity* Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi kes-kes yang telah meninggal dunia. Ertinya kalau kes yang meninggal dunia tentulah kita akan berhentikan di mana penamatan berlaku apabila didapati seperti yang saya sebutkan kalau yang telah meninggal dunia;
- (ii) *cross check* dengan agensi lain seperti Pusat Zakat, Baitulmal ataupun SOCSO, Lembaga Hasil Dalam Negeri sekiranya didapati kelayakan ini ataupun penerima bantuan mempunyai sumber pendapatan lain dan apabila didapati pendapatan mereka melebihi pendapatan garis kemiskinan (PGK) maka penamatan bantuan akan berlaku kerana tidak lagi layak mereka untuk menerima bantuan dan kita bagi pula bantuan itu kepada orang lain yang layak;

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Yang ketiganya saya belum habis lagi ini.

- (iii) Operasi emas di mana JKM membuat pemeriksaan silang lagi *cross check*, dengan izin dengan semua balai polis di daerah-daerah untuk mengenal pasti kes-kes penerima bantuan yang telah meninggal dunia dan dilaporkan di balai polis. Sekiranya terdapat penerima bantuan yang didapati telah meninggal dunia maka berlakulah penamatan bantuan terhadap penerima bantuan tersebut; dan
- (iv) Kajian semula setahun sekali iaitu sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh tamat bantuan bagi setiap kes untuk memastikan bahawa penerima masih layak untuk disambung bantuan atau sebaliknya ditamatkan. Sekiranya didapati berlakunya peningkatan pendapatan ataupun perubahan sosioekonomi keluarga dan menyebabkan mereka tidak lagi layak untuk dipertimbangkan bantuan.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuma hendak sampaikan satu maklumat bahawa beberapa bulan kebelakangan ini bantuan bagi terutamanya bantuan bagi golongan OKU lambat membuat bayaran sampai beberapa bulan tidak bayar. Saya ingin tahu apakah sebenarnya yang terjadi kepada bantuan tersebut?

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Tuan Pengerusi, sekiranya aduan seperti demikian boleh bawa kepada kita orang *case by case* supaya kita dapat menyiasat apa yang berlaku. Sebenarnya kalau OKU tersebut memang masih layak untuk menerima bantuan maka tidak ada sebab bantuan tidak disampaikan. Jadi Yang Berhormat tolong beritahu kita.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Tuan Pengerusi, ini memang dia layak. Memang dia dalam proses pembayaran cuma lambat bayar tahun ini sudah beberapa bulan sudah. Bukan seorang banyak kes berlaku.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Sekiranya terlambat bayaran nanti kita akan pastikan pembayaran yang tertunggak itu juga akan dibayar lah, Yang Berhormat. *But*, kita akan siasat tolong beri kepada kita di mana tempatnya.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Saya faham itu kawasan saya Tanjong Piai. Maksud saya OKU itu dalam keadaan susah kalau sudah lambat bayar bukan sebab bayar cepat lambat tetapi mengikut jadual yang perlu dibayar. Mereka menghadapi masalah.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Saya amat bersetuju, Yang Berhormat. Itu sebab saya kata minta bagikan kepada kita supaya kita dapat data ini dan kita siasat apa sebenarnya berlaku dan di mana masalahnya. Apakah perancangan kerajaan kementerian melalui LPPKN dalam menangani isu kadar kesuburan, Yang Berhormat Rantau Panjang juga?

Hasil kajian *Fertility at The Crossroad Child November: Later or never*, dengan izin yang dijalankan oleh LPPKN pada tahun 2012 mendapati antara sokongan utama yang diperlukan oleh pasangan suami isteri ialah penjagaan anak tanpa kerja. Penyediaan bantuan sekolah,

subsidi kos penjagaan anak. Kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai insentif antaranya subsidi yuran pengasuhan taska sebanyak RM250 seorang bagi ibu bapa berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM900 sebulan.

■1720

Bagi penjawat awam, subsidi yuran pengusaha taska sebanyak RM180 seorang yang berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM5,000 sebulan. Bagi sektor swasta, kerajaan telah memberi kemudahan pengecualian cukai sebanyak 10 peratus daripada kos pembinaan pusat jagaan anak-anak di tempat kerja untuk tempoh 10 tahun. Terkini, pada tahun 2015, pelepasan GST zero rated untuk susu bayi dan juga kanak-kanak berdasarkan kacang soya dan susu organik juga telah diberikan pengecualian daripada GST.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, panjang lagi Yang Berhormat Menteri?

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin dapatkan penjelasan tentang isu yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu berkaitan dengan masalah tahap kesuburan. Kita mengucapkan tahniah atas inisiatif yang dibuat oleh kerajaan.

Cuma, adakah kerajaan mendapati di antara punca berlaku isu kelemahan tahap kesuburan juga ialah kerana isu lewat kahwin, juga salah satu faktor usia? Jadi, apakah program yang dibuat oleh pihak kementerian untuk menangani isu ini? Apakah satu skim galakan dibuat terutama kepada belia yang sudah mencapai umur layak berkahwin, satu insentif yang dibuat untuk menggalakkan mereka berkahwin? Sebagaimana contoh yang dibuat di Kelantan, kita ada Skim Az Ziwaj iaitu satu skim khas sumbangan kepada pengantin yang akan berkahwin untuk kali pertama Tuan Pengerusi, bukan kali kedua ya, diberi insentif khas RM1,000 setiap pasangan. Jadi, apakah perkara ini mungkin boleh dipertimbangkan di pihak Kerajaan Persekutuan untuk bukan sahaja menangani isu gejala sosial tetapi untuk meningkatkan tahap kesuburan sekali gus untuk menambahkan pendudukan dalam negara kita. Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun: Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi, kita juga ada program kahwin beramai-ramai di bawah LPPKN yang mana kita bekerjasama dengan NGO. Bagi pasangan-pasangan yang kurang mampu ini, kita ada program kahwin beramai-ramai sehingga lebih 100 orang pasangan berkahwin sekali. Mereka cuma terlibat untuk menyediakan sedikit sahaja peruntukan dan selebihnya itu akan dibiayai oleh pihak LPPKN iaitu di bawah kementerian bersama-sama dengan badan NGO yang lain.

Ingin saya maklumkan, bahawa pada 5 Disember ini akan ada satu perkahwinan beramai-ramai di Kluang melibatkan 120 orang pasangan, *alhamdulillah*. Jadi, ini adalah cara kami untuk membantu. Memang betullah kata Yang Berhormat itu, sekarang ini wanita yang

sudah mempunyai pendidikan yang tinggi dan bekerja dengan pendapatan yang baik, gaji yang baik, mereka kurang berminat untuk berkahwin dan lambat berkahwin.

Bagi isu keberkesanan Program PKM atau Perintah Khidmat Masyarakat, untuk makluman, PKM merupakan program yang telah dibuat kajian oleh pihak UUM pada tahun 2013 dan nampaknya menunjukkan kejayaan Program PKM iaitu 98 peratus di mana aktiviti berupa kerohanian, jati diri, kerjaya dan kenegaraan telah diterapkan kepada pesalah muda kita telah berjaya. Pesalah muda ini dikembalikan kepada masyarakat dan kementerian melalui JKM juga telah membuat semakan seramai 500 kes pesalah muda dengan Pusat Daftar Jenayah Bukit Aman, PDRM selepas enam bulan mereka menamatkan perintah, didapati 20 orang yang terlibat dalam kes jenayah berulang. Bagaimanapun, usaha penambahbaikan akan sentiasa dibuat dan dinilai dalam usaha yang baik ini.

Berkenaan dengan Program MPWK, bermula dari tahun 2008 hingga 2015, telah melaksanakan berbagai-bagai program untuk manfaat masyarakat setempat mengikut kawasan Parlimen. Antara program dilaksanakan adalah program pembangunan wanita, Jejari Bestari, kelab kreatif, literasi undang-undang, Program Wanita Anti Jenayah, WAJA dan Program Pembangunan Keluarga, Hari Keluarga, Nur Hidayah, Nur Sejahtera, Smart Solat, Smartstart dan seramai 108,930 orang wanita telah mendapat manfaat. Ini menunjukkan kejayaan program yang dilaksanakan oleh MPWK.

Juga, MPWK sentiasa bekerjasama dengan exco-exco negeri terutamanya mereka yang memegang portfolio wanita dalam pelaksanaan program MPWK di peringkat Parlimen masing-masing.

Program NAM. Program-program khusus kepada wanita adalah seperti pembangunan kapasiti yang berkonsepkan *training on trainers* dalam bidang seperti kesihatan, gender, ICT, kepimpinan, ekonomi, pendidikan. Selain itu, terdapat juga aktiviti perkongsian maklumat melalui penerbitan. Aktiviti dan program ini merupakan satu sumbangan kecil negara kepada negara-negara ahli iaitu negara-negara NAM.

Yang Berhormat Kuala Langat ada di sini tetapi saya baca dahulu untuk Yang Berhormat Rantau Panjang lagi. Ada lagi. Sumbangan korporat kepada institusi JKM dan peruntukan kebajikan. Bagi tahun 2013, bilangan korporat yang terlibat ialah seramai 2,760 orang dan jumlahnya ialah sebanyak RM4,248,564. Bagi tahun 2014, seramai 1,145 bilangan korporat yang terlibat dengan peruntukan RM5,396,636. Bagi tahun ini sehingga bulan Jun 2015, seramai 346 korporat yang terlibat dengan peruntukan RM1,506,029. Jadi, memang banyaklah bantuan atau pun sumbangan daripada pihak korporat.

Yang Berhormat Rantau Panjang lagi, berkenaan orang papa. Bolehkah Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sehingga 5.30 ya.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun: Program pemulihan orang papa di institusi ialah program vokasional, program keagamaan, program kesihatan, riadah dan lain-lain program lagi lah.

Kakitangan kontrak yang dilantik tetap, kementerian akan berbincang dengan JPA dan SPA bagi melantik kakitangan kontrak ke jawatan tetap mengikut syarat-syarat lantikan yang ditetapkan, Yang Berhormat Kuala Langat ya.

Peruntukan tahun 2016 berkaitan warga emas sudah saya jawab tadi. Yang Berhormat Rantau Panjang mengenai modal kerohanian di rumah orang tua. Kementerian melalui JKM menyediakan seorang pembantu hal ehwal Islam di setiap rumah orang tua, Rumah Seri Kenangan bagi membimbing penghuni kita untuk mendapatkan khidmat berkaitan keagamaan. Di samping itu, khidmat nasihat juga diperoleh dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan juga daripada negeri-negeri. Itu sahaja.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Daftar nama pesalah jenayah seksual.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun: Tadi saya telah sebutkan bahawa kita mengambil perhatian yang berat ke atas ini di bawah pindaan Akta Kanak-kanak 2001.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Ini beza. Ini beza. Ini jenayah seksual secara am. Bukan sahaja melibatkan kanak-kanak.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun: Itu kita bekerjasama dengan PDRM, Yang Berhormat.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Akan tetapi *bill* dia memang sudah ada sebelum ini sejak tahun 2007. Sehingga sekarang tidak nampak lagi. Boleh rujuk kepada bekas Yang Berhormat Menteri Wanita, Yang Berhormat Pekan. *Bill* sudah ada.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun: Setakat ini kita belum lagi ada hasrat untuk mengemukakan. Walau macam mana pun, kita bekerjasama dengan pihak PDRM untuk mengkaji keadaan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, semasa saya ke New York untuk menghadiri sidang Bangsa-bangsa Bersatu, saya juga telah melawat ke NYPD untuk melihat perkara ini dan melihat bagaimana mereka melaksanakan di sana. Jadi, ertinya memang kami prihatin tentang perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,873,315,000 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM1,873,315,000 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM113,602,000 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM113,602,000 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

■1730

**Maksud B.60 [Jadual] –
Maksud P.60 [Anggaran Pembangunan 2016]**

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Bekalan B.60 dan Kepala Pembangunan P.60 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Silam.

5.30 ptg.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk membahas Kementerian Pertahanan dalam peringkat Jawatankuasa. Tuan Pengerusi pada bajet tahun 2016, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM3.5 juta untuk kelengkapan pertahanan maritim. Kita sedia maklum bahawa kelengkapan-kelengkapan ini amat diperlukan oleh ESSCOM untuk menjaga kawasan ESSZONE yang di bawah kawalannya. Saya amat tertarik dengan cadangan kerajaan untuk membina sebuah sistem *sea-basing* iaitu menggunakan kapal untuk menjadikan pangkalan di Lautan Sulu lebih tepat. Pangkalan ini sebenarnya seperti kita sedia maklum bahawa dia digunakan untuk menjadi sebuah pangkalan di lautan. Di mana petugas-petugas kapal-kapal pemintas, helikopter dan lain-lain boleh mendarat di pangkalan ini. Ini bermakna kapal-kapal tidak lagi perlu balik ke pangkalan di Lahad Datu untuk mendapat bekalan-bekalan yang diperlukan.

[Timbalan yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]

Ini amat penting sekiranya kita ingin membanteras pihak-pihak daripada seberang untuk masuk ke kawasan perairan kita. Namun sehingga hari ini saya melihat pergerakannya, pembangunannya agak lembap sedikit. Kita juga berterima kasihlah sebabnya setakat ini saya telah dimaklumkan bahawa dua buah pangkalan *sea-basing* yang telah diaktifkan yang telah beroperasi iaitu Pangkalan Laut Tun Azizan dan juga Pangkalan Laut Tun Sharifah Roziah yang telah beroperasi semenjak bulan Mei tahun 2015. Perkembangan ini adalah amat baik sebabnya dengan adanya kapal-kapal yang menjadi pangkalan ini maka pergerakan-pergerakan para petugas di Laut Sulu dapat bergerak dengan pantas, Seperti yang dikatakan tadi tidak perlu balik ke pangkalan di darat.

Saya ingin mohon penjelasan daripada kementerian, apakah kekangan-kekangan yang telah diterima telah dihadapi oleh kementerian untuk membina *sea-basing* ini seperti yang telah dirancangkan iaitu menggunakan pelantar minyak yang telah tidak digunakan untuk menjadi

pangkalan di hadapan yang akan menjadi tetap atau diletak tetap di lautan untuk menjadi pangkalan yang utama. Apakah masalah yang dihadapi untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Pengerusi saya juga difahamkan daripada maklumat-maklumat yang kita terima bahawa TLDM juga menghadapi kekangan iaitu mempunyai kekurangan bot berkuasa tinggi. Bot-bot berkuasa tinggi ini amat dipentingkan untuk mereka menjaga kawasan pantai Lautan Sulu yang begitu luas. Saya difahamkan bahawa TLDM memerlukan 200 unit bot laju berkuasa tinggi yang boleh menyaingi kepantasan bot-bot yang digunakan oleh pihak dari seberang. Jadi saya mengharap sangat supaya peruntukan yang ada dalam butiran ini bolehlah digunakan untuk menambah keperluan *inventory* peralatan ESSCOM untuk memenuhi keperluan operasi.

Seperkara juga Tuan Pengerusi yang ingin saya nyatakan ialah berhubung dengan pengumuman bajet tahun 2015 di mana kerajaan akan membina radar untuk mengganti radar-radar yang telah rosak di kawasan perairan Lautan Sulu di sempadan dengan Filipina. Saya difahamkan radar-radar ini juga belum lagi dipasang, belum lagi dibuat. Kalaupun ada saya minta penjelasan daripada kementerian berapakah radar-radar ini yang telah dipasang dan berapa lagi yang perlu yang belum diperbaiki ataupun belum diganti.

Peruntukan ini sebetulnya diumumkan untuk Bajet 2015 dan kita mengharapkan sangat agar radar-radar ini dapat dipasangkan dengan masa yang terdekat ini. Ini sebabnya kita tahu berita-berita dan juga dalam *WhatsApp* dan di dalam TV juga keluar bahawa pihak di seberang sana sedang merancang untuk membuat tindakan-tindakan yang kurang baik kepada kita. Jadi saya merasakan amat perlu kerajaan membuat persediaan untuk memastikan apa juga yang mereka ingin laksanakan itu akan gagal sebab kita bersedia.

Seperkara yang ingin saya sentuhkan juga Tuan Pengerusi ialah berhubung dengan Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Lahad Datu. Di dalam ucapan Bajet 2015 telah diumumkan oleh Perdana Menteri bahawa Lahad Datu akan mendapat RM50 juta untuk menaik taraf Lapangan Lahad Datu yang sekarang ini supaya boleh digunakan oleh pesawat-pesawat TUDM yang berkapasiti tinggi untuk mendarat. Bertujuan untuk memperkasakan keselamatan di ESSZONE Pantai Timur Sabah.

Mengikut makluman Menteri Pengangkutan, di dalam jawapannya kepada saya secara bertulis pada 12 Mac 2015 bahawa peruntukan RM50 juta berkenaan sebenarnya akan digunakan untuk bangunan pergerakan udara, pembinaan kawasan parkir pesawat serta membina bangunan *detachment*. Namun projek ini belum lagi terlaksana sehingga sekarang. Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian apakah kekangan-kekangan yang dihadapi sehingga projek ini belum lagi dapat dilaksanakan atau adakah cadangan-cadangan baru yang akan dilaksanakan Projek Lapangan Terbang Lahad Datu untuk kegunaan TUDM.

Akhir sekali ialah Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh juga berhubung dengan Butiran 00100 – Pembinaan Tentera Darat. Saya amat berterima kasih kepada kerajaan terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memperuntukkan RM523 juta untuk pembinaan Kem Tentera Darat ESSCOM di FELDA Sahabat. Ini adalah satu perkembangan yang amat baik seperti yang telah saya katakan sebelum ini bahawa dengan adanya kem tentera

satu batalion ditempatkan di FELDA Sahabat ini akan memberi satu semangat kepada penduduk-penduduk di kawasan berkenaan yang sebelum ini pernah diserang di Kampung Tanduo oleh pihak daripada seberang. Jadi dengan adanya kem tentera yang lengkap ini yang berjumlah RM523 juta saya harap ini akan memberi satu perkembangan yang amat baik kepada keselamatan di Pantai Timur Sabah.

Akan tetapi sepertilah juga projek-projek lain yang diumumkan pada tahun 2014, tahun 2015 saya amat memohon kepada kementerian supaya projek ini jangan lagi dilengah-lengahkan. Kalau boleh saya minta jaminan supaya projek ini akan dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan demi untuk menjamin keselamatan penduduk di kawasan Pantai Timur Sabah. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

5.39 ptg.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Takkan selalu hendak sebut Yang Berhormat Kuala Langat.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Kuala Langat boleh bersabar bagi Yang Berhormat Kuala Selangor. Terima kasih Tuan Pengerusi di atas peluang yang diberikan untuk saya terlibat dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa Kementerian Pertahanan Malaysia. Saya ingin merujuk kepada Butiran 060000 – Latihan Khidmat Negara.

■1740

Saya melihat bahawa Program Latihan Khidmat Negara adalah antara program yang boleh memupuk semangat patriotisme dan wajar diteruskan. PLKN yang telah dikenalkan pada tahun 2004, saya melihat bahawa sebagai satu platform untuk melatih anak muda untuk mengenali jati diri dan menanam rasa kebertanggungjawaban terhadap negara dan dalam bahasa mudahnya patriotism. Dianggarkan seramai 832,000 orang pelatih telah dilahirkan menerusi PLKN dan sepanjang 10 tahun ia diperkenalkan. Saya juga amat berharap ingin bertanyakan kepada pihak Kementerian Pertahanan, apakah status Program PLKN ini memandangkan pada sesi 2015 terpaksa ditangguhkan setelah mengambil kira perkembangan ekonomi semasa dan kedudukan kewangan negara kita sebagai menghadapi ketidaktentuan ekonomi dunia. Adakah program PLKN akan diteruskan dan apakah modul yang akan digerakkan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya difahamkan sejak 10 tahun yang lalu pelatih yang telah menjalani Program Latihan Khidmat Negara ini telah didedahkan dengan empat modul utama iaitu fizikal, kenegaraan, pembinaan karakter dan khidmat komuniti. Kini sekiranya PLKN diteruskan oleh pihak kerajaan, para pelatih akan menjalani latihan dengan transformasi modul

yang telah dikembangkan kepada lima modul utama dan tiga submodul saya difahamkan. ‘*Bulat air kerana pembetungnya, bulat manusia kerana muafakat’.*

Sekiranya PLKN dapat diteruskan, saya menyahut baik terhadap pelaksanaan transformasi modul yang telah ke arah keperluan semasa negara. Transaksi modul mengikut apa yang saya baca dan amat diharapkan supaya dapat membentuk sikap generasi yang lebih mentaati pemimpin, sentiasa mengamalkan sikap kesetiaan dan yang paling sekali ialah semangat patriotisme, semangat cintakan negara, rela mempertahankan nyawa demi negara Malaysia yang tercinta ini.

Diharapkan modul dan perbelanjaan yang telah diperuntukkan oleh pihak kementerian amatlah diharap dapat memberikan manfaat yang besar terutama sekali pembangunan generasi muda terhadap negara Malaysia yang berdaulat. Agama Islam sebenarnya telah menggariskan dengan jelas tentang patriotisme khususnya berhubung kait dengan kepentingan untuk menahankan keselamatan dan maruah negara. Firman Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 60 bermaksud, “*Dan sediakanlah untuk menentang mereka yakni musuh yang menceroboh segala sejenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia untuk menggerunkan dengan persediaan musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedangkan Allah mengetahuinya. Apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan dianiaya*”.

Tuan Pengerusi, sehubungan dengan itu saya mohon ingin mencadangkan kepada pihak kementerian agar fahaman yang lebih jelas mengenai jihad harus diterapkan sebagai subjek khusus agar anak muda tidak terperangkap dan tidak tersalah dengan dakyah perjuangan palsu seperti IS atau *Islamic State*.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin merujuk kepada Butiran 30000 iaitu yang dikaitkan dengan pertikaian Laut China Selatan. Tuan Pengerusi, nelayan di perairan Sarawak sering diusir oleh pengawal pantai China bagi tujuan penangkapan ikan di gugusan Beting Patinggi Ali atau dikenali sebagai Luconia Shoal yang terletak kira-kira 60 batu nautika daripada Tanjung Baram, Sarawak. Perkara ini terjadi apabila China mengakui bahawa wilayah tersebut adalah di bawah taklukan mereka juga dan berlaku pertindihan dengan negara kita.

Pada hemat saya tuntutan China itu tidak berasas menuntut sesuatu jaraknya dianggarkan kiraan 400,000 kilometer dan di samping itu juga Jason Shore yang berada dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) Malaysia berdasarkan peruntukan UNCLOS 1984. Mereka menuntut sebahagian besar dari Laut China Selatan, meliputi Kepulauan Paracel, Kepulauan Spratly, Kepulauan Paratas, Macclesfield Bank dan Scarborough Shoal, Luconia Shoal, Beting Patinggi Ali Sarawak dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengetahui daripada pihak kementerian, apakah tindakan susulan oleh pihak kementerian bagi menangani pertikaian ini tanpa akan wujudnya konflik di antara pihak yang terlibat secara langsung.

Tuan Pengerusi, perkara yang terakhir iaitu Butiran 010100 iaitu dengan izin *Perception of Terrorism* iaitu *bending* ancaman IS. Tuan Pengerusi, saya ingin memperincikan perbahasan saya melalui ancaman *Islamic State* yang merupakan kumpulan militan radikal yang menggunakan nama Islam untuk berjihad dan kini telah menguasai sebahagian besar Timur Syria, di utara serta barat di Iraq. Rekod penglibatan IS dalam keganasan sangat panjang bermula daripada Al-Qaeda di Iraq kemudian *Islamic State of Iraq* dan seterusnya menjadi *Islamic State in Iraq and Lebanon*.

Sikap melampau IS dan keganasan mereka semakin jauh daripada Islam. Sama ada dalam bentuk pengeboman kereta di tempat awam, pembunuhan tokoh dan ulama, penculikan wanita dan juga aktivis kemanusiaan, hukuman tanpa bicara, pembunuhan kejam dengan memotong kepala dan menembak mangsa yang tidak berdaya, senarai kekejaman mereka tampil tiada penghujung.

Pada 25 Oktober 2009, pengeboman di Baghdad membunuh 150 nyawa dan mencederakan lebih 720 orang dan ini juga dikaitkan baru-baru ini iaitu apa yang berlaku pengeboman di Paris. Tuan Pengerusi, sedarkan kita semua bahawa ancaman yang terjadi ini disebabkan oleh 4P. Empat ancaman sebenar yang saya maksudkan di sini dengan izin *perception of terrorism* atau *perception terrorism* dan ancaman penganas seperti IS ini wujud disebabkan 4P iaitu pertama, peristiwa. Iaitu berlakunya sesuatu perkara, atau kejadian atau pertemuan dengan individu dengan individu atau individu dengan berkumpulan.

‘P’ yang kedua ialah pemikiran iaitu berlaku setelah wujudnya ‘P’ yang pertama peristiwa hasil daripada pertemuan atau peristiwa, wujudlah bentuk pemikiran yang menganalisis hasil daripada peristiwa. ‘P’ yang ketiga ialah persepsi iaitu analisis yang dihasil daripada ‘P’ yang kedua iaitu pemikiran atau timbulah persepsi, sama ada persepsi itu negatif mahupun positif. ‘P’ yang keempat iaitu perbuatan yang mana perbuatan tercetus hasil daripada ‘P’ yang ketiga tadi, sama ada yang positif atau yang negatif.

Oleh yang demikian adalah lebih wajar sekiranya kita dapat tangani persepsi ini ataupun dengan *perception terrorism* dan langkah awal dalam menangani persepsi ini adalah lebih baik dan menjimatkan. Sehubungan dengan itu Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak kementerian untuk menangani persepsi *terrorism* ini supaya ianya tidak berlaku khususnya di negara Malaysia yang berdaulat ini. sehubungan dengan itu juga saya mencadangkan...

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Kuala Selangor, minta sedikit...

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Ya.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Berkenaan dengan IS ini, bersetuju atau tidak Yang Berhormat Kuala Selangor, sebenarnya kumpulan ini adalah merupakan kumpulan yang kita boleh anggap tajaan mereka di belakang ini adalah Amerika dan juga Israel. Asasnya ialah tidak ada lagi bentuk serangan yang sepatutnya peluru itu diserang kepada Israel yang sering

mengganggu gugat negara Arab. Sebaliknya yang mereka lakukan ialah pembunuhan sesama sendiri sehingga memburukkan imej Islam ini. Minta pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Jadi saya rasa persoalan itu bolehlah dijawab oleh pihak Kementerian Pertahanan. Tuan Pengerusi, yang akhirnya saya juga mencadangkan agar pihak kerajaan memberi garis panduan serta maklumat yang lebih tepat terutamanya kepada golongan pelajar yang menuntut di Timur Tengah dan selain daripada itu perlu ada keimbangan terhadap anak-anak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung terutamanya melalui pengaruh pasangan mahupun media sosial seperti *Facebook*. Saya juga amat berharap agar pihak kerajaan dapat menyekat apa-apa kandungan yang boleh menggugat negara atau mempengaruhi rakyat Malaysia untuk menyertai kumpulan IS ini. Sehubungan dengan itu Tuan Pengerusi, saya menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tumpat.

5.48 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap ringkas sahaja berkenaan dengan Kementerian Pertahanan ini iaitu yang menyinggung berkaitan dengan Dasar Baru - 090100. Apa yang saya ingin sentuh telah sedikit sebanyak disentuh oleh rakan saya daripada Yang Berhormat Kuala Selangor. Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita dengar tadi, Laut China Selatan adalah merupakan salah satu tempat di rantau ini yang memperlihatkan pergolakan ketenteraan yang begitu hangat.

Oleh sebab itu beberapa kali usaha oleh Kementerian Luar dan Kementerian Pertahanan bersama-sama dengan rakan-rakan khususnya dalam ASEAN kerana ia melibatkan tuntutan rantau atau kawasan yang melibatkan negara China dan juga negara-negara Vietnam, Filipina, Malaysia, Brunei, tetapi ianya tidak berjaya.

■1750

Di pihak yang lain, negara China masih terus aktif dan akhir-akhir ini bukan sekadar menuntut kawasan itu, lautan itu sebagai lautan dan kawasan mereka tetapi mula membina beberapa jenis binaan-binaan di lautan tersebut. Akhir sekali pergolakannya ialah bahawa pada awal bulan November ini telah berlaku mesyuarat di kalangan Menteri-menteri Pertahanan ASEAN yang disertai oleh wakil Negara China dan wakil Amerika Syarikat. Di pertemuan ataupun mesyuarat tersebut pun tidak boleh bersetuju untuk mengeluarkan kenyataan bersama kerana China mendesak supaya isu tuntutan mereka itu tidak disebut dalam kenyataan bersama itu.

Apa yang saya hendak tanya sebagaimana mungkin disebutkan juga tadi ialah apakah pendirian Malaysia tentang tuntutan ini? Adakah kita ingin menekankan lagi dan tidak bergantung pada perjanjian ataupun keputusan bersama dalam pertemuan-pertemuan seperti ini sebab kita baca bahawa negara Vietnam dan negara Filipina telah mula mengambil pendirian bahawa

mereka akan memperjuangkan hak tuntutan ini secara sendirian jika gagal ia dilakukan melalui ASEAN.

Keduanya, berkaitan dengan isu ini selepas sidang ASEAN itu, Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat Ashton Carter telah menggunakan kemudahan ketenteraan Amerika Syarikat melalui kapal pembawa kapal terbang, *aircraft carrier* nya untuk melawat kawasan yang dituntut oleh China ini. Sebagaimana dilaporkan, Menteri Pertahanan kita mengikuti bersama dalam lawatan tersebut menumpang kapal perang Amerika Syarikat.

Soalan saya, adakah ini tindakan yang bijak? Kita hak kita, tuntutan kita, bumi kita. Bertentangan dengan tuntutan oleh negara China. Kita tumpang kapal perang Amerika Syarikat untuk melawat kawasan yang juga kita tuntut itu. Sebaik-baiknya kita bukan tak ada kapal perang, tak sebesar *aircraft carrier USS Theodore Roosevelt* itu pun, adalah kapal juga. Pergilah dengan kapal kita, buktikan bahawa sebagaimana kita negara yang berdaulat, merdeka dan sebagainya, kita lawat, ziarah dan memberi mesej bahawa Malaysia ada pegangan, ada pendirian dan ingin memperjuangkan hak kita secara kita, bukan dengan menumpang kekuasaan negara lain. Ini bertentangan dengan dasar luar kita yang kita anuti iaitu memastikan bahawa negara dan kuasa-kuasa besar tidak campur tangan dalam politik dalam negara dan rantau ASEAN ini Tuan Pengerusi.

Keduanya ialah berkaitan dengan pergolakan di Syria. Dalam minggu ini, Parlimen *British Westminster* telah membahaskan dan menerima penerangan oleh Perdana Menteri Cameron yang mengatakan bahawa dan yang meminta Parlimen British untuk memberi persetujuan untuk negara Britain menyerang secara langsung negara Syria, khususnya untuk menghapuskan apa yang dipanggil IS ini. Parlimen British belum lagi mengundi. Pergolakannya amat hangat, Parti Buruh dengan pimpinan barunya Jeremy Corbyn ini telah menyuarakan pendapat peribadinya tidak bersetuju pengeboman itu berlaku. David Cameron telah mencuba pada bulan Ogos tahun 2013 lagi untuk mengebom Syria tetapi undi di Parlimen Britain menolak cadangan beliau itu.

Apabila kita baca analisa berkaitan dengan sikap Britain terhadap Syria ini, ada laporan yang mengatakan misalnya apa yang Cameron sebutkan seperti ada 70,000 tentera IS di Syria. Ada yang mengatakan bahan-bahan maklumat-maklumat, kononnya rahsia inilah yang juga digunakan oleh Perdana Menteri Britain yang lalu untuk mengebom dan menyerang Iraq, kononnya kerana Iraq mengikut laporan *intelligence* Barat dan *intelligence* British, mempunyai kekuasaan senjata nuklear. Jadi, saya hendak tanya, adakah Kementerian Pertahanan mempunyai pakar-pakar *intelligence* dan strategik kita sendiri supaya kita boleh benar-benar menganalisis, memastikan siapakah yang membawa masalah, yang menyerang, yang mengebom bukan sahaja di Syria selama ini dan juga di tempat-tempat lain seperti di Paris dan di Mali itu.

Pandangan di Britain, mengapa antaranya tidak bersetuju untuk mengebom Syria kerana mereka mengatakan sudah tak ada tempat lagi dah untuk bom di Syria itu. Semuanya sudah dibom. Sebarang pengeboman baru oleh mana-mana tentera baru hanya akan membunuh

manusia, orang-orang awam sahaja dan tidak akan boleh mencapai tujuan pengeboman itu yang sebenarnya.

Jadi saya harap dan saya minta kepada kementerian untuk memberi sedikit penerangan, adakah kementerian dan pakar-pakar kita mengkaji dan meneliti sebab ancaman ini kita tidak boleh nafi terkena bukan sahaja di Barat tetapi mungkin di seluruh dunia dan sudah tentu kita ingin menolak ancaman dan fenomena yang dipanggil IS ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu.

5.55 ptg.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mulakan dengan Butiran 040000 – Pertahanan Maritim. Saya ingin ikuti rakan-rakan Yang Berhormat lain yang telah menyatakan isu keselamatan dan kedaulatan negara kita di Laut China Selatan.

Saya tidak mahu ulangi pendirian mereka. Saya sokong kebanyakan pandangan yang telah dinyatakan tadi. Cuma saya hendak dapatkan sedikit dimensi yang sedikit berbeza kerana baru-baru sahaja semasa Persidangan ASEAN dan juga APEC, *Admiral Wu Shengli* dari Tentera Laut China, People's Republic of China telah melawat Sabah, Malaysia dan mengikut laporan kita telah mencapai satu persetujuan supaya tentera laut People's Republic of China dapat akses kepada kemudahan pelaburan pelabuhan di Kota Kinabalu dan ini juga diikuti dengan tahun ini dan kita telah melakukan *joint exercise* dengan China. Seperti yang kita maklum, kini Laut China Selatan sudah dijadikan satu medan persaingan tentera di antara Amerika Syarikat dan China.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tumpat bahawa bila kita tuntut kedaulatan negara kita, ini ialah di antara negara-negara ASEAN dengan China tetapi kini telah ditingkatkan suhunya menjadi satu persaingan kuasa-kuasa besar Amerika Syarikat dan China. Pendirian negara kita sentiasa ialah kita ingin neutral dalam perkara ini dan tidak diheret dalam pertaruhan kuasa ini. Saya ingin dapat pandangan, penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa kalau China diberi akses di KK dan kita juga pernah dengar Amerika Syarikat juga mendapat layanan yang sama. Sungguhpun dinafikan oleh kerajaan bahawa kita telah tawarkan kemudahan di KK ini kepada Amerika untuk melakukan pengintipan tetapi Amerika Syarikat sudah tentu minat juga mendapatkan akses kemudahan di Sabah ini.

Saya ingin tahu apa bentuk akses yang kita bagi kepada sama ada Amerika Syarikat atau China. Adakah ini satu tindakan yang boleh mengimbangkan kedua-dua kuasa atau ini adalah satu undangan untuk menjadikan Malaysia medan persaingan di antara keduanya. Seterusnya saya ke Butiran 070000 dan saya ingin menyatakan sokongan saya kepada Menteri dan menyatakan Malaysia berniat untuk cadangkan satu ASEAN Peacekeeping Force yang akan memberi prioriti untuk menjaga keselamatan South China Sea. Cuma saya ingin tahu secara konkritnya apakah langkah-langkah untuk mencapai ini?

■1800

Menteri juga menyatakan salah satu contoh yang kita boleh menjaga keselamatan di kawasan Lautan Sulu ini ialah melalui kerjasama antara negeri-negeri yang berkepentingan. Kita telah melakukan pelbagai latihan dan kerjasama di antara Indonesia, Filipina dan Brunei. Akan tetapi saya ingin mendapat penjelasan kerana walaupun kita telah ada kerjasama di antara negeri-negeri jiran di Lautan Sulu ini tetapi kita juga tidak lupa negara Filipina tetap tidak melepaskan tuntutan terhadap wilayah kita di Sabah. Apakah maksudnya kalau kita bekerjasama? Adakah pihak Filipina dalam kerjasama ini menghormati kedaulatan negara kita terhadap Sabah? Ini adalah satu perkara yang kalau kita tidak selesaikan, ia akan tetap menjadi ketegangan. Oleh kerana kita tidak tahu apakah- di mana tentera Filipina akan memihak. Terutamanya Filipina tengah berunding dengan MILF untuk mendapatkan perjanjian damai. Pada masa yang sama, ada kumpulan-kumpulan di bawah perjanjian dan ada juga kumpulan pengganas yang mengancam keselamatan.

Ini perkara yang harus kita dapat perjelaskan. Dengan ini saya juga rasa kesal bila beberapa hari yang lepas Timbalan Menteri Dalam Negeri telah menyatakan bahawa ada maklumat bahawa serangan daripada puak pengganas dari Sulu telah merancang untuk serang Lahad Datu sekali lagi. Ini seolah-olah satu- kalau ini adalah betul-betul melibatkan keselamatan negara, saya tidak tahu kenapa tidak dipertingkatkan keselamatan tapi diuar-uarkan secara terbuka? Saya juga ingin dapat apakah ada maklumat perkongsian di antara Kementerian Pertahanan dengan Menteri Dalam Negeri? Sehingga Kementerian Dalam Negeri membuat kenyataan tentang keselamatan dan pertahanan negara. Adakah ini menunjukkan kita tidak harmoni dalam pendirian kerajaan?

Kemudian juga saya ingin kembali kepada soalan saya tentang kehadiran tentera Malaysia di luar negara. Saya ingin mendapat penjelasan kepada kementerian, apakah kos operasi kita? Setahu saya, kini tentera Malaysia berada di Afghanistan dan juga di Saudi. Selama di Saudi sudah sejak Mei tahun ini sehingga sekarang yang saya dimaklumkan oleh Menteri dalam perbahasan secara dasar. Kita ada satu platun dan dua Charlie-130 di Arab Saudi untuk tujuan perikemanusiaan dan menyelamatkan rakyat Malaysia yang masih berada di Yaman.

Saya ingin tahu *on-cost* yang telah kita terpaksa bayai selama operasi ini. Saya juga tidak dapat dalam perbahasan secara jelas, saya telah dimaklumkan bahawa 870 orang rakyat Malaysia telah dibawa pulang daripada bumi Yaman yang bergolak ini pada April dan Mei melalui pelbagai saluran. Saya tidak tahu apakah platun yang berada di sana masih menunggu untuk melakukan evakuasi kepada rakyat Malaysia. Kenapa rakyat Malaysia yang berada di Yaman ini tidak dipulangkan secepat mungkin? Adakah kita tidak anggap mereka dalam keadaan yang berbahaya?

Akhir sekali, saya ingin sentuh yang juga berkaitan. Oleh kerana dalam jawapan yang di bawah oleh Menteri mengatakan bahawa tujuan kehadiran kita di Arab Saudi ini bukan sahaja kerana Yaman tetapi juga berkaitan dengan keadaan yang agak kritikal di Syria dengan penglibatan Rusia dan lain-lain lagi. Saya ingin menyambung sedikit daripada Yang Berhormat

Tumpat. Saya ingin dapatkan penjelasan pendirian kita, negara kita. Jika Malaysia dikehendaki untuk menghantar tentera di Syria untuk tugas pendamaian. Ini kerana kita telah lihat pergelakan di Syria sudah menjadi satu keadaan yang agak *chaotic*, dengan izin, kerana dengan penglibatan dengan Rusia, sekarang pula Eropah Tengah masuk.

Akan tetapi bukankah Kerajaan Malaysia boleh menetapkan bahawa jangan ada kuasa-kuasa Barat menggunakan *terror attack* di Paris ini untuk melakukan campur tangan dan *extract* di Syria? Adakah Kerajaan Malaysia setuju bahawa segala operasi ini harus dilakukan di bawah nama yang dipersetujui oleh PBB? Bolehkah kita dapat komitmen daripada kementerian bahawa Malaysia tidak akan melibatkan diri dalam sebarang tindakan yang agresif sama ada di Syria atau Yaman atau mana-mana negara tanpa persetujuan daripada PBB?

Seperti negara-negara Barat, sungguh pun mereka ada kepentingan dan hantar tentera untuk dalam tindakan luar negeri. Adakah Malaysia juga boleh mengambil pendirian bahawa sebarang penghantaran tentera kita ke luar negeri harus diluluskan oleh Parlimen? Saya itu saja, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gerik.

6.07 ptg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin berbahas dalam B.60, P.60 Kementerian Pertahanan. Di mana kita tahu Kementerian Pertahanan menjaga perbatasan serangan dari luar. Manakala Kementerian Dalam Negeri menjaga ketenteraman awam. Butiran pertama yang saya hendak sentuh ialah Butiran 00100 – Pembinaan. Di mana dalam Parlimen Gerik ada dua kem iaitu Rejimen Sempadan Tiga dan Rejimen Sempadan Empat.

Saya berterima kasih kepada pihak kementerian kerana Rejimen Sempadan Tiga telah mula dibina kelengkapan yang lebih baik untuk kem tentera di Pengkalan Hulu. Manakala Rejimen Sempadan Empat di Gerik nampaknya tidak diluluskan peruntukan. Saya mohon supaya pihak kementerian mempertimbangkan supaya kem Rejimen Sempadan di Gerik juga dinaik taraf seperti Rejimen Sempadan di Pengkalan Hulu.

Dalam masa yang sama, kerana tentera ini memberi perkhidmatan menyebabkan kita rasa selesa sebagai rakyat jelata. Saya mengharapkan dalam pembinaan ini juga pihak kementerian mengambil kira Parlimen Gerik, Hulu Perak dulunya satu kawasan komunis. Kita memahami terdapat sekumpulan rakyat yang cuba memesongkan fakta mengatakan komunis juga pejuang yang memerdekaan negara. Bukti yang paling besar dalam Parlimen Gerik sama ada di daerah kecil Pengkalan Hulu atau di daerah kecil Gerik, kesan peninggalan keganasan yang dibuat oleh pihak komunis amat ketara. Bagaimana kereta askar dibom, diletupkan, menyebabkan kematian tentera kita di Pengkalan Hulu di sempadan di antara Betong dan juga Pengkalan Hulu. Begitu juga dengan pembinaan Empangan Temenggor di dalam Gerik, di sebelah Royal Belum, jentolak diletupkan oleh pihak komunis.

■1810

Kesan-kesan ini masih menjadi igauan kepada rakyat tempatan yang mana saya mencadangkan pihak tentera memang sudah membuat tugu peringatan secara tidak langsung. Akan tetapi kita hendak supaya ada sebuah muzium yang berada sama ada di DUN Pengkalan Hulu ataupun Gerik yang menunjukkan kesan peninggalan serangan komunis yang dipertahankan oleh tentera kita ini menjadi bahan sejarah kepada rakyat kemudian. Ini tidak sampai dua generasi, kita sudah mula melupakan keganasan yang dibuat oleh pihak komunis seumpama kita lihat ada berbagai-bagai usaha seolah-olah menafikan bagaimana komunis ini sebenarnya menyebabkan rakyat di Tanah Melayu khususnya menderita, anak dara dilarikan, kampung terpaksa dipindahkan contohnya Kampung Belum menjadi Kampung Belum Baru, perpindahan kerana ancaman komunis.

Begitu juga Belum-Temenggor ekoran daripada pembinaan Empangan Temenggor tetapi hasrat asal kerajaan, pembinaan jalan Gerik ke Kelantan, Kelantan ke Gerik dan pembinaan Empangan Temenggor ini secara tidak langsung untuk mematikan serangan komunis dalam Parlimen Gerik. Saya mencadangkan supaya tentera berpakaat dengan kerajaan negeri untuk mencari sebuah rumah kerajaan yang boleh dijadikan muzium komunis. Kita tengok daripada ini, kita berharap generasi akan datang tidak terpengaruh dengan cerita-cerita yang tidak benar.

Dalam perkara yang sama, saya juga berharap pihak kementerian melihat semula di mana hari ini disebabkan rejimen sempadan yang dahulunya dikenali sebagai Kem Wataniah 303 di Pengkalan Hulu dan di Gerik Kem Wataniah 304, pejuang-pejuang bangsa ini membuat *reunion*. Saya rasa sangat baik jika pihak kementerian di bawah pihak yang menjaga bekas-bekas tentera tadi memberikan bantuan sekurang-kurangnya apabila mereka ini membuat *reunion* – ada yang capik, ada yang kakinya putus, ada yang sihat tetapi semangat pertemuan kerana mengenangkan mereka bersama-sama berjuang.

Saya memberikan sokongan kepada kedua-dua *reunion* sama ada di Kem 303 atau Kem 304, di Gerik supaya perjuangan mereka terus diberikan penghargaan. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baru-baru ini datang ke Gerik melalui Persatuan Bekas Tentera, saya rasa mewakili Yang di-Pertuan Agong menyampaikan pingat tanda penghargaan kepada bekas-bekas tentera.

Dalam Butiran 08400 – Perumahan Angkatan Tentera Malaysia. Saya melihat di Gerik, saya yakin kerajaan di bawah kementerian, saya lebih selesa kalau tentera-tentera yang ada ini, kita fikirkan kemudahan membina perumahan mampu milik. Semasa mereka menjadi anggota tentera inilah mereka mempunyai pendapatan yang boleh kita bina rumah mampu milik untuk mereka memiliki tempat kediaman. Setidak-tidaknya kalau sekadar kita menunggu mereka menjadi bekas tentera barulah dianugerahkan tanah, mereka tidak mungkin boleh membangunkan rumah. Sementara mereka bertugas inilah kita patut memikirkan bagaimana kemudahan perumahan ini kita beri kepada anggota-anggota tentera. Buatlah usaha yang macam mana, kita boleh berpakaat mengenai tanah dengan kerajaan negeri dengan pihak kementerian.

Saya percaya kalau dalam Parlimen Gerik, saya boleh membantu menghubungkan antara kerajaan negeri dan kementerian untuk memastikan perumahan mampu milik – jangan buat rumah mahal-mahal RM200,000 hingga RM300000 kerana tidak mungkin pasukan tentera ini boleh memiliki rumah tersebut. Akan tetapi kalau kita buat rumah mampu milik di bawah RM100,000 sekurang-kurangnya hari ini walaupun tidak ada ancaman dari luar, operasi yang dibuat di seluruh sempadan menyebabkan setiap daripada anggota masyarakat hari ini boleh hidup tenang, aman dan damai.

Walaupun kita memperkatakan berbagai-bagi tuduhan kepada pasukan pertahanan sama ada polis atau tentera tetapi sebenarnya mereka telah menjaga negara kita Malaysia. Menjaga dan memastikan kita dapat hidup aman dan damai. Kadang-kadang di kalangan kita cuba melaga-lagakan antara satu sama lain. Saya lihat Yang Berhormat Batu tadi cuba melaga-lagakan antara Menteri Pertahanan dengan Menteri Dalam Negeri. Cakap tidak serupa bikin. Dalam Parlimen kita cuba buat cerita yang bukan-bukan.

Minta maaflah, saya bukan berniat hendak mengambil kesempatan soal politik tetapi pada saya, sebagai rakyat yang bertanggungjawab, sayang kepada negara, kita tidak boleh berpura-pura dan apa yang penting kita ada pelbagai kaum dan bangsa, mesti ada persefahaman. Lidah dan gigi boleh tergigit tetapi kita kurangkan bagaimana lidah dan gigi boleh gigit untuk memastikan negara kita Malaysia pada hari ini tetap mempunyai maruah, kukuh, dipandang tinggi dalam dan luar negara. Dengan ini saya menyokong bajet Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang.

6.17 ptg.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh berkenaan Butiran 040000 – Pertahanan Maritim. Baru-baru ini dikhabarkan bahawa Tentera Laut Diraja Malaysia telah menawarkan Tentera Laut China bagi menjadikan Pelabuhan Kota Kinabalu sebagai lokasi singgah kepada mereka. Kita maklum tentang konflik yang sedang berlaku di Kepulauan Spratly di Laut China Selatan yang mana terdapat pertindihan tuntutan daripada beberapa buah negara untuk mendapatkan hak di pulau-pulau di kepulauan tersebut.

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian tentang justifikasi kebenaran ini kerana ianya melibatkan isu keselamatan serta kedaulatan perairan negara apabila kita membuka pelabuhan kita untuk kegunaan tentera asing. Saya juga khuatir kerana beberapa buah negara jiran dalam kalangan Komuniti ASEAN mempunyai hubungan dingin dengan negara China dan saya merasakan tindakan kita ini boleh menimbulkan rasa kurang senang dengan negara terbabit hingga mungkin boleh menyebabkan hubungan negara kita terjejas dengan memberikan kebenaran bagi negara China menggunakan pelabuhan kita ini.

Selain itu juga, kita perlu ingat bahawa pihak Amerika Syarikat juga sedang mengawasi perkembangan di Kepulauan Spratly ini terutamanya apabila tindakan negara China

yang membuat penambakan tanah di beberapa buah pulau kecil dalam kepulauan tersebut. Justeru, saya minta Yang Berhormat Menteri dapat memberikan penjelasan tentang perkara ini.

Saya juga ingin menyentuh tentang Butiran 090300 – Kelengkapan Pertahanan Maritim. Pasukan pertahanan yang menjaga sempadan maritim negara dilihat masih kekurangan aset terutamanya aset rondaan maritim melalui udara ataupun pesawat *Maritime Patrol Aircraft* (MPA). Jelas kelihatan kekurangan aset ini apabila kita menghadapi saat sukar dalam misi mencari pesawat MH370 pada tahun lalu sehingga terpaksa meminta jasa baik negara-negara lain untuk turut serta dalam misi pencarian kerana kurangnya aset dan teknologi baru. Justeru, saya ingin menekankan kepada pihak kementerian agar dapat melengkapkan Tentera Udara kita dengan lebih banyak pesawat MPA ini.

Butiran seterusnya Tuan Pengerusi...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Sekijang, boleh minta pencelahan sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Yang Berhormat Sekijang menyentuh tentang usaha semasa MH370 hilang. Walaupun kita mengetahui bahawa kita ada aset kita yang dapat mengesan ketika itu bahawa kapal terbang yang tidak berautoriti lalu di ruang udara dan dikesan oleh radar kita tetapi tidak ada satu tindakan yang khusus untuk memastikan penerbangan yang tidak dibenarkan itu dikesan dan dikuti.

■1820

Adakah ini Yang Berhormat Sekijang, berkaitan dengan apa yang tertulis di dalam laporan kementerian ini daripada segi strategi yang merupakan teras pertama strategi Kementerian Pertahanan ialah 70 peratus tahap kesiapsiagaan. Saya menjangkakan Yang Berhormat Sekijang, angkatan tentera kita bukan 70 peratus bersiap siaga, *it should be 100 percent* dengan izin. Akan tetapi adakah itu puncanya mengapa dikesan satu penerbangan yang asing tetapi tidak ada tindakan diambil? Minta pandangan Yang Berhormat Sekijang.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya melihat – saya menyentuh tentang peri pentingnya penambahan aset berkaitan dengan pertahanan maritim ini kerana selain daripada isu kehilangan MH370 ia juga mungkin dapat membantu kita dalam kejadian-kejadian yang tidak diingini seperti kejadian banjir dan sebagainya yang saya kira mungkin boleh pihak Kementerian Pertahanan dapat melihat, apakah sebenarnya keperluan untuk penambahan kelengkapan ini?

Kalau kita lihat tentang kesiapsiagaan Yang Berhormat, saya melihat sebenarnya kementerian memang menitikberatkan tentang peri pentingnya berkaitan dengan pertahanan ini dan kita mengharapkan selepas daripada kelulusan bajet ini yang mungkin kalau dapat persetujuan juga daripada Yang Berhormat untuk kita sama-sama luluskan, saya yakin dan saya percaya kesiapsiagaan itu lebih daripada 100 peratus kita dapat laksanakan.

Saya minta izin diteruskan Tuan Pengerusi. Untuk butiran seterusnya ialah berkenaan dengan Butiran 06000 – bagi Latihan Khidmat Negara. Ini saya kira antara butiran yang memang penting dan telah disentuh oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat kita. Saya ingin ucapan tahniah dan juga syabas kepada pihak kementerian kerana telah memulakan program ini dengan modul yang lebih baik dan seiring dengan keperluan semasa termasuklah mengajar pelatih-pelatih PLKN ini tentang aspek perancangan kewangan.

Hasil yang diperoleh melalui kerjasama kementerian dengan Kementerian Belia dan Sukan ini dilihat penting untuk persediaan pelatih menghadapi alam dewasa. Selain itu saya ingin mencadangkan agar modul PLKN ini turut menekankan lebih banyak aspek peningkatan kemampuan pelatih dalam *soft skill* mereka seperti *public speaking* ataupun dengan izin pengucapan awam sebagai persediaan awal bagi mereka dalam menuju alam pembelajaran di peringkat universiti iaitu di peringkat IPTA ataupun di peringkat IPTS. Saya yakin penekanan dalam aspek ini boleh memberikan bantuan yang baik kepada mereka kelak.

Seterusnya di bawah peruntukan pembangunan Butiran 08400 – bagi Perumahan Angkatan Tentera Malaysia. Saya berharap isu yang melibatkan anggota tentera di Kem Syed Sirajuddin di Gemas, Negeri Sembilan berkenaan isu kekurangan rumah dapat diatasi melalui peruntukan ini. Bagi saya antara keperluan utama bagi mereka kerana pada hari ini terdapat ramai anggota yang bertugas di kem ini terpaksa menyewa kediaman mereka di dalam daerah Segamat bersempadan dalam daerah Segamat di negeri Johor.

Jadi saya ingin mendapatkan kepastian daripada pihak kementerian tentang jumlah rumah kediaman anggota tentera yang bakal dibina di kawasan ini memandangkan kesulitan mereka ini sudah tentu boleh merencatkan prestasi kerja mereka kerana terpaksa berulang alik agak jauh dari kem dan juga kediaman mereka. Saya harap pembinaan rumah ini bagi anggota di kem ini menjadi perancangan utama pihak kementerian pada tahun hadapan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

6.24 ptg.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya turut terlibat dalam B.60 dan P.60 Kementerian Pertahanan iaitu yang pertama saya ingin ambil Butiran B.010000 – Pentadbiran Pertahanan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan iaitu satu agensi di bawah Kementerian Pertahanan iaitu Lembaga Tabung Amanah Angkatan Tentera (LTAT). Difahamkan baru-baru ini LTAT bersama dengan Boustead yang juga LTAT mempunyai pegangan di dalam Boustead akan mengambil alih pengoperasian, pengendalian perkhidmatan AES iaitu yang dulunya dikendalikan oleh Syarikat Beta Tegap dan juga ATES Sendirian Berhad. Saya difahamkan bahawa LTAT bersama dengan Boustead mengambil alih ini daripada Iraq Property yang sudah pun mengambil alih daripada AES Solution di bawah Kementerian Kewangan kemudian mengambil alih daripada Syarikat Beta Tegap dan ATES Sendirian Berhad.

Persoalan saya Tuan Pengurus ialah apa perkiraan pengambilalihan penglibatan LTAT dan Boustead ini dalam mengambil alih pengendalian pelaburan yang mungkin agak besar dalam AES ini? Apa perkiraan, pertimbangan, keuntungan kah, apakah? Sejauh mana perkiraan awal ini dibuat untuk unjuran keuntungan? Berapa unjuran keuntungan yang dijangka akan diperoleh bagi – sudah tentulah bila melibatkan LTAT untuk membantu bagi dividen, keuntungan kepada pencarum-pencarum daripada anggota tentera itu sendiri? Jadi saya hendak dapatkan penjelasan tersebut. Berapakah pengambilalihan yang dibuat oleh LTAT dan Boustead ini ke atas Irat Properties ini? Berapa nilai Ringgit Malaysia itu berapa dan menjadikan berapa pegangan LTAT dan Boustead itu dalam pengendalian ini? Apakah nama syarikat baru atau sebagainya jadi mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat?

Kemudian saya ingin menyentuh iaitu berkaitan dengan P.00100 – Pembinaan dan P.00200 – Kelengkapan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan terhadap perkara yang berkaitan dengan pembekalan kontrak kerajaan perolehan untuk 257 buah AV 8 kali 8 dengan Syarikat Deftech yang telah pun diluluskan, diperuntukkan dalam RMKe-10 dengan harga RM7.550 bilion. Setakat ini, sejauh mana *progress* penyerahan pembekalan 257 buah ini yang kalau mengikutnya bermula dari tahun 2013 sehingga 2018 kerana pembekalan berkenaan akan diterima oleh angkatan tentera secara berperingkat.

Jadi saya hendak tahu berapa jumlah yang telah pun diserahkan kepada angkatan tentera dan sejauh mana yang sudah diserahkan itu dari segi penggunaannya, kebolehan dan juga teknologi yang ada itu tidak seperti mana yang berlaku sebelum-sebelum itu. Ada juga kenderaan-kenderaan ataupun yang diperoleh oleh angkatan tentera tetapi akhirnya tidak dapat digunakan secara yang sempurna akibat daripada penguasaan teknologi dan sebagainya. Ataupun kekurangan perkara-perkara yang berkaitan dengan latihan dan sebagainya. Jadi saya hendak dapatkan penjelasan tersebut daripada Yang Berhormat.

Akhir sekali ialah berkaitan dengan butiran yang sama Tuan Pengurus ialah bagaimana status sekarang ini tentang projek Kompleks 7 Briged Kem Skudai, Johor Bahru yang telah terbengkalai begitu lama? Saya pada hari Sabtu yang lalu melawat kawasan tapak tersebut di Skudai. Memang saya ambil gambar ada gambar yang ada sekarang ini ialah semai benih pokok saya tidak tahu, saya pun tidak kenal pokok apa. Pokok-pokok apa yang disemai di situ ia jadi macam seolah-olah macam tapak semai. Mungkin pokok kapal terbang jet perang kah, *wallahualam*.

■1830

Pokok kapal terbang memang ada. Yang Berhormat Kubang Pasu tahu lah, memang ada orang panggil pokok kapal terbang. Betul ya, Yang Berhormat Sungai Petani? Pokok kapal terbang. Akan tetapi agak menyedihkan, jadi tempat ditinggalkan, berhutan.

Jadi saya hendak dapatkan penjelasan ini kerana kalau mengikut tujuan, pembinaan Kompleks 7 Briged itu melalui *land swap* dengan Syarikat Kausar Corporation dan sebuah konsortium iaitu syarikat usaha sama antara Kausar Corporation dengan Syarikat Koperasi Angkatan Tentera Malaysia. Dia bersama dua buah syarikat ini.

Jadi isunya yang terbengkalai itu semua tahu, saya dah bangkit sebelum ini Tuan Pengerusi, iaitu apabila kegagalan kontraktor ini, Kausar ini untuk menjalankan pembinaan tetapi pada masa yang sama dia telah berjaya untuk menggadaikan tanah yang diperoleh melalui *land swap* ini iaitu tanah dari kem-kem lain yang telah pun diperoleh oleh Kausar ini digadai kepada MBSB. Projek yang diberikan ini sebenarnya bernilai RM256 juta tetapi *loan* yang dia dapat ialah RM465 juta. RM465 juta dengan dia telah berjaya mendapat pemilikan tanah dari kem lain yang telah pun diswapkan kepada dia, kemudian dia gadai di MBSB iaitu sebuah syarikat kewangan milik KWSP. Jadi akhirnya dia gagal, dia tak boleh bayar, dia lari tetapi saya difahamkan dari kementerian, kementerian berjaya ambil balik tanah tersebut. Jadi saya hendak dapatkan kepastianlah.

Akan tetapi isunya ialah pertama sekali, apa akan jadi dengan tapak yang sudah pun tersedia di Skudai? Apa akan jadi? Sepatutnya tapak tersebut bila siap nanti akan dapat memindah dan menempatkan beberapa unit tentera yang dulunya ditempatkan di Kem Tebrau, Majidee dan Kluang. Antaranya yang ditempatkan di kem ini sepatutnya ialah Markas Staf Station, Skuadron Semboyan Briged, Woksyop Briged dan Markas Rejimen 501 Askar Wataniah daripada Kem Tebrau serta Markas 7 Briged dan Unit Batalion Infantri daripada Kem Kluang.

Jadi maknanya, mereka tidak dapat berpindah ke tempat baru yang sepatutnya dapat berpindah ke tempat baru yang lebih *sophisticated*, yang lebih selesa, yang saya percaya berkemungkinan di tempat baru ini akan disiapkan dengan perumahan, tempat penempatan tentera yang lebih baik. Jadi mereka terpaksa duduk di tempat lama yang mungkin tidak begitu selesa.

Jadi saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, bagaimana keadaan ini diselesaikan oleh pihak kerajaan? Apa kesan apabila syarikat ini telah gagal membayar hutang, Syarikat Kausar ini? Sebab, pelaksanaan program ini dibuat secara usaha sama secara bersama, usaha sama antara Kausar Corporation dengan Syarikat Koperasi Angkatan Tentera. Apa kesan apabila hutang itu- apakah hutang itu dibuat atas nama Kausar Corporation tanpa membabitkan Koperasi Angkatan Tentera atau bagaimana? Kalau dia membabitkan Koperasi Angkatan Tentera, apa kesan kepada Koperasi Angkatan Tentera apabila hutang itu tidak dapat dibayar? Apa tanggungan yang terpaksa ditanggung oleh Koperasi Angkatan Tentera? Jadi ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh habiskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, ya, saya hendak gulung. Jadi, itu saya mohon penjelasan ini kerana ini sangat penting kepada Angkatan Tentera yang mengharapkan mereka boleh berpindah ke tempat baru yang lebih selesa. Nampaknya sampai sekarang tidak dapat selesai.

Jadi, sebab itu saya nak minta Yang Berhormat Rompin selaku Pengerusi PAC ini- sebab dulu PAC ada buat tetapi dia tinggal begitu sahaja. Jadi saya minta PAC harap tolong tengok balik apabila kes-kes ini tertinggal begitu, PAC harus tengok balik. Apa sebenarnya yang berlaku di dalam isu ini. Jadi saya... *[Disampuk]* Apa dia?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Apa dia?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dia hendak berucap.

Seorang Ahli: Lama sangat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak apalah, sabarlah. Kau tu- Yang Berhormat Tenggara ini dia tak payah berucap. Jadi saya minta supaya hal ini harus dilihat khususnya oleh PAC. Saya minta PAC kena lihat balik sebab isu ini- banyak sebenarnya laporan PAC yang ada pada saya dan laporan audit yang telah pun ditunjukkan bahawa ada permasalahan-permasalahan, malah pemilihan Syarikat Kausar itu pun satu perkara yang sangat dipersoalkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah.

6.36 ptg.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud B.60, Butiran 010000 – Pentadbiran Pertahanan di bawah Butiran 010100 – Pentadbiran dan Dasar Pertahanan.

Salah satu dasar pentadbiran pertahanan ialah memastikan kesejahteraan veteran Angkatan Tentera Malaysia dan keluarganya. Adakah kerajaan benar-benar menjaga kebijakan wira-wira negara yang telah memberikan khidmat yang tak terhingga menjaga keselamatan ibu pertiwi? Jika ya, apakah jenis-jenis bantuan dan kemudahan yang dinikmati oleh golongan veteran ini? Berapa ramaikah veteran yang menerima bantuan daripada kerajaan setiap tahun? Adakah veteran-veteran ini pernah diberi tanah atau pun rumah untuk mengenang jasa mereka? Jika ya, berapakah jumlah tanah dan bilangan rumah yang dimiliki veteran-veteran tentera hasil pemberian kerajaan? Saya juga ingin mendapatkan penjelasan terperinci daripada Yang Berhormat Menteri mengenai skim bantuan kebijakan veteran.

Butiran 030000 – Pertahanan Darat di bawah butiran kecil Butiran 030100 – Pengurusan. Bagaimanakah minat orang-orang bukan Melayu menjadi anggota tentera? Ini untuk ketiga-tiga cabang iaitu darat, laut dan juga udara. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan statistik pengambilan Angkatan Tentera mengikut kaum bagi lima tahun yang terakhir? Kalau tidak boleh beri hari ini pun, bolehlah beri secara bertulis.

Ada pandangan yang mengatakan bahawa kenaikan pangkat di kalangan anggota tentera bukan Melayu adalah lambat dan sukar. Adakah ini benar? Mungkin ini juga merupakan satu faktor kenapa orang-orang bukan Melayu tidak begitu berminat untuk menjadi anggota tentera. Nyatakan jawatan-jawatan tertinggi dalam anggota tentera yang dijawat oleh orang Cina, orang India, Orang Asli dan peribumi dari Sabah dan Sarawak. Berapakah bilangannya?

Masih dalam Butiran Pertahanan Darat, Butiran 030300 – Latihan. Ini adalah berkaitan dengan PALAPES. Saya hendak mendapatkan beberapa maklumat berkaitan dengan anggota PALAPES ini. Sejauh manakah mahasiswa-mahasiswi berminat menjadi anggota PALAPES di universiti-universiti? Adakah semua universiti dan kolej awam terlibat dalam melatih PALAPES?

Adakah ini juga termasuk politeknik? Apakah langkah-langkah kerajaan untuk menarik minat mahasiswa-mahasiswi mengikuti latihan PALAPES?

Berapakah jumlah di antara pegawai-pegawai yang masih berkhidmat selepas tamat latihan PALAPES? Ini saya hendak dapatkan maklumat sebab saya tidak tahu kerajaan membelanjakan wang yang banyak untuk melatih pegawai-pegawai tetapi adakah mereka selepas menjalani latihan tiga tahun di universiti, kolej dan sebagainya dan selepas mereka mula bekerja, mereka masih lagi berminat menjadi pegawai tentera atau pun mereka tidak lagi berminat sebab mereka lebih berminat untuk bekerja dan atau pun berniaga. Jadi saya hendak tahu sama ada mereka yang telah dilatih menjadi pegawai leutenant muda itu apabila mereka keluar nanti, selepas mereka tamat pengajian, mereka meneruskan lagi. So saya hendak tahu, berapakah bilangan anggota pegawai yang terlatih itu masih berkhidmat?

Juga, berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan untuk program PALAPES ini setiap tahun? Dianggarkan pada tahun hadapan, lebih 1,000 orang mahasiswa-mahasiswi yang akan menjalani latihan PALAPES ini.

■1840

Pada tahun 2015, bilangan rekrut Pusat Latihan Asas Tentera Darat dianggarkan 2,200 orang tetapi jumlah ini telah ditambahkan kepada 4,500 pada tahun 2016. Kenapa bilangan rekrut ditambahkan begitu ramai? Minta penjelasan daripada Menteri dan akhir sekali Butiran 060000 - Latihan Khidmat Negara, butiran kecil 060200 - Latihan. Bagi tahun 2016, dua lagi kem baru akan dibuka menjadi 83 kem PLKN.

Bilangan pelatih PLKN pula akan ditambahkan kepada 114,800 pelajar. Bolehkah 83 kem ini menampung jumlah pelatih yang sebegini ramai? Kerap kali insiden-insiden kemalangan dan kehilangan nyawa berlaku dalam kem-kem ini. Mungkin disebabkan bilangan pelatih yang terlalu ramai, pihak pengelola kem-kem tidak dapat mengawal atau menyelenggarakan soal keselamatan dengan baik. Apakah jaminan kementerian untuk memastikan insiden-insiden seperti ini terutamanya kehilangan nyawa tidak berlaku di kem-kem PLKN.

Untuk makluman Dewan yang mulia, sering kali kita dikunjungi ibu bapa yang tidak mahu menghantar anak mereka menjalani latihan khidmat negara. Satu daripada alasan yang diberikan ialah masalah kesihatan anak mereka. Saya mohon penjelasan Menteri, dalam keadaan apakah seseorang pelajar yang telah dipilih boleh dikecualikan daripada menjalani latihan khidmat negara. Itu sahaja Tuan Pengurus, terima kasih.

Tuan Pengurus [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin.

6.41 ptg.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengurus. Saya ringkas sahaja Tuan Pengurus kerana banyak yang telah diperbincangkan oleh kawan-kawan yang lain. Saya terus pergi kepada perkara P.60, 040200 - Logistik dan 04040 - Operasi. Kalau kita dapat lihat daripada perbelanjaan atau peruntukan yang telah dibuat untuk Kementerian Pertahanan, daripada kita bandingkan tahun 2015 ke 2016 nampaknya peruntukan kita semakin

berkurangan. Tahun 2015, Kementerian Pertahanan diperuntukkan sebanyak RM17.763 bilion sementara tahun 2016 pula hanya RM17.3 bilion sahaja. Kalau kita bandingkan dengan negara-negara ASEAN, kita jatuh nombor empat pada ketika ini. Kita di belakang Singapura yang telah memperuntukkan sebanyak 26.6% daripada perbelanjaan mereka. Indonesia sebanyak 21.3% sementara Thailand memperuntukkan sebanyak 15.1%.

Di sini jelas menunjukkan bahawa kita sebenarnya tidak memberikan satu keutamaan kepada aspek ketenteraan ataupun pertahanan negara kerana pertahanan bukan tujuan untuk kita menawan ataupun menguasai mana-mana negara tetapi kita mahu memastikan supaya kekuatan kita sentiasa dihormati oleh mana-mana juga musuh. Pada aspek ini Tuan Pengerusi, analogi ini adalah sebagai satu peringatan kepada kita. Kejadian yang telah berlaku sebelum ini. Yang pertamanya pencerobohan Lahad Datu, keduanya seperti yang kita lihat kemaraan tentera-tentera negara terkuat ataupun terbesar negara China pada ketika ini seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Sekijang tadi memang cukup membimbangkan kita.

Apa yang kita buat pada ketika ini, kita hanya tertanya-tanya di manakah bekalan apabila sesuatu perkara berlaku. Kita tidak ada membuat persediaan awal ataupun membuat perancangan supaya memastikan supaya dalam apa jua keadaan, kita sentiasa bersedia untuk menghadapi kemungkinan. Jadi saya berharap kepada pihak kerajaan supaya dapat melihat kembali tentang peruntukan dan aspek-aspek ketenteraan apatah lagi dengan kemaraan-kemaraan pelbagai peristiwa yang telah saya sebutkan tadi. Itu sahaja Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lumut.

6.44 ptg.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, pada tahun hadapan, Angkatan Tentera Malaysia ataupun Kementerian Pertahanan akan diperuntukkan dengan jumlah wang sebanyak RM17 bilion. Banyak itu Tuan Pengerusi, RM17 bilion. Saya ingin merujuk kepada B.60 Butiran 10000 - Emolumen. Emolumen diperuntukkan sebanyak RM7.212 bilion, Tuan Pengerusi. Ini saya ingin tahu daripada kementerian, pecahan bayaran gaji kepada warga awam dan warga tentera supaya kita dapat tahu berapakah bilangan warga angkatan tentera di dalam negara kita.

Dengan terdapatnya butiran tersebut, jadi kita boleh nilai sama ada kita perlu risau dan bimbang serangan tentera Sulu yang jumlahnya lebih kurang 300 orang dengan angkatan tentera kita yang berpuluhan ribu orang, Tuan Pengerusi. Dalam hal ini juga Tuan Pengerusi, angkatan tentera dikepalai oleh panglima angkatan tentera yang berpangkat Jeneral empat bintang. Tentunya beliau merupakan warga tentera yang menerima gaji paling tinggi. Soalan saya, mengapakah kerajaan ataupun Kementerian Pertahanan melakukan amalan menyambung perkhidmatan panglima angkatan tentera ini.

Oleh kerana kita lihat angkatan tentera kalau dahulu 55 tahun, itu memang masih gagah dan segak lagilah tetapi sekarang ini sudah 60 tahun, sudah nampak slow sedikit tapi kita hendak

sambung pula 62 tahun kah apa. Dalam hal ini saya kalau secara individu saya bantah supaya kita bagi peluang kepada panglima-panglima yang lain yang lebih muda mengambil jawatan tersebut untuk mengepalai Angkatan Tentera Malaysia, Tuan Pengerusi.

Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas sokong, terima kasih. Dalam hal ini juga saya ingin bangkitkan berhubung dengan elaun warga kita yang mempertahankan pulau-pulau di Terumbu, di Pulau Layang-layang, Pulau Mantanani, Pulau Perahu yang berada di tengah laut hanya dibayar elaun setakat ini Tuan Pengerusi, RM18 satu hari sahaja.

Untuk itu, saya tuntut Kementerian Pertahanan supaya melihat balik keadaan ini oleh kerana pengorbanan mereka mempertahankan negara di barisan hadapan dengan risiko ribut, serangan-serangan tentera musuh, maka saya tuntut supaya elaun ini dinaikkan sekurang-kurangnya RM50 satu hari. Kalau kena bertugas di sana sebulan, balik bolehlah bayar hutang-hutang along itu. Oleh itu mohonlah Kementerian Pertahanan untuk melihat perkara ini.

Dalam hal perkhidmatan dan bekalan Butiran 20000 Tuan Pengerusi, Kementerian Pertahanan diperuntukkan sebanyak RM5.7 bilion. Dalam hal ini, saya ingin membangkitkan Butiran 60000 yakni mengenai Latihan Khidmat Negara sebagaimana dibangkitkan oleh rakan saya dari Batu Gajah. Sebenarnya tahun ini, peruntukan sebanyak RM275 juta sahaja untuk dibelanjakan tahun hadapan 2016. Saya tak fikir Kementerian Pertahanan akan buka semua 83 kem yang disebut oleh Yang Berhormat Batu Gajah dan untuk itu, saya ingin mendapatkan butiran daripada Kementerian Pertahanan, berapakah kem yang akan dibuka dengan peruntukan sebanyak RM275 juta pada tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh Butiran 30000 mengenai Aset. Tahun hadapan, Kementerian Pertahanan akan diperuntukkan sebanyak RM366 juta. Setiap kali bajet dibentangkan, saya persoalkan bagaimana kementerian boleh membelanjakan sebanyak RM360 juta dalam masa satu tahun sedangkan kita tahu perolehan peralatan tentera mengambil masa untuk menyediakan spesifikasi, menyediakan tender dokumen kemudian kita tenderkan, buat perbelanjaan dan pengagihan mengambil masa. Jadi saya persoalkan bagaimana angkatan tentera ataupun Kementerian Pertahanan boleh membelanjakan RM366 juta.

Berhubung dengan P.60 butiran yang sama, di Kementerian Pertahanan diperuntukkan sebanyak RM3.8 bilion. Ini peruntukan pembangunan. Saya yakin dan percaya peruntukan ini adalah digunakan untuk membayar perolehan-perolehan yang telah dilakukan untuk Tentera Laut, Tentera Darat dan Tentera Udara. Untuk itu, Kementerian Pertahanan saya mohon untuk memberi butiran bayaran perolehan tersebut. Berapa banyak kah kita telah bayar untuk perolehan Littoral Combat Ship, berapa banyak juga kita telah bayar untuk Short Range Air Defence Missile. Saya juga ingin tahu berapa banyak kah kita telah bayar untuk armored vehicle 8x8, begitu juga dengan perolehan A400M Airbus dan juga *intelligence and surveillance system* yang telah kita peroleh sebelum ini dan berapa banyak kah kos ataupun bayaran ansuran yang kita perlu bayar pada tahun ini.

■1850

Sebagaimana dinyatakan oleh Menteri Pertahanan, tahun hadapan beliau akan membina sebanyak 1,000 rumah kelamin. Peruntukan yang diperuntukkan pada tahun lepas setakat RM162 juta. Untuk itu, saya ingin mendapatkan penjelasan dan pencerahan daripada Kementerian Pertahanan di manakah kuarters-kuarters yang akan dibina sebanyak 1,000 tersebut untuk tentera laut, darat, udara dan juga bersama.

Saya ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai berhubung dengan strategi 70% persediaan. Ini telah saya bangkitkan pada pertama kali saya bersidang di Dewan ini. Oleh kerana 70% persediaan itu merupakan 70% aset yang digunakan untuk operasi pada setiap tahun, maka sebab itu saya kata persediaan ataupun kesiapsiagaannya sepatutnya 100% untuk 7% *attack* yang beroperasi. Untuk itu saya mohon Kementerian Pertahanan supaya melihat balik kepada strategi yang dibentangkan di dalam laporan bajet ini supaya mengubah kepada 100% persediaan aset 70% yang bersedia untuk beroperasi. Sekian daripada saya, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Sulong bangun lagi ya. Sepuluh orang bangun, dia tidak bangun. Bagilah Yang Berhormat Parit Sulong.

6.51 ptg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Satu sahaja butiran. Maksud Bekalan 60 Butiran 060000 – Program Latihan Khidmat Negara. Program Latihan Khidmat Negara ini nampaknya bakal berwajah baru dan kita maklum bahawa kerajaan memperkenalkan ada lima modul dengan tiga sub modul dalam PLKN. Jadi saya cuma hendak bertanya kepada pihak kementerian mengenai pemilihan peserta PLKN ini. Adakah ia dibuat secara rawak seperti sebelum ini, seperti yang biasa dilakukan ataupun mungkin terdapat pertukaran daripada segi mekanisme dalam memilih pelatih-pelatih PLKN yang akan pergi untuk menghadiri PLKN ini?

Selain daripada itu, pelatih PLKN ini memang datang daripada pelbagai latar belakang. Jadinya, mungkin ada juga isu seperti isu keselamatan yang mungkin boleh diberi perhatian. Jadi saya hendak tanya kepada pihak kementerian adakah terdapat penambahbaikan daripada segi keselamatan untuk semua kem di seluruh Malaysia ini memandangkan terdapat juga sebelum ini perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan yang tidak diingini yang telah terjadi.

Saya hendak bertanya mengenai alumni PLKN. Saya tengok ia satu langkah yang menarik yang telah diumumkan. Jadi sebelum apabila ada alumni PLKN ini, mungkin saya hendak bertanya kepada pihak kementerian. Adakah pihak kementerian ada merangka apa-apa pelan ataupun program untuk memastikan bahawa PLKN ini akan sebenarnya memberi manfaat kepada ahli-ahlinya sendiri dan bukan hanya satu program alumni ataupun satu penubuhan alumni sekadar hendak mengumpul semua orang tetapi tidak mempunyai matlamat dan juga rangka kerja yang menarik yang boleh menghimpunkan semua alumni PLKN ini?

Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana memberi saya peluang.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai.

6.54 ptg.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani kerana bersabar. Saya melihat bahawa antara pelanggan kepada kementerian ini seperti yang dicatatkan dalam laporan ialah pesara-pesara Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Saya dan ramai kita telah membangkitkan kebajikan pesara-pesara ini. Satu kumpulan yang sentiasa kita sebut ialah mereka yang tidak berpencen apabila mereka menamatkan perkhidmatan di dalam ATM. Dalam suasana hari ini, saya sentiasa mendapat rayuan daripada rakan-rakan bekas tentera ini untuk membawa tanpa letih ke Parlimen ini, meminta Kementerian Pertahanan dan kerajaan melihat kembali kalau ada ruang-ruang di mana kita boleh memberikan ganjaran secara berterusan kepada pesara-pesara pekhidmat-pekhidmat jangka pendek atau mereka yang meninggalkan service tanpa mendapat pencen.

Jadi dalam keadaan ekonomi hari ini, susah bagi mereka terutamanya yang tidak ada kepakaran tertentu untuk menghadapi suasana kehidupan. Jadi saya kemukakan sekali lagi permohonan ini kepada pihak kerajaan untuk dipertimbangkan.

Mengenai perkara yang telah disebut oleh Yang Berhormat Lumut tadi dan juga oleh Yang Berhormat Sekijang mengenai tahap kesiapsiagaan ATM pada peringkat 70%. Saya rasa dan saya berharap ia bukan sesuatu perkara yang tepat di sini. Mungkin kementerian meletakkan 70% itu untuk mengaburi mata kita. Sebenarnya kesiapsiagaannya 100%. Jadi dia hendak acah letak 70%, orang menyangka tentera kita tidak bersedia, mereka ganggu lalu kita akan ambil tindakan. Saya harap begitulah tetapi kalau benar 70%, saya rasa saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian sama ada ini adalah standard bagi kebanyakan angkatan tentera di lain-lain negara, 70% ini atau adakah 70% ini sebenarnya sudah tinggi berbanding negara-negara yang lain? Kita tidak boleh berkompromi dengan keselamatan negara kita. Jadi dalam konteks ini saya rasa tidak ada nilai yang lain melainkan 100% siap siaga dengan keperluan aset-aset yang sedia ada walaupun mungkin aset kita yang kita kumpulkan tidak mencapai 100% keperluan negara tetapi pada setiap masa, mereka sepatutnya 100% boleh dimobilizekan untuk menghadapi ancaman-ancaman.

Ini terutamanya seperti kawasan ESSCOM di Pantai Timur Sabah yang mempunyai sempadan laut yang begitu luas dan ancaman-ancaman yang berterusan. Bukan hanya ancaman semasa krisis seperti peristiwa Lahad Datu tetapi kemasukan pendatang-pendatang tanpa izin melalui laut daripada negara-negara jiran. Mungkin bukan peranan angkatan tentera tetapi kehadiran aset-aset kita di kawasan perairan kita boleh sedikit sebanyak menghalang niat dan hasrat pihak-pihak yang ingin membawa masuk pendatang-pendatang tanpa izin ini ke negara kita. Jadi saya harap kita meletakkan persiapan yang mencukupi di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya berpindah ke peruntukan pembangunan yang banyak diberikan kepada ketiga-tiga cabang angkatan tentera iaitu darat, udara dan laut. Saya mengandaikan jumlah ini walaupun agak tinggi berbanding dengan tahun sebelumnya, adakah jumlah ini juga

jumlah yang optimum yang dipohon oleh Kementerian Pertahanan kerana saya yakin Kementerian Pertahanan ada permohonan, ada jumlah yang dipohon. Jadi berapa peratuskah daripada permohonan daripada Kementerian Pertahanan yang dianggap diperlukan berbanding dengan yang diluluskan seperti yang ada di dalam penyata ataupun di dalam kertas bajet ini kerana saya khuatir kalau jumlah yang diperoleh itu adalah jauh lebih rendah daripada yang dipohon oleh Kementerian Pertahanan, ia mengkompromi persediaan angkatan tentera dalam menghadapi masalah pertahanan negara.

Terakhir Tuan Pengerusi, mungkin ini tidak ada kaitan dengan kementerian ini tetapi oleh kerana ia sangat penting dan saya perlu bangkitkan ialah mengenai latihan rakyat Malaysia yang bakal menjadi pegawai-pegawai angkatan tentera di UPNM. Keluar lagi berita hari itu pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang meninggal dunia semasa dalam latihan di kem yang belum dikatakan ataupun oleh sebab peralatan-peralatan camping yang tidak selamat. Dua tiga hari ini keluar pula berita mengenai amalan buli (*ragging*) yang keterlaluan walaupun mungkin sesetengah orang menyangka *ragging* di dalam angkatan tentera ini adalah satu *standard practice* yang mestilah dilalui oleh pelatih-pelatih.

■1900

Akan tetapi saya berasa ada kaedah lain untuk menerapkan semangat ketenteraan dan juga kekuatan fizikal bukan melalui *ragging* yang keterlaluan. Jadi, apakah langkah kerajaan dan langkah universiti berkenaan, kalau boleh dikongsi dengan kementerian yang satu lagi itu supaya perkara ini tidak berlaku. Jadi pengurusan universiti ini pun harus mengambil pandangan yang serius tentang masalah ini dan tidak dibiarkan sehingga menjadi polemik yang besar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Subang.

7.00 mlm.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya akan bangkitkan satu butiran sahaja, Butiran 050000 di bawah tajuk pertahanan ruang udara negara kita. Berhubung dengan tajuk ini, saya ingin bangkitkan isu kehilangan pesawat MH370 pada 8 Mac 2014 dan sebelumnya bangkitkan soalan-soalan yang saya ada, izinkan saya baca artikel daripada *Wikipedia* tentang isu ini yang rumuskan fakta-fakta yang penting tentang kes ini dengan izin, dalam bahasa Inggeris mereka sebut begini, “*The aircraft disappeared from air traffic controllers radar screen at 1.32 MYT...*” itu masa *local* dan ini yang relevan dengan soalan yang akan saya dibangkitkan. “*Malaysian military radar continue to track the aircraft as it deviated from its planned flight path and cross the Malay Peninsula. It left the range of Malaysian military radar at 02.22 while over the Andaman Sea*”.

Kita semua tahu, dunia semua tahu pesawat ini destinasi ialah Beijing dan semua tahu memang dia sudah tidak ikutlah *flight path* yang dirancang. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah, soalan ini telah dibangkitkan dulu dan dijawab. Soalannya ialah kenapa

pesawat-pesawat tentera udara tidak diaktifkan untuk mengikut pesawat MH370 apabila telah dikenal pasti oleh *radar military* dan jawapan telah diberikan dalam Dewan yang mulia ini dan di luar juga bahawa pesawat kita tidak diaktifkan sebab pesawat itu dikenal pasti sebagai pesawat *civilian*. Itulah jawapan yang telah diberi setakat ini.

Pada pandangan saya Tuan Pengerusi, mengikut amalan terbaik atau *best practice* dan ini untuk demi keselamatan negara kita, jawapan itu memang tidak boleh diterima. Seluruh dunia tahu hakikat ini iaitu kalau kita kata kita tidak kejarkan pesawat-pesawat jet kita untuk ikut pesawat MH370 sebab kita sudah dapat tahu melalui radar kita itu *civilian* sahaja. Akan tetapi itu elak daripada soalan yang utama iaitu adakah pesawat *civilian* itu berada di tempat yang sewajarnya, yang sepatutnya berada. Dengan izin *is the identified civilian craft* yang mereka tidak tahu adalah MH370 di tempat yang sepatutnya berada? *Is it in the place it is supposed to be?* Dengan izin.

Jadi saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah siasatan yang telah dilakukan selepas itu? Maksudnya ialah adakah pihak *military*, Tentera Udara kita hubungi ATC atau *Air Traffic Control* untuk dapat tahu. Apakah *civilian air craft* ini? Itu satu. Di manakah sepatutnya pesawat *civilian* ini berada? Adakah pertanyaan ini dibuat dan sekiranya dibuat apakah jawapan yang diperolehi daripada ATC atau *Air Traffic Control* sebab kita semua tahu kalau pada malam itu, malam tragedi itu berlaku, katakan seperti yang sepatutnya berlaku, pesawat-pesawat kita daripada Angkatan Tentera Udara dikejarkan mengikut pesawat itu yang dikenal pasti dengan radar kita. Hari ini kita akan tahu manakah pesawat itu akhirnya. Walau apa-apa pun jadilah, mungkin dia terhilang di laut kah, kita akan tahu, kita akan tahu dengan secara jelas, mana dia hilang dan kenapa dia hilang.

Akibat dan saya akan gunakan perkataan ‘kecuaian’ sebab saya tidak nampak perkataan yang lain boleh dipakai. Kecuaian ini yang berlaku pada malam itu apabila Angkatan Tentera Udara kita nampak pesawat ini tetapi tidak ambil tindakan yang sesuai. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah adakah siasatan kita dibuat selepas itu? *Was there an internal inquiry, departmental inquiry?* Adakah siasatan itu dibuat dan bagi pendapat saya wajib dibuat dan apakah hasil siasatan ini? Bolehkah Dewan ini diberitahu hasil siasatan ini dan ayat terakhir ialah apakah langkah-langkah yang telah diambil kementerian dan Angkatan Tentera Udara untuk memastikan ini tidak akan berulang sekali lagi. Yang Berhormat Batu, silakan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya ingin dapat pandangan dari Yang Berhormat Subang, sebagai seorang peguam kalau ahli-ahli keluarga dalam masa yang akan datang kemukakan tuntutan pampasan kepada pihak MAS, adakah fakta ini yang berlaku ini menjadi satu – kita liabiliti kepada pampasan dan kita juga ingin dapat pandangan daripada kerajaan. Adakah kita telah nilaikan ini sebagai kecuaian yang mungkin akan menyebabkan kerugian yang besar dengan membayar pampasan yang tinggi. Terima kasih.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Yang Berhormat Batu atas soalan itu. Bagi pandangan saya, sebab setakat ini keluarga mangsa-mangsa yang ada dalam pesawat itu masih tidak ada, apa yang kita sebut dalam bahasa Inggeris sebagai *closure*, mereka tidak ada *closure*.

Ini berbeza daripada MH17 di mana dengan jelas kita tahu sekarang kenapa pesawat itu dimusnahkan, macam mana, siapa dan sebagainya dan walaupun satu tragedi untuk keluarga mangsa-mangsa, mereka ada *closure*. Keluarga-keluarga *passengers* dan juga *crew* untuk MH370 sampai sekarang tidak ada *closure* dan bagi saya ini merupakan satu kecederaan, satu *injury* yang sangat penting mereka. Bagi penerangan saya seperti Yang Berhormat Batu sudah tanya, ini boleh dibangkitkan dalam sesuatu saman di mahkamah. Sama ada akan dibawa itu isu lain tapi boleh.

Selepas itu, siapa yang akan dianggap bertanggungjawab untuk ketiadaan *closure* itu? Di sini saya nampak negara, kerajaan kita boleh dibabitkan sebab pada malam yang tragedi itu berlaku, Angkatan Tentera Udara kita tidak main peranan yang sewajarnya di buat. Tidak ambil tindakan yang sewajar. Seperti yang saya sebut tadi, kecuaian yang sangat ketara telah dibuat pada malam itu dan saya harap kita dapat penjelasan yang lebih baik pada malam ini daripada yang telah diberikan kepada Dewan yang mulia ini berbanding dengan jawapan yang diberi kepada kita terlebih dahulu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Petani kemudian Yang Berhormat Kapar. Lepas Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Menteri jawab.

7.09 mlm.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa isu yang hendak dibangkitkan. Yang Berhormat pertama, Butiran 010000 –Pentadbiran Pertahanan dan juga isu veteran.

■1910

Sudah pasti kita amat menghormati bekas-bekas tentera kita, khususnya yang akan menamatkan perkhidmatan kerana mereka telah pun menjalankan tugas dengan baik. Cuma saya nak tanya Menteri tentang seorang anggota, *Flight Sergeant* 713943 - Faizal Jinung bin Abdullah. Sarjan daripada TUDM yang saya tengok isunya telah banyak dilaporkan dalam media termasuk dalam Facebook dan baru-baru ini pun saya dapat baca sejarah masalah yang beliau hadapi. Jadi, saya hendak tanya kementerian, apakah ini amalan yang dilakukan apabila seorang bekas tentera yang hendak berhenti daripada angkatan tentera, proses yang dilalui itu terlalu susah hingga menyebabkan dia terpaksa melalui pelbagai rintangan kehidupan? Oleh kerana dia dikatakan terhutang bil elektrik RM1,600, isu dia nak dapat kad pengenalan awam itu mengambil masa bertahun-tahun dan beliau telah melibatkan ramai orang. Ada jeneral, ada leftenant kolonel, ada kolonel, ada polis, ada kena tangkap, macam-macam.

Jadi, saya tengok sejarah ini, adakah ini satu yang saya rasa tidak patut berlaku kepada anggota tentera kita. Kalau dia pun berhutang RM1,600 elektrik atau sebagainya, bukankah apabila dia hendak tamatkan perkhidmatannya, tentulah tentera akan serahkan peralatan dan sebagainya. Kemudian di situ boleh diselesaikan. Akan tetapi saya tengok di dalam isu ini mengambil masa terlalu panjang dan ini telah memberikan satu gambaran seolah-olah di

peringkat pentadbiran pertahanan ada suatu yang tidak kena. Jadi, yang saya hendak minta di sini ialah kenapakah isu *Flight Sergeant* Faizal Jinung bin Abdullah ini mengambil masa yang begitu panjang.

Yang keduanya Tuan Pengerusi ialah 050000 – Pertahanan Ruang Udara. Saya hendak tanya oleh kerana negara kita mempunyai pantai yang cukup luas, bukan sahaja di Semenanjung Tuan Pengerusi tetapi juga Sabah dan Sarawak. Sudah tentu dalam situasi ini, kita memerlukan aset yang paling penting ialah pesawat udara. Jadi, saya hendak tanya dalam isu ini, berapa peratuskah daripada aset kita yang tidak dapat digunakan? Kita mungkin banyak aset tetapi berapa peratus yang tidak boleh digunakan? Dipamerkan di lapangan terbang tetapi kerana tidak boleh naik oleh sebab tertentu, berapa peratus? Ya, Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tersinggung apabila mendengar Yang Berhormat Sungai Petani kata tadi seorang anggota hutang RM1,600 terpaksa menanggung beban sampai bertahun-tahun, tidak dapat peruntukan yang sepatutnya sebagai rakyat awam. Isunya adakah Yang Berhormat Sungai Petani bersetuju dengan saya bahawa ini masalah birokrasi yang tidak boleh dibiarkan begitu. Kalau seorang sebegini anggotanya diperlakukan, mana mungkin ia boleh mengawal seluruh anggota yang mempunyai masalah yang sama ataupun lebih kurang masalahnya yang melibatkan masa depan mereka. Kalau ini sistem yang ada pada negara dalam perkhidmatan pertahanan, saya tidak nampak bahawa untuk kita ke depan 2020 ini menjadi negara yang maju, negara yang dikategorikan sebagai negara yang sudah hilang segala bentuk masalah birokrasi. Mungkinkah kita boleh mencapai 2020 dengan keadaan sekarang yang begitu bobrok yang menyebabkan orang menderita sampai bertahun-tahun itu? Apa pendapat Yang Berhormat Sungai Petani? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Inilah contoh perasaan yang terbenam dalam jiwa mereka. Ini menunjukkan bahawa kalaularah Ahli Parlimen boleh bercakap begini, saya tidak boleh bayangkan apakah perasaan veteran tersebut. Isu RM1,600 sahaja tetapi dia terpaksa masuk *jail*, kena lokap, rumah *blackout* enam bulan, anak isteri kena tahan, macam-macam saya baca sejarah dia. Apa benda ini?

Jadi, saya minta kementerian menjawab, mungkin ini salah satu daripada isu yang kita tidak tahu lagi. Jadi, saya harap ini ialah yang pertama dan terakhir. Saya harap di peringkat pentadbiran pertahanan di Kementerian Pertahanan anggap ini sebagai *isolated case*. Saya harap ini *isolated case*, bukanlah isu-isu yang sentiasa terjadi. Oleh kerana kita tahu hal-hal lain amat jelas dalam kes ini, pentadbiran berjalan lancar. Namun begitu, kita hendak tahu lah apa yang terjadi.

Jadi, berbalik kepada ruang udara kita Tuan Pengerusi, berapa peratus? Oleh sebab kita perlukan. Tidak guna kita memperkuuhkan pertahanan darat kita kalau sekiranya aset udara kita ini tidak kita kukuhkan. Lebih malang lagi kalau kita mempunyai aset tetapi aset kita tidak dapat digunakan oleh kerana sebab-sebab tertentu. Kita mendapat laporan kerana *spare part* tidak

dapat dan kadang-kadang ada masalah tertentu. Persoalan saya di sini ialah berapa peratus daripada aset kita yang tidak boleh kita gunakan.

Tuan Pengerusi, yang ketiga ialah 060000 – Latihan Khidmat Negara, topik yang popular dan saya hendak ulang sekali lagi di sini. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Tenggara pun tahu hal ini. Kita tengok tujuan-tujuannya, Yang Berhormat Tenggara;

- a. peningkatan semangat patriotisme di kalangan generasi muda;
- b. peningkatan perpaduan kaum dan integrasi nasional;
- c. pembentukan perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni;
- d. peningkatan semangat kesukarelawan di kalangan generasi muda; dan
- e. pembentukan generasi muda yang cergas serta penuh keyakinan diri.

Tuan Pengerusi, ini semua sepatutnya berlaku di sekolah. Kita belanja RM6 bilion, RM6,000 juta. Kalau nak buat benda ini juga, makna kita telah pun gagal dalam sistem persekolahan kita. RM6,000 juta, RM6 bilion satu jumlah yang banyak dan tahun ini kita akan belanja lagi RM200 juta. Saya tak persoalkan, Yang Berhormat Tenggara, saya langsung tak persoalkan tentang Latihan Khidmat Negara, saya sokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kenapa Yang Berhormat Tenggara, Yang Berhormat?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Sebab saya tengok depan sahaja, lepas itu saya pusing ke Tuan Pengerusi, saya tengok dua-dua.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Sebab dia pakai baju kuning, Tuan Pengerusi.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Maknanya, saya tidak persoalkan niat baik kerajaan dan juga Ahli Parlimen sebelah sana yang memang saya rasa program ini baik untuk rakyat Malaysia. Akan tetapi kalau inilah enam perkara kita hendak pupuk dalam masa tiga bulan, saya rasa bukan tempatnya di sini. Sepatutnya kita lakukan di sekolah sebab anak-anak kita di sekolah daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 saja, lima tahun. Lima tahun ini kita boleh lakukan itu tetapi Tuan Pengerusi, kalaular kita belanja RM6,000 juta untuk paling tidak pun kita *producekan a group of young people* yang paling tidak pun dia terlatih untuk menjadi soldadu. Maknanya, *extend* program itu kepada enam bulan, paling tidak dia boleh menggunakan senjata, paling tidak dia berdisiplin, paling tidak dia mempunyai ilmu tambahan seperti dalam masa enam bulan atau lapan bulan itu. Selamat datang Tuan Pengerusi, pertukaran syif, tentera darat ke tentera laut. *Insya-Allah* begitulah keadaannya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]

Seperti Tuan Pengerusi, kita belanja RM6,000 juta, RM6 bilion ini, paling tidak pun Tuan Pengerusi, seorang graduan dari PLKN dia jumpa Tuan Pengerusi, dia boleh *salute*, dia telah pun di *trained* sebagai anggota tentera. Dia boleh guna senjata, dia ada ilmu, sekurang-

kurangnya pandai *motor vehicle*, dia boleh buat elektrik ataupun dia boleh *construction*. Kita ambil, jangan rambang semua budak sekolah yang lepas tingkatan enam atau lima, kita masukkan dalam pusat latihan ini. Kalau boleh Tuan Pengerusi, cari budak-budak yang masalah ini. Budak-budak yang tidak boleh pergi mana-mana dah, budak-budak inilah yang patut kita *train*. Kemudian kalau mereka berjaya dalam pusat kita, dia akan berjaya sebagai manusia.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ringkaskan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Baik, isu yang terakhir Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya juga di *trained* untuk menjaga masa. *[Ketawa]*

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Betul. Tuan Pengerusi yang budiman, 090000 – “One-Off”. Saya mendengar dengan tekun Menteri Kemajuan Luar Bandar menyatakan bahawa dia akan minta pertolongan dan bantuan daripada Kementerian Pertahanan. Oleh kerana dia kata dia minta kita semua sokong pandangan dan pendapatnya yang kita rasa kita akan sokong, untuk buat jalan, *access road* daripada kampung-kampung dan pedalaman di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Saya rasa *this is the most brilliant ministry*.

■1920

Selama ini pun tidak terfikir kawan-kawan di sebelah sana menjerit-jerit mengatakan bukan masalah jalan, masalah *access road* pun tidak ada kepada mereka. Saya kira waktu itulah Yang Berhormat Menteri Pertahanan, saya hendak tanya kita ada Kor Jentera Elektrik dan Kor Jentera. Kor Jentera Elektrik dan Kor Jentera Diraja dalam angkatan tentera. Kita bukan zaman perang pun Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak perang. Saya takut-takut kor ini tidak buat kerja banyak. Untuk itu saya mencadangkan bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri KKLW untuk kita kerahkan seluruh anggota seluruh kekuatan di dalam kor ini untuk membantu teman-teman kita di Sabah dan Sarawak.

Insyah-Allah, oleh yang demikian, teman-teman kita yang susah di Kenowitnya, di Baramnya yang tidak ada jalan pun inilah waktunya tentera tunjukkan kekuatan dan kepakaran mereka bersama-sama dengan KKLW untuk KKLW bagi duit, jangan risau. KKLW bagi duit jentera tentera datang dengan anggotanya, datang dengan jenteranya, datang dengan kepakaran dan ketaatsetiaannya sayang kepada Sabah dan Sarawak buat jalan untuk mereka ini. Saya rasakan kalau ini jadi, selesai kot Tuan Pengerusi. Terima kasih. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, anak muda Kapar. Ringkaskan, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tepat pukul 8.00 kita balik. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau setuju semua jawapan bertulis. *[Ketawa]* Sila, sila.

7.21 mlm.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus masuk ke Butiran 070600 – Pengoperasian di ESSZONE. Perbelanjaan untuk tahun ini telah ditingkatkan daripada RM1 juta daripada RM62 juta kepada RM63 juta. Akan tetapi tidak dapat dinafikan terlebih dahulu ada ramai Yang Berhormat telah menerangkan tentang isu bahawa masih lagi wujud pencerobohan, masih lagi wujud isu-isu penculikan dan masih lagi wujud isu-isu pembunuhan di persekitaran kawasan-kawasan ini. Peruntukan telah diluluskan tahun ini dan juga tahun lepas. Dana telah diguna pakai tetapi masalah ini belum lagi selesai. So, saya menuntut penjelasan daripada Kementerian dengan dana sebanyak RM63 juta ini bagaimana mereka hendak memastikan bahawa tiada pencerobohan, penculikan dan pembunuhan berlaku di kawasan-kawasan yang dikatakan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya hendak masuk ke Butiran 080200. Ini dikenali sebagai Bantuan Bersama. Untuk tahun 2015 tiada apa-apa peruntukan diberikan tetapi untuk tahun 2016 sebanyak RM34 juta telah diperuntukkan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian sebab ini adalah dasar baru, bagaimakah bantuan bersama ini iaitu RM34 juta ini akan diguna pakai.

Saya juga menuntut penjelasan apakah yang dimaksudkan dengan butiran ini. Adakah ia bermaksud peruntukan ini akan dapat membantu masalah pencerobohan dan penculikan secara kolektif ataupun secara bersama sebab penjelasan tidak begitu dapat direalisasikan oleh saya sebab *they just* kata bantuan bersama tahun lepas tidak ada, tahun ini ada. So, penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya Butiran 080500. Ini berkenaan dengan Pengoperasian ESSZONE lagi sekali tetapi di bawah dasar baru di mana tahun lepas tiada peruntukan tetapi tahun ini RM51 juta diberi peruntukan. Apa yang menjadi persoalan dekat sini adalah tajuk Butiran 070600 pun tajuknya pun adalah Pengoperasian di ESSZONE. Selepas itu di dasar baru pula Butiran 080500 lagi sekali Pengoperasian ESSZONE tetapi RM51 juta.

So, kita ada dua penamaan butiran yang sama tetapi menggunakan butiran yang berlainan dan dikatakan sekarang kita ada untuk Pengoperasian di ESSZONE ini sahaja di bawah Butiran 070600 – RM63 juta. Di bawah butiran dasar baru ini yang dahulu tiada peruntukan tetapi kini ada Butiran 080500 – RM51 juta. Maka untuk ESSZONE sahaja operasiannya berjumlah RM114 juta. Adakah kedua-dua ini melibatkan isu yang berbeza? Kalau ya, saya menuntut penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya saya ingin masuk kepada Butiran 090400 – Kelengkapan Pertahanan Ruang Udara. Untuk soalan saya yang menanyakan tentang pembelian kapal perang Mistral buatan Perancis, jawapan yang saya terima daripada Kementerian adalah kerajaan tidak bercadang atau merancang untuk melaksanakan perolehan kapal kelas Mistral. Saya ingin mendapat penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri untuk sepanjang tahun 2015 berapa banyak kapal perang yang kita telah beli. Saya perlukan nama modelnya dan juga bilangan peruntukan yang telah diguna pakai untuk setiap satu. Dalam kata lain harga setiap unit yang telah dibeli.

Seterusnya dan yang terakhir Tuan Pengerusi, saya masuk kepada Butiran 08400 – Perumahan Angkatan Tentera Malaysia. Saya mendapat maklumat bahawa terdapat banyak juga anggota tentera yang menduduki di luar kem dan bukan menetap di kem seperti juga yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Sekijang sebentar tadi. Mengapa setiap tahun kita memberikan peruntukan berjuta-juta ringgit dan jumlah yang kita belanjakan hampir RM1.2 bilion secara jumlah. Saya tidak faham mengapa masih lagi perkara ini tidak dapat diselesaikan.

Tentera kita kerahkan tenaga mereka sebab kita perlukan tenaga mereka. Kita perlukan mereka untuk menjaga keamanan dan keselamatan negara tetapi apabila topik keselesaan dan kebajikan mereka kita abaikan. So, Tuan Pengerusi saya menuntut jawapan berapa ramai anggota yang sedang menyewa dan menetap di luar kem pada tahun ini, pada tahun 2015? Apakah perancangan kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini? Ini kerana tahun lepas pun kita ada peruntukan, tahun ini pun kita ada peruntukan tetapi kebajikan dan keselesaan anggota tentera kita tidak dijaga. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: [Membetulkan pembesar suara]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Susah juga masanya orang tinggi ya.

7.27 mlm.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah membahas dengan panjang lebar mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Di sini saya akan menjawab secara yang sepatutnya saya jawab iaitu berhubung kait dengan soalan-soalan tertentu.

Ada juga soalan-soalan yang kalau saya tidak jawab itu maknanya saya akan bagi secara bertulis kerana ada juga seperti yang dibangkitkan Yang Berhormat Batu Gajah itu mengenai dengan butiran-butiran yang spesifik mengenai angka, *detail* dan sebagainya. Ini perlu saya bagi secara bertulis. Begitu juga dengan setengah-setengah kadangkala mungkin saya tidak dapat memperincikan tetapi jawapan-jawapan berkenaan akan saya beri secara bertulis.

Ada juga soalan-soalan yang telah disoalkan dan dijawab berkali-kali di dalam Dewan ini. Pertama sekali yang melibatkan kementerian-kementerian lain berhubung dengan MH370. Ianya bukan lagi di bawah Kementerian Pertahanan sahaja ia juga melibatkan agensi-agensi lain dan soalan-soalan ini pernah dijawab berkali-kali. Jadi saya akan memberi secara bertulis secara terperinci supaya tidak berlaku percanggahan.

Antara jawapan saya dengan yang lepas-lepas kerana saya sekiranya ada maklumat-maklumat yang terkini berhubung kait dengan soalan yang telah dikemukakan itu maka saya akan bagi secara yang bertulis. Kalau tidak ada perubahan apa-apa maka saya tidak akan memberi apa-apa jawapan berhubung kait dengan perkara ini kerana benda ini telah di bincang.

Begitu juga dengan berkenaan dengan soalan-soalan berkait dengan Laut China Selatan kerana ia bukan sahaja melibatkan Kementerian Pertahanan ia juga melibatkan Kementerian Luar. Jadi saya hanya akan menjawab soalan-soalan yang ada kaitan dengan Kementerian Pertahanan sahaja.

■1930

Pertama sekali ialah berkenaan...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum: Tunggu sekejap. Sekejap lagi saya bagi peluang. Saya hendak jawab.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Sebab tadi saya dapat gambaran Yang Berhormat Menteri tidak kan jawab soalan saya.

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum: Tunggu. Kalau ada perkara-perkara yang saya dapat daripada pegawai saya, saya akan beritahu.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Baik.

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum: Boleh sabar sekejap?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Okey. Baik, terima kasih.

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum: Pertama sekali berkenaan dengan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Silam. Yang Berhormat Silam ada?

Seorang Ahli: Ada.

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum: Ada, ada. Berkenaan dengan *Sea Basing* Apakah kekangan yang dihadapi oleh TLDM dalam menyediakan pangkalan *Sea Basing*? Di antara kekangan yang dihadapi ialah pertama menyediakan bantuan logistik secara berterusan kepada elemen *Sea Basing* terutama di pangkalan hadapan Tun Sharifah Rodziah disebabkan masih baru dan ia sedang beroperasi, baru sahaja. Jadi, ada perkara-perkara yang sedang diusahakan supaya penambahbaikan dapat dilakukan.

Pertama sekali ialah berkenaan dengan perjawatan yang belum diluluskan. Perkara ini sedang dalam peringkat kajian di JPA. Ketika ini, TLDM menggunakan sumber manusia yang sedia ada bagi menyokong operasi TLDM.

Seterusnya ialah berkenaan dengan kekurangan aset bot-bot kuasa tinggi di ESSCOM. TLDM telah membuat perolehan lima buah bot *Silverbreeze* dan enam bot *interceptor* untuk operasi di ESSCOM pada tahun 2014. Selain daripada itu, semua aset maritim agensi lain seperti PDRM, APMM, TLDM dan lain-lain agensi yang terlibat dapat digunakan untuk tujuan operasi di kawasan yang terlibat.

Mengenai radar kita mempunyai radar yang paling baru dan yang terkini yang dipasang ialah lima buah semuanya di lokasi yang telah disediakan. Radar-radar ini ialah di bawah projek ESSCOM sebagai *Target Hardening Program* juga bagi lima lokasi di perairan timur Sabah. Lokasi radar ATM yang baru di Pulau Mataking dan ada lima buah pulau semuanya di Kampung Nelayan, Kuala Meruap, Tanjung Bidadari dan semuanya lima tempat yang telah ditetapkan. Lokasi *Target Hardening* di bawah ESSCOM ialah ada di lima buah pulau. Jadi, kadang-kadang

tempat-tempat ini saya tidak nyatakan demi menjaga keselamatan kerana kita tidak akan menjelaskan segala lokasi yang kita telah tempatkan aset-aset kita bagi tujuan pemantauan untuk mengesan pencerobohan di kawasan ini.

Yang Berhormat Silam juga membangkitkan berkenaan kekangan yang dihadapi serta cadangan kementerian bagi membolehkan pelaksanaan projek naik taraf Lapangan Terbang Lahad Datu. Kementerian telah...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, boleh?

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum: Ya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Sebelum pergi ke lapangan kapal terbang.

Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih kerana memberikan kebenaran untuk mencelah. Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri soal alat, aset yang ada pada ATM di kawasan ESSCOM. Satu dahulu yang ada menyatakan bahawa dron telah pun ada mengawal ruang udara dan ruang lautan antara perbatasan antara *Philippines* dengan Malaysia. Berapa jumlah dron yang ada pada sekarang dan berapa dia punya kapasiti, dia punya *distance* dan masa dia untuk mengawal perbatasan sempadan.

Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat Putatan mengenai soalan yang telah ditanya itu saya akan bagi secara bertulis kerana aset-aset ini saya tidak ada kepada saya sekarang ini. Saya akan bagi secara bertulis.

Jadi, berbalik kepada Yang Berhormat Silam tadi, kementerian telah meluluskan kewangan bagi melaksanakan kerja-kerja naik taraf Lapangan Terbang Lahad Datu pada tahun 2016 dan 2017. Pada tahun 2016, kementerian telah meluluskan sebanyak RM27 juta untuk pelaksanaan ini. Baki peruntukan akan disalurkan oleh Kementerian Kewangan pada 2017. Pelaksanaan ini adalah lebih kepada *parking* pesawat helikopter, pemanjangan landasan dan tidak dapat dilakukan kerana terdapat kawasan-kawasan yang mempunyai penduduk yang padat. Walau bagaimanapun, usaha-usaha untuk meneruskan projek ini akan terus dilaksanakan bagi tujuan penambahbaikan lapangan terbang ini.

Mengenai projek pembinaan kem tentera FELDA Sahabat di Lahad Datu, Projek Pembangunan Kem Bridget ESSCOM di FELDA Sahabat dijangka akan dimulakan pada suku tahun pertama 2016. Pada masa sekarang beberapa perkara sedang diperincikan bagi tujuan pelaksanaan projek tersebut.

Yang Berhormat Gerik mencadangkan rumah mampu milik kepada warga ATM di Gerik. Suka saya nyatakan bahawa memanglah Kementerian Pertahanan memandang berat dan mengambil langkah-langkah yang begitu serius mengenai perumahan angkatan tentera ini. Di sesetengah tempat saya mencadangkan dengan bantuan daripada Kerajaan Negeri untuk menyediakan tanah dan tanah ini kita bolehlah membina rumah untuk angkatan tentera dengan kadar yang lebih murah kerana tanah-tanah ini diberi oleh Kerajaan Negeri. Jadi, saya harap

Kepada Yang Berhormat Gerik supaya dapat menentukan tempat-tempat yang strategik untuk kita membina rumah di masa-masa yang akan datang.

Satu lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gerik ialah berkenaan dengan menaik taraf kem rejimen sempadan bagi kawasan Gerik iaitu kem-kem ini memang di dalam perancangan Kementerian Pertahanan dan semua kem-kem bukan sahaja di Gerik iaitu di sepanjang sempadan di mana kita mempunyai anggota ROS yang sedang menjalankan tugas di sepanjang sempadan daripada Perlis sehingga ke Kelantan. Kita akan membina dalam masa-masa yang akan datang. Jadi, bagi tujuan ini kita akan memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan yang strategik dan kawasan-kawasan yang diperlukan.

Mengenai cadangan iaitu pembinaan muzium. Pembinaan cadangan ini adalah baik dan kita akan memberi perhatian kepada cadangan ini supaya ia dapat difikirkan, supaya perkara ini dapat dilaksanakan bukan sahaja di Gerik tetapi di kawasan mungkin di tempat-tempat atau di setiap negeri terutama di negeri-negeri yang terlibat pada masa darurat. Terutama di sempadan Malaysia iaitu di Perak, di Kedah dan juga di beberapa buah negeri-negeri yang lain termasuk jugalah di Sarawak dan di Sabah pada ketika dahulu.

Yang Berhormat Kuala Selangor, mengenai pertikaian. Mengenai pertikaian di Beting Ali, pihak TLDM akan bekerjasama dengan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia untuk menangani isu nelayan yang diganggu di Laut China Selatan.

■1940

Pengawasan berterusan di Beting Patinggi Ali oleh TLDM dan juga oleh pihak maritim kita akan selalu dibuat terutama sekali di kawasan-kawasan yang mempunyai pertikaian, perebutan atau tuntutan dari pihak-pihak lain terutama sekali di kawasan itu oleh Kerajaan Negara China. Kita juga telah membuat nota bantahan mengenai perkara ini kepada pihak negara China melalui Kementerian Luar kita.

Mengenai PLKN. PLKN seperti mana yang kita tahu, kita akan laksanakan mulai tahun depan dan kita telah memberhentikan projek ini setahun iaitu tahun ini kita tidak dapat laksanakan. Akan tetapi, kita telah memulakan balik dengan mengadakan projek perintis yang mana kita sedang mengadakan iaitu di Kem Princess Haliza di Sepang bermula pada 19 Oktober 2015 yang melibatkan pada asalnya kita mula-mula kita jemput hanya 400 orang.

Mengenai projek PLKN ini, penambahbaikan kita, kita telah- pertama sekali, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sungai Petani yang telah membangkitkan berkenaan dengan peruntukan yang besar yang pernah kita laksanakan pada masa-masa yang lepas yang telah menimbulkan berbagai-bagai persoalan terutama sekali berkenaan dengan keberkesanan dan juga kepada keselamatan pelatih-pelatih kita di kem-kem tersebut. Kita telah mengadakan woksyop yang melibatkan beberapa kementerian terutama sekali KBS dan juga kementerian-kementerian lain. Di dalam projek yang kedua ini, kita akan menitikberatkan kepada pelajar-pelajar atau pelatih-pelatih yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke universiti dan sebagainya.

Jadi pengambilan kali ini ialah melalui sukarela dan juga dibuat secara melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan. Jadi Kementerian Pendidikan akan mengemukakan nama-nama pelajar atau pelatih-pelatih ini kepada Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Latihan Khidmat Negara dan kita akan pilih mereka-mereka ini untuk dimasukkan. Jadi, pelatih-pelatih ini dipilih melalui proses-proses yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan dan juga melalui sukarela. Jadi tidak timbul lagi soal-soal seperti dulu..

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sungai Petani bangun.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tak, nak tanya sedikit.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Ya, ya...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya ucap terima kasih dan tahniahlah Yang Berhormat Menteri kerana kalau inilah jawapan Yang Berhormat Menteri, makna legalah rakyat di luar kerana seolah-olah Yang Berhormat Menteri kata pelatih-pelatih ini seolah-olah kita beri dia macam *second chance*.

Kalau mereka tidak dapat ke pusat pengajian tinggi disebabkan oleh latar belakang atau pun masalah tetapi dengan *insya-Allah*, Yang Berhormat Menteri, saya rasa dengan projek yang akan dilakukan ini, maknanya mereka akan dapat diberikan motivasi, dapat bergaul dengan orang-orang baru dan mungkin selepas mereka keluar dari pusat latihan ini, mereka akan mendapat suntikan semangat yang baru untuk meneruskan kehidupan. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Sebenarnya pelajar-pelajar ini latihan yang pertama dia mengambil masa lapan minggu. Jadi kita akan akhiri projek perintis ini dalam beberapa hari lagi. Kebanyakan mereka ini akan ditawarkan semula untuk melanjutkan kursus mereka yang kedua di pusat-pusat latihan dan kebanyakannya daripada mereka akan ditawarkan ke pusat latihan di bawah Kementerian Belia dan Sukan dan kebanyakannya akan ditempatkan di IKBN dan mereka-mereka ini akan diberi latihan dan seterusnya akan mendapat bimbingan pada masa-masa yang akan datang untuk terus menjadi warganegara yang berguna kepada kita.

Jadi saya nampak sekarang ini projek ini menjadi satu perkara yang barulah kepada kita. Jadi saya mohon kerjasama dan juga sokongan daripada semua pihak terutama sekali Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan perkara ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, sebenarnya kita mempunyai kekangan dari segi peruntukan pada tahun ini dan kita hanya mampu untuk membuat pengambilan sebanyak 20,000 pelatih-pelatih pada tahun depan. Selain daripada itu juga, kem-kem yang akan kita gunakan itu telah kita *upgrade* dan mereka telah memenuhi syarat ciri-ciri keselamatan terutama sekali keselamatan seperti mana yang berlaku pada masa-masa yang lepas dan kita akan pastikan perkara-perkara yang berlaku itu tidak akan berulang lagi pada masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat Sekijang membangkitkan isu berkenaan dengan Kem Sirajuddin di Gemas. Pembangunan rumah keluarga Angkatan Tentera di Kem Sirajuddin akan dilaksanakan di bawah *rolling plan* yang pertama dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Sebanyak RM470 juta telah diperuntukkan untuk membina rumah keluarga di situ dan sebanyak 1,584 unit daripada pelbagai kelas akan dibina dengan peruntukan ini. Pembinaan ini dijangka bermula pada pertengahan tahun 2016.

Yang Berhormat Sekijang juga membangkitkan tentang perolehan pesawat *maritime patrol aircraft*. TLDM buat masa kini tiada perancangan untuk memperoleh pesawat tersebut. Walau bagaimanapun, keperluan tersebut akan diadakan dalam masa yang diperlukan. Walau bagaimanapun, kita dengan kerjasama pelbagai pihak- oleh kerana Malaysia kita mempunyai hubungan yang baik, sebab itu semasa kita menghadapi malapetaka MH370, kita mendapat sokongan dan juga bantuan daripada negara-negara yang tertentu.

Yang Berhormat Sekijang juga telah menyentuh berkenaan dengan PLKN. Tadi saya telah jawab.

Yang Berhormat Lumut telah membangkitkan berkenaan dengan cadangan Elaun Terumbu atau yang dikenali sebagai Bayaran Insentif Stesen Laut Pantai. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, dahulunya elau ini ialah RM8 sehari. Walau bagaimanapun, mulai Mac tahun ini, kita telah menaikkan kepada RM16 dan *insya-Allah*, perkara ini akan dilihat kembali sekiranya benda ini kita rasa perlu diberi perhatian dan juga bergantung kepada kemampuan kewangan negara, *insya-Allah*, ia akan dinaikkan daripada semasa ke semasa.

Mengenai pembinaan rumah tentera darat yang akan dibina, ia adalah seperti berikut: Kem Sri Miri di Sarawak; Kem Batu Melintang dan Kem Tubi di Jeli, Kelantan; Kem Oran di Perlis; Kem Lok Kawi di Kota Kinabalu; Kem Tok Jalai di Alor Star, Kedah; Kem Batu 10 di Sibu, Sarawak; Kem Pakit di Sri Aman, Sarawak; Kem Semenggo di Kuching, Sarawak; Kem Sirajuddin di Gemas, Negeri Sembilan; dan Kem Desa Pahlawan di Kelantan.

Yang Berhormat Batu Gajah tadi telah membangkitkan berkenaan dengan program yang telah diberi kepada veteran iaitu jumlah yang telah diberi tanah dan rumah.

■1950

Program Pengiktirafan Veteran 1Malaysia di bawah Strategik Lautan Biru Kebangsaan di bawah NBOS7 bertujuan membantu veteran adalah seperti berikut iaitu bermula daripada tahun 2012 hingga 2015. Rumah binaan baru sebanyak 259 buah rumah baik pulih 245 buah, jumlah peruntukan adalah sebanyak RM13 juta. Hanya sebuah rumah bina baru di Semenanjung sebanyak RM45,000 dan harga rumah di Sabah sebanyak RM45,000 dan di Sarawak sebanyak RM50,000. Jadi perkara ini sedang berjalan sekarang melalui Rancangan Malaysia Kesebelas banyak lagi rumah-rumah akan dibina. Setakat ini tidak ada tanah yang diberi kepada veteran melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran.

Yang Berhormat Batu Gajah juga membangkitkan berkenaan dengan rekrut tentera darat pengambilan perajurit muda kepada iaitu seramai 4,500 orang bagi tahun 2015. Pengambilan Perajut Muda Tentera Darat seramai 4,500 orang ini bagi tahun 2015 adalah disebabkan atas

dua faktor yang pertama bagi mengganti unjuran pemberhentian anggota yang telah tamat perkhidmatan bagi mengisi anggota di pasukan-pasukan baru seperti iaitu pasukan yang kita ESSCOM di mana kem baru akan dibina.

Yang Berhormat Pokok Sena pertama sekali telah bangkit berkenaan dengan Kompleks 7 Briged iaitu bagaimana pelaksanaan dan apa jadi dengan projek ini sekarang. Pembangunan yang telah dirancang melalui *land swap* untuk projek ini di Skudai tidak dapat dilaksanakan apabila pihak pemaju gagal untuk menyiapkan kem tersebut. Walau bagaimanapun, pihak pemaju telah berjaya mendapat tanah Kem Majidee namun kerajaan telah mendapat satu pertiga daripada nilai tanah tersebut. Jumlah tersebut sebanyak RM55.2 juta telah digunakan untuk pembangunan Kem Batalion Infantri di Batu Pahat. Manakala di Skudai telah dibuat *land swap* bagi LTAT dengan nilai RM267 meningkatkan penilaian JPPH. Berdasarkan nilai ini akan digunakan untuk membina penempatan baru di Kem Mahkota di Markas 7 Brigade, *workshop Brigade* dan rumah keluarga Skuadron Semboyan manakala di Kem Ulu Tiram untuk kem markas *staff* dan Askar Wataniah.

Yang Berhormat Pokok Sena juga bertanya sejauh mana status penyerahan bagi 257 kenderaan perisai 8x8...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kem.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Ya, kem.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, terima kasih Tuan Pengerusi. Maknanya tapak di Skudai itu tidak ada sekarang ini? Projek-projek itu sekarang ini?

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Berkenaan dengan kedudukan dan terperinci berkenaan dengan perkara tersebut. Saya akan bagi secara terperinci.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terperinci betul-betul, ya.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Okey, okey.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jangan kurang walaupun seinci.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Okey, mengenai 8x8, 257 buah. Jumlah terkini kenderaan yang telah diterima oleh tentera darat adalah sebanyak 27 buah. Dijangka sebanyak 13 buah kenderaan lagi akan diterima akhir tahun ini. Pembekalan ini untuk tahun-tahun seterusnya akan dibuat mengikut jadual. Kenderaan yang dibekalkan berfungsi dengan baik sebagaimana yang telah dirancang. Jadi yang lain-lain itu bergantung kepada kedudukan semasa. Jadi walau bagaimanapun saya telah melihat dari segi *head by head* iaitu memang iaitu mempunyai taraf antarabangsa kerana diiktiraf oleh NATO berkenaan dengan kemampuan oleh *head by head* yang dibuat oleh DEFTECH ini. Yang Berhormat Lumut tadi bertanyakan mengenai PLKN....

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pokok Sena tidak habis lagi, LTAT tadi.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: LTAT nanti saya tengok. Sampai nanti saya jawab. Yang Berhormat Batu Gajah jenis bantuan kemudahan untuk veteran.

Yang Berhormat Batu Gajah sudah balik ke? Ada. PERHEBAT menyediakan pinjaman Skim Mikro Usahawan Veteran ATM. Seramai 1,170 orang veteran telah mendapat pembiayaan berjumlah RM21.9 juta sejak tahun 2013 untuk memulakan perniagaan atau lonjakan perniagaan mereka dan skim ini ialah di bawah skim tanpa faedah.

Yang Berhormat Batu bertanya banyak kali soalan dia berkenaan dengan kos operasi tentera kita di Saudi dan apakah tentera kita masih di sana, kenapa operasi masih belum tamat, kenapa rakyat Malaysia tidak dibawa balik dari Yaman? Ini saya ingat semasa menteri saya jawab pun sudah jawab panjang lebar berkenaan dengan perkara ini. Saya akan menjawab sekali lagi. Yang pertamanya kita ada sebuah pesawat C30. Kos dia ialah RM1.4 juta. Di Saudi kita masih ada 84 anggota kita pegawai dan lain-lain pangkat dan sehingga hari ini Oktober 2015, masih terdapat 369 rakyat Malaysia di Yaman. ATM siap sedia membantu dalam tugas membawa pulang mereka-mereka ini jika diperlukan. Mereka masih belum pulang ke tanah air sebab-sebab yang tertentu dan kebanyakannya pelajar-pelajar yang belajar di sana dan ada sesetengahnya mereka mempunyai keluarga di sana.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang cuma saya rasa apa rasionalnya kita ada 84 orang anggota dengan pesawat tunggu 369 rakyat Malaysia yang tidak mahu balik. Selepas itu kalau mereka tidak mahu balik maksudnya mereka tidak rasa terancam keselamatan mereka. Jadi berapa lama kita mahu tunggu sehingga mereka membuat keputusan dan juga kita ingin dapat *assessment* dengan izin daripada Kementerian Pertahanan sama ada keadaan yang bergolak di Yaman itu masih membahayakan dan ia memerlukan kehadiran tentera kita di bumi Saudi.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]: Yang Berhormat Batu, sebenarnya kita tempatkan anggota kita itu bukanlah untuk Yaman sahaja, tetapi ialah di sekitar *Middle East* iaitu kawasan yang bergolak, bukan sahaja tumpuan kita di Yaman mungkin Syria dan sebagainya. Jadi kita mempunyai sebab-sebab yang tertentu maka kita meletakkan anggota kita di sana bukanlah sahaja-sahaja kiat meletakkan anggota kita untuk tujuan apa-apa. Kita pun lebih baik mereka balik ke negara kita. Jadi atas sebab-sebab tertentu maka kita perlu mereka di sana. Jadi saya rasa saya tidak perlu jawab panjang daripada itu. Iaitu berkenaan dengan kebenaran tentera Laut China berlabuh di Kota Kinabalu.

■2000

Kebenaran kapal tentera laut negara asing di Kota Kinabalu sebagai pelabuhan persinggahan atau *port of call* tidak hanya diberikan kepada kapal negeri China sahaja tetapi ia terbuka kepada negara-negara lain atas permohonan pada ketika-ketika yang tertentu. Jadi kita pun kadang-kadang kita apabila belayar balik dari luar negara kita juga singgah di pelabuhan-pelabuhan di negara asing. Jadi saya rasa perkara ini tidaklah perlu dipolitikkan kerana tujuan mereka singgah itu adalah sebab-sebab yang tertentu.

Kita untuk pengetahuan Yang Berhormat soal di Laut China Selatan ini kita amat peka berkenaan dengan perkara ini. Jadi Yang Berhormat percayalah kepada kita begitu jugalah berkenaan dengan keselamatan di Sabah. Jadi kita akan menjaga kedaulatan negara kita dan kita tidak akan biar seinci pun negara kita ini ditakluki atau dijajah oleh mana-mana pihak. Kita pun tidak hendak mana-mana pihak pandai-pandai untuk pergi ke negara-negara lain untuk tujuan yang tertentu. Kita dilihat boleh dipersoalkan tentang perkara-perkara itu.

Begitu juga kepada Amerika mereka sering singgah di pelabuhan kita. Bukan sahaja Amerika, daripada New Zealand, ini adalah atas kadang-kadang atas kerjasama ketenteraan antara kita. Mengenai saya jawab sekalilah berkenaan dengan Menteri kita berada di kapal perang itu ialah kerana pada ketika itu kita mengadakan lawatan, kita ada latihan bersama antara tentera Malaysia dengan tentera Amerika Syarikat. Sebelum itu pun kita ada buat latihan dengan tentera negeri China. Jadi saya rasa dalam soal-soal seperti ini tidak perlu kita politikkan kerana kita amat peka tentang perkara-perkara yang berlaku di Laut China Selatan ini, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya tidak ada ...

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Tidak puas hati lagi?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh? Saya terima kasih kepada Tuan Pengurus dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak sedikit pun mempersoalkan keikhlasan dan juga komitmen kita untuk mempertahankan kedaulatan negara. Cuma saya ingin dapat apakah impak yang ada kalau kita dengan keadaan yang agak jelas kehadiran tentera laut dari *People's Republic of China (PRC)* yang sampai ke Sabah. Sudah tentu ada berkaitan dengan *claim* mereka terhadap Laut China Selatan. Kehadiran mereka juga sedikit sebanyak ada kemungkinan mereka balik daripada *the man-made islands* yang berada di Laut China Selatan. Sebaliknya kita juga kerap dihadiri oleh, dikunjungi oleh Tentera Laut Amerika Syarikat.

Jadi saya ingin dapatkan penjelasan daripada Kerajaan Malaysia apa akan terjadi kalau dengan kekerapan kehadiran banyak tentera-tentera asing di zon yang kita anggap sebagai agak sensitif ini. Adakah ini Malaysia mempunyai keupayaan untuk *balance* kehadiran semua kuasa ini? Akhir sekali menteri belum jawab ialah apa pendirian bila Filipina sendiri tuntut wilayah kita tetapi kehadiran tentera dia bersama kita dalam pelbagai kerjasama. Adakah kita boleh yakin dengan peranan Filipina di Lautan Sulu ini?

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Berkennaan dengan tuntutan, memang kita ada tuntutan bertindih dengan negara-negara lain terutama dengan Indonesia pun kita ada. Tidakkan kita hendak putuskan hubungan antara kita dengan mereka kerana beberapa perkara ini. Jadi soal tuntutan Sabah ini daripada dahulu lagi. Kita perlu dalam soal semangat ASEAN, kita perlu kerjasama antara semua negara dalam ASEAN. Baru-baru ini dalam mesyuarat menteri-menteri pertahanan pun, kita *consensus* dalam soal keselamatan dan juga kedaulatan negara masing-masing. Jadi kita tidak perlu mencurigai mereka, kerjasama antara kita dengan jiran-jiran kita.

Jadi berkenaan dengan negara China dan juga Amerika ini kita tahu bahawa mereka adalah kuasa-kuasa yang berada di dalam kawasan ini. Apa kita buat pun mereka tetap ada di

kawasan ini jadi kita dalam soal negara kita mempunyai hubungan baik dengan negara-negara ini. Kita tengok negara China pun masa kita banjir begitu besar baru-baru ini, mereka datang membantu kita, khemah-khemah masih kita ada simpan lagi, lebih. Tadi saya ada taklimat berkenaan dengan banjir di negara persiapan. Kita ada lebih 800 lebih khemah-khemah yang ada di negara kita. Kita kena lihat konteks yang lebih luas, bukan semata-mata dari segi soal kepentingan di Laut China Selatan, hubungan dagangan antara Malaysia dengan China. Banyak perkara yang kita perlu lihat kepada kepentingan negara kita daripada kita terlalu mementingkan soal-soal yang saya rasa titik *bengih* yang boleh menjelaskan hubungan kita dengan mereka.

Mengenai operasi tentera pengaman kita terutama sekali di Afghanistan kita hanya ada dua orang sahaja. Mereka pun sudah kita panggil balik dan tidak ada lagi di Afghanistan. Mengenai *mission* bersama di ASEAN ini, ini ialah di peringkat perundingan, baru peringkat perundingan. Mengenai sama ada Malaysia akan menghantar askar kita, anggota kita ke Syria ini dan sebagainya ini bergantung kepada permintaan United Nations. Walau bagaimanapun untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita ada tentera pengaman kita di Lebanon sebanyak 800 orang lebih dan saya telah melawat mereka baru-baru ini. Jadi dalam soal operasi di peringkat antarabangsa dari segi pengaman ini bukanlah baru bagi Malaysia, Malaysia telah terlibat lama iaitu di Somalia, pada zaman dahulu di Congo dan sebagainya. Ini bukan sahaja perkara yang baru dan Malaysia mempunyai rekod yang baik tentang soal tentera pengaman ini. Semasa saya mengadakan lawatan di Lebanon baru-baru ini kita telah mendapat pengiktirafan yang tinggi daripada Komander UNIFIL yang ada di Lebanon mengatakan bahawa Malaysia mempunyai tentera yang terbaik di antara yang terbaik di Lebanon. [Tepuk]

Yang Berhormat Parit Sulong, ada lagi? Yang Berhormat Parit Sulong iaitu dalam pemilihan peserta. Tadi saya sudah jawab tadi ini iaitu berkenaan dengan struktur dari segi mekanisme untuk pemilihan peserta. Jadi peserta ini pertama sekali kita buat melalui sekolah...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Menteri...

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Bagi saya selesai dahulu, bagi saya selesai dahulu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *My question* sudah habiskah, ada lagi tidak?

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Janganlah *you* potong stim, saya *dok* tengah jawab. Jadi pengambilan ini dibuat melalui kerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan iaitu kepada pelajar-pelajar yang kita jangka tidak dapat melanjutkan pelajaran seperti yang saya sebut tadi. Iaitu alumni sekarang ini kita sedang buat *engagement* dan kita ada program-program bersama terutama sekarang ini pada zaman kita hendak menghadapi banjir ini. Tahun lepas seramai 4,000 lebih alumni daripada PLKN yang terlibat dalam kerja sukarela membantu mangsa-mangsa banjir. Jadi sekarang pun kita sedang buka balik dan kita akan hubungi mereka untuk tujuan tersebut.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Menteri soalan saya sudah habis? Belum atau...

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Apa lagi?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Soalan saya tanya telah dibawa oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri menyatakan ada maklumat tentang serangan dari Sulu. Saya hendak tahu *how credible is information* ini mengikut kementerian...

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Saya ingat Yang Berhormat Batu pun baru balik dari Filipina boleh tahu juga. Saya ingat...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hendak dapat penjelasan daripada *you..*

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: ...Ini soal keselamatan di sempadan di Lahad Datu dan juga di Sabah Sarawak di mana-mana ia terlibat antara Kementerian Pertahanan dan juga kementerian....

■2010

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Adakah itu benar? Bahawa kita menghadapi ancaman dalam keadaan yang...

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Saya tidak jawab. Kalau tanya berkenan dengan kementerian saya boleh jawab, itu kementerian lainlah. So, *you* tunggu dia ada *you* tanyalah. Ya, Yang Berhormat Kapar.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jasin hendak minta – berterima kasih pada Menteri. *[Ketawa]*

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya hendak ucapkan tahniah kepada Menteri yang telah jawab begitu baik sekali. Akan tetapi saya minta, tadi saya tanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jawapan bertulis ya.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Adakah kementerian dan pihak kerajaan akan mempertingkatkan lagi peruntukan supaya Kementerian Pertahanan lebih lagi mendapat peruntukan.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat Jasin, memang kementerian kita minta banyak peruntukan untuk aset kita. Saya di Lebanon, tengok aset yang dipakai oleh tentera kita di Lebanon yang berusia 35 tahun. Bukan baru. Saya tengok sendiri bagaimana berbanding dengan negara-negara lain yang baru dan sebagainya. Walau bagaimanapun, walaupun dengan aset yang berkenaan kita dapat menjalankan tugas setanding dengan mereka-mereka yang mempunyai aset yang lebih baik. *[Tepuk]* Kadang-kadang bukan saja bergantung kepada aset tetapi adalah semangat dan juga moral daripada tentera kita.

Walau bagaimanapun, kita harap dengan kerjasama Yang Berhormat dalam Dewan ini supaya menyuarakan kepada kerajaan untuk kita terus memberi perhatian kepada pembelian aset-aset yang diperlukan dan kita hendak membeli aset-aset hanya yang kita perlukan. Kita tidak membeli aset-aset lebih daripada itu seperti yang disebut tadi berkenaan dengan helikopter *carrier* yang disebut oleh – satu ketika itu kononnya kita hendak membeli daripada - itu sebenarnya bukan dalam perancangan kita pun. Jadi sekarang ini kita akan beli aset-aset yang hanya kita perlu untuk menjaga keselamatan ruang udara dan juga perairan kita. Jadi saya rasa

dengan peruntukan yang adapun kita rasa kita boleh kendalikan dan membuat rondaan di kawasan kita dengan baik.

Yang Berhormat Kuala Krai berkenaan dengan pengambilan, ini bukan dari Yang Berhormat Kuala Krai. Saya ingat daripada Yang Berhormat Kapar juga, bukan Yang Berhormat Kapar. *[Disampuk]* Daripada Yang Berhormat Kuala Krai. Statistik pengambilan pegawai bukan Melayu tahun 2015. Dari Yang Berhormat Kuala Krai atau Yang Berhormat Berhormat Kapar? *[Disampuk]* Sorry, Yang Berhormat Batu Gajah. Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Batu Gajah sama sahaja. Minta maaf. Spesies yang sama. *[Ketawa]* Pertama iaitu kadet. Kadet Cina ada dua, India ada...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Baling tidak masuk sama kah? Yang Berhormat Baling.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Tidak, Yang Berhormat Baling spesies lain sedikit. Jadi India 21, lain-lain 15. Jadi berkenaan dengan kadet graduan Cina - seorang, India - seorang, Punjabi - dua orang, lain-lain - lapan. Jadi kebanyakannya kes-kesnya tentera ini memanglah Melayu banyak. Jadi mempertahankan kedaulatan negara kita ini kebanyakannya Melayulah.

Saya haraplah kita pada Yang Berhormat yang lain tolong kempenlah supaya lebih ramai dari bangsa lain untuk turut saya sama dalam soal mempertahankan negara kita ini. Saya pergi merata di bawah saya tengok kebanyakannya adalah daripada mereka, orang-orang Melayu. Selain itu daripada Sabah dan Sarawak. Bumiputra Sabah dan Sarawak pun ramai, yang kurang ialah Cina dan India. Jadi saya haraplah Yang Berhormat kempenlah kerana kita buka pengambilan ini pada sepanjang masa.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Mengenai pegawai pun kita tidak ada diskriminasi. Tadi saya baru sahaja ada mesyuarat MAT ada beberapa orang pegawai bukan Melayu yang telah kita naikkan pangkat kepada leftenant kolonel, ada sekarang ini dan banyak, tidak ada prejudis. Kita hanya bergantung pada kemampuan dan keupayaan mereka, sikit kerana apa? Kerana *percentage* nya sikit. Jadi sebab itu, kita nampak ramai pegawai-pegawai terutama sekali Punjabi. Punjabi mana ada, tidak ramai sebab itu kita tidak nampak. Jadi kalau Yang Berhormat hendak lihat lebih ramai lagi pegawai-pegawai yang dinaikkan pangkat dari bangsa lain maka kita harap lebih ramai mereka menganggotai tentera ini.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Menteri, kalau Menteri sebut orang-orang Cina dan orang-orang India tidak mempunyai semangat patriotisme itu mungkin tidak betul sebab saya rasa mungkin ada faktor-faktor lain yang menyebabkan mereka tidak mahu terlibat dan masuk dalam tentera ini. *[Dewan riuh]* Bukan sebab faktor-faktor patriotisme itu.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Mempertahankan negara...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Ini adalah rungutan daripada anggota-anggota tentera itu sendiri yang menyatakan bahawa mereka tidak boleh mendapat kenaikan pangkat dan sebagainya.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat, itu tidak betul. Tidak betul Yang Berhormat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Akan tetapi, itu adalah hakikat...

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat boleh bagi saya di mana. Tidak ada. Tadi beberapa orang pegawai yang dari leftenant kolonel naik kolonel. Kalau dari segi peratusan memang tinggi.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Kalau saya tanya kepada Menteri, apakah jawatan tertinggi diberikan kepada orang-orang bukan Melayu dalam angkatan tentera ini?

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Saya akan bagi, ada beberapa orang - Iban ada seorang Mejari Jeneral. *[Disampuk]* Saya akan bagi secara bertulis.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Hanya seorang sahaja Mejari Jeneral. *[Dewan riuh]*

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: You tengok India masuk berapa orang? Cina masuk berapa orang? Bangsa lain-lain bangsa banyak. Memanglah dia sikit.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Menteri, saya hendak tahu, saya hendak perbetulkan fakta yang diberikan oleh Menteri sebab saya juga mempunyai ramai sahabat-sahabat saya dalam angkatan tentera. Mereka sering kali beritahu bahawa apabila datang untuk kenaikan pangkat dan sebagainya. Orang-orang yang lebih bawah akan dinaikkan pangkat. Akan tetapi, mereka lebih senior dan telah menjalani banyak latihan dan mereka menganggap mereka layak untuk dinaikkan pangkat tetapi mereka tidak naik pangkat.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Saya hendak beritahu Yang Berhormat, ramai juga Melayu yang pencen pangkat mejar, beribu. Bukan seorang dua, beribu yang pencen pangkat kapten pun ada beribu, bukan kata seorang dua. You jangan lihat satu, dua cases tapi banyak yang telah served, tadi pun ada mejar yang served 25 tahun. Orang Melayu yang bekerja 25 tahun yang bersara pangkat mejar, ada! Bukan tidak ada. Ini kadang-kadang berdasarkan kepada kemampuan dan kebolehan mereka. Jadi Yang Berhormat Lumut pun tahu. Yang Berhormat Lumut betul kah saya cakap?

Seorang Ahli: Betul.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Ha! Betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Habis Yang Berhormat?

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Jadi, ada lagi sikit Yang Berhormat Batu ada lagi satu lagi, Malaysia inisiatif, tadi berkenan dengan Bangsa-bangsa Bersatu saya sudah jawab. Yang Berhormat Lumut, lain-lain lagi. Yang Berhormat Kuala Selangor sudah jawab. Yang Berhormat Sungai Petani saya sudah jawab semua sekali tadi, campur sekali. Boleh kan? Boleh terima? Jadi Yang Berhormat Pokok Sena berkenan dengan LTAT dan *Boustead* itu saya akan bagi secara bertulis. Boleh? Saya akan bagi secara bertulis sebab saya pun tidak boleh hendak bagi penjelasan di sini. Kita tidak ada butiran yang sebenarnya. Jadi saya akan bagi secara bertulis.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Menteri yang veteran tadi tolong tengok sikit, yang veteran...

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Veteran ini sebenarnya kita sudah buat penyediaan kajian *blueprint* transformasi syor ekonomi bekas anggota angkatan tentera. Kita sudah buat, kita sedang kaji berkenaan dengan *One-Off*, berkenaan hendak selaraskan pencen dan sebagainya. Perumahan dan macam-macam lagi. Jadi, kita sudah ada di sini, memang panjang iaitu cadangan-cadangan yang kita buat iaitu latihan kepada mereka-mereka yang akan bersara. Penambahbaikan daripada kursus-kursus yang akan ditawarkan di PERHEBAT. Semua kita sedang buat dalam *blueprint* dan tidak lama lagi kita *announce* berkenaan dengan penambahbaikan kepada veteran angkatan tentera. Kita tahu bahawa banyak masalah yang dihadapi oleh mereka kerana mereka mempunyai *service* yang ada dalam kementerian yang menyebabkan keadaan yang tidak berpencen dan sebagainya.

■2020

Ada kadang-kadang mereka berpencen, tidak mahu meneruskan dalam tentera kerana sebab-sebab tertentu hendak bermiaga dan sebagainya. Akan tetapi apabila dapat duit, mereka telah melabur dan kebanyakannya akhirnya mereka menghadapi masalah. Jadi, walau bagaimanapun saya telah ditugaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan untuk tujuan menjaga hal ehwal veteran. Saya akan memberikan perhatian yang sepenuhnya dan sekarang ini pun saya turun berjumpa dengan mereka. Sudah banyak kali perjumpaan-perjumpaan dan saya telah berjumpa dengan mereka untuk perkara-perkara yang disuarakan sebelum ini.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Cuma Tuan Pengurus, tentang *Flight Sergeant* Faizal ini, kalau boleh bertulis. Terima kasih.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: *Flight sergeant*, saya akan bagi bertulis. Saya akan siasat sendiri dan saya akan bagi secara bertulis. Saya tak boleh bagi *off-hand* di sini atau jawapan yang tidak lengkap.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Jadi Yang Berhormat,...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit sahaja. Tentang veteran ini terima kasih lah, mungkin tidak ada jawapan khusus. Ini permohonan mereka untuk mendapatkan bantuan daripada segi kewangan, untuk yang tidak ada pencen ini. Akan tetapi yang saya hendak tanya ini, minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini, tentang definisi 70% siapsiaga ini. Apa maksud sebenarnya kerana rasa tidak puas hati lah dengan 70 %.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Saya sebenarnya berkenaan dengan siapsiaga ini memang kita 24 jam siap sedia. Tadi pun bila saya taklimat berkenaan dengan banjir, tanya macam mana? Eh, kita dah sedia, siap sedia. Sekarang ini kita dalam – ada SOP dia. Ia macam SOP tentang aset-aset kita, ada dalam setengah itu, dalam selenggaraan. Kita hendak servis dan sebagainya daripada contoh tadi disebut berkenaan dengan kapal terbang kita. SUKHOI kita dan sebagainya. Ada sekarang dalam servis, ada yang kita guna. Jadi, apa yang kita ada mencukupi

untuk kita menjaga keselamatan dan juga ruang udara kita cukup. Tidak ada masalah. Jadi, berkenaan sama ada 70% atau 100% tetapi apa yang pentingnya, kita tetap sedia untuk menghadapi apa-apa kemungkinan yang berlaku di negara kita ini. Tidak ada masalah daripada apa yang kita ada.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Tuan Pengerusi, emolumen itu tidak jawab lagi itu? Emolumen, gaji-gaji warga tentera dan warga awam itu.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Saya akan bagi secara bertulis, boleh?

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Saya ingat hendak beritahu dengan Ahli Mesyuarat.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Tidak apalah, saya bagi secara bertulis pun samalah.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Sebab kita hendak tahu berapa puluh ribu kita tentera kita, terima kasih.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Jadi, kita pun ada kadang-kadang- Yang Berhormat pun bekas tentera juga. Tidakkanlah berkenaan keselamatan, berapa ribu orang tentera dan aset, kita hendak ceritakan semuanya walaupun dalam Dewan yang mulia ini. Kita tidak boleh cerita semua berkenaan dengan apa kemampuan kita, aset kita. Takkan kita hendak cerita dalam Parlimen ini, semua orang tahu apa yang kita ada. Sebab itu saya ingat- minta maaf, jadi sepatutnya benda-benda sebagai bekas- Yang Berhormat tahu apa-apa benda yang saya patut cerita dan apa yang tidak patut saya ceritakan. Oleh kerana ia melibatkan- walaupun kita bincangkan ini dalam soal bajet tetapi ada benda-benda yang saya tidak boleh diceritakan. Ada benda yang tersurat...

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tanya sebab benda itu boleh ditanya.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Akan tetapi jawapan secara bertulislah.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Sebab itu kita hendak bandingkan dengan ancaman daripada Tentera Sulu seramai 500 orang itu yang kita dok risau itu kenapa? Oleh kerana warga tentera kita yang kita tahu berpuluhan ribu, hampir 100 ribu. Itu sahaja saya hendak bandingkan di sini. Jadi, kita tidak mahu rakyat dimomok-momokkan dengan ancaman ini sebagaimana Yang Berhormat Batu tanya tadi.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat...

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Kita kena berani berterus teranglah, tidak boleh...

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Ya, saya akan bagi berkenaan dengan perkara itu kepada Yang Berhormat secara bertulis, tidak ada masalah, secara detil. Jadi, berkenaan dengan Sulu ini, saya tahu bahawa di Sabah dan Sarawak ini agak berbeza sedikit. Ini kerana kadang-kadang ia bukan sahaja kita berhadapan dengan mereka macam itu, kita tidak tahu

mereka siapa. Mereka sudah lama ada di sini, Yang Berhormat pun tahu. Bukan kata kita berhadapan dengan yang datang sahaja tetapi yang ada dengan kita. Tali barut pun banyak.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pemberitaan suara]*

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Yang masalah ini ialah tali barut. Jadi, kalau tali barut ini, apa sahaja cara kita buat pun kita tidak akan dapat selesaikan. Kita ada aset banyak mana pun tetapi kalau ada gunting dalam lipatan, kita tidak boleh buat apa-apa. Saya tidak mahu sebut benda-benda seperti ini. Ini soal keselamatan. Soal keselamatan kita tidak boleh berkompromi dengan mana-mana pihak, ini bukan soal politik tetapi keselamatan negara. Jadi, kita berharap kepada kawan-kawan kita supaya mereka sedar— supaya benda-benda ini kita bermain dengan masalah dengan keluarga tentera, masalah dengan mereka yang gugur, jadi kita kena *open* dalam soal ini, kita tidak boleh ambil ini sebagai politik semata-mata. Walaupun kita Ahli Parlimen, kita orang politik, tidak boleh menggunakan sebarang benda-benda yang ada ini sebagai politik.

Tuan Pengurus [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, habiskan.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Jadi Yang Berhormat, saya sudah jawab berkenaan...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: ...saya akan bagi secara bertulis.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Kapar.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Saya akan bagi secara bertulis.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ESSZONE itu dengan bantuan bersama kena terangkan.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Saya akan bagi secara bertulis, okey ya?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Mana boleh terima, soalan saya langsung tidak jawab.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Saya akan bagi secara bertulis.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Lima-lima secara bertulis? Mana boleh, ada masa lagi.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit-sedikit.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Apa ini Timbalan Menteri, lima-lima tidak bagi.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Sekali lagi saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan yang lain-lain itu, termasuk Yang Berhormat Pokok Sena dan lain-lain, saya akan bagi secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Timbalan Menteri, apa lain-lain? Secara spesifik.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM13,457,298,400 untuk Maksud B.60 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM13,457,298,400 untuk Maksud B.60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,847,086,700 untuk Maksud P.60 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM3,847,086,700 untuk Maksud P.60 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gerik boleh balik, isteri sudah tunggu di luar.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Pengerusi, peraturan mesyuarat. Boleh saya tanya Timbalan Menteri bilakah saya akan mendapat jawapan bertulis itu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Secepat mungkin Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Boleh saya tahu bila sebab sesi Parlimen akan... *[Dewan riuh]* Sebentar, sesi Parlimen akan berakhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan jawapan bertulis secepat mungkin.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Sebelum tamat sesi Parlimen.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Tidak payah...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Esok?

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Yang Berhormat tidak payah tanya, tanya saya, tidak payah tanya Dewan. Saya bagilah selepas ini.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: No, ini, ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ini tanggungjawab Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Apa standard Yang Berhormat Timbalan Menteri ini, apa salahnya menjawab tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Sesi Parlimen tamat hari Khamis...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Soalan yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya sudah minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan jawapan bertulis dengan segera. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi, hari Selasa, 1 Disember 2015.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.27 malam]